

PNB

Mengukuh Kehidupan, Menghubung Harapan

Laporan Tahunan Bersepadu 2023





Rasional Muka Depan

Mengukuh Kehidupan, Menghubung Harapan mencerminkan mandat PNB untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara. Teras mandat PNB adalah Matlamat Kumpulan, untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Mengutamakan kepelbagaian dan keterangkuman, PNB memperkasakan tenaga kerjanya untuk mencapai potensi penuh mereka dan mengiktiraf bahawa perspektif yang pelbagai dapat mendorong penyelesaian inovatif. Dengan ketangkasan, PNB mengemudi landskap yang sentiasa berubah dengan menerajui pelaburan strategik dalam inisiatif lestari bagi mencipta nilai jangka panjang.

Bersandarkan kecekalan dan pendirian teguh, PNB melakar hala tuju perancangan ke arah masa depan yang lebih cerah, menyedari akan tanggungjawabnya sebagai pengawas sumber dan alam sekitar. Dengan melabur dalam amalan kelestarian dan memperkasa negara, PNB berhasrat untuk meninggalkan legasi impak positif yang berkekalan bagi memastikan kemakmuran negara yang melangkaui eranya dan memanfaatkan generasi masa akan datang.

01

Kami Adalah PNB

Matlamat yang Diperbaharui	4
Sorotan Utama Kewangan	6
Rantaian Nilai Mampan	10
Pendekatan Kami terhadap Kelestarian	12
Struktur Organisasi	16

02

Amanah Dibina Melalui Kepimpinan Teguh

Lembaga Pemegang Amanah: Yayasan Pelaburan Bumiputra	19
Lembaga Pengarah	20
Pasukan Kepimpinan	24

03

Kajian Strategik

Perutusan Pengerusi Kumpulan	31
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	35

04

Penciptaan Nilai

Sorotan Pasaran	41
Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan Kami	43
Menentukan Apa yang Matan kepada Kami	44
Risiko yang Kami Pertimbangkan	48

05

Prestasi Portfolio

Perumpukan Aset Strategik	52
Pelaburan Strategik	54
Pasaran Awam	59
Pasaran Persendirian	63
Hartanah	67
Unit Amanah ASNB	73

06

Melangkah Maju dengan Komitmen Kelestarian Kami

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau	76
· Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025	76
· Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050	78
· RM10 bilion dalam Aset-Aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030	83
Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman	85
· Gaji Kehidupan Wajar di PNB	85
· Dasar Hak Buruh	86
· 40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025	92
· Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	93
Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh	111
· Model Pengawasan Triple Bottom Line	111
· Ketelusan dalam Pengundian	113
· Pendedahan yang Seajar dengan TCFD	115

07

Kekuatan Berterusan dalam Tadbir Urus

Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat	125
· Prinsip A : Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah	128
· Prinsip B : Keberkesanan Audit dan Pengurusan Risiko	142
· Prinsip C : Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Baik dengan Pihak Berkepentingan	162
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	163

08

Melestarikan Nilai Kewangan

Penyata Kewangan Profoma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak	176
Laporan Juruaudit Bebas	177
Dana Unit Amanah	179

09

Lampiran

Penyata Pendedahan Prestasi GHG Perusahaan	214
Penyata Asurans	217


Dalam Laporan Ini


Asas Laporan Ini

Kami dengan hormatnya membentangkan Laporan Tahunan Bersepadu (IAR) 2023 Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada pihak berkepentingan kami. Dalam laporan IAR kedua ini, kami terus mempamerkan komitmen untuk menambah baik amalan pelaporan dan pendedahan, sejajar dengan amalan global. Kami menyasarkan untuk menyediakan laporan telus dan komprehensif yang memperincikan prestasi perniagaan serta kemajuan kelestarian kami. IAR ini berpandukan prinsip Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu yang ditetapkan oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa.

Maklum Balas

Kami mengalu-alukan maklum balas dan komen daripada pihak berkepentingan kami yang boleh disampaikan melalui info@pnb.com.my

 Menunjukkan seksyen untuk anda mendapatkan lebih banyak maklumat dalam laporan ini

 Menunjukkan seksyen untuk mencari lebih banyak maklumat dalam talian di www.pnb.com.my

Skop dan Sempadan

Prestasi kewangan dan bukan kewangan kami dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 diuraikan dalam IAR ini. Semua maklumat yang diberikan adalah setakat 31 Disember 2023 melainkan dinyatakan sebaliknya.

Kami juga memberikan pandangan mengenai prestasi pelaburan kami, perumpukan aset strategik dan portfolio pelaburan. Pendedahan ini dilengkapi dengan penilaian cabaran, peluang dan risiko yang dikenal pasti dan dihadapi pada TK2023 yang telah memberi impak kepada keputusan prestasi kami.

Rujukan dan Garis Panduan

Laporan Tahunan Bersepadu PNB mematuhi rangka kerja dan keperluan pendedahan berikut:

- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG 2021)
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
- Cadangan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim (TCFD)
- Keperluan kawal selia lain yang berkenaan

Kami juga mematuhi Inisiatif Pelaporan Global (GRI) yang memandu kami untuk menetapkan pendedahan kemampuan kami.

Kematanan

Maklumat yang termasuk dalam laporan ini dibentuk oleh perkara-perkara matan kami. Proses penilaian kematanan memastikan kami memfokuskan perkara-perkara yang paling penting kepada kumpulan sasaran kami.

Pendekatan Asurans

Pelepasan Perusahaan PNB merangkumi Skop 1 (pembakaran mudah alih), Skop 2 (elektrik yang dibeli), Skop 3 Kategori 5 (sisa yang dihasilkan dari operasi), Skop 3 Kategori 6 (perjalanan bagi urusan perniagaan) bagi tempoh dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 telah memperoleh asurans terhad bebas oleh Ernst & Young PLT (EY) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kelestarian Pengurusan PNB (MSC). Laporan asurans terhad EY boleh didapati pada muka surat 217 hingga 220. Selain itu, asurans laporan ini telah diperoleh daripada pihak pengurusan, audit dalaman, sumber luaran bebas serta penyedia perkhidmatan.

Penyataan Berkaitan Masa Depan

Laporan ini mengandungi kenyataan berpandangan ke hadapan yang mencerminkan pandangan semasa mengenai prestasi masahadapan PNB. Kata kunci seperti "mungkin", "mengunjurkan", "menjangkakan", "menganggarkan", "barangkali", "percaya", "meramalkan", "mengharapkan", "berterusan", "akan", "menyasarkan", dan perkataan yang seumpamanya adalah digunakan, dan diperoleh daripada andaian realistik berdasarkan landskap operasi semasa.

Lebih penting lagi, kenyataan sedemikian tidak boleh ditafsir sebagai jaminan kepada prestasi operasi atau keputusan kewangan. Andaian kami mungkin berbeza daripada keputusan sebenar berdasarkan peristiwa tidak dijangka yang terkesan oleh pelbagai faktor seperti peluang perniagaan baharu, muncul, perubahan dalam keutamaan Kumpulan, keadaan ekonomi global dan negara, dasar kerajaan dan pertimbangan lain.

Kami Adalah PNB

Matlamat yang Diperbaharui	4
Sorotan Utama Kewangan	6
Rantaian Nilai Mampan	10
Pendekatan Kami terhadap Kelestarian	12
Struktur Organisasi	16



Matlamat yang Diperbaharui



Matlamat yang Diperbaharui

PNB ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sebagai instrumen Dasar Ekonomi Baru (DEB) negara. Sepanjang empat dekad yang lalu, PNB telah berkembang menjadi syarikat pengurusan dana yang terbesar di Malaysia.

Mandat Kami

Untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara

Matlamat Kami

Mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi

Manifesto Kami

Di PNB, kami wujud untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami menghubungkan harapan mereka pada hari ini, demi merealisasikan impian mereka untuk hari esok.

Kamilah yang menyatukan setiap rakyat Malaysia, membimbing dalam perjalanan kita bersama menuju masa depan kewangan, kekayaan dan kebijaksanaan yang lebih sejahtera.

Nilai-Nilai Kami

B
R
A
V
E


Berani

(B — Bold)

Kami berusaha memberi yang terbaik melangkaui aras tertinggi.



Bertanggungjawab

(R — Responsible)

Kami mengambil akauntabiliti dan melakukan apa yang kami janjikan.



Tangkas

(A — Agile)

Dalam dunia yang berubah pantas, kami mara penuh cergas.



Berwawasan

(V — Visionary)

Pandangan jauh dan kepakaran kami, menginspirasi masa depan yang lebih gemilang.




Memperkasa

(E — Empowering)


Kami bekerjasama dan menyokong satu sama lain bagi mencapai tujuan yang sama.

Sorotan Utama Kewangan

Pendapatan Kasar Proforma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak
(RM juta)



Pendapatan Bersih Proforma Lima Tahun Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak
(RM juta)



Sorotan Utama Kewangan


Aset di bawah Pengurusan

(RM bilion)




Unit dalam Edaran

(Bilion)




Bilangan Akaun

(Juta)



Sorotan Utama Kewangan

Perumpukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Kelas Aset (%)



Prestasi Dana Unit Amanah

	Ekuiti					Aset Campuran Imbang			Aset Campuran Konservatif	
	ASN	ASN Equity 2	ASN Equity 3	ASN Equity 5	ASN Equity Global	ASN Imbang 1	ASN Imbang 2	ASN Imbang 3 Global	ASN Sara 1	ASN Sara 2
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	30 Jun	31 Mac	30 Sep	31 Dis	30 Nov	31 Mac	31 Dis	31 Mac	30 Sep
Hasil pengagihan (%)	2.89	2.79	2.50	2.89	-	3.45	3.12	0.50	3.31	3.62
Jumlah pulangan (%)	11.96	(2.40)	(4.60)	12.30	18.92	9.04	(0.69)	13.47	(1.81)	5.52
Pendapatan bersih* (RM juta)	12.1	1.5	32.2	11.1	11.6	11.8	32.0	5.6	88.3	43.9
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	1.6	1.2	1.9	0.3	0.7	0.8	1.1	1.0	2.6	1.3

* Bahagian yang direalisasikan daripada jumlah pendapatan komprehensif, termasuk Rizab Kesamaan Pengedaran (DER).

Sorotan Utama Kewangan


Perumpukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Geografi (%)

Global

Ekuiti Awam	61.2	Pelaburan Persendirian	14.3
Hartanah	17.5	Tunai dan Pasaran Wang	6.4
		Pendapatan Tetap	0.6


Global

Ekuiti Awam	63.0
Hartanah	18.2
Pelaburan Persendirian	13.0
Tunai dan Pasaran Wang	5.3
Pendapatan Tetap	0.5




Agihan Pendapatan (RM bilion)

Pengagihan Pendapatan Terkumpul



Pembayaran Pengagihan Pendapatan Tahunan



Prestasi Dana Unit Amanah

	ASB	ASB 2	ASB 3 Didik	ASM	ASM 2 Wawasan	ASM 3
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	31 Mac	30 Jun	31 Mac	31 Ogos	30 Sep
Pengagihan (sen seunit)	5.25*	5.00	5.00	4.50	4.50	4.50
Pendapatan bersih (RM juta)	7,581.7	524.8	361.4	875.7	1,039.2	653.7
Unit dalam edaran TKB (bilion unit)	175.0	12.4	7.4	22.7	23.1	15.2


* Terdiri daripada agihan pendapatan 4.25 sen seunit dan bonus 1.00 sen seunit.

Rantai Nilai Mampan


1 Pemegang unit melabur dalam produk-produk Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

2 PNB menguruskan pelaburan dana unit amanah

PNB Menjalankan Proses yang Mantap dari Hujung ke Hujung dalam



Dengan Model Tadbir Urus Kendalian yang Berkesan



Membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit




* Dilancarkan kepada umum pada 11 Mac 2024 dan hanya boleh diakses melalui penawaran Penasihat Pelaburan Robo (RIA) dalam aplikasi myASNB.

Pengalihan pendapatan tahunan kepada pemegang unit diperoleh daripada prestasi portfolio **5**

Rantai Nilai Mampan

3 Pelaburan dilakukan menjangkau pelbagai portfolio kelas aset dan geografi bagi mengurus pendedahan risiko

Pemilihan Pelaburan



4 Pulangan portfolio dijana daripada keuntungan modal yang direalisasikan dan pendapatan berulang daripada setiap kelas aset

Pendekatan Kami terhadap Kelestarian

Di PNB, kami kekal komited dalam memenuhi mandat untuk meningkatkan kekayaan pemegang unit menerusi penciptaan nilai mampan jangka panjang. Dalam landskap global yang berkembang pesat hari ini, kami mengakui cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini akibat ketidakpastian makroekonomi, seterusnya ditingkatkan lagi oleh kesan buruk perubahan iklim dan ketegangan geopolitik.

Perjanjian Paris menyeru usaha bersepadu seluruh dunia untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5 darjah Celsius bagi mengelakkan dan mengurangkan kesan perubahan iklim yang paling berbahaya termasuk kejadian cuaca ekstrem dan kerosakan ekologi. Hal ini menjadi asas kepada kepentingan penyahkarbonan dan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon di samping memelihara modal semula jadi. Menyedari betapa mendesaknya situasi ini, PNB berpegang teguh pada ketetapan untuk mengintegrasikan kemampan ke dalam operasi kami dan untuk melaksanakan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang teguh, bagi membimbing aktiviti pelaburan untuk merebut peluang dalam peralihan di samping meminimumkan risiko dan mengurangkan impak.

Berasaskan kemajuan yang dicapai pada tahun 2022 dengan penetapan Rangka Kerja Kelestarian dan 10 Komitmen ESG, kami terus menambah baik struktur tadbir urus ESG pada tahun 2023 dengan menerbitkan Dasar Kelestarian PNB. Dasar ini menggariskan komitmen serta pendekatan kami untuk mengintegrasikan ESG merentas operasi perniagaan, proses pelaburan dan aktiviti membuat keputusan.

Dasar Kelestarian

Pada September 2023, kami mencapai kemajuan penting dalam perjalanan kelestarian kami dengan melancarkan Dasar Kelestarian, peristiwa penting yang menekankan komitmen kami terhadap kelestarian. Disokong oleh Lembaga Pengarah PNB, dasar ini berfungsi sebagai panduan dalam integrasi ESG ke dalam operasi dan mandat pelaburan kami. Berasaskan akauntabiliti dan pengawasan, Dasar ini memperkukuh 10 Komitmen ESG dan menyediakan mekanisme pemilikan dan pengawasan yang jelas untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan.

Baca selanjutnya mengenai Dasar Kelestarian di laman sesawang korporat PNB di https://www.pnb.com.my/11_0Sustainability.php.

Rangka Kerja Kelestarian dan 10 Komitmen ESG

Rangka Kerja Kelestarian kami disokong oleh tiga teras dan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) yang berkaitan.

Rangka kerja ini menggariskan komitmen alam sekitar kami ke arah mencapai pelepasan sifar pada tahap perusahaan dan portfolio di samping memperuntukkan modal tambahan kepada pelaburan dalam aset-aset hijau dan peralihan.

Di bawah teras sosial, kami mengutamakan pelaksanaan amalan buruh yang sihat di PNB dan syarikat-syarikat portfolio kami serta melabur dalam meningkatkan modal sosial bagi masyarakat sekeliling di tempat kami beroperasi.

Di bawah teras tabdir urus, kami berhasrat untuk memastikan aktiviti pengawasan dan pengundian yang relevan dan telus, di samping meneruskan pelaporan dan pendedahan inisiatif yang mantap.

Pendekatan Kami terhadap Kelestarian



Alam Sekitar
Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

- 1 Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025
- 2 Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050
- 3 RM10 bilion dalam Aset-Aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030



Sosial
Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

- 4 Gaji Kehidupan Wajar di PNB
- 5 Dasar Hak Buruh
- 6 40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025
- 7 Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial



Tadbir Urus
Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

- 8 Model Pengawasan Triple Bottom Line
- 9 Ketelusan dalam Pengundian
- 10 Pendedahan yang Seajar dengan TCFD

10 Komitmen ESG



MATLAMAT GLOBAL Bagi Pembangunan Lestari

1	Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025	E	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION
2	Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050	E	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION
3	RM10 bilion dalam Aset-Aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030	E	7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY	9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE
4	Gaji Kehidupan Wajar di PNB	S	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	13 CLIMATE ACTION
5	Dasar Hak Buruh	S	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	10 REDUCED INEQUALITIES
6	40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025	S	5 GENDER EQUALITY	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH
7	Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	S	1 GENDER EQUALITY	10 REDUCED INEQUALITIES
8	Model Pengawasan Triple Bottom Line	G	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
9	Ketelusan dalam Pengundian	G	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS
10	Pendedahan yang Seajar dengan TCFD	G	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION

Pendekatan Kami terhadap Kelestarian



Kami menyedari bahawa PNB tidak dapat mengatasi cabaran yang timbul daripada perubahan iklim dan landskap ekonomi yang berubah secara bersendirian. Oleh itu, kami komited untuk meneruskan tindakan bersama dan perkongsian dalam industri untuk mempengaruhi hasil yang lebih besar untuk semua pihak berkepentingan. Kestabilan dan kejayaan jangka panjang kami bergantung kepada masyarakat yang berkembang maju dan berdaya tahan. Sebagai syarikat pengurusan aset yang besar di Malaysia dan rantau Asia Tenggara, kami mengakui peranan strategik dalam meningkatkan nilai jangka panjang dan mendukung amalan beretika yang sihat. Kami berkongsi tanggungjawab ini dengan syarikat-syarikat portfolio kami untuk berpegang pada prinsip yang sama dan akhirnya, menyumbang ke arah masa depan yang stabil dan saksama.

Sebagai penyokong ESG dan organisasi sifar bersih, kami berusaha untuk memastikan bahawa amalan dan komitmen kami dilengkapkan dengan maklumat tentang perkembangan terkini dan disokong oleh pengetahuan dan kepakaran kukuh dalam bidang ESG. Dalam usaha ini, kami telah memperluas penglibatan kami dalam pelbagai inisiatif gabungan dan industri berkaitan dengan ESG yang menunjukkan komitmen kami untuk mengotakan janji dan terus berjuang untuk kemajuan, bukan kesempurnaan.

PNB telah menyumbang kepada pelbagai perundingan dasar, termasuk Sumbangan Ditentukan Negara Malaysia (NDC) dan Strategi Pembangunan Pelepasan Rendah Jangka Panjang di bawah teras Kewangan. Kami menyokong usaha kerajaan Malaysia untuk memacu penerapan amalan ESG yang lebih meluas dan meningkatkan piawaian kelestarian negara.

Di samping itu, PNB telah menganjurkan sesi pembelajaran untuk Jawatankuasa Kecil Kelestarian yang terdiri daripada wakil dan pengamal kelestarian daripada syarikat-syarikat Strategik dan Teras kami. Inisiatif ini berfungsi sebagai platform untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai topik-topik berkaitan kelestarian seperti kredit karbon serta pelaporan kelestarian.

Pada peringkat dalaman, kami menganjurkan bengkel kelestarian untuk Lembaga Pengarah pada Oktober 2023. Bengkel ini membincangkan secara mendalam sasaran sifar bersih bagi Perusahaan dan Portfolio serta penyepaduan pertimbangan ESG dalam proses membuat keputusan pelaburan kami untuk memastikan bahawa kemajuan dan inisiatif kelestarian sentiasa disokong oleh hala tuju strategik yang kukuh.

Pendekatan Kami terhadap Kelestarian

Penglibatan PNB dalam Gabungan Berkaitan ESG dan Inisiatif Industri

Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF)

PCAF merupakan perkongsian global institusi kewangan dan pihak berkepentingan lain yang membangunkan pangkalan data dan metodologi piawai untuk mengira pelepasan yang dibiayai. Keselarasan dengan metodologi PCAF, memastikan kredibiliti pengiraan pelepasan yang dibiayai kami (iaitu pelepasan berkaitan daripada syarikat portfolio) dan menjadikannya asas dalam maklumat terkini.

Pada tahun 2023, kami terus memperdalamkan pengetahuan institusi dengan pendaftaran pelajar dalam Akademi PCAF, platform e-pembelajaran bagi ahli untuk membangunkan kepakaran dalaman dan keupayaan dalam perakaunan gas rumah hijau (GHG). Kami juga mengambil bahagian dalam pelbagai kaji selidik ahli untuk menyokong perluasan dalam liputan PCAF di Asia Pasifik dan kelas-kelas aset lain.

Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)

Penglibatan kami dalam PRI mengukuhkan komitmen kami untuk menjadi pengawas modal yang bertanggungjawab kerana kami berhasrat untuk menyelaraskan garis panduan dan prinsip yang telah digariskan. Tambahan pula, rangkaian luas pelabur dan pakar bermotivasi ESG PRI adalah sumber yang berharga bagi kami untuk mempercepat perjalanan kelestarian kami melalui pembelajaran sesama pemain industri, peluang penglibatan kolektif, serta langkah mempengaruhi perkembangan dasar.

Pada tahun 2023, PNB telah meluaskan penglibatan melalui penyertaan dalam Kumpulan Rujukan Isu-isu Hak Asasi Manusia dan Sosial PRI dan mempamerkan inisiatif berterusan kami untuk menetapkan jangkaan hak buruh utama dan menggalakkan penerimaan penuh dalam syarikat-syarikat Strategik dan Teras.

Baca selanjutnya mengenai inisiatif hak buruh PNB dalam Komitmen 4: Gaji Kehidupan Wajar di PNB pada muka surat 85 dan Komitmen 5: Dasar Hak Buruh pada muka surat 86 hingga 91.

Kami telah mendaftarkan pelajar dalam Akademi PRI, platform latihan dalam talian untuk membina kepakaran dalaman mengenai penyepaduan ESG dan penerapan prinsip pelaburan yang bertanggungjawab ke dalam proses pelaburan kami.

Inisiatif Penumpuan Data ESG (EDCI)

Pada tahun 2013, PNB menjadi ahli EDCI, usaha kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan ekuiti persendirian untuk memacu ketelusan dan penyeragaman pendedahan/penzahiran ESG.

EDCI mengumpulkan Rakan Kongsi Am, Rakan Kongsi Terhad dan Pengurus Pelaburan untuk membangunkan pangkalan data maklumat berkaitan dengan ESG dan pendedahan/penzahiran daripada syarikat-syarikat persendirian. Akses kepada maklumat membantu PNB untuk meningkatkan ketepatan pengiraan pelepasan dibiayai di samping menggalakkan piawaian pelaporan ESG yang teguh.


Global Compact Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGC)

UNGC merupakan inisiatif kelestarian korporat terbesar dunia yang bertujuan untuk menggalakkan amalan perniagaan bertanggungjawab dan pembangunan kelestarian. Sebagai syarikat pelaburan yang memfokus pada kelestarian, PNB telah menjadi ahli UNGC sejak tahun 2022.

Kami menyelaraskan inisiatif dengan 10 Prinsip UNGC yang membolehkan kami untuk membuat perbandingan dengan amalan terbaik ke arah menangani perubahan iklim dan meningkatkan tahap piawaian pematuhan agar sepadan dengan rangka kerja global. Menerima pakai 10 prinsip tersebut juga membantu kami mempertingkatkan pembangunan keupayaan ESG, meningkatkan akses kepada data dan maklumat yang dikemas kini dan menambah baik penjenamaan dan identiti.

Pada tahun 2023, kami berusaha untuk menerima pakai 10 Prinsip UNGC dengan mengintegrasikan modul latihan elektronik (e-latihan) ke dalam *PNB LearnHub* dan melancarkan modul yang disasarkan bagi kakitangan terpilih. Kami juga mengambil bahagian dalam pelbagai sesi rundingan meja bulat untuk berkongsi kemajuan kami dan belajar daripada amalan kelestarian organisasi lain yang turut mengambil bahagian.

Struktur Organisasi



Amanah Dibina Melalui Kepimpinan Teguh

Lembaga Pemegang Amanah:
Yayasan Pelaburan Bumiputra

19

Lembaga Pengarah

20

Pasukan Kepimpinan

24



Lembaga Pemegang Amanah: Yayasan Pelaburan Bumiputra



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim
Pengerusi YPB /
Perdana Menteri Malaysia



YB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan



YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi Kumpulan PNB
(Dilantik berkuat kuasa mulai 1 Jun 2023)



YBhg Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang

Lembaga Pengarah




Lelaki | 77 | Malaysia

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Pengerusi Kumpulan
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Jun 2023



Kelayakan

- Felo Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra
- Pengerusi Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengerusi Bumi Armada Berhad
- Pemegang Amanah Yayasan DayaDiri
- Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor
- Pengerusi Yayasan AMIR
- Pengerusi Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda
- Pengerusi Yayasan TZA

Pengalaman Kerja

Raja Arshad dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 1 Jun 2023. Sebelum pelantikan tersebut, Raja Arshad merupakan Pengerusi Ekuiti Nasional Berhad, firma ekuiti persendirian berkaitan kerajaan dan Pengerusi Icon Offshore Berhad. Raja Arshad telah bersara daripada Maxis Berhad setelah berkhidmat sebagai Pengarah selama 14 tahun, termasuk 11 tahun sebagai Pengerusi. Beliau adalah mantan Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan Sime Darby Berhad. Raja Arshad merupakan Cancellor Universiti Selangor sejak tahun 2011.

Sebelum itu, Raja Arshad merupakan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia ("PwC") selama 18 tahun. Beliau adalah bekas Pengerusi Pasukan Kepimpinan PwC Asia 7 dan ahli Lembaga Global International Financial Reporting Standards (IFRS) PwC. Semasa krisis kewangan Asia 1997, Raja Arshad dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Danamodal Nasional Berhad, satu daripada tiga syarikat bertujuan khas yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menguruskan krisis kewangan.

Terdahulu, beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam termasuk sebagai anggota Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Negara.



Perempuan | 72 | Malaysia

Tan Sri Datuk Zainun Ali

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



Kelayakan

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad (Dilantik semula sebagai Pengarah berkuat kuasa 13 Mei 2024)
- Allianz Malaysia Berhad
- Pengerusi Istanbul Sabiha Gökçen International Airport

Maklumat Lain

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Dilantik sebagai Pro-Cancellor Universiti Malaya pada 1 Mac 2023
- Dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) pada 14 Februari 2024
- Hakim dalam Tribunal Pentadbiran Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDb) Jeddah
- Perunding di Tetuan Zain & Co
- Penimbangtara berdaftar dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, Kuala Lumpur
- Ahli Persatuan Hakim Wanita Antarabangsa yang berpangkalan di Washington D.C.

Pengalaman Kerja

Tan Sri Datuk Zainun dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 selepas berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sejak tahun 1976. Selepas berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang di Kementerian-kementerian yang merangkumi perkhidmatannya sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau dinaikkan ke Kamar Mahkamah pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Kemudiannya beliau dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan dan seterusnya berkhidmat di mahkamah tertinggi pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Lembaga Pengarah



Lelaki | 69 | Malaysia

Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2017



Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

Pengalaman Kerja

Datuk Dr. Mohd. Yaakub telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambilan Sains Politik di Institut Teknologi MARA, dan pada tahun 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Perundingan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Pengurusan) pada tahun 1984.

Beliau menyertai Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS), badan pemikir rasmi Negeri sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Sosial) pada tahun 1985, dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidik Kanan pada 1991-1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dari 2009-2020. Beliau merupakan Pengerusi IDS berkuat kuasa mulai 14 Disember 2020 dan telah melepaskan jawatan itu berkuat kuasa mulai 30 November 2021. Pada 1 April 2022, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola dan Lembaga Pengarah Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF).



Lelaki | 68 | Malaysia

Datu Haji Soedirman Haji Aini

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2017



Kelayakan

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah (Malaysia) dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Mengikuti Program Dasar Makroekonomi dan Pengurusan di Harvard University

Keahlian Lembaga Pengarah

- Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worldwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad
- Dana Kekayaan Masa Depan Berdaulat Sarawak

Pengalaman Kerja

Datu Haji Soedirman Haji Aini dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya dengan Petroleum Nasional Berhad pada tahun 1982, dan selepas berkhidmat selama 13 tahun dengan syarikat tersebut, beliau meletakkan jawatan pada tahun 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak.

Sebelum bersara dari Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018, Datu Haji Soedirman memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Perkhidmatan beliau sebelum ini dalam Perkhidmatan Awam Sarawak termasuk menjawat Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau dipinjamkan ke Amanah Saham Sarawak Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, beliau berkhidmat dalam pelbagai Lembaga termasuk Malaysia Liquefied Natural Gas Tiga dan Malaysian Investment Development Authority. Kini, beliau menganggotai Lembaga Pengarah syarikat senarai awam dan pelbagai syarikat berkaitan Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Lembaga Pengarah



Perempuan | 68 | Malaysia

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

Keahlian Lembaga Pengarah

- United Malacca Berhad, Axiata Group Berhad, Edotco Group Sdn Bhd, Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Kerja

Dato Dr. Nik Ramlah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) pada 1 Januari 2017. Beliau bersara pada bulan Mac 2016 setelah bekerja di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) selama hampir 23 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Pengurus Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Eksekutif. Sepanjang tahun beliau berkhidmat di SC, Dato Dr. Nik Ramlah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan pengawalseliaan pasaran modal, menyediakan panduan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana, tadbir urus korporat dan kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Madya di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan pernah berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.



Lelaki | 65 | Malaysia

Dato' Johan Ariffin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
1 Januari 2019



Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Mitraland Group of Companies dan Etiqa Life Insurance, Kemboja, serta Pengarah PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd

Pengalaman Kerja

Dato' Johan dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019. Beliau memulakan kerjayanya di bahagian hartanah Citibank. Selepas itu, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari senaraian awam sambil menceburi sendiri bidang perundingan pemasaran dan pengiklanan serta perniagaan pembangunan hartanah yang berjaya. Kemudiannya beliau mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018 dan Sime Darby Property Berhad sehingga Jun 2020. Beliau merupakan Pengerusi Battersea Project Holding Company Limited dari September 2015 hingga September 2018.

Lembaga Pengarah



Perempuan | 54 | Malaysia

Datin Norazah Mohamed Razali

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
6 Mei 2021



Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Pengurusan, Imperial College Business School, University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Diploma Pengurusan, Imperial College, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sime Darby Property Berhad dan MISC Berhad

Maklumat Lain

- Layak sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya setelah dijemput ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1994

Pengalaman Kerja

Datin Norazah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 6 Mei 2021.

Beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Sidek, Teoh, Wong & Dennis sebagai peguamcara pada tahun 1994. Selepas memperoleh MBA di United Kingdom, beliau kembali ke Asia Tenggara dan menyertai firma perunding pengurusan Booz, Allen & Hamilton di Singapura. Kemudiannya, beliau menyertai Boston Consulting Group (BCG) pada tahun 2000 sebagai perunding yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Di BCG, Datin Norazah dinaikkan pangkat sebagai Prinsipal pada tahun 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Projek serta secara bergilir-gilir sebagai Ketua Pengambilan untuk Asia Pasifik.

Beliau dipilih sebagai Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan BCG pada tahun 2010 serta ahli pasukan Kepimpinan Eksekutifnya untuk Asia Tenggara. Sebagai Rakan Kongsi, beliau menjalankan pelbagai peranan kepimpinan dalam firma itu termasuk, menerajui BCG Malaysia dari tahun 2011 hingga 2014 dan Amalan Sektor Awam di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017.

Walaupun tidak lagi menjadi Rakan Kongsi dan Pengarah Urusan di BCG, Datin Norazah kekal sebagai Penasihat Kanan (Amalan Sektor Awam, BCG Malaysia) iaitu peranan yang dipikul beliau sejak Ogos 2017. Beliau memiliki pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam menasihati pelanggan sektor swasta dan awam mengenai transformasi dan pertumbuhan, penstrukturan semula serta pembangunan bakat.



Lelaki | 50 | Malaysia

Datuk Johan Mahmood @ Johan Mahmood Merican

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tarikh Lantikan:
6 Julai 2023



Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi, University of Cambridge, United Kingdom
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengerusi Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Petroleum Nasional Berhad
- Digital Nasional Berhad
- Malaysia Development Berhad
- Bank Negara Malaysia
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Johor Corporation


Pengalaman Kerja

Datuk Johan Mahmood Merican kini merupakan Pengerusi Lembaga KWAP, berkuat kuasa mulai 27 Februari 2023. Beliau juga kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan sejak Mac 2022.

Datuk Johan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam memegang pelbagai jawatan seperti Pengarah Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan, Timbalan Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, dan Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia. Sebelum berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada tahun 2004, beliau pernah berkhidmat selama sembilan tahun dalam sektor swasta dalam bidang kewangan korporat dan perakaunan.

Datuk Johan merupakan Akauntan Bertauliah dari Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan lulusan Sarjana Muda Ekonomi dari University of Cambridge.

Pasukan Kepimpinan



Pasukan Kepimpinan

6



Mohd Irwan Ahmad Mustafa
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
(Dilantik sebagai GCFO berkuat kuasa
mulai 1 Januari 2024)

7



Mohamad Idros Mosin
Ketua Hartanah Kumpulan

8



**Fadzihan Abbas
Mohamed Ramlee**
Ketua Pegawai Strategi

9



Norhanifah A. Jalil
Ketua Pegawai Sumber Manusia

10




Rose Anita Jalil
Ketua Pengurusan Dana

Pasukan Kepimpinan



Pasukan Kepimpinan



Pasukan Kepimpinan

1 **Ahmad Zulqarnain Onn** Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Mengemudi keseluruhan pelaburan, kewangan, operasi dan hala tuju strategik PNB untuk memastikan pertumbuhan dan kemampunan perniagaan dalam mencapai mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia. Memastikan penyampaian Matlamat syarikat yang diperbaharui untuk melindungi kepentingan jangka panjang pemegang saham, pemegang unit, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain.

(Meletak jawatan berkuat kuasa mulai 19 Februari 2024)

2 **Hanizan Hood** Ketua Pegawai Pelaburan, Pasaran Awam

Sebagai Pengurus Dana yang Ditetapkan, Hanizan mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan terhadap fungsi pengurusan dana terhadap dana-dana unit amanah di bawah pengurusan PNB. Memimpin strategi dan pengurusan ekuiti awam domestik dan global, pendapatan tetap, dan kelas aset tunai bagi PNB dan dana-dana tersebut. Memimpin dan menyelia fungsi dan operasi pelaburan dari hujung ke hujung, termasuk penyelidikan ekonomi dan pelaburan, pengurusan portfolio, pelaksanaan, lindung nilai, perbendaharaan serta pejabat pertengahan.

3 **Rick Ramli** Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian & Strategik

Mengemudi keseluruhan aktiviti operasi dan pelaburan yang merangkumi empat bidang utama, iaitu Pelaburan Strategik, Pengawasan Pelaburan, Hartanah dan Pasaran Persendirian. Tanggungjawab utama termasuklah menerajui penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB, selain mengemudi keputusan pelaburan yang melibatkan kelas kecil aset di bawah portfolio Hartanah dan Pasaran Persendirian bagi mencapai objektif pelaburan jangka panjang.

4 **Muzaffar Othman** Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Memimpin ASNB dalam membentuk dan melaksanakan strategi keseluruhan perniagaan bagi menggalakkan simpanan masyarakat Bumiputera dan rakyat Malaysia yang membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit. Strategi ini dilaksanakan menerusi penawaran produk dan perkhidmatan yang komprehensif serta rangkaian saluran yang luas di seluruh negara yang bertujuan meningkatkan jangkauan produk dan perkhidmatan ASNB dan menambah baik pengalaman para pemegang unit.

5 **Shahin Farouque Jammal Ahmad** Ketua Pelaburan Strategik Kumpulan

Memimpin penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan pelan penciptaan nilai termasuk inisiatif transaksional, operasi dan organisasi bertujuan untuk mengukuhkan lagi prestasi keseluruhan dan meningkatkan kemampuan pulangan bagi pihak berkepentingan PNB.

6 **Mohd Irwan Ahmad Mustafa** Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Memimpin keseluruhan operasi perniagaan, pelaporan kewangan, perancangan, proses belanjawan dan pemulihan PNB, di samping menyelia semua proses perolehan dan pelaburan dalam memastikan PNB memiliki kekuatan kewangan untuk melaksanakan Pelan Strategik syarikat.

(Dilantik sebagai GCFO berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024)

7 **Mohamad Idros Mosin** Ketua Hartanah Kumpulan

Memimpin dan menyelia pelaburan dan operasi hartanah PNB, termasuk aktiviti perbankan tanah, projek pembangunan, hartanah pelaburan, hospitaliti, aset pemulihan di negara ini serta dana pemilikan dan hartanah antarabangsa.

8 **Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee** Ketua Pegawai Strategi

Memimpin pembangunan Pelan Strategik PNB & ASNB serta memantau pelaksanaannya untuk memastikan organisasi mengekalkan tumpuan strategiknya. Beliau juga memimpin fungsi Perumpukan Aset Strategik dan Transformasi yang bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan perumpukan aset jangka panjang PNB, penilaian prestasi dan menjajarkan proses pengurusan utama dengan strategi.

9 **Norhanifah A. Jalil** Ketua Pegawai Sumber Manusia

Mengemudi pembangunan strategi Modal Insan PNB dan memacu pelaksanaan rangka kerja Modal Insan yang bertujuan untuk memupuk bakat dan menyampaikan kecekapan. Memastikan aliran bakat yang berterusan dalam menyokong agenda kepimpinan PNB menerusi program biasiswa dan rangka kerja pengurusan bakat. Menerajui inisiatif pembudayaan yang membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi di PNB.

10 **Rose Anita Jalil** Ketua Pengurusan Dana

Memimpin pengurusan portfolio pelaburan dana unit amanah, yang terdiri daripada pelbagai aset dana harga tetap dan harga berubah. Bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan pelan perumpukan aset dan strategi pelaburan, bagi mencapai objektif dan mandat dana, termasuk menyelia pengurus dana luaran ekuiti awam dan bekerja rapat dengan pengurus kelas aset, serta menguruskan pelaburan dana mengikut parameter risiko yang ditetapkan.

Pasukan Kepimpinan

11 **Nimmi Kamal** Ketua Hal Ehwal Korporat Kumpulan

Menerajui komunikasi strategik, inisiatif kelestarian dan pelaburan sosial Kumpulan PNB, sejajar dengan Matlamat diperbaharui dan pelan strategik. Memimpin dan melaksanakan perjalanan transformasi jenama bagi PNB dan ASNB, nilai-nilai teras baharu dan mengemudi bahagian Hal Ehwal Korporat dan Perusahaan PNB dalam mencapai amalan ESG. Memupuk kerjasama dan integrasi dalam usaha Kumpulan PNB bergerak progresif ke arah Perusahaan Sifar Bersih.

12 **Nurhalini Azly Minhat** Ketua Proprietari PNB

Memimpin keseluruhan strategi bersepadu liabiliti aset Dana Proprietari PNB, melalui kerjasama rapat dengan semua bahagian dan pengurus kelas aset lain. Mengawasi secara langsung pengurusan portfolio ekuiti awam, pendapatan tetap dan pasaran wang Dana Proprietari PNB. Bertanggungjawab ke atas fungsi perbendaharaan PNB, merangkumi pengurusan kecairan dan keperluan pembiayaan PNB merentas pelbagai kelas aset dan mata wang.

13 **Mohd Kamil Ibrahim** Ketua Pasaran Persendirian Kumpulan

Memimpin dan mengurus semua pelaburan pasaran persendirian dan infrastruktur PNB di bawah Rangka Kerja Pelaburan Persendirian dan Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur yang membolehkan penempatan ke dalam kelas aset melalui pelaburan langsung dan pelaburan dana global.

(Dilantik berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024)

14 **Hartini Zainal Abidin** Ketua Setiausaha Syarikat dan Undang-Undang Kumpulan

Menerajui dan menyelia peruntukan fungsi nasihat undang-undang dalam menangani isu perundangan dan risiko unit perniagaan dalam Kumpulan PNB. Juga, mengetuai fungsi kesetiausahaan korporat Kumpulan PNB dalam menyediakan sokongan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya untuk semua urusan pentadbiran dan tadbir urus yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah.

15 **Fairuz Suzana Hj Kamaruddin** Ketua Pematuhan & Integriti Kumpulan

Memimpin Bahagian Pematuhan & Integriti dan memikul tanggungjawab utama dalam merancang dan melaksanakan Program Pematuhan dan Integriti untuk Kumpulan PNB dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap semua keperluan pengawasan, dasar dan prosedur dalaman yang relevan dalam operasi perniagaan selain mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dan piawaian etika tertinggi.

(Bersara berkuat kuasa mulai 1 Mei 2024)

16 **Noramly Bachok @ Abdul Aziz** Ketua Asurans Dalaman Kumpulan

Memimpin fungsi audit dalaman untuk memberikan asurans bebas, munasabah dan objektif serta aktiviti perundingan dengan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dalaman dan sistem pengurusan kualiti dalam Kumpulan PNB.

17 **Aishah Farha Mohd Raih** Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat

Menerajui keseluruhan strategi, program dan fungsi keselamatan siber dan maklumat. Mengawasi pengenalan, pembangunan, pelaksanaan dan pengemaskinian dasar, proses, atau kawalan untuk seluruh organisasi bagi mengurangkan risiko IT dan siber sejajar dengan objektif perniagaan. Mengetuai pengurusan keselamatan aset-aset maklumat dan teknologi untuk melindungi data para pemegang unit, pihak berkepentingan dan kakitangan.

18 **Muhammad Izzat Hj Abdul Aziz** Ketua Pegawai Teknologi

Menerajui visi dan strategi teknologi PNB, memacu inovasi dan memastikan inisiatif perjalanan transformasi digital berterusan bahagian sejajar dengan matlamat menyeluruh syarikat. Bertanggungjawab menyelia pemodenan infrastruktur IT operasi teknologi Kumpulan PNB, ketahanan perniagaan dan menambah baik pengalaman pelanggan melalui keterlibatan digital. Komited untuk memupuk pasukan teknologi berprestasi tinggi, menggalakkan kerjasama rentas bahagian yang teguh, perlindungan maklumat dan memberi fokus untuk memanfaatkan teknologi baru muncul bagi mengekalkan kelebihan bersaing di pasaran.

19 **Mohd Azmir Mohd Jani** Ketua Pegawai Risiko

Memimpin pelaksanaan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang teguh merentas Kumpulan PNB. Perkara ini dicapai dengan merumuskan selera risiko dan infrastruktur yang koheren untuk menyokong strategi pengurusan risiko, perancangan dan pembangunan sistem pencegahan dan pemulihan daripada potensi ancaman, serta melapor mengenai isu pengurusan risiko di seluruh perusahaan untuk menyokong proses membuat keputusan dan pengawasan risiko yang berkesan.

(Menggantikan Suzana Ahmad berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024)

20 **Dr. Ahmad Basri Ibrahim** Ketua Pengurusan Syariah

Memimpin Jabatan Pengurusan Syariah yang memikul peranan Sekretariat kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB, dan menguruskan semua perkara kewangan Islam dan berkaitan Syariah dalam Kumpulan PNB serta mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kepatuhan Syariah produk-produk unit amanah ASNB.

Kajian Strategik

Perutusan Pengerusi Kumpulan	31
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	35



Perutusan Pengerusi Kumpulan



Sejak mula memegang jawatan Pengerusi Kumpulan, saya telah berjumpa dengan ramai individu yang meninggalkan kesan yang mendalam pada saya tentang betapa pentingnya PNB dalam kehidupan rakyat Malaysia. Saya sungguh terharu dengan kepercayaan dan harapan ramai rakyat Malaysia termasuk individu yang memberitahu saya tanpa teragak-agak bahawa mereka percaya PNB dapat memberikan perlindungan dan pertumbuhan kepada simpanan mereka. Ini mengulangi sentimen terhadap kekuatan pergantungan dan harapan yang jelas menekankan asas kepada pegangan kami, iaitu KEPERCAYAAN.

Seperkara yang jelas adalah kepercayaan bukan hanya merupakan asas tetapi juga denyut nadi mandat kami. Dengan lebih daripada 12.5 juta rakyat Malaysia yang menabung dengan kami, tanggungjawab kami adalah amat berat. Kepercayaan ini merangkumi bukan sahaja harapan terhadap jangkaan pengurusan yang berhemat tetapi juga harapan terhadap pulangan yang mampan dan bermanfaat. Perjalanan kami selama 45 tahun diperkukuh oleh komitmen yang berterusan untuk menjaga, memelihara dan melipat gandakan kekayaan pemegang unit kami.

Sebagai sebahagian daripada pengamatan ini, kami juga menyedari bahawa terdapat penyimpangan landskap yang luar biasa. Meskipun berjuta-juta rakyat Malaysia menyimpan wang hasil titik peluh mereka dengan kami, fakta dan statistik mengetengahkan bahawa secara umumnya, ramai rakyat Malaysia tidak mempunyai tabiat menabung, dan justeru mereka tidak mempunyai simpanan yang mencukupi.

Secara ringkasnya, kami mengambil berat tentang isu mendesak ini memandangkan keupayaan kami untuk membawa perubahan positif. Statistik jelas menunjukkan 275 bilion unit dalam edaran dan lebih daripada RM330 bilion di bawah pengurusan kami, maka impak kami berikan adalah amat besar. Namun yang masih menjadi persoalan, bagaimana kami boleh memberi impak yang lebih berkesan mengambil kira pelbagai cabaran yang berubah-ubah?

Para Pemegang Unit yang Dihormati,

Tahun 2023 merupakan tempoh menyelami matlamat PNB secara mendalam sambil kami mengenang semula 45 tahun yang lepas dan usaha kami dalam pelaksanaan mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara. Dalam membuat penilaian tentang di mana kami berada sekarang, kami berasa bangga kerana kami telah berjaya menghasilkan pulangan berdaya saing secara konsisten untuk lebih daripada 12.5 juta rakyat Malaysia yang memberi kepercayaan simpanan mereka kepada kami.

YM Raja Tan Sri Raja Arshad Raja Tun Uda

Pengerusi Kumpulan

Perutusan Pengerusi Kumpulan

Matlamat yang Diperbaharui

Konteks ini menjadi pendorong utama Matlamat kami yang diperbaharui. Justeru itu, kami telah merangka Matlamat diperbaharui kami, iaitu “mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi” manakala dalam Bahasa Inggeris, ia membawa maksud “to uplift the financial lives of Malaysians across generations”.

Matlamat yang diperbaharui ini juga merupakan seruan kepada kami di PNB tentang bagaimana kami dapat membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk mula menabung bagi memastikan mereka serba lengkap dari segi kewangan demi masa depan mereka. Menerusi Matlamat ini, kami melangkah ke hadapan, bukan sahaja sebagai pengurus dana tetapi juga sebagai penjaga harapan dan keselamatan rakyat. Tanggungjawab kami melangkaui pengurusan kewangan, dan menjadi pemangkin perubahan positif dalam tingkah laku kewangan di seluruh Malaysia.

Perjalanan masa depan kami akan ditakrifkan oleh Matlamat ini yang merupakan perakuan dan komitmen kami. Pada dasarnya, Matlamat ini adalah siapa kami, ia adalah penyebab kewujudan PNB dan kami bangkit setiap hari penuh dengan keazaman dan sikap positif untuk membawa perubahan. Ia berfungsi sebagai panduan, petunjuk yang memimpin kami ke arah perkara-perkara yang benar-benar penting serta meningkatkan kesejahteraan kewangan pihak berkepentingan kami dan masyarakat dengan lebih meluas.

Mencipta Nilai untuk Pihak Berkepentingan Kami

Sebagai organisasi yang komited terhadap penciptaan nilai untuk pemegang unit, PNB telah menunjukkan ketahanan dan kebijaksanaan dalam landskap yang ditandai oleh cabaran dan peralihan yang besar. Tahun ini bermula dengan pandangan optimistik bahawa pandemik yang berakhir memberi isyarat kepada pemulihan ekonomi yang lebih teguh dan mampan. Bagaimanapun, pasaran global berubah-ubah dibayangi oleh kadar faedah tinggi yang berpanjangan dan ketegangan geopolitik yang meruncing. Sementara itu, China, negara penting dalam rantai bekalan global, bergelut dengan kelembapan ekonominya sendiri, terutamanya dalam sektor hartanah, yang kesannya turut dirasai di seluruh saluran perdagangan dan pelaburan global.

Pada peringkat domestik, ekonomi Malaysia mencerminkan sentimen global dengan FBMKLCI pada mulanya menghadapi penurunan disebabkan oleh tekanan luaran yang meluas. Bagaimanapun, ketahanan pasaran domestik mula menyerlah pada separuh kedua tahun dalam kajian, diperkukuh oleh beberapa inisiatif strategik kerajaan yang bertujuan untuk mengembalikan keyakinan pelabur dan mempertingkatkan keadaan pasaran ekonomi. Perancangan ekonomi utama, disokong oleh rangka kerja Ekonomi MADANI, dijangka akan merangsang pertumbuhan dengan mendorong penggunaan domestik dan menarik pelaburan baharu.

Meskipun situasi pasaran mencabar pada tahun 2023, kami menghasilkan pulangan yang memberangsangkan. Pencapaian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perumpukan aset strategik (SAA) dan usaha kepelbagaian kami merentas berbagai-bagai kelas aset. Kami meningkatkan kestabilan portfolio dengan menambah pelaburan dalam pendapatan tetap, hartanah, pasaran persendirian dan aset asing. Semua langkah ini bukan sahaja melindungi kami daripada ketidaktentuan tetapi juga memastikan bahawa kami terus menjana pulangan positif untuk pemegang unit.

Seiring dengan langkah ini, kami terlibat secara aktif dalam beberapa inisiatif utama yang menggariskan komitmen kami untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat Malaysia merentas generasi. Program celik kewangan kami, terutamanya Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), terus mencapai kemajuan dalam mendidik orang ramai mengenai perancangan kewangan dan pelaburan. Satu lagi pencapaian bersejarah adalah penyiapan dan pelancaran ibu pejabat baharu kami di Menara Merdeka 118 yang dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Januari 2024. Sebagai sebahagian daripada acara bersejarah ini, Masjid Al-Sultan Abdullah, masjid baharu yang terletak di kawasan tersebut dengan kapasiti sebanyak 3,000 orang turut dilancarkan dengan rasminya.



Perutusan Pengerusi Kumpulan

Pengawasan melalui Tadbir Urus

Menyedari peranan kami sebagai pengawas dalam landskap pelaburan yang dinamik, pada tahun 2023 Bahagian Pengawasan Pelaburan terus memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kepentingan kami dengan Syarikat Pelaburan dan memacu penciptaan nilai mampan merentasi syarikat-syarikat strategik dan teras kami. Rangka kerja Pengawasan terus meletakkan kedudukan PNB sebagai pelabur proaktif dan terlibat yang komited untuk meningkatkan proses penciptaan nilai Syarikat Pelaburan kami. Menumpukan perhatian pada empat bidang utama dengan tadbir urus menjadi keutamaan, kami berdedikasi untuk memperkukuh proses membuat keputusan, memartabatkan amalan perniagaan beretika di samping memastikan akauntabiliti.

Pada tahun 2023, kami memperkenalkan prinsip panduan baharu yang memfokus pada “ESG, Kelestarian dan Perkara-perkara berkaitan dengan Iklim” ke dalam Garis Panduan Pengundian kami. Sehubungan dengan itu, PNB telah mengambil langkah ke arah menyelaraskan keputusan pelaburan dengan prinsip-prinsip ESG yang lebih meluas.

Secara umumnya, PNB telah meningkatkan lagi galakan kepada tadbir urus sebagai pemacu nilai utama dengan menambah baik ketelusan dalam proses pengundian dan memastikan kepimpinan lembaga yang teguh dalam kalangan Syarikat Pelaburan. Kami telah menghadiri 149 mesyuarat agung tahunan (AGM), mengundi 1,164 resolusi, dan meneruskan komitmen kami untuk menerbitkan keputusan pengundian lebih awal daripada AGM bagi menggalakkan dialog terbuka dan meningkatkan keterlibatan pihak pemegang saham. Selain itu, penyepaduan undian proksi automatik melalui platform Viewpoint pada Mac 2023 menunjukkan dedikasi kami terhadap amalan tadbir urus yang cekap dan tepat. Di samping itu, PNB mencatatkan pencapaian bersejarah dengan membuang undi proksi antarabangsa pertama di sebuah syarikat yang berpangkalan di China, menekankan pengaruh kami yang semakin meningkat dalam membentuk amalan pelaburan global.

Pengawasan melalui Kelestarian

PNB terus memperkukuh komitmen terhadap kelestarian, ekuiti dan pertumbuhan jangka panjang dengan mengambil langkah penting dalam 10 Komitmen ESG pada tahun 2023. Komitmen utama untuk mencapai pelepasan perusahaan sifar bersih menjelang tahun 2025 dan menyahkarbon portfolio pelaburan menjelang tahun 2050 telah memperlihatkan kami melaksanakan pelbagai langkah seperti peralihan kepada kenderaan elektrik, melanggan Tarif Elektrik Hijau dan membeli Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui. Sementara itu, strategi pelaburan kami memfokus pada sektor-sektor seperti pengangkutan hijau, tenaga boleh diperbaharui, bangunan hijau dan pertanian lestari dengan 41% daripada sasaran RM10 bilion menjelang tahun 2030 telah tercapai pada akhir tahun 2023.

Selain itu, PNB mengutamakan sumbangan kepada masyarakat dengan pelancaran Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF). Melalui SIF, inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) akan memfokus pada pendidikan, kesihatan, pembangunan komuniti dan alam sekitar. Usaha kami dirancang untuk mengimbangi keuntungan dengan pelaburan sosial dengan memastikan pulangan mampan bagi pemegang unit sambil menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi Malaysia.

Memperkukuh Tadbir Urus di PNB

PNB terus menunjukkan komitmen teguh untuk meningkatkan tadbir urus dan integriti sepanjang tahun 2023 dengan inisiatif dan pembangunan teguh yang bertujuan untuk memperkukuh rangka kerja dan memupuk budaya tingkah laku beretika merentas organisasi.

Usaha PNB dalam tadbir urus dan integriti memperlihatkan penglibatan penting melalui pelbagai aktiviti dan program yang dirancang untuk memperteguh amalan beretika dan memastikan pematuhan terhadap piawaian tadbir urus. Kemuncak inisiatif ini ialah Usaha Integriti Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) 2023. Usaha ini merupakan kolaborasi bersama GLIC lain yang memfokus kepada menangani isu-isu operasi lazim dan menyediakan platform untuk rangkaian dalam kalangan pemimpin perniagaan dan pengamal integriti. Satu lagi inisiatif penting ialah Majlis Solidariti Integriti PNB 2023 sulung yang bertujuan untuk membuat rumusan tentang amalan terbaik dalam pengurusan integriti dan pengendalian kes pemberi maklumat, memudahkan perkongsian pengetahuan dalam kalangan lebih daripada 60 peserta daripada Syarikat Pelaburan kami.

Dari segi dasar dan sistem, kami meningkatkan Dasar Pemberi Maklumat untuk memberikan panduan mengenai pengendalian aduan yang memerlukan penglibatan segera pihak berkuasa kawal selia. Kami terus mengekalkan sijil Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) ISO 37001:2016. Kami turut menjalankan Penilaian Risiko Rasuah sebagai sebahagian daripada usaha untuk mematuhi Garis Panduan mengenai Prosedur Kecukupan menurut Seksyen 17A Akta MACC 2009. Sementara itu, kemajuan mengenai Pelan Pencegahan Rasuah Operasi (OACP) 2022-2024 diteruskan dengan berkesan dengan kesemua 13 inisiatif yang dijadualkan untuk diselesaikan dalam tempoh tahun tersebut berjaya dilaksanakan.

Kami juga telah mula menggunakan teknologi kawal selia untuk meningkatkan keberkesanan fungsi pematuhan selain menjalankan kajian semula holistik kawalan perubahan pencegahan wang haram (AML) dan memperkenalkan sistem yang dipertingkatkan bagi proses Kenali Pelanggan Anda (KYC) yang lebih tepat dan pemantauan sekatan yang lebih berkesan.

Perutusan Pengerusi Kumpulan

Pandangan

Meskipun menjangkakan tempoh yang mencabar pada masa hadapan, unjuran kami kekal optimistik bagi tahun akan datang dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka antara 4.5% dan 5.0%. Unjuran ini didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang kukuh, sokongan tambahan daripada pemulihan eksport dan pelbagai program di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI. Sentimen optimis ini juga disokong prospek positif Ringgit yang dijangka mengukuh dan meningkatkan kedudukan ekonomi.

Semasa kami menutup tirai tahun 2023, timbul rasa kekuatan dan semangat yang diperbaharui dalam pasukan kami dan kami kekal optimistik tentang masa hadapan. Kami lebih bersedia untuk berdepan dengan cabaran yang mendatang, didorong oleh Strategi LEAP 6 baharu yang didedikasikan untuk pemegang unit dan kesejahteraan ekonomi Malaysia yang lebih meluas.

Penghargaan

Kepada semua di PNB, daripada para pengarah dan pengurusan kanan kepada kakitangan, dedikasi tidak berbelah bahagi anda dalam menangani cabaran luar biasa yang telah kami hadapi pada tahun-tahun kebelakangan tidak terlepas daripada perhatian kami. Usaha kolektif anda telah memastikan bahawa PNB kekal sebagai teras kekuatan dan inovasi dalam tempoh yang mencabar. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pemegang unit. Kami amat berterima kasih kepada anda atas keyakinan dan sokongan anda yang berterusan.

Pada kesempatan ini, saya ingin memberi pengiktirafan kepada Pengerusi Kumpulan terdahulu, Tun Arifin Zakaria atas khidmat bakti beliau yang telah membimbing PNB ke arah kejayaan dan meningkatkan lagi tadbir urus dan usaha kelestarian. Rekod beliau yang cemerlang dalam membina platform yang kukuh akan membantu saya memimpin PNB selanjutnya untuk memberi khidmat kepada pemegang unit dengan lebih baik. Kami di PNB berterima kasih kepada beliau atas sumbangan yang begitu besar dan khidmat yang luar biasa.

Yang paling penting, terima kasih khas buat Ahmad Zulqarnain Onn, atau AZO, iaitu panggilan mesra kami untuk beliau yang meletak jawatan berkuat kuasa mulai 19 Februari 2024 selepas tiga setengah tahun yang cemerlang sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE). AZO yang menyertai kami semasa saat getir tercetusnya pandemik pada Julai 2020 telah mengemudi PNB menempuh berbagai-bagai cabaran operasi dengan kepimpinan yang boleh dicontohi. Di bawah bimbingan beliau, kami bukan sahaja melancarkan Rangka Kerja Kelestarian dan dua bangunan ikonik, Stesen Jana Kuasa Battersea dan Menara Merdeka 118, tetapi juga memperlihatkan kemajuan penting dalam pulangan portfolio dan inisiatif strategik yang mencapai puncak dengan pengenalan Matlamat yang diperbaharui dan Strategi LEAP 6 untuk tiga tahun.

Kami mengemudi cabaran masa hadapan dengan mengekalkan komitmen untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan bagi pemegang unit dan tanggungjawab sosial yang lebih meluas. Meningkatkan celik kewangan dan tabiat melabur dalam kalangan rakyat Malaysia kekal menjadi keutamaan kami sambil kami berusaha untuk membalas budi komuniti atas keyakinan dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada kami. Kami sangat berterima kasih kepada setiap pemegang unit amanah di PNB, dan berharap akan dapat memperoleh keyakinan sama melalui perkhidmatan yang berdedikasi dan kepimpinan yang inovatif.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



Ekoran daripada tahun yang terkesan oleh pelbagai cabaran dan peluang, PNB berdiri teguh dalam komitmennya untuk mengawasi kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Kami mengemudi tahun 2023 dengan ketahanan dan kebolehsuaian semasa pemulihan ekonomi global berlaku dalam suasana pasca pandemik yang menyemarakkan tekanan inflasi dan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi. Ketegangan geopolitik dan gangguan rantaian bekalan yang berterusan merumitkan pemulihan ekonomi.

Di Malaysia, keluaran dalam negara kasar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7% tahun ke tahun dengan tekanan inflasi berkurang pada penghujung tahun 2023. Berlatarbelakangkan situasi ini, PNB terus memfokus pada penciptaan nilai bagi pihak berkepentingan kami, menunjukkan prestasi yang membanggakan merentas portfolio yang pelbagai dan memperkukuh peranan kami sebagai institusi yang dipercayai untuk mengawasi simpanan dan pelaburan.

Tahun lalu adalah penting bagi PNB, bukan sahaja dari segi mengatasi kerumitan pasaran, tetapi juga dari segi meletakkan asas untuk pertumbuhan masa depan. Melalui pelbagai inisiatif strategik, termasuk memupuk celik kewangan, menerima transformasi digital dan memenuhi 10 Komitmen ESG, kami telah berusaha untuk menyelaraskan operasi dengan keperluan semua pihak berkepentingan kami.

Kami melancarkan "LEAP 6", pelan strategik tiga tahun yang baharu, dibangunkan untuk memberi pengalaman pelanggan yang lebih baik, pulangan yang berdaya tahan, kecekapan operasi, inovasi, budaya pengetahuan dan pembelajaran serta menerapkan kelestarian dalam semua aspek pelaburan dan operasi.

Kami memperbaharui Matlamat kami: **Untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.** Matlamat ini akan menjadi tunjang kepada apa jua yang kami lakukan, daripada bagaimana kami mengurus pelaburan kepada bagaimana kami melaksanakan pengambilan, latihan dan pengekalan kakitangan kami.

Tahun 2023 juga meninggalkan kesan positif apabila siapnya pejabat baharu kami di Menara Merdeka 118, berikutan penganugerahan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan pada 22 Disember. Kami memulakan fasa 1 peralihan ke bangunan baharu dengan pasukan perintis berpindah pada hari yang sama. Kemudian, pada 11 Januari 2024, Menara Merdeka 118 telah dilancarkan dan dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Para Pemegang Unit yang Dihormati,

Tahun 2023 adalah penutup bagi pandemik COVID-19 dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan bahawa ia bukan lagi merupakan suatu kecemasan kesihatan awam yang menjadi kebimbangan masyarakat antarabangsa. Walaupun ada dalam kalangan masyarakat yang dapat menarik nafas lega dan menjangkakan bahawa keadaan normal akan kembali, optimisme masyarakat telah menurun kerana paras inflasi yang tinggi, konflik geopolitik baharu yang tercetus dan gangguan rantaian bekalan memperlambatkan pemulihan ekonomi.

Ahmad Zulqarnain Onn


Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
(Meletak jawatan berkuat kuasa mulai 19 Februari 2024)

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan


Prestasi Dana

Pada tahun 2023, aset di bawah pengurusan (AUM) kami merosot sedikit kepada RM337.0 bilion daripada RM341.6 bilion pada tahun 2022. Ini mencerminkan penebusan unit yang lebih tinggi daripada biasa yang timbul daripada tekanan kos sara hidup dan kadar faedah yang lebih tinggi. Unit dalam edaran (UIC) menurun kepada 275.3 bilion unit daripada 282.9 bilion unit pada tahun 2022 disebabkan beberapa pemegang unit yang menebus sebahagian daripada pelaburan mereka untuk memenuhi keperluan kewangan segera. Walaupun terdapat penurunan dalam AUM dan UIC, bilangan akaun meningkat daripada 15.2 juta kepada 15.7 juta disebabkan oleh peningkatan dalam had pelaburan individu bagi dana ASB dan ASB 2 serta peluasan dana ASM pada 1 April 2023.


AUM (RM bilion)



UIC (bilion unit)




Bilangan akaun (juta)



Perumpukan Aset Strategik (%)

PNB meneruskan kemajuan dalam mempelbagaikan aset pada peringkat global dan merentas semua kelas aset. Aset antarabangsa meningkat kepada 21.7% pada tahun 2023 berbanding dengan 19.2% pada tahun 2022, setelah kami beralih tumpuan portfolio ke arah pasaran ekuiti global.



- Ekuiti Awam Domestik
- Ekuiti Awam Global
- Tunai dan Pasaran Wang
- Pendapatan Tetap
- Hartanah
- Pelaburan Persendirian
- Lain-lain



- Global
- Domestik

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Sorotan Tahun

Pencapaian Utama pada tahun 2023

Bagi PNB, tahun ini membuka pelbagai peluang untuk kami mencipta nilai tambahan bagi pihak berkepentingan kami meskipun mengemudi dalam keadaan pasaran yang mencabar.

Penciptaan Nilai

Pada tahun 2023, kami menghasilkan pulangan yang memberangsangkan merentas portfolio produk 17 dana kami, terutamanya Dana Harga Tetap dan Dana Harga Berubah. Semua pulangan Dana Harga Tetap kami mengatasi penanda aras, manakala tujuh daripada 10 Dana Harga Berubah kami berada pada kuartil pertama atau kedua yang menunjukkan peningkatan besar dalam prestasi. Peningkatan had pelaburan individu bagi ASB, ASB2; dan peluasan dana ASM mendapat sambutan yang menggalakkan dengan lebih daripada 780,000 pemegang unit merebut peluang untuk meningkatkan simpanan mereka. Pada keseluruhannya, ini mencatatkan jualan tambahan sebanyak RM6.8 bilion bagi ketiga-tiga dana tersebut.

Naratif penciptaan nilai kami pada tahun 2023 juga diperkukuh melalui pelaksanaan penggabungan dan pengambilalihan strategik yang dirancang untuk mencipta nilai syarikat pelaburan kami. Penggabungan antara MBSB dan MIDF telah mewujudkan pemain utama dalam perbankan Islam universal yang kini boleh menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan yang lebih luas. Sementara itu, penyatuan konglomerat UMW Holdings dengan Sime Darby Berhad menekankan hasrat kami untuk mengukuhkan jejak automotif kami bagi merebut peluang tempatan dan serantau.

Sime Darby juga telah menyempurnakan pelupusan perniagaan penjagaan kesihatan, Ramsay Sime Darby Health Care Sdn Bhd yang dijual kepada Columbia Asia Healthcare Sdn Bhd pada harga RM5.7 bilion, memenuhi strateginya untuk memfokus pada perniagaan teras automotif serta kelengkapan perindustrian.

Di samping itu, kerjasama kami dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dalam transaksi jualan dan pajakan balik bernilai RM2 bilion dengan Osram Opto Semiconductors Sdn Bhd membuka ruang untuk pelaburan hartanah perindustrian yang berkualiti tinggi di Malaysia.

Meningkatkan Celik Kewangan

Aktiviti utama kami, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), yang dianjurkan di Bertam, Pulau Pinang, mencatat pencapaian penting dengan kehadiran memberangsangkan seramai lebih daripada 200,000 pengunjung dan meraih capaian 1.1 juta di media sosial. Berasaskan kejayaan ini, rancangan untuk tahun 2024 telah pun dijalankan bagi memperluas konsep kewangan yang paling berkesan, mengumpul lebih banyak data, memperkenalkan gerai interaktif, dan mengembangkan jangkauan kami melalui program pengaktifan mini di seluruh negara.

Kami juga melancarkan Akademi ASNB pada MSAM 2023, menekankan dedikasi kami terhadap pendidikan kewangan. Sebagai sumber yang komprehensif untuk rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dan peringkat umur, Akademi ASNB menawarkan pelbagai pengetahuan pelaburan dan perancangan kewangan, alat, dan nasihat pakar. Sejak penubuhannya pada September lalu, ia telah menarik seramai 5,739 pelanggan dan 99,294 tontonan.

Pendigitalan Berterusan untuk Menggalakkan Pelaburan Runcit



Komitmen kami untuk menjadikan pengalaman pelaburan yang lancar membawa kepada pelantikan Touch 'n Go sebagai ejen digital kami. Melalui kerjasama yang dilancarkan pada Ogos 2023, kami telah mengintegrasikan pelaburan ASNB ke dalam e-Wallet Touch 'n Go, dengan penjualan mencecah sebanyak 20.2 juta unit menjelang akhir tahun 2023. Selain itu, superapp MyASNB yang diperbaharui memperkenalkan pelbagai ciri baharu, termasuk pembukaan akaun dalam talian sepenuhnya, cadangan portfolio berdasarkan profil risiko, kalkulator zakat dan pelbagai ciri lain untuk menyelaraskan proses pelaburan untuk pengguna kami.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Memartabatkan Komitmen Kelestarian Kami

Dari segi kelestarian, kami kekal sebagai peneraju di Malaysia, berpegang teguh untuk mencapai kemajuan ke arah 10 komitmen ESG kami. Pencapaian yang perlu diberi perhatian dalam perjalanan kami ke arah Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025 termasuk penentuan garis dasar dan pernyataan semula pelepasan asas kami pada 29.0k tCO₂e dengan ketepatan data yang lebih baik dan mengurangkan pelepasan GHG Skop 2 (berdasarkan pasaran) kami sebanyak 33% daripada 6,028 tCO₂e pada tahun 2022 kepada 4,045 tCO₂e pada tahun 2023. Ini sebahagian besarnya didorong oleh penyertaan kami dalam program Tarif Tenaga Hijau dan pembelian Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui.

Untuk Portfolio Sifar Bersih kami menjelang 2050, kami terus mengaktifkan pengaruh pengawasan kami untuk memacu penyahkarbonan merentas portfolio pelaburan kami ke arah sasaran iklim interim 2030 kami. Ini termasuk meningkatkan penglibatan berfokuskan iklim dengan syarikat keutamaan tinggi, menggabungkan penilaian karbon dalam usaha wajar pra-pelaburan kami, meningkatkan Garis Panduan Pengundian kami untuk memasukkan jangkaan mengenai, antara lain, Cita-cita Sifar Bersih dan Strategi Sifar Bersih. Kami juga adalah Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) yang pertama di Malaysia yang menjadi penandatanganan *Global Compact* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selain menyertai inisiatif global lain seperti Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF) dan Inisiatif Penumpuan Data ESG (EDCI).

Matlamat dan Strategi Baharu

Pelancaran Matlamat Diperbaharui dan Pelan Strategik LEAP 6

Mengenang kembali akan perjalanan kami selama 45 tahun, kami menyedari bahawa rakyat Malaysia melihat kami sebagai institusi yang dipercayai, dan mereka bersedia untuk melabur wang hasil titik peluh mereka, mengetahui bahawa kami boleh dipercayai untuk melindungi dan meningkatkan nilai simpanan mereka.

Pada masa yang sama, kami mengakui bahawa lebih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memupuk budaya simpanan dalam kalangan rakyat negara ini memandangkan tinjauan baru-baru ini menunjukkan bahawa kira-kira separuh daripada rakyat dewasa Malaysia belum mula melabur atau memulakan perancangan kewangan untuk persaraan mereka.

Sebagai pengawas dana ini, kami meninjau peluang untuk melakukan yang lebih baik, bukan sahaja untuk mengukuhkan kepercayaan pemegang unit, tetapi juga untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat Malaysia merentas generasi. Dalam konteks inilah kami telah merangka pelan strategik baharu untuk 2024-2026, dikenali sebagai LEAP 6 yang akan membantu kami mencapai matlamat ini. Sebagai tambahan kepada strategi tersebut, Nilai Teras dan Manifesto baharu akan terus diterapkan dalam Matlamat diperbaharui kami ke dalam organisasi. Bersama-sama, kami percaya bahawa kami akan dapat memainkan peranan yang lebih besar dan lebih bermakna dalam kehidupan pelanggan kami.

Nilai-nilai Teras dan Manifesto

Seiring dengan Matlamat baharu kami adalah Nilai Teras dan Manifesto kami yang baru dilancarkan. Nilai teras baharu kami terkandung dalam akronim B.R.A.V.E. dan akan menjadi prinsip panduan dalam setiap aspek operasi kami untuk membentuk tingkah laku, keputusan dan tindakan semasa kami melibatkan diri dengan pihak berkepentingan untuk memenuhi Matlamat kami yang diperbaharui. Manifesto ini memberikan kejelasan dan fokus dengan menekankan bahawa segala yang kami lakukan di PNB adalah untuk mengukuhkan jambatan yang akan mendorong rakyat Malaysia ke arah masa depan yang lebih cerah.

Apa yang dimaksudkan dengan B-R-A-V-E?



Gambaran dan Prospek

Mengenang kembali akan cabaran dan pencapaian tahun lalu, PNB mara ke tahun 2024 dengan mengambil pendekatan berhati-hati namun optimis. Landskap global terus berkembang dengan perubahan pesat dan cabaran yang tidak dijangka. Dalam persekitaran ini, komitmen kami kekal kukuh: untuk mencari dan merebut peluang pelaburan baharu yang menjanjikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami, sambil memastikan pelaburan mereka selamat sepenuhnya.

Strategi kami yang baru dibangunkan untuk tahun 2024-2026 adalah bercita-cita tinggi dan boleh dicapai, yang dirangka untuk memastikan bahawa PNB kekal sebagai organisasi yang progresif. Memandang ke hadapan, saya yakin dengan potensi organisasi untuk mengubah cabaran menjadi batu loncatan kepada pertumbuhan. Bersama-sama, dengan visi dan usaha kolektif, kami akan terus mengukuh kedudukan kewangan rakyat Malaysia dengan memastikan bahawa setiap langkah yang diambil adalah ke arah masa depan yang lebih terjamin dan cemerlang untuk semua.

Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



Penghargaan

Mengenang perjalanan tiga setengah tahun yang lalu, rasa terhutang budi saya menjangkau jauh merentas landskap organisasi terkenal ini dan pihak berkepentingannya. Berkhidmat sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan sepanjang tempoh transformatif merupakan satu keistimewaan dan penghormatan bagi saya.

Saya juga berbesar hati untuk mengalu-alukan Dato' Abdul Rahman Ahmad, pemimpin yang dihormati dengan pengalaman yang luas dalam kepimpinan korporat dan pembangunan strategik, yang pasti akan memimpin PNB ke tahap yang lebih cemerlang. Pendekatan berwawasan dan pemahaman mendalam beliau tentang dinamik pasaran akan memainkan peranan penting dalam mengemudi landskap kewangan yang berkembang.

Selanjutnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pengarah PNB dan ASNB atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan nasihat yang tidak ternilai sepanjang tempoh perkhidmatan saya. Kebijaksanaan mereka telah menjadi panduan dalam usaha kolektif kita untuk mencapai kecemerlangan.

Pencapaian kami tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi, Pengawal Selia, Majlis Fatwa, dan Jawatankuasa. Kerjasama dan sokongan anda yang konsisten sangat penting dalam memajukan cita-cita kami dan memenuhi mandat sosial kami.

Saya juga mengakui bahawa kepimpinan dan kakitangan syarikat pelaburan kami yang berdedikasi dan bekerja keras telah memacu kemajuan kami. Komitmen anda terhadap perjuangan kami ke arah kemajuan benar-benar memberikan inspirasi.

Akhir sekali, kepada Warga PNB kami yang luar biasa, anda telah menunjukkan daya tahan dan dedikasi yang sungguh hebat dalam menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelum ini. Usaha anda paling penting kepada kejayaan kami, dan untuk itu, saya sentiasa berterima kasih.

Dalam pada saya menyerahkan baton kepimpinan kepada Dato' Abdul Rahman Ahmad, saya yakin bahawa PNB akan terus berkembang, didorong oleh semangat kolektif dan dedikasi semua pihak yang terlibat.

Terima kasih kepada anda semua untuk perjalanan yang tak ternilai ini.

Penciptaan Nilai

Sorotan Pasaran	41
Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan Kami	43
Menentukan Apa yang Matan kepada Kami	44
Risiko yang Kami Pertimbangkan	48



Sorotan Pasaran

Mengemudi Persekitaran Global Dinamik

Pada tahun 2023, landskap pasaran global telah didepani oleh gabungan cabaran dan peluang yang kompleks, dipengaruhi ketara oleh ketegangan geopolitik dan dasar ekonomi. Sepanjang tahun ini, perniagaan dan para pelabur mengemudi persekitaran dengan pelbagai ketidaktentuan seterusnya turut melemahkan keterujaan terhadap perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI).


Pengaruh Ekonomi Global Utama

Dasar Kadar Faedah: Rizab Persekutuan mengekalkan dasar kadar faedah lebih tinggi dan lebih lama daripada yang dijangkakan pada awalnya, strategi yang bertujuan untuk mengawal inflasi dan menstabilkan ekonomi. Walaupun perlu, langkah-langkah ini memberi impak kepada aktiviti ekonomi global, mencerminkan imbalan yang perlu dikendalikan dengan bijaksana antara pertumbuhan dan kawalan inflasi.

Kelembapan Ekonomi China: Sebagai ekonomi kedua terbesar di dunia, China menghadapi pelbagai halangan yang ketara, terutamanya dalam sektor hartanah. Kelembapan ini mempunyai implikasi yang lebih meluas bagi perdagangan dan pelaburan global disebabkan peranan kritikal China dalam rantaian bekalan antarabangsa.

Ketegangan Geopolitik: Peningkatan risiko geopolitik telah menambah darjah kerumitan kepada pasaran global. Konflik yang sedang berlaku, pertikaian perdagangan dan pergolakan politik teruk menjejaskan keyakinan pelabur dan kestabilan pasaran yang menekankan sifat rangkaian ekonomi global.


Indeks	2022	2023
Global Utama		
S&P 500	-19.4%	+24.2%
UK FTSE	+0.9%	+3.8%
Jerman DAX	-12.4%	+20.3%
Asia		
Nikkei	-9.4%	+28.2%
China SHZ300	-21.6%	-11.4%
Korea Selatan KOSPI	-24.9%	+18.7%
ASEAN		
MSCI ASEAN	-7.1%	-3.1%
Singapura STI	+4.1%	-0.3%
Indonesia JCI	+4.1%	+6.2%



Sorotan Pasaran

Sorotan Pasaran Domestik

Pada peringkat domestik, FBMKLCI mengalami penurunan sebanyak 2.7% pada tahun 2023, sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor luaran. Pasaran pada mulanya menurun sebanyak 8.1% pada separuh tahun pertama. Bagaimanapun, pemulihan mula berlaku pada separuh tahun kedua, didorong oleh inisiatif proaktif kerajaan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Pelan Induk Perindustrian Negara 2023 yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan para pelabur dan menambah baik sentimen pasaran.



Faktor yang Mempengaruhi Ekonomi Domestik

Pelan Pemulihan Ekonomi: Kerajaan melancarkan beberapa inisiatif untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan memberikan nafas baharu kepada sektor-sektor kritikal, direka untuk menarik pelaburan, meningkatkan penggunaan domestik dan mempercepat pemulihan.

Cabaran Makroekonomi Luaran: Faktor-faktor luaran seperti ketegangan perdagangan global dan geopolitik terus mempengaruhi pasaran Malaysia, menjejaskan sentimen para pelabur dan keseluruhan prestasi pasaran.

Kadar Faedah Tinggi: Kenaikan kadar faedah meningkatkan kos pinjaman dan mempengaruhi keputusan pelaburan, memberi impak kepada perniagaan dan perbelanjaan pengguna dalam landskap domestik.

Susut Nilai Mata Wang: Ringgit Malaysia semakin melemah berbanding dengan mata wang utama lain menjejaskan daya saing perdagangan dan meningkatkan kos import, seterusnya mencabar ekonomi domestik.

Tinjauan

Memandang ke hadapan, pertumbuhan global dijangka menyederhana lagi dalam suasana persekitaran kadar faedah tinggi dan ketidakpastian geopolitik yang sedang berlaku. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pemulihan global memperlambatkan dengan peningkatan pencapaian serantau. Meskipun terdapat halangan global ini, ekonomi domestik Malaysia bersedia untuk ketahanan dan pertumbuhan dengan unjuran menunjukkan pengembangan sebanyak 4.5% hingga 5.0% pada tahun akan datang, dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan. Tambahan pula, terdapat optimisme untuk Ringgit mengukuh yang meningkatkan kedudukan ekonomi Malaysia pada peringkat global.

Kami optimis mengenai pasaran ekuiti membangun dan domestik pada masa hadapan, dengan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh dan pelaburan modal yang besar dalam sektor teknologi yang dijangka akan memacu peningkatan pertumbuhan pendapatan dan penilaian. Kami juga mempunyai pandangan positif bagi pasaran pendapatan tetap global dan domestik memandangkan kadar faedah global yang mencapai puncaknya mewujudkan titik masuk yang lebih memuaskan untuk meningkatkan peruntukan pendapatan tetap kami. Meskipun adanya ketidakpastian semasa, kami komited untuk mengemudi situasi kompleks dengan tekun, berdedikasi terhadap misi menjana pulangan kompetitif bagi semua pemegang unit.

Sambil kami mara ke hadapan, fokus kami kekal dalam penyesuaian kepada dinamik global, memanfaatkan peluang untuk pertumbuhan dan meningkatkan nilai bagi pihak berkepentingan kami dalam dunia yang semakin kompleks.

Penglibatan bersama Pihak Berkepentingan Kami

Pihak berkepentingan merupakan kumpulan yang memberi impak atau menerima impak daripada keputusan dan aktiviti perniagaan kami. Di PNB, kami percaya akan kepentingan memupuk hubungan yang kukuh dengan pihak berkepentingan untuk membina dan mengekalkan kepercayaan selain membuat keputusan yang bermaklumat. Menerapkan nilai-nilai seperti hormat, empati, keterbukaan dan kesahihan, kami komited terhadap ketelusan dan berkomunikasi dengan terbuka dan jujur sambil memupuk kepercayaan dan pemahaman. Hal ini menyumbang kepada usaha kami untuk mengenal pasti bidang-bidang keutamaan, mengumpul maklum balas dan mengatasi masalah, memupuk pertumbuhan lestari dalam komuniti kami.

Kami menggalakkan pihak berkepentingan kami untuk berkongsi perspektif dan idea, menggalakkan kerjasama dan saling hormat-menghormati. Ini membolehkan kami merebut peluang dan menguruskan risiko untuk terus menjana nilai mampan dan memacu perubahan positif. Kami kekal teguh dalam dedikasi terhadap kesahihan dengan memastikan setiap interaksi mencerminkan komitmen yang tulen terhadap kesejahteraan pihak berkepentingan dan komuniti yang menerima khidmat kami.

Pada tahun 2023, kami menjalankan kajian semula menyeluruh dan menstruktur semula kumpulan pihak berkepentingan kami yang mengenal pasti 13 kumpulan pihak berkepentingan berbanding lapan kumpulan pihak berkepentingan pada TK2022. Kami mengenal pasti lima kumpulan pihak berkepentingan tambahan yang penting kepada dinamik organisasi, iaitu Pelanggan, Pengurus Pelaburan, Syarikat Pelaburan, Komuniti dan Media.

Bagi mempertingkatkan kejelasan dan ketepatan dalam penglibatan pihak berkepentingan, kami telah menyusun semula beberapa kumpulan pihak berkepentingan. Sebagai contoh, penganalisis kini tergolong di bawah Pengantaraan yang menjajar rapat dengan peranan mereka dalam operasi kami. Kerajaan dan Badan Kawal Selia bersama dengan Persatuan Industri dan Rakan Setara telah dikenal pasti sebagai dua kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza untuk menumpukan perhatian yang lebih baik kepada peranan khusus dan impak mereka. Di samping itu, kami telah mengasingkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Komuniti menjadi dua kumpulan utama untuk mengenali keperluan dan keutamaan mereka. Pelarasan ini bertujuan untuk memperkemas saluran komunikasi dan meningkatkan pemahaman kami dalam pelbagai perspektif yang membentuk landskap korporat kami.



Menentukan Apa yang Matan kepada Kami


Penilaian Kematanan

Menjalankan penilaian kematanan merupakan asas kepada strategi kelestarian kami yang berfungsi sebagai batu asas dalam pendekatan kami bagi amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Proses yang teliti ini bukan hanya membolehkan kami untuk mengutamakan isu-isu kelestarian utama, tetapi juga membolehkan kami untuk menemui pelbagai peluang dan mengurangkan risiko secara proaktif. Melalui pemahaman komprehensif tentang cabaran landskap kelestarian yang berubah-ubah dan jangkaan pihak berkepentingan, kami memastikan bahawa pertumbuhan perniagaan kami kekal lestari dan sejajar dengan nilai-nilai dan kepentingan pihak berkepentingan kami. Melalui pendekatan strategik ini, kami berusaha untuk memupuk ketahanan jangka panjang dan penciptaan nilai selain memajukan komitmen kami terhadap prinsip ESG.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan untuk meningkatkan usaha kelestarian, kami mengadakan penilaian kematanan secara mendalam untuk mengkaji semula perkara-perkara matan kelestarian dan memastikan bahawa semuanya kekal relevan. Proses ini melibatkan kajian asas bagi penandaarasan dengan rakan setara, analisis rangka kerja kawal selia dan pihak berkepentingan luaran. Kami menggunakan pendekatan kematanan tiga langkah:

- 1) Pengenalpastian Perkara-perkara Matan
- 2) Keutamaan; dan
- 3) Penyatuan dan Pengesahan Keputusan berpandukan Piawaian GRI dan Panduan Laporan Kestarian Bursa Malaysia (Edisi ke-3).

Metodologi ini memastikan proses penilaian komprehensif, seperti digambarkan berikut:



Menentukan Apa yang Matan kepada Kami

Berikutan penilaian kematangan, kami menambah bilangan perkara-perkara matan daripada tujuh pada TK2022 kepada 15 pada TK2023. Antaranya, enam perkara matan telah dikategorikan sebagai Keutamaan Tinggi, manakala sembilan yang lain dikenal pasti sebagai Keutamaan Sederhana. Enam perkara matan Keutamaan Tinggi ialah Perlindungan dan Keselamatan Data, Prestasi Ekonomi, Tadbir Urus dan Etika, Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan, Perubahan Iklim dan Impak Sosial. Kami juga telah menamakan dua perkara matan: Kepelbagaian dan Keterangkuman kepada Kepelbagaian, serta Ekuiti dan Keterangkuman dan Pelaburan Bertanggungjawab kepada Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab.

Metriks Kematangan TK2023 PNB

Kedudukan	Perkara Kelestarian	Tahap Kepentingan
1	Prestasi Ekonomi	Tinggi
2	Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan	
3	Privasi dan Keselamatan Data	
4	Tadbir Urus dan Etika	
5	Perubahan Iklim	
6	Impak Sosial	
7	Maklumat Telus dan Amalan Adil	Sederhana
8	Teknologi dan Inovasi	
9	Impak Alam Sekitar	
10	Hak Buruh	
11	Melabur Secara Mampan dan Bertanggungjawab	
12	Pengurusan Bakat	
13	Alam Semula Jadi dan Biodiversiti	
14	Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman	
15	Rantaian Bekalan	

Perkara-perkara Matan yang Dikenal Pasti pada TK2023

Alam Sekitar	Sosial	Ekonomi
Perubahan Iklim	Privasi dan Keselamatan Data	Prestasi Ekonomi
Alam Semula Jadi dan Biodiversiti	Pengalaman dan Kepuasan Pelanggan	Tadbir Urus dan Etika
Impak Alam Sekitar	Impak Sosial	Melabur Secara Mampan dan Bertanggungjawab
	Maklumat Telus dan Amalan Adil	Rantaian Bekalan
	Teknologi dan Inovasi	
	Hak Buruh	
	Pengurusan Bakat	
	Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman	

Menentukan Apa yang Matan kepada Kami

Definisi Perkara-perkara Matan

Kami mengakui kepentingan menyumbang kepada masa depan lestari dan telah merancang perkara-perkara matan kami kepada Matlamat Pembangunan Kelestarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG). Penjajaran strategik ini memastikan bahawa usaha kami menangani cabaran kelestarian dan menyumbang secara positif kepada matlamat masyarakat dan alam sekitar secara lebih meluas yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara-perkara Matan	Definisi	UNSDG
Prestasi Ekonomi	Nilai ekonomi dijana dan diagihkan oleh PNB sepanjang tempoh pelaporan.	
Pengalaman dan Keuasan Pelanggan	Amalan PNB untuk meningkatkan hubungan dengan pemegang unit bertujuan untuk mengatasi jangkaan, membina kepercayaan dan memenuhi keutamaan mereka.	-
Privasi dan Keselamatan Data	Pengurusan perlindungan data dan keselamatan siber PNB untuk menghindari pelanggaran maklumat pelanggan dan mempertahankan hak pihak berkepentingan terhadap kerahsiaan.	-
Tadbir Urus dan Etika	Komitmen PNB untuk mengekalkan piawaian yang tinggi bagi amalan tadbir urus dan etika dengan menyokong prinsip seperti kebebasan Lembaga Pengarah, ketelusan, akauntabiliti dan antirasuah.	
Perubahan Iklim	Usaha dan inisiatif PNB untuk mengadaptasi dan menguruskan impak berkaitan dengan iklim melalui strategi operasi dan pelaburan.	
Impak Sosial	PNB terlibat secara aktif dengan komuniti sekeliling dan di kawasan/rantau lain melalui inisiatif langsung sejajar dengan mandat, rangka kerja pelaburan sosial dan agenda ekonomi negara, memupuk pertumbuhan ekonomi tempatan dan serantau di kawasan-kawasan operasi PNB.	     
Alam Semula Jadi dan Biodiversiti	PNB secara proaktif mengurangkan impak matan terhadap alam semula jadi dan biodiversiti melalui aktiviti operasi dan pelaburan (contohnya, pencemaran, pemusnahan habitat dan pengurusan air lestari).	 
Impak Alam Sekitar	PNB mengurus impak alam sekitar untuk meminimumkan kerosakan atau memastikan tiada kesan teruk terhadap alam sekitar (contohnya penggunaan air, pelepasan efluen and pengurusan sisa).	  

Menentukan Apa yang Matan kepada Kami

Material Matters	Definition	UNSDG
Hak Buruh	PNB berdedikasi untuk mempertahankan hak buruh melalui Dasar Hak Buruh, serta usaha PNB untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk kakitangannya. Ini termasuk memastikan pematuhan kepada peraturan kesihatan dan keselamatan yang relevan merentas operasi dan Syarikat Pelaburan.	 
Pengurusan Bakat	Pendekatan PNB terhadap pengurusan kakitangan menjangkau daripada amalan pengambilan, perekrutan, pengekalan, pembelajaran dan pembangunan kepada keadaan bekerja, memaparkan dedikasi PNB kepada pengurusan dan pemupukan bakat.	
Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman	PNB memupuk kepelbagaian, keterangkuman dan tiada diskriminasi pada setiap peringkat warga kerja.	 
Maklumat Telus dan Amalan Adil	Menyediakan akses kepada pemasaran, perniagaan dan maklumat kelestarian mengenai PNB yang berwibawa dan adil kepada pemegang unit dan pihak berkepentingan lain.	-
Teknologi dan Inovasi	Kemajuan Strategi LEAP 6 PNB memfokus pada keberkesanan dan inovasi melalui transformasi teknologi dan digital bertujuan untuk memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah dan memacu pertumbuhan perniagaan.	
Melabur Secara Mampan dan Bertanggungjawab	Usaha PNB untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam proses membuat keputusan pelaburan termasuk inisiatif PNB untuk pelaburan dalam aset hijau dan peralihan.	
Rantaian Bekalan	Kapasiti PNB untuk menggalakkan amalan ESG yang adil dan beretika dalam kalangan pembekal sejajar dengan dasar perolehan PNB.	

Risiko yang Kami Pertimbangkan

Mengurus Risiko Prinsipal Kami

Di PNB, kami menerima cabaran yang timbul bersama dengan perniagaan dan telah melaksanakan strategi kawalan dan mitigasi yang teguh demi melindungi Matlamat kami untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. PNB mengambil pendekatan proaktif dan holistik untuk menangani risiko sedia ada dan yang muncul bagi mengoptimumkan penciptaan nilai dan memenuhi objektif pelaburan.

Hal yang berikut menggariskan risiko utama bersama dengan rangka kerja pengurusan risiko yang membentuk sebahagian daripada langkah mitigasi untuk mengurus risiko. Senarai ini tidak menyeluruh, dan susunan risiko ini dibentangkan tidak menandakan kemungkinan berlaku, magnitud atau impaknya.

1 Risiko berkaitan Pelaburan Memberi Kesan kepada PNB dan Dana Unit Amanah (UTF) di bawah Pengurusannya

a. Risiko Pasaran

Risiko yang timbul daripada pergerakan negatif dalam faktor pasaran seperti harga saham, kadar faedah, kadar tukaran wang asing (Forex) dan harga komoditi

Deskripsi

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran bersama dengan Perumpukan Aset Strategik, Pengurusan Risiko Kadar Pertukaran dan Rangka Kerja masing-masing yang lain di PNB dirancang untuk mengurus dengan berkesan pelbagai risiko termasuk risiko pasaran modal, risiko kadar faedah, risiko khusus sektor dan risiko khusus sekuriti, risiko negara dan risiko mata wang.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja ini menggunakan gabungan langkah statistik dan bukan statistik serta pelbagai metrik untuk mengurus risiko pasaran dengan secukupnya termasuk:

- Nilai Berisiko
- Petunjuk Risiko Utama (KRI)
- Senarai penjejasan berpotensi
- Ujian tekanan berdasarkan senario
- Langkah berdasarkan kepekaan lain
- Had risiko lain seperti yang ditetapkan dalam dasar, rangka kerja, pelan atau buku panduan Barisan Pertahanan Pertama masing-masing

b. Risiko Kecairan

Risiko ketidakupayaan untuk mendapatkan pembiayaan yang mencukupi bagi memenuhi kewajipan kewangannya

Deskripsi

Risiko Kecairan adalah penting kepada operasi Kumpulan PNB yang termasuk menguruskan penebusan bersih UTF dan Nilai Aset Bersih (NAV) pelaburannya.

Keadaan pasaran yang tidak memberangsangkan atau pergerakan sekuriti sandaran mungkin memberi impak kepada NAV dana manakala penebusan ketara yang berpanjangan mungkin memburukkan lagi keadaan dan menimbulkan risiko kecairan dalam Kumpulan.

Tindakan Mitigasi

Rangka Kerja Risiko Kecairan menggunakan pelbagai langkah dan kawalan untuk menampung potensi kekurangan kecairan yang termasuk:

- Petunjuk Risiko Utama (KRI)
- Perumpukan strategik aset cair
- Ujian tekanan berdasarkan senario
- Pelan Pendanaan Luar Jangka
- Had risiko lain seperti yang ditetapkan dalam dasar, rangka kerja, pelan atau buku panduan Barisan Pertahanan Pertama masing-masing

Risiko yang Kami Pertimbangkan

c. Risiko Penumpuan Pelaburan

Risiko yang PNB dan UTF di bawah pengurusannya terdedah kepada kekurangan kepelbagaian, melabur terlalu banyak dalam satu kelas aset, sektor atau saham

Deskripsi	Tindakan Mitigasi
<p>Walaupun secara aktif mengemudi syarikat Strategik untuk memenuhi mandat menggalakkan pemilikan saham korporat dalam kalangan masyarakat Bumiputera, terdapat pendedahan tertumpu kepada pelaburan ekuiti bukan strategik dan kelas aset lain juga, dari semasa ke semasa.</p> <p>Rangka Kerja Risiko Penumpuan Pelaburan bertujuan untuk meminimumkan kerugian yang mungkin ditanggung oleh PNB dan UTF di bawah pengurusannya sekiranya berlaku pembubaran pelaburan disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kerugian yang timbul daripada isu-isu sistematik (penjualan pasaran) atau khusus berkaitan syarikat seperti mungkir, atau • kerugian dalam menangani jualan balik bersih besar-besaran. 	<p>Rangka Kerja menggunakan had dalaman yang menerapkan dimensi kecairan pasaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau pendedahan tertumpu kepada pelaburan bukan strategik dari semasa ke semasa • Had risiko lain seperti yang ditetapkan dalam dasar, rangka kerja, pelan atau buku panduan Barisan Pertahanan Pertama masing-masing

d. Risiko Kredit

Risiko kemerosotan kredit merangkumi mungkir dan kerugian yang timbul daripada kegagalan untuk memenuhi kewajipan pembayaran atau penstrukturan semula dengan berkesan

Deskripsi	Tindakan Mitigasi
<p>Dalam mengemudi landskap kadar faedah yang tidak menentu, mengukuhkan pemantauan risiko kredit adalah penting untuk meningkatkan pendedahan pelaburan pendapatan tetap.</p> <p>Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit bertujuan untuk mengukuhkan proses pemantauan risiko kredit sekali gus memastikan sebarang potensi kemerosotan kredit dapat diperoleh lebih awal dan diuruskan secara holistik.</p>	<p>Rangka Kerja ini menggunakan beberapa langkah untuk meminimumkan kerugian yang boleh dihadapi oleh PNB dan UTFnya sekiranya berlaku kemerosotan kredit yang merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tindakan pengurusan dicetuskan melalui pengawasan tebaran kredit dan swap mungkir kredit (CDS) untuk penerbit Korporat dan Berdaulat sebagai petunjuk amaran awal • Had risiko lain seperti yang ditetapkan dalam dasar, rangka kerja, pelan atau buku panduan Barisan Pertahanan Pertama masing-masing

Risiko yang Kami Pertimbangkan

2 Risiko Teknologi

Risiko yang timbul daripada kegagalan teknologi atau pencerobohan siber terhadap sistem IT, aplikasi, platform atau infrastruktur yang mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan dalam perkhidmatan atau operasi, atau kemudaratan reputasi organisasi

Deskripsi	Tindakan Mitigasi
<p>Peningkatan penglibatan PNB dalam megatrend teknologi seperti pendigitalan, pengkomputeran awan (cloud) dan kecerdasan buatan (AI) menyumbang kepada peningkatan pendedahan risiko terutamanya kepada risiko sistem dan keselamatan siber.</p> <p>Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (TRMF) bertujuan untuk mengurus hasil prestasi, meminimumkan isu risiko dalam operasi dan projek teknologi.</p>	<p>Rangka Kerja ini terus dipertingkatkan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi (GTRM) yang diterbitkan baru-baru ini oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). Ruang Lingkup Risiko Teknologi yang membentuk sebahagian daripada TRMF berfungsi sebagai asas dalam menjalankan penilaian risiko berhubung dengan operasi, sistem dan projek teknologi.</p> <p>Di samping itu, PNB telah mengukuhkan lagi langkah, kawalan dan tadbir urus sistem dan keselamatan sibernya. Ini termasuk, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Petunjuk Risiko Utama (KRI) • Menubuhkan fungsi maklumat dan keselamatan siber bebas • Penilaian risiko tematik mengenai penyedia perkhidmatan teknologi • Had risiko lain seperti yang ditetapkan dalam dasar, rangka kerja, pelan atau buku panduan Barisan Pertahanan Pertama masing-masing

Prestasi Portfolio

Perumpukan Aset Strategik	52
Pelaburan Strategik	54
Pasaran Awam	59
Pasaran Persendirian	63
Hartanah	67
Unit Amanah ASNB	73



Prestasi Portfolio Perumpukan Aset Strategik

PNB menggunakan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (SAA) untuk membantu dalam menentukan sasaran peruntukan modal jangka panjang yang ideal, yang penting kepada strategi kami untuk mempelbagaikan risiko merentas portfolio pelaburan dalam pelbagai aset kelas. Sasaran SAA yang disesuaikan untuk dana di bawah pengurusan PNB telah dibangunkan, dengan mengambil kira selera risiko, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan. Di samping itu, tinjauan jangka pendek dan panjang, termasuk jangkaan tahap risiko dan tahap pulangan kelas aset boleh dilabur, menyumbang kepada objektifnya.

Proses SAA yang kolaboratif dan bertanggungjawab dipupuk di seluruh organisasi untuk memastikan penjajaran sumber dan kemahiran ke arah mencapai dana objektif untuk faedah pemegang unit. Melalui pendekatan berstruktur dan inklusif ini, PNB sentiasa memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan terkini tentang asas faktor yang memberi kesan kepada risiko dan pulangan pelaburan yang dijangka, yang membawa kepada keputusan perumpukan jangka panjang yang lebih optimum. Ini termasuk pengumpulan pandangan terbaik oleh setiap unit perniagaan daripada penglibatan aktif dengan pelbagai pemimpin industri.


Walaupun tumpuan kami adalah untuk membina portfolio yang menjana pertumbuhan mampan dalam jangka panjang, kami mengakui bahawa dana kami beroperasi dalam persekitaran global yang kompleks. Oleh itu, kami menampung sasaran SAA jangka panjang dengan kecondongan taktikal jangka sederhana dan jangka pendek, masing-masing dicapai melalui Perumpukan Aset Dinamik (DAA) dan Perumpukan Aset Taktikal (TAA). Pendekatan ini memberikan kami fleksibiliti untuk membuat peralihan sementara yang disengajakan dalam julat perumpukan aset yang diluluskan. Tambahan pula, semua aspek strategi pelaburan, seperti aset pemilihan campuran dan pengurusan kecairan, diasaskan pada dasar pengurusan risiko yang teguh yang memastikan daya tahan dan kecairan dana kami mencukupi pada setiap masa untuk memenuhi sebarang liabiliti semasa mengejar peluang pelaburan yang sesuai. Kami secara berterusan menilai dan mempertimbangkan laluan penggunaan setiap dana sambil kami mengemudi secara berhemat perjalanan kepelbagaian portfolio kami, secara proaktif mengurus keadaan pasaran yang berubah-ubah dan keperluan kecairan segera.

Sejak melaksanakan Rangka Kerja SAA pada 2017 dan menjalankan semakan pertengahan penggal pada 2019, kami kekal dengan komitmen untuk mencapai objektif dana melalui strategi kepelbagaian aset yang progresif. Sebagai sebahagian daripada semakan berjadual pada 2022, kami menilai semula SAA secara menyeluruh bagi memastikan penciptaan kekayaan yang mampan untuk pemegang unit dengan mengambil kira persekitaran pasaran yang mencabar dan menggabungkan pembelajaran yang diperolehi daripada perjalanan kepelbagaian kami setakat ini. Usaha kami termasuk meningkatkan pendapatan tetap secara beransur-ansur dan pendedahan kepada pelaburan alternatif, memperkenalkan infrastruktur sebagai kelas aset baharu ke dalam dunia pelaburan kami, dan secara berhemat membina pelaburan dalam aset global untuk dana proprietari tunggal serta 18 dana unit amanah kami. Pelaburan ini akan melengkapkan pegangan ekuiti domestik sedia ada kami.



Pada dasarnya, keupayaan mempertahankan mandat kami dalam jangka panjang bergantung pada kepantasan kami menyesuaikan diri dengan persekitaran global yang sentiasa berubah. Sebagai entiti terkemuka dan berpengaruh, kami memahami tanggungjawab kritikal kami untuk melabur dengan cara yang bertanggungjawab dan mampan. Untuk tujuan ini, kami berhasrat untuk memasukkan pertimbangan ESG secara lebih komprehensif dalam proses pelaburan kami. Usaha ini membolehkan dana kami diletakkan pada kedudukan yang optimum untuk memanfaatkan peluang baharu dan meraih faedah kepelbagaian sambil mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan. Ini akhirnya akan membuka jalan untuk menjana pulangan yang konsisten dan mampan pada tahun-tahun akan datang sambil menerbitkan impak positif yang berkekalan untuk generasi akan datang.

Prestasi Portfolio Perumpukan Aset Strategik

Rangka Kerja SAA



Perumpukan Aset Kumpulan PNB mengikut Kelas Aset dan Geografi (%)



Prestasi Portfolio Pelaburan Strategik

Bahagian Pelaburan Strategik PNB kekal berdedikasi untuk terus meningkatkan nilai pemegang saham dan melindungi pelaburan PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan kami. Matlamat ini dicapai dengan usaha bagi mendapatkan pulangan yang optimum dan mampan untuk semua pihak berkepentingan.

Prinsip Panduan

- 1 **Pendekatan berasaskan situasi**
- 2 **Fokus untuk menyampaikan prestasi yang dipertingkatkan secara mampan**
- 3 **Operasi dalaman yang cekap dan kolaboratif**
- 4 **Tadbir urus terbaik dalam kelas**
- 5 **Meningkatkan nilai pengembangan bakat**

Rangka Kerja Pelaburan Strategik kami menggariskan prinsip-prinsip panduan tentang bagaimana PNB boleh menambah nilai dan mengubah prestasi syarikat Strategik dan Teras kami. Untuk tujuan ini, rangka kerja ini menyokong tadbir urus yang terbaik dalam kelasnya serta pembinaan kapasiti untuk meningkatkan keupayaan Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

Bahagian Pelaburan Strategik komited untuk memaksimumkan pulangan bagi pihak berkepentingan yang dihargai melalui pendekatan yang tekun dan proaktif untuk memantau dan menguruskan pelaburan Strategik dan Teras kami. Selaras dengan prinsip panduan tadbir urus yang baik, pengawasan korporat dan aktivisme pemegang saham, kami beroperasi berasaskan Rangka Kerja Pengawasan dan Garis Panduan Pengundian PNB untuk memastikan pelaburan kami sejajar dengan nilai dan matlamat kami.

Tumpuan kami untuk mewujudkan nilai adalah penting kepada misi kami dan dicapai melalui proses analisis, penilaian dan pelaksanaan pelan strategik yang menyeluruh dan sistematik syarikat-syarikat Strategik dan Teras kami. Pasukan kami dilengkapi untuk mengenal pasti dan mengesyorkan usaha korporat yang sesuai, seperti penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturan semula dan rasionalisasi, untuk mengoptimalkan pulangan dan meningkatkan nilai pemegang saham.

Kami menyedari akan kitaran pelaburan dan telah membangunkan pendekatan strategik untuk mengekstrak nilai daripada pelaburan matang kami. Kami juga secara aktif menggunakan modal dalam syarikat Strategik dan Teras kami melalui pelan pelaburan semula dividen, sukuk, sekuriti kekal dan cara inovatif lain. Ini membantu untuk memastikan pelaburan kami direalisasikan pada masa yang optimum dan memaksimumkan pulangan di samping meminimumkan risiko.

Beberapa risiko yang kami pertimbangkan dalam strategi kami termasuk ketidakpastian pasaran, ketidakpastian ekonomi, perubahan kawal selia, faktor geopolitik dan potensi gangguan industri. Di samping itu, risiko tertentu mungkin timbul bergantung kepada syarikat serta sektor syarikat Strategik dan Teras kami.

Kami berbangga dalam mengekalkan hubungan rapat dan produktif dengan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pihak berkepentingan lain daripada Syarikat Pelaburan kami, termasuk pelabur bersama dan pembuat dasar. Kami percaya bahawa mengekalkan hubungan yang kukuh dengan pihak-pihak utama adalah penting untuk melindungi pelaburan PNB dan dana unit amanah terurus kami, dan bagi memastikan penciptaan nilai dengan cara yang paling optimum. Melalui penglibatan dan kerjasama yang berterusan, kami sentiasa dimaklumkan dan memberikan sokongan relevan yang diperlukan untuk meneruskan misi kami untuk memaksimumkan pulangan dan mendukung tadbir urus yang baik.

Pencapaian Utama

Sepanjang tahun dalam kajian, kami terus menyokong usaha Lembaga Pengarah PNB untuk mengimbangi semula portfolio kami dan kepelbagaian merentasi kelas aset dan pasaran geografi yang berbeza. Kami juga menyediakan sokongan yang diperlukan kepada syarikat Strategik dan Teras kami dalam pelbagai latihan mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaburan tambahan, pelupusan, penstrukturan semula modal, pemulihan, serta penggabungan dan pengambilalihan untuk memastikan pulangan pelaburan yang optimum selain melindungi kepentingan PNB dan 18 dana unit amanah kami. Pendapatan dividen yang kami hasilkan juga memainkan peranan penting dalam membolehkan UTF secara konsisten menawarkan pulangan yang kompetitif.

Kami telah menjana pelaburan bernilai kira-kira RM3.6 bilion semasa TK2023. Ini membolehkan PNB untuk merealisasikan pelaburan yang telah lama dipegang dan melabur semula hasil dengan cara yang konsisten dengan strategi pelaburan PNB untuk kepelbagaian yang lebih besar merentas pelbagai kelas aset. Kami juga bekerjasama dengan Bahagian Pengawasan Pelaburan untuk inisiatif berkaitan kelestarian yang melibatkan Syarikat Pelaburan Strategik dan Teras PNB.

Prestasi Portfolio Syarikat Strategik

Malayan Banking Berhad Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM64,467 juta
Permodalan Pasaran	RM107,216 juta
PATAMI	RM9,350 juta
% Pegangan Saham	44.83%

Maybank ditubuhkan pada 1960 dan hari ini merupakan syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran di Bursa Saham Malaysia (Bursa Malaysia), dan antara 500 syarikat teratas dalam syarikat terkemuka dunia Forbes Global 2000. Maybank turut tersenarai sebagai salah satu Syarikat Terbaik Dunia Time's 2023.

Kumpulan Maybank menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang komprehensif, termasuk perbankan komersial, perbankan pelaburan, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, insurans dan takaful, perkhidmatan pemegang amanah, pengurusan aset, pembrokeran, perkhidmatan penama, modal teroka dan perbankan internet.

Dalam usahanya untuk merealisasikan masa depan yang mampan untuk semua, misi Maybank adalah untuk menginsankan perkhidmatan kewangan tertumpu kepada tujuan melakukan perkara yang betul, tidak meminggirkan sesiapa dan berperanan sebagai kekuatan untuk kebaikan. Perkara ini didorong dengan menyediakan akses mudah kepada pembiayaan dalam persekitaran digital dan fizikal, mengukuhkan kepentingan perbankan beretika, menawarkan terma dan harga yang wajar, menasihati pelanggan berdasarkan keperluan mereka, mengutamakan pengalaman pelanggan menggunakan teknologi digital generasi akan datang, dan sentiasa berada dalam hati masyarakat.

Sime Darby Berhad Diaudit TKB 30 Jun 2023



Pendapatan	RM48,288 juta
Permodalan Pasaran	RM16,017 juta
PATAMI	RM1,458 juta
% Pegangan Saham	47.03%

Sime Darby ialah rakan kongsi pilihan untuk beberapa jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif, dengan operasi di 18 negara dan wilayah di seluruh Asia Pasifik, dengan disokong oleh lebih 30,000 pekerja. Dengan ibu pejabat di Malaysia, Sime Darby beroperasi dalam industri peralatan berat, automotif dan sektor yang berkaitan, menyediakan perkhidmatan runcit, selepas jualan, penyewaan dan lain-lain kepada pelbagai pelanggan di rantau ini, daripada individu kepada perniagaan kecil dan organisasi terkemuka dunia.

Sime Darby Industrial ialah peneraju dalam bidang peralatan berat. Ia menyediakan penyelesaian pemindahan tanah dan perindustrian untuk pelanggan dalam sektor sumber, infrastruktur, minyak dan gas, penjana kuasa, marin, pertanian dan pengendalian bahan. Ini termasuk menjual dan menyewakan peralatan industri, menyediakan sokongan produk dan alat ganti selepas jualan, serta membangunkan penyelesaian industri yang inovatif.

Sime Darby Motors, cabang perniagaan automotif Sime Darby, terlibat dalam peruncitan, pengedaran, pemasangan, serta penyewaan kenderaan komersial dan penumpang. Dengan pengalaman lebih 50 tahun serta memenangi pelbagai anugerah, operasinya menembusi 10 pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik dengan membariskan lebih 30 jenama automotif terbesar, termewah dunia, seperti Rolls-Royce dan Lamborghini, jenama mewah seperti BMW, Porsche, dan Volvo hingga kepakaran kenderaan elektrik (EV) seperti BYD, Li Auto, dan Polestar, serta jenama pilihan keluarga seperti Hyundai, Ford dan Mazda.

Pada 2023, Sime Darby memperoleh pegangan majoriti di dalam UMW Holdings Berhad. Dengan kehadiran yang kukuh dalam lapan pasaran utama Asia Pasifik, UMW menawarkan kecemerlangan dan inovasi dalam industri automotif, peralatan, pembuatan dan kejuruteraan, dan aeroangkasa. Dengan kemasukan UMW, Sime Darby telah mengembangkan portfolionya dan memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai salah satu daripada pemain utama automotif dan industri terbesar di Asia Tenggara.

SD Guthrie Berhad (Dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad) Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM18,428 juta
Permodalan Pasaran	RM30,844 juta
PATAMI	RM1,860 juta
% Pegangan Saham	55.30%

200 tahun yang lalu, sekumpulan anak muda dengan azam keusahawanan tiba di Timur Jauh mencari kekayaan dan pengembaraan lalu menanam benih untuk masa depan melebihi apa yang mereka boleh bayangkan.

Hari ini SD Guthrie berdiri teguh sebagai pengeluar Minyak Sawit Mampam Bertauliah (CSPO) terbesar di dunia. Dengan keluasan tanaman kira-kira lapan kali ganda saiz semasa Singapura, ia juga merupakan salah satu syarikat perladangan terbesar di dunia.

SD Guthrie merupakan sebuah syarikat perladangan global bersepadu di dalam industri minyak sawit, beroperasi di 13 negara. Melalui operasi perladangannya, lima pusat R&D, dan 11 kilang penapisan di seluruh dunia, penanam, saintis, jurutera, pedagang dan lain-lain bekerjasama untuk membangunkan dan menghasilkan beberapa produk minyak dan lemak bertapis berkualiti tinggi, oleokimia, biodiesel berasaskan minyak sawit, nutrasetikal, derivatif minyak sawit lain, serta produk pertanian.

Disokong oleh tenaga kerja lebih 80,000 orang, SD Guthrie telah mengukuhkan kedudukan sebagai pemimpin industri dengan kejayaan R&D dalam genomik kelapa sawit untuk menghasilkan antara bahan penanaman kelapa sawit terbaik dunia, GenomeSelect™; piawaian buruh terbaik dalam kelasnya; dan inovasi termaju yang merevolusikan kerja di ladang. SD Guthrie ialah syarikat minyak sawit pertama di dunia yang mempunyai sasaran pengurangan pelepasan sifar bersih jangka pendek dan jangka panjang, GHG yang diluluskan oleh inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi). Perkara ini membuktikan komitmen SD Guthrie untuk menanganai keperluan segera perubahan iklim dengan sasaran sebenar, bermakna dan boleh diukur.

SD Guthrie menyediakan perkhidmatan kepada pelbagai kategori pelanggan di lebih 90 negara dan merupakan rakan kongsi pilihan untuk pemegang kepentingan utamanya. Kejayaannya diasaskan pada daya tahan, kebolehsuaian dan dinamisme, manakala kecemerlangannya yang berterusan dalam perniagaan, kemampuan, penyelidikan dan inovasi memacu fasa baharu perubahan dan pertumbuhan SD Guthrie.

Prestasi Portfolio Syarikat Strategik

Sime Darby Property Berhad

Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM3,437 juta
Permodalan Pasaran	RM4,251 juta
PATAMI	RM408 juta
% Pegangan Saham	57.64%

Sime Darby Property ialah perintis pemaju hartanah di Malaysia yang memenangi pelbagai anugerah dengan kejayaan selama 50 tahun dalam industri hartanah. Kumpulan ini telah membina lebih 100,000 rumah merentasi 25 perbandaran dan pembangunan, dengan produk merangkumi hartanah kediaman, komersial, serta perindustrian dan logistik.

Dengan kecemerlangan dalam pelbagai segmen hartanah termasuk Pelaburan & Pengurusan Aset serta Riadah, Sime Darby merupakan pemilik tunggal KL East Mall dan kelab golf terkemuka serantau, Kuala Lumpur Golf & Country Club. Mengesahkan kedudukannya pada peringkat antarabangsa, Sime Darby Property ialah sebahagian daripada konsortium syarikat Malaysia yang menghidupkan semula Stesen Janakuasa Battersea yang ikonik di Central London, United Kingdom.

Dalam perniagaan Pengurusan Pelaburan & Asetnya, Sime Darby Property mengendalikan 7.7 juta kaki persegi kawasan boleh disewa bersih merentasi komersial, runcit, hospitaliti, pendidikan dan perindustrian.

Berpandukan UNSDC, Sime Darby Property komited untuk mencapai Sasaran Kelestarian 2030 dan meneruskan peranannya sebagai Force for Good. Kumpulan ini berikrar terhadap komitmennya pada November 2023 untuk mencapai pengurangan sebanyak 40% dalam pelepasan Skop 1 & 2 menjelang 2030 dan pelepasan sifar bersih karbon menjelang 2050. Sime Darby Property ialah konstituen Indeks Permodalan Kecil MSCI ACWI dengan Penarafan MSCI ESG BB dan dinilai oleh Projek Pendedahan Karbon.

Sebagai bukti kepada kecemerlangannya, Sime Darby Property telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan industri hartanah dan mengakhiri tahun 2023 dengan 51 anugerah. Ini termasuk anugerah Emas Dunia (Kategori Pelan Induk) dan anugerah Perak Dunia (Kediaman Bertingkat-Pertengahan) di 'FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023' dan Pemaju hartanah terbaik pada Anugerah Pemaju Terbaik 'The Edge Malaysia's selama 12 tahun berturut-turut.

S P Setia Berhad

Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM4,374 juta
Permodalan Pasaran	RM3,434 juta
PATAMI	RM299 juta
% Pegangan Saham	62.25%

S P Setia ialah pemaju hartanah terkemuka di Malaysia dan telah mengukuhkan kehadirannya di tujuh negara di seluruh dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 1974, portfolio segmen perniagaan teras Kumpulan merangkumi perbandaran, pembangunan bertema eko, pembangunan bersepadu bercampur, pembangunan khusus serta pengembangan kepada taman perindustrian di seluruh rantau. Portfolio hartanah pelaburannya merangkumi pelbagai jenis hartanah termasuk pejabat, peruncitan, pendidikan, hotel dan pusat konvensyen.

S P Setia telah memenangi tempat teratas untuk Anugerah Pemaju Hartanah The Edge sebanyak 14 kali dan Anugerah Emas Dunia World Prix d'Excellence sebanyak 17 kali.

Velesto Energy Berhad

Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM1,214 juta
Permodalan Pasaran	RM1,890 juta
PATAMI	RM100 juta
% Pegangan Saham	52.48%

Velesto ialah penyedia perkhidmatan multinasional yang berpangkalan di Malaysia untuk sektor hulu industri minyak dan gas.

Velesto memiliki dan mengendalikan enam pelantar penggerudian jack-up premium, yang mampu beroperasi di kedalaman air sehingga 400 kaki — sesuai untuk perairan cetek Asia Tenggara. Ia juga merupakan penyedia perkhidmatan kerja baik pulih telaga melalui unit baik pulih hidrauliknya. Di samping itu, ia menyediakan perkhidmatan penggerudian dan baik pulih bersepadu untuk memenuhi keperluan pelanggannya.

Kerjasama Velesto dengan PETRONAS Technical Training Sdn Bhd dalam menubuhkan Velesto-INSTEP Drilling Academy (VIDA) mencerminkan komitmennya untuk membangunkan bakat berkualiti tinggi dan menangani kekurangan kritikal tenaga kerja profesional penggerudian tempatan yang mahir, menyumbang kepada pertumbuhan modal insan negara.

Disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, Velesto merupakan konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia, bukti kepada prestasi kemampuannya dan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus, ESG.

Prestasi Portfolio Syarikat Strategik

Duopharma Biotech Berhad

Diaudit TKB 31 Disember 2023



Pendapatan	RM705 juta
Permodalan Pasaran	RM1,212 juta
PATAMI	RM53 juta
% Pegangan Saham	50.86%

Duopharma Biotech bermula dengan penubuhan Duopharma (M) Sdn Bhd pada tahun 1978. Duopharma Biotech telah diperbadankan pada tahun 2000 dan kini merupakan salah satu daripada syarikat farmaseutikal terkemuka Malaysia yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad.

Duopharma Biotech mempunyai kecekapan teras dalam industri farmaseutikal termasuk pembuatan, penyelidikan dan pembangunan, serta pengkomersialan dan pemasaran lebih 300 ubat generik seperti Crystorvas, Prelica dan Omesec serta produk penjagaan kesihatan pengguna termasuk CHAMPS®, FLAVETTES®, PROVITON® dan Uphamol, yang diiktiraf dan diterima baik oleh pengguna di Malaysia, di peringkat serantau dan global. Syarikat ini juga telah mempelbagaikan perniagaan dengan menceburi sektor biosimilar menerusi kerjasama teknologi dan pengkomersialan dengan rakan kongsi antarabangsa yang boleh dipercayai dan kukuh. ERYSAA®, Basalog One, dan Zuhera ialah beberapa jenama biosimilar yang dikomersialkan.

Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia, Duopharma Biotech memiliki dan mengendalikan tiga kilang pembuatan di Klang, Bangi dan Glenmarie, Selangor. Duopharma Biotech juga mempunyai anak syarikat di Filipina, Singapura dan Indonesia.

MNRB Holdings Berhad

Belum Diaudit TKB 31 Mac 2024



Pendapatan	RM3,602 juta
Permodalan Pasaran	RM955 juta
PATAMI	RM428 juta
% Pegangan Saham	54.54%

MNRB ialah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang pakar dalam menyediakan penyelesaian takaful, insurans semula dan takaful semula. Produk-produk berkenaan ditawarkan melalui anak syarikat milik penuhnya, termasuk Malaysia Reinsurance Berhad (Malaysian Re), Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family), Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General) dan Malaysian Re (Dubai) Ltd.

Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General memberi perkhidmatan kepada hampir dua juta pemegang polisi, sekali gus mencerminkan komitmen untuk menyediakan akses dan penyelesaian takaful yang boleh dipercayai.

Malaysian Re ialah syarikat insurans semula nasional yang terbesar di rantau Asia Tenggara, disokong oleh kehadiran industri aset yang cukup besar dan kukuh.

Sapura Energy Berhad

Diaudit TKB 31 Januari 2024



Pendapatan	RM4,319 juta
Permodalan Pasaran	RM719 juta
PATAMI	(RM509) juta
% Pegangan Saham	34.45%

Sapura Energy ialah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian minyak dan gas bersepadu global yang beroperasi di seluruh rantaian nilai hulu, termasuk yang boleh diperbaharui. Spektrum keupayaan Kumpulan ini meliputi penerokaan, pembangunan, pengeluaran, rejuvenasi, serta penutupan dan peninggalan.

Dengan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berkemampuan teknikal, aset strategik serba boleh, dan keupayaan pengurusan projek yang kukuh, Kumpulan ini kini menawarkan penyelesaian dan kepakaran bersepadunya di lebih 20 negara.

Prestasi Portfolio Syarikat Strategik

Peratus Pemegangan Saham Syarikat Teras Terpilih

18.35%



Axiata Group Berhad

19.46%



IJM Corporation Berhad

18.31%



Tenaga Nasional Berhad

17.15%



Gamuda Berhad

17.08%



Telekom Malaysia Berhad

12.57%



Bank Islam Malaysia Berhad

11.03%



CIMB Group Holdings Berhad

7.05%



CelcomDigi Berhad

12.78%



Malaysia Building Society Berhad

9.58%



PETRONAS
Petronas Gas Berhad

Nota:

PATAMI - Keuntungan Selepas Cukai dan Faedah Minoriti.

Semua angka permodalan pasaran dan pemegangan saham adalah setakat 31 Disember 2023.


Pasaran Awam

Sorotan 2023

Pasaran Ekuiti Awam dan Pendapatan Tetap Global menunjukkan daya tahan yang ketara walaupun terdapat banyak peristiwa yang berlaku seperti dasar monetari yang ketat, krisis perbankan yang tidak dijangka, konflik geopolitik, dan isu kemanusiaan di Ukraine dan Timur Tengah, serta kesan perubahan iklim. Dalam keadaan ketidakpastian itu, kumpulan syarikat “Magnificent 7” melonjak di sebalik ledakan AI, yang menyokong prestasi syarikat teknologi di AS dan di seluruh dunia.

Sementara itu, pemulihan pasaran Jepun yang telah dijangkakan telah menarik minat pelabur, membayangi pemulihan ekonomi China yang mengecewakan. Pada peringkat tempatan di Malaysia, pengenalan beberapa pengumuman dasar utama pada tahun 2023 menimbulkan rasa optimis yang diperbaharui terhadap masa depan negara dan keapungan pasaran modal Malaysia.

Perumpukan Aset Pasaran Awam



Dalam ruang Pasaran Awam, kami terus aktif mengimbangi portfolio kami. Ekuiti Awam Domestik kekal sebagai tunjang utama portfolio kami, di mana pendedahan kami yang meluas merangkumi seluruh sektor utama dan bidang pertumbuhan ekonomi.

Pendedahan kami pada peringkat antarabangsa terbukti tepat, ketika kami meraih ganjaran daripada kebangkitan tahun lepas dalam pasaran ekuiti global. Kemuncak kadar faedah di seluruh dunia memberi sinar harapan, bon dengan hasil menggalakkan tersedia untuk dimanfaatkan, membolehkan kami memperoleh hasil yang menggalakkan dalam ruang pendapatan tetap dan terkumpul untuk jangka panjang. Pengurus Dana Luaran (EFM) kami juga menambah kepelbagaian strategi, mewujudkan portfolio seimbang yang dapat menahan turun naik pasaran, dan pada masa yang sama, merebut peluang di Pasaran Baru Muncul dan Maju.

Ekuiti Awam

Ekuiti Awam Global

Berikutan kemerosotan pasaran pada 2022, tahun 2023 menyaksikan pemulihan prestasi yang ketara, dengan Indeks Islam Dunia MSCI (MIWD) meningkat sebanyak 23.4%. Pasaran Maju menonjol sebagai prestasi terbaik, dengan Indeks S&P 500 AS meningkat sebanyak 24.2% dan Indeks Nikkei 225 Jepun meningkat sebanyak 28.2%.

Kenaikan dalam pasaran saham AS diterajui oleh kaunter teknologi yang telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang ketara disebabkan oleh penggunaan AI generatif yang meluas. Jangkaan kadar faedah yang memuncak dan disinflasi dalam ekonomi AS juga telah memupuk jangkaan bahawa Rizab Persekutuan (Fed) akan mula mengurangkan kadar faedah, mendorong lebih banyak sentimen positif dalam pasaran.

Pasaran saham Jepun mengalami kenaikan mengejut, didorong oleh peningkatan keyakinan terhadap pembaharuan tadbir urus korporat dan prospek ekonomi yang beralih daripada deflasi selama berdekad-dekad. Yen yang melemah telah meningkatkan inflasi import dan menjejaskan ekonomi Jepun ke arah kitaran inflasi yang lebih baik.

Walaupun ekonomi China dilanda cabaran termasuk sektor hartanah yang berlebihan dan ketegangan perdagangan AS-China yang berterusan, Pasaran Baru Muncul mencatatkan prestasi memberangsangkan pada 2023, dengan keuntungan keseluruhan sebanyak 10%. Ini didorong terutamanya oleh pulangan yang kukuh daripada Nifty 50 India pada 20% dan Kospi Korea Selatan pada 19%, dengan berkesan mengimbangi penurunan 11% yang disaksikan dalam Indeks CSI 300 China. Untuk memanfaatkan potensi pulangan dalam pasaran baru ini, PNB telah mengembangkan pelaburan ke rantau baharu seperti India, Brazil dan Arab Saudi melalui Dana Dagangan Bursa (ETF) untuk menyediakan fleksibiliti taktikal bagi mencondongkan pendedahan portfolio dengan cekap, berkos rendah dan bertepatan dengan masa.

Sebagai pengurus aktif, kami telah mengambil peluang yang muncul dengan sebaiknya sambil menguruskan trend dan risiko yang berkembang dengan bijak. Dalam suasana pemulihan ekonomi pasca-COVID pada tahun 2023, pergerakan strategik kami mengakibatkan lonjakan luar biasa sebanyak 52% dalam nilai dagangan Ekuiti Awam, seiring dengan peningkatan dalam pasaran saham antarabangsa. Ini menyokong komitmen kami untuk membuat keputusan yang tangkas dan kedudukan pasaran yang bijak.

Falsafah pelaburan kami, berteraskan asas jangka panjang, memacu pembinaan portfolio Ekuiti Awam Global yang berdaya tahan dan pelbagai. Sebagai pengurus aktif, kami juga tangkas dalam mengendalikan perkembangan geografi dan tema baharu, memupuk strategi pelaburan kukuh yang mampu bertahan dalam keadaan pasaran yang pelbagai.

Pasaran Awam

Ekuiti Domestik

Pada peringkat tempatan, 2023 adalah kisah yang terbahagi kepada dua bahagian. Pada separuh pertama 2023, KLCI mengalami penurunan sebanyak 7.9%, dipengaruhi terutamanya oleh faktor luaran. Keputusan Fed untuk menaikkan kadar faedah empat kali lagi dalam tempoh ini, ditambah dengan kebimbangan potensi krisis perbankan di AS, menghakis keyakinan pelabur dan menjejaskan sentimen terhadap Pasaran Baru Muncul. Berikutan itu, terdapat aliran keluar asing bersih yang berterusan daripada pasaran ekuiti domestik sepanjang separuh pertama 2023, berjumlah RM4.2 bilion.

Dikotomi menjadi jelas pada separuh kedua 2023 apabila indeks KLCI melonjak sebanyak 5.7%, didorong oleh kaunter kewangan dan utiliti. Aliran menaik ini dipengaruhi oleh peningkatan keyakinan mengenai trajektori disinflasi global dan inisiatif dasar proaktif yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik minat pelabur asing. Terutamanya, aliran masuk bersih ke dalam pasaran ekuiti bagi separuh kedua 2023 mencecah RM1.8 bilion. Walaupun penjualan ekuiti global pada Oktober 2023 dicituskan oleh kebimbangan terhadap kadar faedah yang tinggi di AS, kebimbangan ini menyusut menjelang November, membolehkan KLCI mengakhiri tahun dengan penurunan marginal sebanyak 2.7%.

Berbeza daripada KLCI, indeks permodalan kecil FBM menunjukkan prestasi kukuh sebanyak 9.6% pada 2023, merangkumi pelbagai sektor dan industri. Walaupun kami kebanyakannya melabur dalam syarikat saham cip biru, menerusi keupayaan penyelidikan syarikat dan industri kami yang mendalam, kami terus meneroka pasaran ekuiti domestik untuk peluang yang menjanjikan penjana pulangan dalam pelbagai senario pasaran. Pendekatan kami terhadap kaunter permodalan kecil termasuk pelaburan dalam syarikat baru tersenarai yang telah mencatatkan potensi pertumbuhan yang kukuh dengan permodalan pasaran melonjak masing-masing sebanyak 108% dan 297%, sejak penyenaian.

Pada tahun dalam kajian, kami menyaksikan perkembangan yang signifikan apabila kerajaan mengumumkan beberapa dasar dan inisiatif jangka panjang utama. Ini termasuk pengenalan NETR, NIMP, penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, dan pelaksanaan langkah-langkah untuk merasionalisasikan subsidi. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen padu kerajaan dalam memupuk persekitaran dasar yang kondusif untuk negara. Keyakinan itu jelas dikongsi oleh pelabur memandangkan jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2023 mencecah paras tertinggi sebanyak RM329.5 bilion, dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh pelabur asing.

Usaha strategik ini telah meletakkan asas untuk peralihan struktur yang tulen dalam ekonomi Malaysia, menetapkan tahap untuk memanfaatkan peluang merentas pelbagai sektor. Terutamanya, terdapat tumpuan yang semakin meningkat terhadap projek tenaga boleh diperbaharui, penubuhan pusat data di Johor, dan pembangunan industri semikonduktor di Pulau Pinang. Inisiatif-inisiatif ini telah mencetuskan minat yang meningkat, terutamanya dalam kalangan pelabur yang mengintai peluang dalam sektor seperti Hartanah, Pembinaan, Utiliti dan syarikat-syarikat bermodal kecil, menandakan prospek pertumbuhan dan pembangunan yang menjanjikan.



PNB kekal melabur dengan banyak dalam pasaran ekuiti domestik, yang merupakan 60% daripada aset di bawah pengurusan kami. Kami terus memperuntukkan pelaburan secara strategik kepada peneraju pasaran yang asasnya kukuh, merentas pelbagai sektor dan permodalan pasaran, untuk mengekalkan portfolio pelbagai yang menyediakan dividen konsisten dan peluang untuk pertumbuhan modal dalam ruang domestik.

Pengurus Dana Luaran

Pada tahun 2023, pendedahan EFM mewakili 16% daripada keseluruhan pendedahan pelaburan ekuiti awam global kami. Strategi yang diselia oleh EFM direka untuk menawarkan kepelbagaian portfolio pelengkap bersama portfolio kami yang diuruskan secara dalaman, memberikan perspektif pelaburan dan sumber yang unik untuk meningkatkan keupayaan dalaman kami.

Pada masa ini, Pasaran Awam mempunyai 11 EFM yang menyelia empat strategi ekuiti untuk kedua-dua dana Proprietari dan unit amanah PNB, menyumbang secara signifikan untuk mencapai sasaran Pulangan Atas Pelaburan kami. Pada tahun 2023, sumbangan EFM kepada jumlah pendapatan meningkat sebanyak 108% tahun ke tahun.

Pecahan Peruntukan



Pasaran Awam

Pendapatan Tetap

Pendapatan Tetap Global

Tekanan inflasi yang timbul pada akhir 2021, didorong oleh aktiviti pembukaan semula ekonomi pasca pandemik, berterusan sepanjang 2022 dan memerlukan tindakan tegas daripada bank-bank pusat utama. Ini membawa kepada kempen pengetatan monetari yang agresif yang berlanjutan hingga 2023. Walaupun tekanan harga menaik sederhana, kadar inflasi kekal berterusan mengatasi sasaran bank pusat, mengakibatkan tempoh lanjutan kadar faedah yang tinggi berbanding norma sejarah.

Walau bagaimanapun, separuh kedua tahun 2023 membawa perubahan sentimen. Petunjuk yang muncul mengenai kelembapan ekonomi di AS mendorong jangkaan peralihan yang berpotensi dalam dasar Fed, dengan pengurangan kadar dijangka pada tahun 2024. Jangkaan ini, ditambah dengan peningkatan keseluruhan dalam prestasi pasaran, menyumbang kepada Indeks Agregat Global Bloomberg Barclays yang memberikan pulangan positif sebanyak 5.7% dari segi dolar AS menjelang akhir tahun ini.

Kami mengambil peluang untuk mengembangkan pelaburan melangkaui Bon Kerajaan Malaysia dan Perbendaharaan AS, menceburi bon Indonesia dan negara-negara Teluk Arab. Tunjang taktikal kami adalah untuk memanfaatkan hasil lebih tinggi yang ditawarkan oleh pasaran baharu ini berbanding Perbendaharaan AS. Sejalan dengan matlamat PNB yang lebih luas untuk meningkatkan pendedahan kepada kelas aset pendapatan tetap, pegangan pendapatan tetap global dana unit amanah melonjak sebanyak 22% pada 2023.

Pendapatan Tetap Domestik


Pasaran bon tempatan mengukuh sepanjang tahun apabila jangkaan pasaran bagi pengurangan kadar Fed dalam mesyuarat FOMC November membawa kepada kedudukan awal oleh peserta pasaran dalam suasana penurunan hasil. Pada Mei 2023, Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Selepas itu, kadar OPR kekal tidak berubah sepanjang tahun, bertepatan dengan inflasi yang kian di Malaysia.

Sehubungan itu, Indeks Semua Bon Agensi Harga Bon Malaysia (BPAM) mencapai jumlah pulangan positif sebanyak 6.73% bagi tahun ini, sejajar dengan prestasi indeks bon global. Jumlah dagangan dan permintaan untuk bon kerajaan di kedua-dua pasaran utama dan sekunder menyaksikan peningkatan tahun ke tahun. Selain itu, terbitan bon korporat yang diberi nilai AA3 dan lebih baik menyaksikan lebih langganan disebabkan bekalan bersih yang terhad pada 2023.

PNB dan dana unit amanah aktif dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), bon korporat Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Ringgit; merangkumi sektor seperti infrastruktur, utiliti, perkhidmatan kewangan dan perladangan. Nilai transaksi dalam pendapatan tetap domestik untuk PNB dan dana unit amanah melonjak pada 2023, memanfaatkan peluang dagangan di pasaran tempatan dan mencerminkan peningkatan keseluruhan peruntukan kepada instrumen pendapatan tetap PNB.

Jumlah Pendapatan Tetap PNB dan Nilai Pasaran Wang pada tahun 2023

Nilai Transaksi, Peratusan Pertumbuhan Tahun ke Tahun



Pasaran Awam

Inisiatif Pasaran Awam Utama 2023

Pada tahun 2023, kami melancarkan beberapa inisiatif yang memainkan peranan penting dalam memacu matlamat strategik kami dan memberikan nilai kepada pihak berkepentingan kami.

Menggabungkan metrik kelestarian dalam pertimbangan pelaburan

Kami terus mengukuhkan asas pengetahuan kami dalam isu-isu kelestarian, secara proaktif mengesan trend baharu dalam kelestarian untuk mengenal pasti peluang ESG yang boleh memberi kesan kepada landskap pelaburan.

Pasukan penyelidikan Pasaran Awam juga telah mula mengalusi pertimbangan kelestarian kami dalam analisis pelaburan kami melalui *Tearsheet* ESG yang merangkumi bidang seperti strategi kelestarian, usaha pengurangan perubahan iklim dan komitmen terhadap amalan tadbir urus yang teguh.

Penggunaan alat platform dagangan elektronik untuk pelaksanaan atas kaunter (OTC) melalui penggunaan FXGO untuk perdagangan FX termasuk derivatif FX, dan penggunaan ALLQ untuk perdagangan bon di platform Bloomberg. Kaedah perdagangan ini membolehkan proses perdagangan yang lebih kemas dan lancar, serta peruntukan aliran perniagaan yang lebih objektif kepada perantara masing-masing dengan cara yang mementingkan keberkesanan kos dan masa. Perkongsian lanjut dengan penyedia perisian dan perantara lain sedang diteroka untuk mencapai kaedah perdagangan menjimatkan kos yang tersirat dan eksplisit.

Pengoptimuman proses pelaksanaan melalui penggunaan RFQE untuk dagangan ETF, dan perdagangan Akses Pasaran Langsung (DMA) bersama penyelesaian dagangan algoritma di platform Bloomberg meningkatkan keupayaan Pasaran Awam untuk berdagang dengan cekap merentas bursa dan zon masa. Ini adalah untuk memudahkan kecekapan dan ketelusan yang lebih besar dalam melaksanakan perdagangan, dan memastikan hasil yang bermanfaat seperti kadar pengisian pesanan yang lebih baik dan pengoptimuman kos perdagangan.



Pandangan

Menjelang tahun baharu, ekonomi AS terus menunjukkan daya tahan, ditandai oleh pasaran buruh yang kukuh dan kadar inflasi yang stabil, menunjukkan pemulihan pendapatan berasas luas yang melangkaui sektor teknologi. Di Jepun, jangkaan pemulihan ekonomi mengumpulkan momentum, menarik pelabur kembali ke negara tersebut, yang berpotensi membawa kepada penarafan semula dalam penilaian syarikat. Sebaliknya, tekanan semakin ketat ketika China bergelut dengan pelbagai cabaran, dibelenggu oleh kelemahan sentimen perniagaan dan keyakinan pengguna yang berterusan sehingga ke tahun 2024.

Pada peringkat domestik, keyakinan meningkat apabila agenda pembaharuan kerajaan menjadi tumpuan, terutamanya langkah rasionalisasi subsidi dan konsolidasi fiskal yang akan datang. Sarawak, Pulau Pinang dan Johor dijangka muncul sebagai jentera pertumbuhan yang benar-benar melonjakkan negara dalam trajektori menaik, menarik pelaburan langsung asing (FDI) jangka panjang ke dalam sektor seperti semikonduktor, pusat data dan tenaga boleh diperbaharui.

Risiko yang berterusan, terutamanya bayangan kadar faedah tinggi yang berpanjangan di AS di tengah-tengah kelembapan dalam trend disinflasi, mengancam untuk mencetus semula ketidaktentuan pasaran. Pilihan raya Amerika Syarikat yang akan datang berpotensi memburukkan lagi ketegangan antara AS dan China, juga boleh memberi kesan kepada kepentingan perdagangan Malaysia. Ketidaktentuan pasaran berpotensi untuk memburuk, berlatar belakang ketegangan geopolitik, serta konflik yang berterusan seperti perang Rusia-Ukraine, ketegangan Gaza-Israel dan serangan Iran ke atas Israel.

Melihat ke hadapan, kami kekal optimis terhadap pasaran ekuiti maju dan domestik, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan dan pelaburan modal yang ketara dalam sektor teknologi yang dijangka memacu pertumbuhan dan penilaian pendapatan yang dipertingkatkan. Kami juga positif terhadap prospek pasaran pendapatan tetap global dan domestik memandangkan kadar faedah global yang memuncak menyediakan titik masuk yang lebih memuaskan untuk meningkatkan peruntukan pendapatan tetap kami. Walaupun terdapat ketidaktentuan semasa, kami bertekad untuk mengemudi keadaan kompleks ini dengan berhati-hati, komited terhadap misi kami menjana pulangan yang kompetitif untuk semua pemegang unit kami yang dihargai.

Pasaran Persendirian

Bahagian Pasaran Persendirian terdiri daripada empat jabatan dan unit utama – Pelaburan Langsung, Pelaburan Dana Global, Pelaburan Infrastruktur, dan Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Pada tahun 2023, kami meneruskan penggunaan modal ke dalam kelas aset ekuiti dan infrastruktur swasta, sejajar dengan strategi perumpukan aset kami untuk meningkatkan aset kami di bawah pengurusan dalam kedua-dua kelas aset. Pendekatan ini membantu mempelbagaikan dan meningkatkan pulangan portfolio kami. Kami komited dalam menghalusi fokus pelaburan kami dan mengamalkan proses pelaburan terbaik dalam kelas yang disesuaikan dengan kelas aset ini.

Rangka Kerja Pelaburan Persendirian		
Visi	Untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam kelas aset Ekuiti Persendirian (PE) yang menarik, sekali gus meningkatkan pulangan bagi Kumpulan PNB	
Keutamaan	Pengambilalihan – Global Kebolehskalaan, profil pulangan risiko teras kelas aset PE	Pertumbuhan – Global Ekonomi baru muncul, industri era baharu
	Sekunder – Global Profil tunai pelengkap kepada portfolio PI	Langsung – Malaysia Keupayaan menjana alfa domestik
Pemboleh Daya	Pelaburan Bersama – Global Keupayaan menjana alfa global	Modal Teroka (VC) – Global Peluang, bersama firma VC peringkat atas
	Bakat Menyusun semula pasukan PE selari dengan portfolio disasarkan	Tadbir Urus Untuk memenuhi ketulenan dan kekentalan pelaburan PE
	Proses Amalan terbaik dalam kelasnya untuk membolehkan pelaksanaan yang cekap	Risiko Rangka kerja risiko khusus PE

Dalam tahun keenam inisiatif Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF) kami, kami telah mencatat pencapaian penting dengan komitmen pelaburan dalam lebih 40 dana utama dan Akaun Terurus Secara Berasingan (SMA) serta hampir 20 pelaburan langsung dan bersama. Strategi penggunaan telah membolehkan kepelbagaian yang berkesan di seluruh Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Utara dalam pelbagai strategi ekuiti swasta, termasuk pengambilalihan, pertumbuhan, sekunder dan pelaburan bersama. Pada tahun 2023, Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF 3) diluluskan sehingga 7%.

Selain itu, PNB membangunkan Rangka Kerja Pelaburan Infrastruktur (IIF) pada akhir tahun 2022 untuk membimbing strategi dan pelan pelaksanaan bagi program pelaburan baharu ini dalam kelas aset infrastruktur. Bermula tahun 2023, kelas aset infrastruktur menambah profil risiko dan pulangan bagi portfolio pelaburan Kumpulan PNB. Tumpuan pelaburan IIF pada tahun-tahun awal akan melibatkan pelaburan yang pelbagai di seluruh pasaran maju seperti Eropah dan Amerika Utara dengan penekanan kepada strategi Teras/Teras+.



Pasaran Persendirian

Pelaburan Langsung

Pasukan Pelaburan Langsung bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan berusaha ke arah pelaburan yang menawarkan potensi pertumbuhan nilai, sama ada melalui pelaburan langsung atau pelaburan bersama dengan pengurus dana ekuiti swasta, pada peringkat domestik dan antarabangsa. Pelaburan ini dicirikan oleh asas-asas yang kukuh, potensi pertumbuhan yang ketara dan kedudukan pasaran yang berbeza, disokong oleh pasukan pengurusan yang berpengalaman dan kompeten.

Pelaburan Terpilih

- Akzo Nobel Paints (M) Sdn Bhd
- Ansell N. P. Sdn Bhd
- Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd
- BOH Plantations Sdn Bhd
- Carsem (M) Sdn Bhd
- Goodyear Malaysia Berhad
- Lam Soon (M) Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA)
- Rahim & Co International Sdn Bhd

Pada tahun 2023, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk mewujudkan nilai dan menjana wang pelaburan sedia ada, kami berjaya melupuskan Malaysian Industrial Development Finance Berhad kepada Malaysia Building Society Berhad, sebuah entiti tersenarai, melalui transaksi swap saham. Kami berbangga dengan urus niaga ini yang telah diiktiraf sebagai penggabungan dan pengambilalihan Domestik Terbaik Tahun ini di Malaysia, dianugerahkan oleh Alpha Southeast Asia, dan Mergers & Acquisition Deal of The Year, dianugerahkan oleh Islamic Finance News (IFN).

Pelaburan Dana Global

Bahagian Pasaran Persendirian juga memberi tumpuan kepada penyumberan luar modal kepada pengurus dana ekuiti swasta global yang terkenal, yang dipilih melalui proses yang teliti dan ketat. Melabur dalam dana ini menyediakan akses kepada portfolio asas yang pelbagai, pasaran global, kemahiran khusus dan pengurusan profesional. Pendekatan ini dapat meningkatkan keputusan pelaburan dan membuka peluang yang mungkin mencabar untuk diakses.

Kriteria Pemilihan Dana Ekuiti Persendirian

Sesuai dengan Strategi PNB

- Jenis dana
- Geografi
- Sektor

Rekod Prestasi

Rekod prestasi cemerlang dengan penekanan kepada:

- Prestasi kuartil teratas dana terdahulu
- Pulangan dan pengagihan bersih besar
- Kadar kerugian rendah secara relatif

Keupayaan Pasukan

Pasukan stabil dengan keupayaan yang teguh, termasuk:

- Penyumberan urus niaga
- Penciptaan nilai
- Realisasi dan rekod prestasi

Tadbir Urus dan Penjajaran Kepentingan

Penjajaran kepentingan yang kukuh dari segi:

- Komitmen modal bermakna oleh pengurus
- Tadbir urus mantap
- Struktur yuran berdaya saing


Pasukan ini menyelesaikan pelaburan dalam enam dana, yang terdiri daripada gabungan komitmen semula dan hubungan baharu merentas strategi dana yang pelbagai, termasuk pengambilalihan tertumpu Asia, pengambilalihan habis tertumpu Eropah, pengambilalihan tertumpu Amerika Utara dan pelaburan sekunder global. Jabatan Pelaburan Dana Global terus komited untuk meneroka peluang dana baharu di bawah inisiatif PIF 3.

Pasaran Persendirian

Pelaburan Infrastruktur

Kumpulan PNB mempunyai sejarah pelaburan dalam kelas aset infrastruktur. Salah satu pelaburan terawal dan terkenal kami ialah Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS). Bagi meningkatkan lagi pendedahan kami dalam kelas aset infrastruktur, Lembaga Pengarah PNB dan ASNB telah meluluskan IIF, rangka kerja yang menetapkan rangka tindakan strategik dan metodologi peruntukan modal Kumpulan dalam kelas aset infrastruktur global.

Sebagai sebahagian daripada strategi awal dan objektif utama untuk memberikan pulangan diselaraskan risiko yang menarik dengan mendapatkan pengagihan hasil tunai awal, konsisten dan boleh diramalkan, penggunaan modal di bawah IIF bermula pada Q4 2023. Sebanyak USD500 juta telah diperuntukkan di bawah IIF untuk digunakan dalam tempoh lima tahun melalui tiga pengurus SMA yang dilantik. Dengan memanfaatkan kepakaran dan rangkaian rakan kongsi yang mantap dan membolehkan pemindahan pengetahuan daripada pengurus SMA yang dilantik, kami berhasrat untuk membina keupayaan dalaman dalam pelaburan infrastruktur.




Pasaran Persendirian

Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio di Bahagian Pasaran Persendirian terus mempergiat usaha untuk mengurus, memantau dan menambah nilai kepada portfolio yang berkembang dalam kelas aset ekuiti dan infrastruktur swasta. Rangka Kerja Pengurusan Portfolio telah dibangunkan untuk membimbing unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio mengenai inisiatif utama bagi menyokong inisiatif pelaburan utama, pemantauan dan proses di seluruh Bahagian Pasaran Persendirian.

Unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio telah ditugaskan untuk meningkatkan lagi proses pelaburan secara keseluruhan. Ini melibatkan pelaksanaan Rangka Kerja Ketekunan Wajar Operasi (ODD) bagi peluang pelaburan baharu untuk mengukuhkan pengurusan risiko keseluruhan, pematuhan dan pasca pemantauan pelaburan dalam kelas aset ekuiti dan infrastruktur swasta.

Rangka Kerja ODD



Hartanah

Apabila negara-negara di seluruh dunia membuka semula ekonomi mereka pada tahun 2023 dan membuat penyesuaian dengan situasi endemik, terdapat pemulihan yang ketara dalam aktiviti ekonomi. Pemulihan ekonomi ini memberikan peluang baharu untuk sektor hartanah, apabila ruang pejabat diaktifkan semula dan permintaan pengguna melonjak. Bagaimanapun, di tengah-tengah keyakinan yang diperbaharui ini, landskap hartanah global kekal mencabar. Bank pusat di seluruh dunia mengamalkan pendirian monetari yang lebih ketat, dengan peningkatan kos bahan binaan, didorong oleh inflasi, merumitkan lagi prospek sektor.


Di sebalik cabaran-cabaran ini, PNB terus berdiri teguh, melangkah maju dengan visi strategiknya. Kami menyesuaikan diri dengan pasaran dinamik yang berkembang, menyalurkan kira-kira USD180 juta (kira-kira RM850 juta) ke dalam portfolio dana global yang disusun sepanjang tahun. Dipandu oleh Rangka Kerja Pelaburan Hartanah kami, falsafah pelaburan kami telah mengarahkan kami ke arah aset yang bukan sahaja menawarkan aliran pendapatan yang stabil untuk pemegang unit kami, tetapi juga yang berpotensi untuk peningkatan modal jangka panjang. Dengan memberi tumpuan kepada hartanah yang memiliki ciri-ciri potensi asas dan pertumbuhan yang kukuh, kami kekal komited untuk meningkatkan portfolio kami yang pelbagai dengan aset berkualiti tinggi merentasi pelbagai sektor dan geografi. Usaha perumpukan aset strategik kami pada tahun 2023 adalah bukti keyakinan kami terhadap nilai yang berkekalan dan daya tahan pasaran hartanah.

Rangka Kerja Pelaburan Hartanah


Objektif

Mencapai pulangan dan kepelbagaian pelarasan risiko yang menarik tanpa menjejaskan hasil tunai

Strategi Risiko



Geografi




Kepelbagaian

Dasar Tahunan
Vintaj

Dasar Firma
Pelaburan

Dasar Transaksi
Langsung

Hartanah



Pencapaian Utama

Tahun 2023 merupakan tahun bersejarah bagi Menara Merdeka 118 kerana telah dianugerahkan Sijil F1 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada 22 Disember 2023. Perpindahan fasa pertama kakitangan PNB ke ibu pejabat baharu berlaku pada hari yang sama, menandakan lembaran baharu bagi #teamPNB. Di awal 2024, kami meraikan perasmian Menara Merdeka 119, satu peristiwa penting bagi PNB dan signifikan dalam sektor seni bina dan pembangunan bandar, dan dikenali sebagai bangunan kedua tertinggi di dunia. Menara Merdeka 118 bukan sahaja menjadi lambang cita-cita ekonomi dan kehebatan seni bina Malaysia tetapi juga pemangkin berpotensi untuk pelaburan pelancongan dan perniagaan di rantau ini. Pembangunan presint Merdeka 118 menggambarkan Matlamat diperbaharui PNB, untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi, ia turut menjadi simbol kemajuan dan pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara.

Di samping itu, PNB, dengan kerjasama KWSP dan KWAP, menceburi bidang pelaburan strategik menerusi perjanjian jualan dan pajakan balik bernilai RM2 bilion dengan cabang operasi semikonduktor utama Osram AG di Malaysia. Perjanjian penting ini memberikan peluang keemasan untuk PNB, KWSP dan KWAP mempelbagaikan portfolio mereka dengan melabur dalam aset perindustrian peringkat atasan yang sangat khusus di Malaysia yang menjanjikan pulangan menarik dan berdaya saing. Selain itu, strategi berfikir ke hadapan dalam pengurusan aset telah dilaksanakan secara konsisten, mengutamakan peningkatan pelaburan dan nilai pegangan. Strategi ini melibatkan pelupusan

strategik aset kurang berprestasi atau bukan teras dan pada masa sama memperoleh aset yang lebih menguntungkan. Pengoptimuman portfolio yang begitu teliti itu direka untuk mengukuhkan asas pertumbuhan dan kemakmuran masa depan, menggariskan komitmen untuk memaksimumkan pulangan dan memastikan kejayaan jangka panjang strategi pelaburan.

Risiko dan Peluang


Melangkah ke tahun 2024, sektor hartanah berdepan landskap yang mencabar dengan cabaran yang berterusan. Kami bersedia untuk menghadapi impak kenaikan kadar faedah yang lebih tinggi dan peningkatan ketegangan geopolitik yang boleh mendatangkan risiko ketara kepada pelaburan antarabangsa kami. Di sebalik halangan ini, peluang pertumbuhan yang menjanjikan sedang muncul dalam sektor perindustrian dan logistik.

Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, PNB komited untuk mengasah tumpuan kami terhadap aset hartanah teras. Strategi kami termasuk meningkatkan portfolio hartanah melalui aktiviti kitar semula modal berkesan dan mengorak langkah dalam projek pembangunan utama. Kami bersedia untuk mengenal pasti saluran pelaburan baharu, memacu inisiatif peningkatan aset masa hadapan, dan menyepadukan prinsip ESG ke dalam kedua-dua aset kami yang sedia ada dan akan datang. Pendekatan proaktif kami bertujuan untuk mengemudi ketidakpastian pada tahun 2024, dengan memastikan kami memanfaatkan peluang untuk mengukuhkan portfolio kami dan menyampaikan nilai yang mampan kepada pihak berkepentingan utama kami.

Merdeka 118

Tarikh-tarikh penting

Tarikh-tarikh penting berkenaan dengan kemajuan pembangunan Merdeka 118 adalah seperti berikut:



Hartanah



Merdeka 118 terus mencapai pelbagai peristiwa penting pada TK2023. Ia secara rasmi diiktiraf sebagai menara kedua tertinggi di dunia pada sesi persidangan rangkaian Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar (CTBUH). Penganugerahan plak khas pada 20 Oktober 2023 sebagai pengiktirafan kepada pencapaian kami telah disaksikan oleh lebih 200 delegasi antarabangsa, mengukuhkan reputasi kami di peringkat global.

Berterusan memacu ke arah kemampanan, Merdeka 118 telah memasang 222 panel solar di aras bumbung, iaitu lebih 500 meter dari aras laut.

Inisiatif penglibatan sosial kami diteruskan dengan lebih 70 lawatan ke menara termasuk lawatan teknikal oleh pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Liverpool John Moores, UK, dan Institut Teknologi Illinois, Chicago. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif pembelajaran dan pembangunan untuk bakal arkitek dan jurubina masa depan, pengalaman menakjubkan itu diketuai oleh juru pandu yang berpengalaman, yang memberikan pelajar pendedahan tentang pembinaan menara berkenaan. Selain berpeluang melihat secara langsung kemajuan mercu tanda ikonik itu, lawatan tersebut juga dapat menggalakkan semangat mereka untuk menyumbang kepada pembangunan masa depan bandar.



Sumber tenaga boleh diperbaharui ini bakal memanaskan 55,000 liter air setiap hari dan air panas ini akan digunakan oleh Park Hyatt Kuala Lumpur semasa pembukaannya pada Q4 2024.

Menyatukan Komuniti dengan PESZTA

Pada tahun 2022, acara PESZTA julung kali diadakan untuk meraikan kemerdekaan dan budaya warisan di presint Merdeka 118 bersama komuniti. Kejayaan acara itu menyaksikan PESZTA kembali diadakan di Kampung Attap pada tahun 2023.



Lebih daripada **4,000** pengunjung



Sebanyak **56%** daripada pengunjung merupakan pelawat kali pertama ke Kampung Attap



Sebanyak **10** rakan kongsi terlibat



Sebanyak **72** acara disusun



Menjana lebih **RM95,000** daripada jualan pasar komuniti

PESZTA menampilkan pelbagai program, termasuk pasar komuniti, bengkel dan persembahan. Lokasi yang terlibat dalam acara tersebut terletak di kawasan berhampiran presint Merdeka 118 dan berada dalam jarak berjalan kaki ke tapak bersejarah seperti Rumah Pentago, Bangunan Zhongshan dan Sam Mansion yang membentuk akronim PESZTA. Selain daripada mercu tanda ini, lokasi lain yang boleh dikunjungi hanya dengan berjalan kaki termasuk Triptyk, Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur & Selangor, The HEART dan dewan perniagaan yang baru dibuka.

Hartanah

Meraikan Hari Kebangsaan ke-66, PESZTA menawarkan pelbagai pengalaman menarik di presint Merdeka 118 dan kawasan sekitarnya.



The Merdeka 118 Stories – Terletak di dalam Bangunan Zhongshan, pengunjung dapat merasai semangat Merdeka menggunakan teknologi kecerdasan buatan, AI. Pengunjung juga dapat menghayati Merdeka 118 Memories di atas bumbung Bangunan Zhongshan dengan berlatarbelakangkan menara berkenaan.



Juadah Tempatan – Penjual makanan dari seluruh Malaysia menyajikan pelbagai juadah, memberi mereka peluang mewujudkan kesedaran tentang perniagaan mereka kepada orang ramai.



The Art Scene – Seni penyertaan, bengkel dan pameran fotografi yang diketuai oleh pengarah dan penerbit Aliff Zulkifli, telah membimbing peserta dari Perumahan Awam (PA) dari kejiranan kami dengan teknik fotografi mudah alih dalam menyampaikan suatu cerita. Gambar-gambar yang terpilih akan dipamerkan dalam pameran berkenaan. Selain itu, Bengkel KLC Trash telah dianjurkan di mana pengunjung bukan sahaja boleh menggubah bahan buangan menjadi karya seni yang boleh dibawa pulang, tetapi juga mewujudkan kesedaran tentang amalan alam sekitar. Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur & Selangor turut mengadakan pameran bertajuk *Legend of the Century: Loke Yew* bagi memperingati ulang tahun ke-100 penubuhannya.



Persembahan Muzik Secara Langsung – Bagi memeriahkan lagi suasana, persembahan muzik secara langsung telah diadakan, yang melibatkan guzheng, muzik berasaskan alat muzik bertali dan persembahan kumpulan muzik blues. PESZTA merupakan kemuncak penyatuan kepada bakat artis tempatan dan popular seperti Zee Avi; Alena Murang, penyanyi, penulis lagu dan pemain sape' yang menyanyi dalam dialek tempatan yang hampir pupus, termasuk Kelabit dan Kenyah; bersama kumpulan tempatan Carburetor Dung dan Manis Manis.



Penerima Geran Komuniti Merdeka 118 – Penerima program turut hadir di PESZTA. Kaki Jelajah Warisan menganjurkan jelajah bercerita tentang kemerdekaan Malaysia, yang bermula di Stadium Merdeka, Jalan Petaling, dan berakhir di Kg Attap. Sinergi Aspirasi Global menghimpunkan perniagaan komuniti daripada PA di sekitar kawasan kejiranan kami untuk menjual pelbagai makanan tradisional.

Libat Urus Bersama Komuniti

Platform untuk Mempamerkan Bakat Keusahawanan

Kami secara berterusan menyediakan platform untuk penerima Program Geran Komuniti Merdeka 118, membawa tawaran unik mereka kepada orang ramai. Menerusi Jualan Lobi PNB pada tahun ini, Kaki Jelajah Warisan menjual buku panduan warisan dan poskad, memberikan pengunjung pendedahan tentang kekayaan warisan presint Merdeka 118. PA Seri Sarawak dan UIAM mempamerkan rangkaian unik produk berasaskan madu lebah tanpa sengat mereka, manakala PA Loke Yew dan Kak Chomel menawarkan juadah makanan tradisional. YWCA KL turut mengadakan jualan dengan makanan bakeri dan produk penjagaan diri yang dibuat oleh peserta program latihan vokasional kulinari dan kecantikan untuk wanita muda.

Penerima geran ini terus mempamerkan semangat dan bakat keusahawanan mereka yang menyumbang kepada kejayaan acara tersebut melalui kepakaran dan ciptaan masing-masing.

Ruang Boleh Didiami dan Selamat untuk Komuniti

Merdeka 118 telah menyempurnakan Program Penambahbaikan Ruang Awam Merdeka 118 yang pertamanya di PA Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur, melalui kerjasama PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (PMVSB) dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Think City Sdn Bhd dengan membuat penambahbaikan kepada ruang komuniti. Pelaburan RM800,000 di taman riadah serba guna PA Jalan Hang Tuah seluas 1,206 kaki persegi, telah memberi manfaat kepada 800 penduduk dengan menyediakan ruang yang selamat dan menyeronokkan untuk beriadah, rekreasi dan interaksi sosial, membentuk gaya hidup sihat. Taman ini juga ditambahbaik berdasarkan peningkatan kelestarian, termasuk mengitar semula peralatan taman permainan lama dan pagar, menggunakan semula penurap jalan, serta menaik taraf taman komuniti. Penyelesaian berasaskan alam sekitar turut dilaksanakan menggunakan penurap berliang untuk saliran semula jadi, manakala bumbung Tetra Pak digunakan semula untuk mengurangkan haba dan bunyi. Selain itu, pokok-pokok yang berisiko tinggi dan telah ditebang oleh DBKL telah digantikan, bagi memastikan ekosistem taman itu kekal utuh.

Program penambahbaikan itu menggariskan komitmen PMVSB terhadap pembangunan berpaksikan komuniti, menyerlahkan visi syarikat untuk membina komuniti yang bersemangat dan berdaya tahan di dalam presint Merdeka 118.

Hartanah

Program Belia Merdeka 118

Program Belia Merdeka 118 diwujudkan untuk melibatkan generasi muda merentasi pelbagai disiplin. Pada tahun 2023, PMVSB secara proaktif bekerjasama dengan Badan Belia daripada pelbagai badan profesional termasuk Majlis Antarabangsa Monumen dan Tapak Malaysia (ICOMOS), Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), Institut Arkitek Malaysia (PAM), Taylor's University College, Institut Perancang Malaysia (MIP), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ceramah & Lawatan Pembelajaran (Pemuliharaan Warisan)

Seramai 48 orang pelajar daripada lima universiti termasuk profesional-profesional muda menyertai lawatan berkenaan.

Pertandingan Lakaran Belia

Seramai 101 orang pelajar dan profesional muda daripada tujuh universiti menyertai pertandingan tersebut.

Kajian Akademik (Stadium Poster AR dan Sudut Jln Hg Jebat)

Seramai 141 orang pelajar seni bina dari Taylor, UiTM dan UIAM mengambil bahagian dalam kajian ini.

Makmal Orang Muda (YP Lab)

Seramai 27 orang peserta menghadiri bengkel tahunan yang direka untuk pelbagai profesional di bawah umur 40 tahun.

Pusingan 2 Program Geran Komuniti Merdeka 118

Program Geran Komuniti Merdeka 118 terus memperkasakan masyarakat sekitar dan memacu perubahan positif dalam presint Merdeka 118. Sama seperti pusingan sulungnya, pusingan kedua menunjukkan impak yang lebih besar, kali ini memberikan sokongan kepada lapan projek.

Berjaya Memartabatkan Komuniti

- Projek Pemeliharaan Pintar Lebah Tanpa Sengat oleh UIAM menyaksikan universiti itu telah meluaskan portfolio mereka dengan rangkaian baharu produk madu lebah tanpa sengat. Produk itu termasuk losyen pelembab badan, jus dan sos cili madu. UIAM juga menjalankan sesi latihan mengenai pengeluaran dan pembungkusan produk.
- YWCA KL terus memperkasakan wanita muda melalui kursus pembangunan kemahiran termasuk kulinari, membuat roti dan kek serta penjagaan kecantikan. Selain itu, organisasi juga berhasrat menganjurkan pameran kerjaya bagi menawarkan peluang pekerjaan kepada anggota komuniti. Dalam perancangan, geran itu juga akan digunakan untuk menganjurkan program keusahawanan, sebuah rancangan perniagaan dan pertandingan Shark Tank untuk menggalakkan pemikiran inovatif dalam kalangan peserta.
- Program Latihan Menyulam oleh Swee Impact Consulting Sdn Bhd atau dikenali sebagai manekNya telah membawa manfaat kepada 70 individu daripada golongan berpendapatan rendah, melengkapkan mereka dengan kemahiran menyulam dan pengalaman praktikal mengendalikan pelbagai sampel reka bentuk kasut. Matlamat akhir program adalah memperkasakan peserta untuk menubuhkan perniagaan pembuatan kasut mereka sendiri, atau meneruskan kerjaya sebagai tukang kasut atau tukang kasut yang mahir dengan peluang untuk memasarkan produk mereka di Merdeka 118.
- Penerbitan dua buku, termasuk terjemahan buku Petaling Street Walking Guidebook daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina kepada Bahasa Malaysia oleh Kaki Jelajah Warisan di bawah projek Eat, Pray, Love di Jalan Petaling.

Selain itu, Suburbia Office Enterprise turut menerbitkan sebuah buku bertajuk Somewhere in the Kuala Lumpur, a Children's Architecture Book. Kedua-dua buku mengetengahkan sejarah dan budaya unik presint Merdeka 118. Buku-buku berkenaan juga sudah tersedia untuk dibeli.

Memberi Impak kepada Lebih Banyak Kehidupan dengan Geran Baharu

- Project Otai kendalian Project Future Malaysia yang menerbitkan video memaparkan perdagangan tradisional akan membantu mempromosikan fabrik budaya komuniti kejiranan dalam kawasan presint Merdeka 118. Projek ini juga bertujuan untuk memudah cara sesi lakaran kolaboratif dengan artis tempatan, di samping mengetengahkan penulis fiksi yang mahir dalam bahasa yang berbeza.
- Under the Shadows of Merdeka* oleh Azul Sidek Adnan ialah bengkel fotografi inovatif dan bersiar-siar sambil mengambil gambar bertujuan untuk meneroka permata tersembunyi di dalam presint Merdeka 118. Aktiviti ini akan memberi peluang unik kepada pelawat tempatan dan antarabangsa untuk menghargai dan meneroka kawasan sekitar.
- Memperkuh Kampung Attap sebagai hab kreatif, geran itu juga akan terus menyokong PESZTA. Di bawah Pusingan 2, Our Arts Project Sdn Bhd menganjurkan Backroom 2023, sebuah platform untuk mempamerkan pameran artis tempatan berbakat seperti Kara Inez, Dexter Sy, Minstrel Kuik dan Puti, yang antara lain, mempromosikan nilai seni tempatan kepada khalayak yang lebih luas. Penglibatan tahunan ini menekankan dedikasi secara kolektif untuk memupuk semangat kreativiti dan kemasyarakatan.

Pusingan kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118 terus memperoleh kemajuan dan minat positif daripada komuniti sekitar, dengan Fasa 2 Pusingan 2 bermula pada awal 2024.

Unit Amanah ASNB

Gambaran Keseluruhan

ASNB memainkan peranan penting dalam menyampaikan Matlamat diperbaharui PNB, untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Tahun 2023 menyaksikan ASNB terus mengukuhkan saranan nilainya kepada rakyat Malaysia melalui tiga teras strategik yang terdiri daripada Khidmat Nasihat, Produk dan Penyampaian Saluran Pelbagai, disokong oleh pengaktifan pemboleh utama yang meliputi Pengalaman Pelanggan dan Keupayaan Organisasi seperti yang digariskan sebelum ini dalam Pelan Strategik ASNB 2023 kami. Pelbagai Inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun, yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia merentas segmen dan demografi yang berbeza.

Teras 1
Nasihat untuk Mencapai
Matlamat

Teras 2
Set Produk Berfokus dan
Pelbagai

Teras 3
Penyampaian Pelbagai
Saluran

Teras 1

Nasihat untuk Mencapai Matlamat

ASNB terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam khidmat nasihat sebagai sebahagian daripada perkhidmatan utama kami, penawaran untuk memperkasakan pemegang unit kami dalam mencapai keperluan dan matlamat mereka. Pada tahun ini, pelbagai usaha yang pelbagai telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap celik kewangan rakyat Malaysia serta meningkatkan akses kepada nasihat kewangan yang baik. Salah satu daripada inisiatif utama ialah penubuhan **Akademi ASNB**, sebuah platform khusus dalam menyediakan sumber mengenai pendidikan dan perancangan kewangan untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan dan membina portfolio pelaburan mereka sendiri berdasarkan keperluan mereka. Platform ini mula beroperasi pada September 2023. Sementara itu, perkhidmatan Ria, atau Penasihat Pelaburan Robo kami secara prinsipnya telah menerima kelulusan daripada SC pada Jun 2023 dan telah dilancarkan pada Mac 2024. Perkhidmatan ini dijangka dapat mengembangkan lagi keberkesanan ASNB dalam menyampaikan nasihat pelaburan kepada pasaran massa.

ASNB/ACADEMY

Suzana Md Samsudi
CFP CERT™
Fellow, Centre for Economics and
Social Studies,
Institute of Islamic Understanding
Malaysia (IKIM)

GUEST WRITER

Dr. Ahmad Basri Ibrahim
Ketua Pengurusan Syariah,
Permodalan Nasional Berhad

GUEST WRITER

5.4 ribu pelanggan
99k tontonan

ASNB meneruskan program jangkauan fizikal dan libat urus bagi mendidik rakyat Malaysia mengenai perancangan kewangan dan pelaburan, termasuk acara utama PNB, Minggu Saham Amanah Malaysia 2023. Dengan menawarkan gabungan sumber pendidikan, pilihan pelaburan automatik dan jangkauan, ASNB menyasarkan untuk memenuhi keperluan tahap kepakaran dan kecekapan kewangan yang berbeza yang pada akhirnya meningkatkan kesejahteraan kewangan semua rakyat Malaysia.

Unit Amanah ASNB

Teras 2

Set Produk Berfokus dan Pelbagai

Selaras dengan strategi ASNB untuk menyemak dan memperhalusi semula rangkaian produk sedia ada kami bagi mengenal pasti peluang pertumbuhan baharu, kami telah melaksanakan inisiatif strategik seperti meningkatkan had pelaburan individu untuk ASB dan ASB2 serta meningkatkan saiz dana ASM. Inisiatif strategik ini dilaksanakan untuk membolehkan rakyat Malaysia meningkatkan lagi pelaburan ke dalam produk ASNB dan membina simpanan masa hadapan mereka. Sebagai tambahan kepada dana unit amanah, ASNB telah diberi kuasa sebagai ejen kutipan zakat, yang membolehkan pemegang unit melaksanakan kewajipan zakat mereka di platform myASNB. Inisiatif ini bertindak sebagai salah satu usaha kami untuk terus meningkatkan keseluruhan perkhidmatan dan penawaran ASNB kepada pemegang unit.

Nombor	Projek	Keterangan
1	Peningkatan had individu bagi ASB dan ASB 2	<ul style="list-style-type: none"> Lebih RM1.6 bilion pelaburan baharu dalam ASB dan ASB 2 dicapai sehingga 31 Disember 2023 sejak had individu ditingkatkan. Peningkatan saiz dalam dana ASM telah selesai pada 1 Mei 2023, di mana ia telah memperoleh pelaburan baharu sebanyak RM4.6 bilion daripada pemegang unit. Sehingga kini, pelaksanaan itu telah memanfaatkan lebih 225,000 pemegang unit.
2	Peningkatan saiz dana ASM	
3	Ejen pungutan zakat untuk Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) melalui aplikasi myASNB	<ul style="list-style-type: none"> Apabila ASNB memperoleh lesen daripada PPZ-MAIWP untuk bertindak sebagai ejen pungutan zakat, pengguna myASNB kini boleh melakukan pembayaran zakat melalui platform yang sama. Inisiatif ini dilancarkan pada 18 November 2023.

Teras 3

Penyampaian Pelbagai Saluran

ASNB berusaha untuk memaksimumkan semua saluran sedia ada untuk menyepadukan dan menyampaikan perkhidmatan dan produk nasihat kami, dengan tumpuan utama pada pendigitalan untuk mencapai kecakapan yang lebih tinggi dan menambah baik pengalaman pengguna secara keseluruhan. Untuk tujuan ini, ASNB melancarkan aplikasi superapp MyASNB serba baharu pada November 2023. Ini adalah sebahagian daripada usaha ASNB untuk terus menambah baik aplikasi mudah alih dan portalnya dengan menambah kemudahan seperti kandungan celik kewangan dan aplikasi chatbox untuk membolehkan pemegang unit membangunkan portfolio pelaburan berdasarkan keperluan individu mereka.

Projek	Keterangan
Pelancaran superapp MyASNB	ASNB melancarkan aplikasi mudah alihnya yang diperbaharui untuk meningkatkan pengalaman keseluruhan pelanggan. Aplikasi itu kini menyediakan proses yang lebih intuitif apabila membuka akaun secara dalam talian yang telah memberi manfaat kepada lebih 1,000 pelanggan setiap hari sejak pelancarannya. Ciri-ciri tambahan lain termasuk kandungan celik kewangan, prestasi produk secara terperinci dan sokongan pelanggan melalui aplikasi chatbot.
Pelantikan Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG) sebagai ejen digital	ASNB telah melantik TNG sebagai ejen digital pada 16 Ogos 2023. TNG ialah ejen digital pertama sepenuhnya ASNB dan akan meluaskan jangkauan kami ke asas pelanggan berfokus digital dengan memanfaatkan ekosistem sedia ada e-dompet TNG. Jumlah jualan telah mencecah 20.15 juta unit setakat 31 Disember 2023.
Penyempurnaan cawangan digital	Dua cawangan ASNB telah menyelesaikan transformasi digital mereka pada 2023, iaitu ASNB Melaka dan ASNB Keningau. Dengan selesainya naik taraf ini, kini terdapat sembilan cawangan ASNB yang menyediakan penawaran digital ASNB dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penyediaan khidmat nasihat.

Melangkah Maju dengan Komitmen Kelestarian Kami

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau	76
· Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025	76
· Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050	78
· RM10 bilion dalam Aset-Aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030	83
Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman	85
· Gaji Kehidupan Wajar di PNB	85
· Dasar Hak Buruh	86
· 40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025	92
· Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial	93
Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh	111
· Model Pengawasan Triple Bottom Line	111
· Ketelusan dalam Pengundian	113
· Pendedahan yang Seajar dengan TCFD	115



E Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

Pada tahun 2023, paras pelepasan GHG, peningkatan suhu permukaan bumi dan kenaikan paras laut memecah rekod tertinggi menyebabkan gangguan ketara di seluruh dunia, termasuk banjir teruk di beberapa negeri di Malaysia yang memberi impak kepada lebih ribuan orang dan merosakkan kawasan bandar dan pantai di seluruh negara. Setelah mengambil langkah ketara dengan mengukur pelepasan GHG, kami terus menempa kemajuan dalam matlamat kami untuk mencapai Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025 dan Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050. Pertimbangan ESG telah disepadukan dalam proses kami membuat keputusan lebih daripada sebelumnya. Di samping itu, kami juga telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memenuhi komitmen ESG kami untuk melabur RM10 bilion dalam aset-aset baharu dan peralihan menjelang 2030. Strategi komprehensif ini sejajar dengan matlamat alam sekitar dan kewangan kami, menekankan komitmen kami terhadap kelestarian dan ketahanan iklim.



Komitmen #1: Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025

Bagi memenuhi komitmen ke arah mengurangkan pelepasan GHG daripada operasi dan sumber langsung yang berada dalam kawalan kami, kami telah membangunkan strategi sifar bersih dengan mengukur garis dasar pelepasan dan merancang perjalanan untuk melaksanakan inisiatif penyahkarbonan.

Berasaskan komitmen ke arah Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025, kami telah mengambil langkah ketara dalam pengurangan pelepasan GHG operasi kami, termasuk pelepasan daripada sumber langsung yang berada dalam kawalan kami. Kami telah meneruskan pendekatan Kurang, Ganti dan Ofset (R₂O) yang telah diperkenalkan pada tahun 2022 sebagai tahun asas untuk menilai pelepasan perusahaan dan mengenal pasti sumber pelepasan GHG bagi Skop 1, 2 dan 3.



Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

E

Pada tahun 2023, kami meneruskan peralihan daripada amalan konvensional kepada kelestarian. Penerimaan pendekatan R₂O membolehkan kami untuk mengatur strategi penyahkarbonan dan meningkatkan usaha dalaman untuk mengurangkan jejak karbon kami. Bagi meningkatkan keberkesanan tenaga, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk mengintegrasikan amalan kelestarian ke dalam operasi dan budaya PNB, menggalakkan perubahan tingkah laku dan menggantikan aset kami dengan teknologi hijau, dan kini kami sedang beralih kepada kenderaan elektrik (EV). Perpindahan ke Merdeka 118 akan turut meningkatkan keberkesanan tenaga kami memandangkan bangunan tersebut telah dianugerahkan tiga penarafan bangunan hijau Kepimpinan dalam Tenaga dan Reka Bentuk Alam Sekitar (LEED), Hartanah Hijau (GreenRE) dan Indeks Bangunan Hijau (GBI).


Di samping itu, kami sedang aktif mengurangkan pelepasan GHG Skop 2 dengan melanggan Tarif Elektrik Hijau (GET) dan membeli Pensijilan Tenaga Boleh Diperbaharui (REC). Kami telah mendapatkan REC daripada pembekal tempatan untuk memastikan bekalan elektrik bersih dijana secara tempatan. Pembelian REC daripada pasaran tempatan sejajar dengan panduan daripada Protokol GHG, Piawaian Sifar Bersih Korporat SBTi, dan Kriteria Teknikal RE100. Selain itu, kami berharap agar pembelian daripada pasaran tempatan akan memberi isyarat yang tepat kepada pasaran untuk meningkatkan bekalan dan menyokong pertumbuhan pasaran tenaga hijau di Malaysia.

Pada masa yang sama, kami sedang giat meneroka pemasangan solar atas bumbung di bangunan kami serta saluran lain yang tersedia untuk pelan jangka panjang kami bagi menyahkarbon sepenuhnya pelepasan GHG Skop 2 kami, sejajar dengan inisiatif yang diumumkan kerajaan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) dan Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA).

Untuk maklumat lanjut mengenai pendekatan ofset PNB, sila rujuk IAR2022, muka surat 82.

Untuk meningkatkan kecekapan dalam pengendalian inisiatif sifar bersih kami, kami telah menubuhkan Pasukan Petugas Kelestarian pada November 2023. Pasukan petugas ini bertujuan untuk menyediakan struktur pelaporan dan pemantauan berpusat bagi inisiatif kelestarian di seluruh organisasi. Mereka juga bertanggungjawab untuk mereka bentuk dan melaksanakan pengenalan inisiatif yang dikenal pasti di bawah setiap pasukan petugas.

Pasukan Petugas Kelestarian PNB



Kami telah meningkatkan usaha kami dengan menjalankan kajian industri sejajar dengan amalan terbaik dan menentukan risiko dan peluang yang berkaitan iklim. Kami juga telah berbincang dengan pakar kelestarian untuk meningkatkan pemahaman kami dan meneroka peluang penyahkarbonan yang berpotensi dengan pertimbangan untuk mengurangkan risiko berkaitan iklim, iaitu liabiliti, reputasi, peralihan dan risiko fizikal.

Untuk membina kapasiti dan kesedaran, kami memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk mengintegrasikan modul Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) ke dalam latihan pekerja, melibatkan pihak berkepentingan dalaman dan menyampaikan inisiatif kelestarian kami melalui buletin ESG bulanan kami. Hari Kelestarian PNB dianjurkan setiap suku tahun bermula 2023, bagi meningkatkan kesedaran pekerja mengenai kelestarian dan mendukung amalan ESG. Matlamatnya adalah untuk membangunkan tenaga kerja yang lebih berpengetahuan dan berdedikasi untuk menggabungkan amalan mampan ke dalam kerja harian mereka sejajar dengan objektif kelestarian PNB secara keseluruhan. Menampilkan pandangan daripada pakar-pakar, termasuk pengawal selia, PLC dan penyokong kempen, acara itu meliputi topik-topik seperti Penghijauan Ekonomi, Wanita dan Kemampunan dalam Korporat, Memajukan Tenaga Suria: Trend dan Inovasi, dan Perniagaan Mampan: Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan dan Tindakan Individu.



Untuk maklumat lanjut mengenai strategi kami yang berkaitan iklim dalam Komitmen 10: Pendedahan yang Sejajar dengan TCFD, sila rujuk muka surat 115 hingga 123.

E Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau



Komitmen #2: Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050

Peralihan kepada ekonomi rendah karbon memerlukan usaha kolektif daripada semua pihak berkepentingan untuk menjana rantai nilai hijau dan mengurangkan pelepasan dibiayai.

Kami kini memasuki dekad penting bagi tindakan untuk menangani perubahan iklim. Bukti pemanasan planet adalah jelas dan boleh dilihat apabila banyak negara mengalami kekerapan dan keparahan keadaan melampau daripada gelombang haba dan kemarau berpanjangan kepada banjir kilat dan ribut petir yang tidak menentu. Sekarang adalah masa untuk bertindak, sebelum kita berada di ambang apabila keadaan tidak dapat dipulihkan seperti sedia kala yang boleh memberi impak mendalam dan berpanjangan kepada ekosistem semula jadi, ekonomi dan mata pencarian rakyat.

Semasa PNB menyertai Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (COP28) di Dubai, kami terus melihat peningkatan gelombang sokongan apabila negara dan syarikat membuat ikrar iklim antarabangsa yang meliputi pelbagai bidang seperti meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui global tiga kali ganda, menambah baik mekanisme kerugian dan kerosakan, dan mempercepat usaha untuk beralih daripada bahan api fosil, antara lain. Pada peringkat tempatan, kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) yang mengenal pasti penggalak utama serta projek dan inisiatif pemangkin yang akan mempercepat agenda peralihan tenaga di negara ini.

Berdasarkan trend terkini, kami menyedari akan kepentingan perubahan iklim dalam membentuk hala tuju masa depan strategi pelaburan kami. Ketika dunia beralih ke arah ekonomi global sifar bersih, kami percaya bahawa peralihan ini boleh menimbulkan risiko besar serta peluang transformatif merentas sektor ekonomi yang kami laburkan. Pada masa yang sama, kami juga percaya bahawa firma yang mempunyai kesedaran tentang iklim dan mengambil langkah proaktif untuk menangani risiko berkaitan iklim fizikal dan peralihan akan mencapai prestasi kewangan jangka panjang yang positif. Ini membolehkan kami meningkatkan daya tahan portfolio pelaburan kami dan menyampaikan kewajipan fidusiari kami kepada pemegang unit ketika kami mengemudi ke arah masa depan rendah karbon.

Berdasarkan inisiatif yang kami mulakan pada tahun 2022, kami terus menggiatkan usaha untuk menyahkarbon portfolio pelaburan kami berpandukan sasaran iklim jangka pendek kami. Sasaran interim ini penting dalam memacu tindakan iklim segera dan membolehkan kami berusaha ke arah pencapaian yang boleh diukur dan memastikan kami terus menuju ke arah mencapai portfolio sifar bersih menjelang 2050.

Sasaran Portfolio Sifar Bersih

30%

pengurangan intensiti pelepasan (tCO₂e/RM juta AUM) menjelang 2030 (vs. 2022)

Tiada penglibatan langsung dalam kawasan arang batu yang belum dibangunkan

70%

daripada pelepasan portfolio mempunyai sasaran sifar bersih yang boleh dipercayai menjelang 2030

Pendekatan Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi (NDPE)

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

E

Pendekatan

Pendekatan penyahkarbonan portfolio kami berpaksikan lapan bidang tumpuan yang ditentu ukur bagi memastikan penjajaran yang betul dengan strategi pelaburan kami merentas pelbagai kelas aset dan geografi.

Bidang Fokus	Pendekatan Utama						
Saringan Karbon	<p>Kami menilai pendedahan pelepasan karbon untuk semua cadangan pelaburan mengikut garis dasar semasa kami serta sasaran intensiti karbon 2030. Ini disepadukan ke dalam keputusan pelaburan kami merentas semua kelas aset untuk memastikan kami memahami implikasi pelaburan baharu dalam inventori GHG portfolio kami. Selain itu, kami juga melihat data pelepasan karbon bukan sahaja dari aspek numerikal, tetapi juga sebagai proksi yang berguna untuk memahami pendedahan terhadap risiko perubahan iklim. Syarikat yang mempunyai pelepasan karbon tinggi dan strategi pengurangan karbon yang terhad mungkin lebih terdedah kepada perubahan peraturan dalam harga karbon, peralihan dinamik pasaran ke arah penawaran rendah karbon dan gangguan teknologi. Sebaliknya, syarikat-syarikat yang mempunyai strategi penyahkarbonan yang kukuh mungkin berada pada kedudukan yang lebih baik untuk memberikan nilai jangka panjang kepada kami.</p>						
Penilaian ESG	<p>Pendekatan penilaian ESG dalaman kami disepadukan ke dalam usaha wajar pra-pelaburan kami. Penilaian ini memberi tumpuan kepada pertimbangan sifar bersih, pendedahan kepada risiko fizikal dan peralihan, pendedahan risiko ESG khusus industri, kontroversi ESG dan isu matan lain yang membolehkan kami membuat keputusan pelaburan yang sejajar dengan keutamaan kelestarian kami.</p> <p>Kami sedang mengembangkan keupayaan untuk mengintegrasikan sumber data ESG dan proses analisis dengan lebih baik untuk membantu membimbing pengambilan keputusan kami merentas pendekatan pemantauan portfolio, penilaian kewangan dan proses penyelidikan pelaburan kami.</p>						
Saringan Arang Batu	<p>Memandangkan keperluan mendesak untuk beralih daripada tenaga yang dijana oleh arang batu ke tenaga alternatif yang lebih bersih, kami telah mewujudkan proses ketekunan wajar untuk menyaring pelaburan kami bagi projek arang batu termal lapangan hijau. Ia berfungsi sebagai mekanisme kawalan bagi kami untuk mengurangkan risiko melabur dalam aset intensif pelepasan yang berpotensi terkandas apabila peralihan kepada ekonomi rendah karbon berkembang pesat.</p>						
Penilaian Kebolehpercayaan Sifar Bersih	<p>Kami berusaha untuk memenuhi sasaran kami bagi memastikan 70% pelepasan portfolio dilindungi oleh sasaran sifar bersih yang boleh dipercayai dengan membangunkan metodologi untuk menilai kebolehpercayaan cita-cita sifar bersih dan rancangan peralihan syarikat portfolio kami. Penilaian kebolehpercayaan kami merangkumi pertimbangan pelbagai faktor melangkaui sekadar cita-cita sahaja bagi memastikan syarikat dapat menunjukkan perjalanan dan kemajuan yang boleh dipercayai.</p> <p>Komponen Penilaian Sifar Bersih PNB</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>Cita-cita</td> <td>Sasaran jangka pendek dan sederhana</td> <td>Pendedahan pelepasan</td> </tr> <tr> <td>Prestasi pelepasan</td> <td>Strategi penyahkarbonan</td> <td>Penjajaran peruntukan modal</td> </tr> </tbody> </table> <p>Penilaian ini dibangunkan berdasarkan metodologi yang diterbitkan oleh Rangka Kerja Pelaburan Sifar Bersih dan Tindakan Iklim 100+. Selanjutnya, kami juga memastikan pendekatan penilaian kami ditentu ukur untuk mempertimbangkan faktor-faktor seperti peluang industri, lokasi geografi, trend teknologi dan amalan terbaik yang berkaitan dengan Syarikat Pelaburan kami. Pada tahun 2023, kami menjalankan penilaian di sembilan syarikat strategik dan 10 syarikat yang melepaskan GHG yang membolehkan kami untuk menjejak strategi dan kemajuan masing-masing secara objektif ke arah pelepasan sifar bersih. Penemuan ini membimbing usaha penglibatan kami dengan menonjolkan jurang utama dalam pelan sifar bersih syarikat yang membolehkan kami mengenal pasti isu-isu yang perlu diutamakan. Kami berhasrat untuk meluaskan liputan penilaian kami secara progresif untuk meliputi ruang lingkup syarikat-syarikat yang lebih besar pada masa akan datang sekiranya boleh dilaksanakan.</p>	Cita-cita	Sasaran jangka pendek dan sederhana	Pendedahan pelepasan	Prestasi pelepasan	Strategi penyahkarbonan	Penjajaran peruntukan modal
Cita-cita	Sasaran jangka pendek dan sederhana	Pendedahan pelepasan					
Prestasi pelepasan	Strategi penyahkarbonan	Penjajaran peruntukan modal					

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

Bidang Fokus	Pendekatan Utama
Undian Proksi	<p>Kami meningkatkan jangkaan ESG dalam Garis Panduan Pengundian untuk mempengaruhi Syarikat Pelaburan kami meningkatkan cita-cita iklim dan mengintegrasikan pertimbangan iklim ke dalam proses membuat keputusan mereka. Ini termasuk penetapan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat Pelaburan untuk membuat komitmen bagi mentakrifkan Cita-cita Sifar Bersih dengan jelas menjelang 1 Januari 2025 • Syarikat Pelaburan untuk mendedahkan Strategi Sifar Bersih menjelang 1 Januari 2026 • Syarikat Pelaburan untuk mendedahkan risiko dan peluang berkaitan iklim yang matan selaras dengan cadangan TCFD • Apabila menilai komposisi Lembaga Pengarah, Syarikat Pelaburan digalakkan untuk menggabungkan pertimbangan kelestarian yang penting bagi mewujudkan ketahanan jangka panjang kepada impak perubahan iklim, antara lain • PNB mungkin mengundi menentang resolusi pengeluaran jika hasil penggunaan daripada pengeluaran yang dicadangkan berpotensi membawa impak buruk kepada iklim, biodiversiti dan hak buruh
Penglibatan & Pengawasan	<p>Meningkatkan Penglibatan Bertemakan Iklim dengan Syarikat Pelaburan</p> <p>Kami memulakan penglibatan dengan syarikat strategik kami dan pelepasan utama mengenai isu berkaitan iklim. Ini termasuk mengadakan dialog dengan pengurusan syarikat untuk memahami strategi dan inisiatif iklim mereka. Semasa sesi penglibatan, kami menyokong langkah-langkah seperti menetapkan matlamat sifar bersih yang bercita-cita tinggi, membangunkan sasaran pengurangan interim, meningkatkan ketelusan mengenai pendedahan berkaitan iklim serta menggalakkan mereka untuk menerapkan amalan terbaik untuk mempercepat penyahkarbonan. Kami terus memantau kemajuan iklim mereka untuk menilai keberkesanan aktiviti penglibatan dan mempertanggungjawabkan Syarikat Pelaburan terhadap komitmen mereka.</p> <p>Memperkukuh Perkongsian Kolaboratif</p> <p>Kami terus memupuk hubungan dengan pelabur institusi domestik dan global yang lain serta persatuan industri seperti Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI), Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon (PCAF) dan Inisiatif Penumpuan Data ESG (EDCI). Perkongsian ini melibatkan perkongsian pengetahuan, sumber dan amalan terbaik untuk meningkatkan pemahaman kolektif mengenai risiko dan peluang iklim. Kami yakin bahawa dengan mengumpul sumber dan menyelaraskan aktiviti, kami dapat memperkukuh impak dan memacu usaha advokasi kolektif untuk mengawasi tingkah laku korporat terhadap isu iklim.</p> <p>Melibatkan Penggubal Dasar & Pengawal Selia</p> <p>Kami berusaha untuk melibatkan penggubal dasar dan pengawal selia di Malaysia untuk mempercepat penyahkarbonan ekonomi kita dengan berkesan. Sepanjang tahun ini, kami mengambil bahagian dalam pelbagai perbincangan meja bulat dan penglibatan pihak berkepentingan yang dianjurkan oleh penggubal dasar dan pengawal selia yang memberi tumpuan kepada topik berkaitan kelestarian dan iklim, seperti agenda peralihan tenaga, pendedahan ESG dan taksonomi iklim, antara lain. Dengan mengambil bahagian dalam usaha ini, kami berhasrat untuk memberikan sokongan dan maklum balas kami mengenai perkembangan dasar yang berterusan dan sejajar dengan aspirasi iklim dan objektif pelaburan kami.</p> <p>Pengeluaran Surat Iklim Tahunan</p> <p>Pada tahun 2023, kami mula menghantar Surat Iklim kepada Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat strategik, teras dan utama kami. Surat Iklim, yang menyoroti perkara utama berikut, berfungsi sebagai titik hubungan pertama untuk menyampaikan jangkaan kami secara langsung mengenai kelestarian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 Mengukur dan melaporkan Skop 1, 2 dan 3 pelepasan dan komitmen untuk menjadi organisasi sifar bersih menjelang 2050; 2 Menetapkan sasaran sifar bersih yang boleh dipercayai untuk mengurangkan pelepasan GHG selaras dengan matlamat Perjanjian Paris; 3 Melaksanakan proses penilaian dan pendedahan risiko iklim yang mantap dan setanding dengan piawaian antarabangsa, seperti cadangan TCFD atau piawaian pelaporan lain yang berkaitan; 4 Bertindak balas terhadap risiko iklim yang matan dengan mengukuhkan usaha penyesuaian jika perlu untuk membina daya tahan iklim; dan 5 Menguruskan risiko peralihan kritikal disebabkan oleh perubahan peraturan, perubahan dinamik pasaran dan pertumbuhan penyelesaian karbon rendah.

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

E

Bidang Fokus	Pendekatan Utama
Pelaburan Hijau & Peralihan	Kami berhasrat untuk melabur dalam peluang-peluang yang sejajar dengan iklim yang membolehkan kami mengurangkan pendedahan karbon portfolio dan menjana pulangan pelaburan positif yang meningkatkan prestasi portfolio kami.
Pembangunan Kapasiti & Penyelidikan	<p>Kami memperluas penyelidikan merentas pelbagai tematik iklim untuk merungkai strategi pelaburan yang didorong oleh agenda peralihan tenaga dan peralihan yang lebih luas ke arah penyelesaian rendah karbon. Di samping itu, kami berhasrat untuk mengembangkan pengetahuan institusi dan kapasiti kami untuk melabur di seluruh sektor hijau. Ini melibatkan mengikuti perkembangan teknologi, trend pengawalseliaan, taksonomi iklim yang berkembang dan dinamik pasaran yang akan membolehkan kita menguruskan risiko dengan berkesan dan memanfaatkan peluang daripada peralihan sifar bersih.</p> <p>Ketersediaan data karbon berkualiti tinggi adalah penting untuk menyokong membuat keputusan. Kami juga berhasrat untuk meningkatkan kapasiti kami dalam metodologi perakaunan karbon sejajar dengan perkembangan terkini dalam standard PCAF. Perakaunan karbon yang tepat dan komprehensif adalah penting bagi kami untuk membuat keputusan strategik yang lebih tepat berkenaan dengan menganalisis prestasi syarikat dan potensi pelaburan.</p>

Pencapaian Kami

Intensiti pelepasan pelaburan kami, yang diukur sebagai RM juta bagi setiap metrik tan yang setara dengan karbon dioksida (tCO₂e), telah menurun sebanyak 8% tahun ke tahun. Penambahbaikan ini didorong terutamanya oleh pelepasan yang lebih rendah daripada 10 pengeluar terbesar kami, ditambah dengan pengurangan meluas di seluruh portfolio pelaburan kami. Dalam sektor tenaga, kami juga memerhati beberapa syarikat utiliti telah mula beralih kepada sumber tenaga yang lebih bersih dan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan tenaga. Begitu juga, syarikat perladangan juga mempercepat penerapan amalan lestari yang merangkumi pengurusan tanah yang lebih baik dan mengelakkan aktiviti penebangan hutan, sejajar dengan trend yang lebih luas dalam industri. Selanjutnya, kualiti data pelepasan yang lebih baik yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat dalam ruang lingkup pelaburan kami telah menyebabkan kurang kebergantungan terhadap data proksi. Penggunaan data proksi sebagai pengganti pelepasan langsung sering membawa kepada anggaran pelepasan melambung yang tidak mencerminkan pendedahan pelepasan sebenar syarikat dengan tepat. Kami berhasrat untuk terus memperhalusi data pelepasan portfolio kami dan mengurangkan pergantungan kepada proksi dari semasa ke semasa sambil mengaktifkan strategi penyahkarbonan merentas empat industri utama - perladangan, tenaga, minyak dan gas, hartanah.

Pelepasan Dibiayai 2023 PNB

Jumlah pelepasan dibiayai

11.79 juta tCO₂e

AUM diliputi

89%

Jenis pegangan

82% pelepasan adalah daripada pegangan ekuiti domestik

Geografi

92% daripada pelepasan adalah daripada pelaburan domestik

Sektor

79% daripada pelepasan adalah daripada sektor Perladangan, Tenaga, dan Minyak dan Gas

Untuk pecahan lebih lanjut pelepasan dibiayai 2023 PNB, sila rujuk Pelepasan Portfolio pada muka surat 123.

E Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

Namun, kami masih berada pada peringkat awal penglibatan dengan syarikat keutamaan tinggi kami untuk mempengaruhi dan mempercepat strategi sifar bersih mereka. Kami menyedari bahawa laluan untuk pengurangan pelepasan yang besar dan konsisten akan menjadi kompleks dan merangkumi pelbagai aspek. Oleh itu, kami tidak menjangkakan intensiti pelepasan pelaburan kami akan berkurang berikutan trajektori linear. Penembusan teknologi rendah karbon baharu, peralihan pengawalseliaan dan trend khusus industri yang berbeza-beza bermakna pengurangan pelepasan akan berlaku pada kadar yang berbeza. Oleh itu, kami menjangkakan usaha pengawasan berterusan kami dan strategi pelaburan yang sejajar dengan iklim akan membina momentum secara beransur-ansur dari semasa ke semasa ketika kami berusaha ke arah mencapai sasaran pengurangan intensiti pelepasan pelaburan 2030 kami.

Kami tidak memasukkan pelepasan Skop 3 Syarikat Pelaburan dalam inventori pelepasan portfolio kami. Banyak syarikat dalam ruang lingkup pelaburan kami belum melaporkan pelepasan Skop 3 masing-masing secara menyeluruh. Ketiadaan data Skop 3 lengkap dan berpiawaian mewujudkan cabaran untuk menghasilkan pengukuran yang boleh dipercayai dan konsisten merentas seluruh portfolio pelaburan. Selanjutnya, ketidaktentuan ketara dan potensi ketidaktepatan merumitkan keupayaan untuk menentukan tuas penyahkarbonan yang jelas dengan berkesan bagi pelepasan rangkaian bekalan Syarikat Pelaburan. Keutamaan semasa kami adalah untuk melibatkan Syarikat Pelaburan dalam meningkatkan liputan pelaporan Skop 3. Kami mungkin mempertimbangkan pelaporan Skop 3 sebagai sebahagian daripada inventori pelepasan portfolio kami setelah kami memerhatikan kualiti pelaporan yang lebih tinggi dalam ruang lingkup pelaburan kami.

Pendekatan Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut dan Tiada Eksploitasi (NDPE)

Pada tahun 2022, kami mengumumkan komitmen kepada NDPE sebagai pendekatan tambahan kepada komitmen portfolio sifar bersih kami. Motivasi kami berpunca daripada mengambil maklum tentang impak ketara penebangan hutan dan pembangunan tanah gambut terhadap pemanasan global. Aktiviti-aktiviti ini mengganggu keseimbangan karbon, melepaskan lebih banyak GHG ke atmosfera dan membawa kepada kapasiti yang berkurangan untuk pengasingan karbon. Begitu juga, gangguan yang ketara di tanah gambut bukan sahaja mengeluarkan GHG tetapi juga menyumbang kepada kehilangan biodiversiti, gangguan peraturan air dan kemerosotan kualiti air. Pada masa yang sama, kami percaya adalah penting melindungi Orang Asli dan masyarakat tempatan yang bergantung kepada ekosistem semula jadi yang sihat untuk mata pencarian dan amalan budaya mereka.

Oleh kerana biodiversiti global merosot dengan cepat dan pelbagai perkhidmatan ekosistem menghadapi gangguan, kami juga memahami risiko berkaitan alam semula jadi telah menjadi isu penting bagi banyak syarikat dan pelabur di seluruh dunia. Dalam usaha kami untuk menggalakkan ekonomi yang positif dan berdaya tahan iklim, kami juga secara aktif meningkatkan pendekatan pelaburan kami ke arah alam semula jadi dan biodiversiti merentas pelbagai aspek berkaitan operasi kami. Ini termasuk mengintegrasikan pertimbangan alam semula jadi dan biodiversiti ke dalam strategi kelestarian, pengawasan dan penglibatan kami serta analisis pelaburan dan proses pemantauan.

Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

E



Komitmen #3: RM10 Bilion dalam Aset-aset Baharu dan Peralihan menjelang 2030

Memandangkan perubahan iklim terus menjadi isu global yang mendesak dan menimbulkan ancaman asas kepada kehidupan dan mata pencarian kita, adalah penting bagi kerajaan dan organisasi korporat untuk mengambil tindakan iklim segera untuk beralih ke arah ekonomi hijau.

Gambaran keseluruhan

PNB berpegang teguh kepada komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dan peralihan ke arah masa depan rendah karbon. Usaha ke arah sifar bersih dan masa depan berdaya tahan iklim memerlukan pelaburan yang besar di seluruh ekonomi global. Pada masa yang sama, ia juga merupakan peluang besar bagi kami untuk mendapat pertumbuhan dan merungkai nilai daripada saluran pelaburan baharu dalam tematik sejajar dengan iklim yang menawarkan prospek yang menjanjikan pertumbuhan jangka panjang.

Sebagai sebahagian daripada komitmen, kami berhasrat untuk melaburkan sebanyak RM10 bilion dalam aset-aset baharu dan peralihan menjelang 2030. Untuk memenuhi syarat sebagai pelaburan hijau dan peralihan, kami memanfaatkan Taksonomi Hijau yang dibangunkan secara dalaman yang merujuk kepada pensijilan, piawaian dan rangka kerja hijau yang berkaitan. Ini memastikan bahawa kami menggunakan kriteria yang jelas dan konsisten untuk melabelkan pelaburan sejajar iklim kami secara objektif.

Kami telah mengenal pasti empat sektor tumpuan, iaitu Pengangkutan Hijau, Tenaga Boleh Diperbaharui, Bangunan Hijau dan Pertanian, Perhutanan dan Guna Tanah Lain (AFOLU). Kami berhasrat mengutamakan strategi pelaburan iklim di seluruh sektor ini untuk jangka pendek sambil kami terus menilai kebolehlaksanaan teknologi dan ekonomi berkaitan dengan peluang yang sejajar dengan iklim baru muncul. Kami turut memastikan strategi pelaburan iklim kami sejajar dengan jangkaan pulangan risiko dan lingkungan pelaburan kami bagi memastikan pelaburan kami menyokong prestasi kewangan dan matlamat alam sekitar.

Kami terus memantau dan menilai trend pasaran, perubahan kawal selia dan perkembangan teknologi yang membentuk pelaburan hijau untuk memastikan kami mengikuti perkembangan dalam landskap yang berkembang pesat.

Bangunan Hijau: Kesedaran iklim telah memacu permintaan untuk bangunan diperakui hijau dengan permodalan pasaran global dijangka melebihi USD1 trilion menjelang 2030. Ketika kerajaan di seluruh dunia mengenakan pengawalseliaan mengenai pelepasan karbon dan keberkesanan tenaga yang lebih ketat, kami percaya bahawa permintaan bagi ruang diperakui hijau akan terus berkembang. Di samping itu, lebih banyak syarikat korporat yang mempunyai kesedaran iklim semakin mengutamakan ruang mesra alam didorong oleh keinginan untuk mengurangkan pelepasan Skop 2 dan menghuni persekitaran bekerja yang lebih sihat.

Tenaga Boleh Diperbaharui: Pada tahun 2023, sebanyak USD673 bilion telah dilaburkan dalam tenaga boleh diperbaharui pada peringkat global yang menandakan peningkatan 10% tahun ke tahun untuk memenuhi permintaan tenaga yang berkembang menjelang 2050. Kerajaan di seluruh dunia komited terhadap sasaran tenaga boleh diperbaharui yang bercita-cita tinggi untuk menyahkarbonkan grid tenaga mereka dan memenuhi ikrar iklim masing-masing. Selanjutnya, penurunan kos dan inovasi yang pesat dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui menjadikannya berdaya saing dengan sumber tenaga tradisional. Kami percaya bahawa terdapat potensi pertumbuhan yang besar dalam ruang ini memandangkan ia berkemungkinan menjadi batu asas bagi sistem tenaga global pada masa hadapan.


Pengangkutan Hijau: Kemajuan dalam teknologi bateri dan peningkatan pelaburan dalam pembangunan infrastruktur menjadikan kenderaan elektrik (EV) lebih mudah diakses dan praktikal untuk pelanggan. Tahun 2023 mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam pengelektrikan pengangkutan dengan kira-kira 40 juta kenderaan EV di jalan raya dan penambahan 1.2 juta infrastruktur pengecasan.

E Melaksanakan Peralihan ke arah Ekonomi Hijau

Pencapaian sehingga Kini

Sehingga kini, kami telah berjaya melaburkan RM4.08 bilion dalam pelaburan baharu hijau merentas pelbagai kelas aset, termasuk Ekuiti Tersenarai, Hartanah, Pendapatan Tetap dan Ekuiti Persendirian. Pelaburan ini mewakili 41% daripada RM10 bilion komitmen kami.

Pecahan Sektor Pelaburan:



- Bangunan Hijau
- Tenaga Boleh Diperbaharui
- Lain-lain

(Ini termasuk pelaburan dalam bon berlabel hijau dan bertemakan iklim yang sejajar dengan Taksonomi Hijau dalam kami)



Mempamerkan Aset: One Exchange Square

One Exchange Square merupakan aset penting dalam portfolio Hartanah Global PNB yang terletak di tengah-tengah kota London, United Kingdom. Bangunan pejabat ini mendapat manfaat daripada hubungan pengangkutan yang cemerlang, termasuk berhampiran dengan Stesen Liverpool Street dan dikelilingi oleh kawasan kondusif seperti Kampus Broadgate, Spitalfields dan Shoreditch.

Pada suku pertama tahun 2023, PNB mula menaik taraf One Exchange Square secara menyeluruh untuk mewujudkan ruang kerja mampan yang canggih. Projek ini meliputi 428,000 kaki persegi ruang pejabat, 33,000 kaki persegi teres dan 20,000 kaki persegi ruang runcit.

One Exchange Square adalah antara projek naik taraf yang pertama di London yang mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih 2050 UK jauh mendahului penjadualan.

Bangunan elektrik sepenuhnya ini, telah direka bentuk untuk mencapai beberapa pensijilan bangunan hijau dan kesejahteraan, termasuk penarafan Unggul BREEAM, 5 Bintang NABERS dan Platinum WELL. Menekankan tanggungjawab sosial, projek ini merangkumi inisiatif seperti program jangkauan sekolah tempatan dan memastikan upah adil bagi semua kontraktor dan pekerja tapak yang dibayar upah berdasarkan London Living Wage.

Gambaran

Matlamat kami untuk mencapai RM10 bilion dalam aset-aset baharu dan peralihan baharu menjelang 2030 terus memacu kami ke arah peluang pelaburan yang bukan hanya menawarkan pulangan kukuh, tetapi juga meningkatkan usaha penyahkarbonan kami. PNB kekal komited untuk menyumbang kepada masa depan mampan melalui pelaburan strategik dan berimpak tinggi dalam peluang yang sejajar dengan iklim.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman



Dalam teras misi kami untuk menangani isu-isu ekuiti dan keterangkuman, kami komited untuk memastikan bahawa kami tidak meninggalkan sesiapa pun dalam organisasi dan rantai nilai kami. Untuk tujuan ini, kami memperkayakan pihak berkepentingan kami dengan memastikan akses yang sama kepada peluang dan memupuk ekuiti tempat kerja. Amalan kami dalam mempertahankan hak buruh juga mencerminkan dedikasi kami terhadap kesejahteraan pekerja dan rakan setara luaran kami. Kami memperjuangkan wanita dalam kepimpinan, berusaha untuk keseimbangan jantina dan kepelbagaian pada semua peringkat. Dengan mengimbangi keuntungan dengan pelaburan sosial dan memajukan komitmen kelestarian, kami berhasrat untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi Malaysia dan mewujudkan masa depan yang lebih inklusif dan saksama untuk semua.



Komitmen #4: Gaji Kehidupan Wajar di PNB

Di PNB, kami percaya akan perlunya menyediakan akses sama rata kepada peluang yang menggalakkan ekuiti di tempat kerja.

Kami komited terhadap memupuk tempat kerja yang inklusif dan saksama agar setiap orang berpeluang untuk berjaya. Kami percaya bahawa pampasan yang adil perlu untuk mencapai matlamat ini.

Bagi menyokong aspirasi ini, kami telah melaksanakan Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar pada Januari 2023. Rangka kerja ini memastikan bahawa kakitangan kami menerima gaji yang memenuhi keperluan asas mereka dan taraf hidup wajar, termasuk makanan, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan keperluan lain.

Komponen Utama Rangka Kerja Gaji:

- **Penandaarasan luaran:** Memanfaatkan data luaran terhadap gaji kehidupan di wilayah kami untuk menetapkan garis dasar bagi pampasan yang adil.
- **Manfaat komprehensif:** Termasuk pakej pampasan dan manfaat untuk memastikan pendekatan holistik terhadap kesejahteraan kakitangan.
- **Amalan lestari:** Rangka Kerja Gaji Kehidupan Wajar dirangka bagi daya maju jangka panjang dengan pemantauan berterusan untuk memastikan ia kekal relevan kepada falsafah ganjaran dan amalan pasaran.

Impak Positif terhadap Warga Kerja dan Komuniti Kami:

Dengan mengutamakan gaji kehidupan wajar, kami menyasarkan untuk:

- **Mengurangkan ketidaksamaan pendapatan:** Gaji kehidupan wajar menyumbang kepada tempat kerja dan komuniti yang lebih saksama.
- **Mendukung amalan buruh beretika:** Kami menghargai sumbangan kakitangan kami dan menunjukkannya dengan memastikan pampasan yang adil.
- **Meningkatkan kesejahteraan kakitangan:** Gaji kehidupan memperkasakan kakitangan untuk memfokus pada kerja dan kehidupan peribadi mereka.
- **Membina masa depan lestari:** Melabur dalam warga kerja mewujudkan masa depan lebih stabil dan produktif untuk semua.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman



Komitmen #5: Dasar Hak Buruh

Di PNB, kami percaya kepada kepentingan kesejahteraan pekerja kami sendiri, pekerja Syarikat Pelaburan kami serta pembekal dan vendor kami.

Kami komited terhadap menyediakan kakitangan dengan keadaan bekerja yang adil dan memastikan hak asasi mereka dihormati. Di PNB, kami percaya bahawa isu hak buruh boleh menimbulkan risiko sistemik kepada operasi kami, menjejaskan reputasi dan daya maju jangka panjang. Melalui komitmen #5 ESG yang memfokus pada hak buruh bertanggungjawab, kami berhasrat untuk mendukung amalan buruh beretika dan memupuk budaya akauntabiliti dalam Syarikat Pelaburan.

Seperti digariskan dalam dasar kami dan semasa penglibatan satu dengan satu, kami berhasrat agar Syarikat Pelaburan kami akan menerbit Dasar Buruh atau Hak Asasi Manusia sendiri merangkumi enam Isu Matan Utama:

- i) Buruh Paksa dan Kanak-kanak
- ii) Upah dan Faedah Saksama
- iii) Kesamarataan dan Keterangkuman

- iv) Kebebasan Berpersatuan
- v) Keselamatan dan Kesihatan
- vi) Peningkatan Kemahiran dan Pendidikan



Syarikat Pelaburan kami dijangka mematuhi jangkaan teras dan menetapkan atau memperhalus dasar buruh, dua tahun dari penetapan Dasar Hak Buruh PNB.

Berasaskan usaha terdahulu dalam penerbitan Dasar Hak Buruh pada tahun 2022, kami mengendalikan dasar melalui dua cara: tinjauan hak buruh serta sesi keterlibatan dan lawatan. Kami melancarkan Tinjauan Hak Buruh pada tahun 2023 ke atas Syarikat Pelaburan terpilih untuk mewujudkan garis dasar prestasi, dan mengukur tahap pematuhan Syarikat Pelaburan terhadap jangkaan teras yang digariskan dalam Dasar Hak Buruh PNB. Di samping itu, kami melaksanakan Imbasan Kontroversi melalui penyelidikan untuk mengenal pasti isu hak buruh yang berpotensi sebelum melibatkan atau melawat Syarikat Pelaburan terpilih. Penglibatan ini kemudian menjurus ke arah memahami amalan buruh Syarikat Pelaburan, risiko unik dan menyampaikan jangkaan kami dengan berkesan.

Kami juga mengumpulkan maklum balas daripada jabatan-jabatan yang berkaitan dalam PNB seperti Operasi Sumber Manusia dan Perolehan bagi menyempurnakan Tinjauan Hak Buruh, memastikan pendekatan holistik untuk menilai dan menambah baik amalan hak buruh dalam organisasi.

Memacu Perubahan Melalui Tinjauan Hak Buruh PNB 2023

Pemilihan syarikat untuk tinjauan ini adalah berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk pegangan peratusan yang signifikan, nilai pelaburan yang besar, perwakilan lembaga dan sifat berintensif buruh. Buat permulaan, kami mengutamakan penglibatan dengan syarikat-syarikat pembuatan, perladangan dan pembinaan memandangkan peningkatan pendedahan industri-industri ini kepada isu hak buruh. Kumpulan syarikat terpilih ini disaring melalui kriteria berikut adalah dikategorikan sebagai syarikat-syarikat Fasa 1 bersama dengan Syarikat-syarikat Teras dan pegangan persendirian dalam sektor hartanah dan pembuatan.

Pada keseluruhannya, kami mengambil maklum bahawa Syarikat-syarikat Pelaburan yang terlibat bersama telah menunjukkan amalan buruh yang memuaskan. Kami memerhatikan, terutamanya syarikat-syarikat Perladangan, Hartanah dan Pembuatan, menunjukkan penajaran yang lebih baik dengan dasar kami memandangkan sektor-sektor ini lazimnya mempunyai jumlah isu buruh yang lebih besar dan tertakluk kepada peraturan ketat.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Kami juga mengambil maklum bahawa banyak syarikat telah membuat komitmen yang mencukupi dan melaksanakan inisiatif berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan serta Peningkatan Kemahiran dan Pendidikan berkenaan dengan Isu-isu Matan Utama yang ditangani dalam dasar kami. Hal ini sejajar dengan peningkatan kesedaran tentang kesejahteraan kakitangan dan keperluan bagi perkembangan kemahiran berterusan dalam dunia yang dipengaruhi oleh pemulihan pasca pandemik dan peningkatan perhatian kepada kesejahteraan mental.

Sebaliknya, kami memerhatikan bahawa terdapat peluang bagi penambahbaikan dalam pengurusan pelbagai isu berkaitan dengan Buruh Paksa dan Kanak-kanak, terutamanya berkenaan dengan pencegahan Pengasingan dan Ikatan Hutang. Walaupun kami menyedari bahawa skala impak dan ketenatan isu-isu ini mungkin berbeza mengikut sektor, kami percaya bahawa semua syarikat, sedikit sebanyak terdedah kepada Buruh Paksa dan Kanak-kanak, sama ada berlaku dalam operasi mereka sendiri atau rantaian bekalan. Oleh itu, kami percaya adalah penting bagi Syarikat Pelaburan untuk mula menilai potensi pendedahan mereka dan membangunkan kawalan dalaman untuk mengurangkan sebarang jurang potensi atau menghindari isu-isu ketidakpatuhan terhadap piawaian antarabangsa pada masa hadapan.

Di PNB, Tinjauan Hak Buruh yang dijalankan pada peringkat dalaman mendedahkan bahawa pelbagai dasar dan inisiatif telah ditetapkan yang menyokong isu-isu matan utama di bawah Dasar Hak Buruh PNB.

Tindakan Utama yang Diambil

Menggunakan penemuan daripada analisis dan sesi penglibatan, kami kongsi keputusan penilaian keseluruhan dan pelbagai bidang penambahbaikan yang dicadangkan bagi manfaat Syarikat Pelaburan kami.

Kami telah merangka Laporan Ringkasan Tinjauan Hak Buruh yang merangkumi pandangan berharga dan amalan terbaik yang diperolehi daripada respons tinjauan dan penglibatan yang dijalankan pada tahun 2023. Kami telah berkongsi laporan ringkasan ini dengan Pengarah Penama PNB yang berkaitan untuk memberi mereka kuasa mengawasi pengurusan isu hak pekerja syarikat masing-masing dengan berkesan.

Kami terus-menerus melibatkan dan mempengaruhi syarikat-syarikat untuk membangunkan dan menerbitkan Dasar Buruh atau Hak Asasi Manusia.

Kami memantau prestasi hak buruh dan kemajuan yang dibuat oleh syarikat-syarikat agar sejajar dengan jangkaan Dasar Hak Buruh kami.

Kami mengintegrasikan kajian semula pengurusan hak buruh dalam analisis ESG kami sebagai sebahagian daripada penilaian pelaburan.

Pengurusan Pihak Berkepentingan

Untuk mencapai amalan pengurusan buruh berteladan, kami mengakui bahawa tanggungjawab ke arah membina ekosistem melangkaui syarikat individu. Kami percaya bahawa industri dan sektor perniagaan harus bersedia untuk mendukung amalan buruh yang beretika dan bertanggungjawab. Oleh itu, kami menggalakkan Syarikat Pelaburan kami untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan berkaitan, seperti ejen perekrutan, pembekal, vendor dan pihak berkuasa berkaitan yang semuanya mempunyai pengaruh signifikan untuk memastikan hasil positif bagi syarikat-syarikat.

Pihak Berkepentingan

PNB berpegang teguh kepada usaha mendukung amalan pengurusan buruh beretika dan bertanggungjawab di seluruh operasi dan portfolio pelaburan kami. Bagi syarikat yang masih belum menerbitkan Dasar Buruh, kami menyeru mereka untuk mula membangun dan menerbitkan Dasar Hak Buruh sendiri yang sejajar dengan Dasar Hak Buruh PNB. Sebaliknya, bagi syarikat yang telah mengambil langkah penting ini, kami secara aktif menggalakkan syarikat untuk memberi tumpuan kepada terus meningkatkan ketelusan dengan mendedahkan strategi dan penilaian yang relevan mengenai hak buruh, dengan penekanan khusus pada Mekanisme Aduan, Buruh Paksa dan Kanak-kanak, serta Kepelembagaan dan Keterangkuman. Dari segi pembekal, kami telah menyampaikan Dasar Hak Buruh menerusi platform perolehan serta melalui dokumentasi pembelian berkaitan.

Melangkah ke Hadapan

Melangkah ke tahun 2024, inisiatif strategik PNB adalah termasuk merapatkan jurang antara dasar negara yang diterbitkan baru-baru ini dan pelan tindakan dan Dasar Hak Buruh kami sendiri sambil kami meneruskan penglibatan dengan Syarikat Pelaburan mengenai topik ini. Bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti, PNB akan mengkaji semula pendedahan syarikat, laporan kelestarian dan maklumat berkaitan lain untuk menilai prestasi hak buruh mereka. Kami berhasrat untuk menggunakan penarafan dan indeks ESG untuk menilai hak buruh dan faktor kelestarian berkaitan untuk memaklumkan kepada pihak berkepentingan tentang keputusan pelaburan kami. Melalui usaha bersama, kami bercita-cita untuk menjalin landskap buruh yang lebih mampan dan saksama, menetapkan piawaian emas untuk amalan perniagaan yang bertanggungjawab di seluruh industri.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Membina Kapasiti


Di PNB, kami memahami bahawa aset terbesar kami ialah warga kami. Dalam landskap industri yang berubah dengan pesat, melabur dalam pembangunan mereka bukan sahaja penting, bahkan menjadi satu keperluan. PNB mengambil pendekatan menyeluruh dan inklusif dalam pembelajaran dan pembangunan, memastikan semua kakitangan merentas fungsi dan peringkat mempunyai peluang untuk berkembang maju.

Berkembang dengan Kecemerlangan: Memperkenalkan Laluan Kepimpinan Istimewa dan Kemahiran Teras

Pada tahun 2023, kami melabur dalam kurikulum pembelajaran untuk memastikan ia sejajar dengan keperluan industri yang berubah-ubah dan memperkasakan warga kerja kami. Ini termasuk pengenalan Laluan Kepimpinan Istimewa, program khusus yang dirangka untuk melengkapkan kakitangan pada semua peringkat dengan kemahiran yang diperlukan untuk kepimpinan berkesan. Menyedari kepentingan asas yang kukuh, kami telah meluaskan penawaran kemahiran teras dan memperkenalkan program baharu yang memfokus pada komunikasi, digital, kepintaran perniagaan, dan tadbir urus. Program-program ini disediakan untuk semua kakitangan tanpa mengira jawatan.

Membuktikan komitmen kepada pembangunan kakitangan, kami telah melabur lebih daripada RM20.45 juta dalam pelbagai program pembelajaran dan pembangunan untuk meningkatkan kemahiran dan mengulang latihan semula kakitangan merentas semua peringkat.

Secara keseluruhan, 297,511 jam latihan telah dicatatkan merentas Kumpulan dengan purata sebanyak 148 jam bagi setiap kakitangan. Kecekapan teknikal menerima tumpuan paling utama (86.0%), memastikan kakitangan memperoleh kemahiran teknikal yang diperlukan bagi peranan mereka. Ini diikuti oleh kecekapan kepimpinan dan kecekapan teras masing-masing sebanyak 10.0% dan 4.0%.



Purata Jam Latihan mengikut Kategori Pekerja		
Kepimpinan Tertinggi	Pengurusan Kanan	Pengurusan Pertengahan
148	160	156
Eksekutif	Sokongan	
148	122	

PNB LearnHub: Memperkasakan Tenaga Kerja Berdaya Tahan Masa Depan

Beraskan komitmen kami terhadap pembangunan kakitangan, kami melancarkan PNB LearnHub pada tahun 2022. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) terkini memperkasakan kakitangan untuk meningkatkan kemahiran dan mengulang latihan kemahiran pada kadar sendiri.

PNB LearnHub menawarkan pelbagai perpustakaan sumber, termasuk modul e-pembelajaran, Kursus Terbuka yang dilaksanakan Dalam Talian secara Besar-besaran (MOOCs), artikel, podcast dan video. Ini memenuhi pelbagai gaya pembelajaran dan memastikan kebolehcapaian pada bila-bila masa, di mana sahaja. Selain itu, platform ini menyediakan akses kepada pengalaman pembelajaran interaktif dalam bidang kritikal seperti kepimpinan, kemahiran digital, tadbir urus, pematuhan dan integriti. Dengan menyediakan ekosistem pembelajaran yang pelbagai, kami memperkasakan kakitangan untuk mengendalikan perjalanan profesional mereka dan menyumbang kepada kejayaan berterusan PNB.

Menyedari keperluan untuk pembangunan yang disasarkan, kami akan memperkenalkan kurikulum berasaskan peranan pada tahun akan datang. Kurikulum ini akan menyesuaikan program pembelajaran dengan keperluan khusus setiap jawatan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pekerja.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman


S

Pendidikan Lanjutan dan Pensijilan Profesional

Kami memperkasakan kakitangan untuk melabur demi masa depan mereka dan meneruskan pendidikan lanjutan bagi memupuk pertumbuhan profesional dan pemerksaan peribadi, melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk meluaskan perspektif dan pemahaman mereka. Kami menawarkan pelbagai program daripada program ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana kepada kursus profesional, pensijilan dan pelesenan.

Setakat tahun 2023, seramai 183 kakitangan menjalani pelbagai program pensijilan.

Bilangan Kakitangan berasaskan Pensijilan Profesional



Persatuan CFA Malaysia mengiktiraf dedikasi PNB terhadap pembangunan kakitangan melalui program CFA dengan anugerah Rakan Kongsi Majikan Premium 2023.

Kakitangan Diperkasa dan Diperakui

Dua aktiviti teras PNB: pengurusan dana dan pemasaran dan pengagihan unit amanah, memerlukan kakitangan untuk memiliki lesen khusus. Pada tahun 2023, seramai 128 kakitangan telah memperoleh Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) dan 824 kakitangan memperoleh lesen FIMM.

Pelesenan	Kumpulan Sasaran	Bilangan kakitangan yang telah memperoleh lesen
Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)	Pengurus Dana	128
Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)	Perunding Unit Amanah	824

Program Skim Mobiliti ke Atas (UMS)

Skim Mobiliti ke Atas (UMS) memperkasakan kakitangan bukan eksekutif untuk merapatkan jurang peranan eksekutif. Program ini menyediakan sokongan yang disasarkan untuk membangunkan kedua-dua kepakaran teknikal dan kemahiran organisasi yang kuat, menyediakan peserta untuk kenaikan pangkat masa depan. Untuk memudahkan usaha pembangunan ini, kami bekerjasama dengan universiti tempatan yang berprestij seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), and Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Pada 25 November 2023, seramai 14 peserta Diploma Profesional UMS daripada kumpulan 2020 hadir untuk menerima Diploma Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan mereka di majlis Konvokesyen UTMSPACE 2023. Semua peserta telah menunjukkan dedikasi yang tinggi dalam melengkapkan Sijil Profesional mereka yang telah diterjemahkan ke dalam PNGK 3.0 yang cemerlang dan ke atas.

9

kakitangan menamatkan Diploma Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan pada tahun 2023

29

kakitangan menamatkan Sijil Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan pada tahun 2023

333

kakitangan telah berjaya menamatkan program sejak tahun 2001

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman



Peserta Diploma Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan UMS di majlis Konvokesyen UTMSPACE 2023.

Program Pra-persaraan PNB

PNB menyedari akan kepentingan peralihan yang lancar dalam persaraan bagi kakitangan yang dihargai. Kami menawarkan program latihan pra-persaraan yang komprehensif untuk pekerja bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan alat yang diperlukan untuk menangani aspek kewangan, undang-undang, dan peribadi berkaitan persaraan. Daripada strategi belanjawan dan pelaburan kepada perancangan penjagaan kesihatan dan pelarasan emosi, program ini memastikan peralihan yang bebas tekanan dan terancang baik.

Di luar perancangan persaraan asas, program PNB menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Peserta berpeluang meneroka kemahiran dan minat baru, memupuk rasa mempunyai tujuan dalam kehidupan, dan pertumbuhan berterusan dalam persaraan. Pelaburan dalam kesejahteraan pekerja kami ini membuktikan komitmen PNB terhadap persekitaran kerja yang berpanjangan dan menyokong, memastikan masa depan yang memuaskan untuk semua.

Pada tahun 2023, seramai 35 kakitangan telah menyertai pelbagai program latihan pra-persaraan berasaskan bidang yang mereka minati.

Program Pelatih Pengurusan (MT)

Program Pelatih Pengurusan (MT) PNB menawarkan perjalanan pembangunan tiga fasa yang ketat yang direka khusus untuk pemegang biasiswa. Program ini melengkapkan peserta dengan asas yang kukuh dalam kemahiran pelaburan melalui modul pembelajaran yang komprehensif. Modul-modul ini menyelidik selok-belok strategi pelaburan dan memberikan pemahaman yang mendalam tentang operasi PNB dan ASNB.

Selepas tamatnya fasa awal, program beralih kepada penggiliran jabatan. Pengalaman praktikal ini membolehkan pelatih menggunakan pengetahuan baharu mereka yang diperoleh di pelbagai jabatan PNB dan ASNB, mendapat pendedahan kepada pelbagai operasi organisasi.

Fasa terakhir memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan dan impak komuniti. Pelatih mendapat manfaat daripada bimbingan mentor oleh pemimpin kanan PNB, memperoleh pandangan yang tidak ternilai dalam membuat keputusan eksekutif dan hala tuju strategik. Di samping itu, penyertaan dalam projek komuniti membolehkan mereka menyumbang secara bermakna kepada komuniti yang lebih luas sambil mengasah lagi kemahiran kepimpinan mereka.

Program komprehensif ini berkesan menyediakan pemegang biasiswa PNB untuk berjaya dalam bidang-bidang permintaan dan pertumbuhan tinggi dalam organisasi.



Sejak tahun 2000, program Pelatih Pengurusan (MT) PNB telah berjaya membangunkan seramai 517 graduan yang berbakat, termasuk 17 pemegang biasiswa PNB yang turut serta pada tahun 2023. Komitmen terhadap pembangunan bakat ini melangkaui program MT. Kami terus melabur dalam menghalusi kurikulum teras dan kepimpinan kami, memastikan program latihan kami sejajar dengan keperluan pekerja dan pihak berkepentingan kami yang berubah-ubah. Penilaian yang kerap menjamin program kami memberikan nilai tertinggi, melengkapkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan untuk berjaya dalam persekitaran perniagaan yang dinamik.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Pengurusan Bakat

Pada tahun 2023, kami menjalankan latihan Profil Kepimpinan yang komprehensif untuk para pemimpin pengurusan pertengahan dan kanan kami. Ini termasuk penilaian 360 darjah, memberikan penilaian holistik terhadap keupayaan kepimpinan dan keberkesanan setiap individu. Pandangan berharga yang diperoleh daripada proses ini membolehkan kami menyesuaikan rancangan pembangunan peribadi yang menangani keperluan dan kekuatan unik setiap pemimpin.

Selain itu, mengiktiraf peranan kritikal transformasi digital, kami bekerjasama dengan IMD untuk menawarkan program "Transformasi Digital, Ekosistem, dan Analisis Data" khusus untuk pemimpin kanan. Program ini melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan dalam persekitaran yang dinamik.

Membina Perancangan Kepimpinan yang Kukuh

Memastikan peralihan kepimpinan yang lancar memerlukan perancangan proaktif. Tahun ini, kami menyelesaikan latihan perancangan penggantian yang komprehensif. Inisiatif ini mengenal pasti pengganti berpotensi tinggi dalam organisasi, mewujudkan perancangan yang kukuh untuk jawatan kepimpinan masa depan.

Pada keseluruhannya, komitmen kami terhadap pembangunan bakat memastikan pasukan kepimpinan kalis masa depan yang dapat menangani cabaran dan memanfaatkan peluang dalam landskap perniagaan yang berkembang.

Membina Modal Insan Negara

Dedikasi kami melangkaui tenaga kerja sendiri. Kami secara aktif menyumbang kepada pembangunan modal insan negara, merangkumi komitmen kami terhadap pertumbuhan dan kemakmuran jangka panjang Malaysia. Melalui program sampingan yang berdedikasi, kami menyediakan graduan muda dan mahasiswa dengan kemahiran dan pengetahuan yang berharga. Program-program ini membantu melengkapkan pemimpin masa depan untuk menjadi tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan, bersedia untuk menyumbang dengan berkesan kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara.

A Program Latihan Amali PNB

Program Latihan Amali PNB menarik graduan berbakat dari pelbagai latar belakang akademik yang berkaitan dengan industri kewangan. Melalui projek amali bersama profesional yang berpengalaman di pelbagai jabatan, para pelatih memperoleh pengalaman praktikal dan mengembangkan kemahiran yang amat diperlukan. Program komprehensif ini menawarkan pendedahan berharga kepada fungsi perniagaan kami, melengkapkan pelatih dengan pandangan holistik organisasi dan memupuk bakat mereka dalam bidang kewangan dan yang berkaitan.

Pelaburan untuk generasi akan datang ini merupakan asas komitmen kami untuk membina tenaga kerja yang kukuh dan dapat menyesuaikan diri. Program Latihan Amali PNB berfungsi sebagai batu loncatan yang berharga bagi graduan yang mencari kerjaya yang berjaya di samping memastikan bakat yang lengkap untuk memimpin kejayaan PNB yang berterusan.

369 pelatih

ditempatkan di pelbagai jabatan di PNB pada tahun 2023

5,389 pelatih

menerima latihan amali sejak permulaan program pada tahun 2005

B Program Pelatih Graduan Eksekutif PNB-MySTEP (PNB GET-MySTEP)

Program GET-MySTEP PNB menangani isu penting mengenai jurang kemahiran yang dihadapi oleh graduan Malaysia yang menganggur. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehgajian dan nilai pasaran dengan merapatkan jurang antara kelayakan akademik dengan keperluan industri.

Program ini menyediakan pengalaman lapan bulan yang komprehensif, melengkapkan graduan dengan kemahiran dan pengetahuan yang penting. Peserta mendapat latihan yang berharga di tempat kerja dalam PNB dan Kumpulan Syarikatnya, memberikan pengalaman praktikal serta pembelajaran teori. Sejak tahun 2022, program ini telah dilaksanakan melalui dua trek yang berbeza di bawah kurikulum yang dikemas kini, iaitu (i) Trek Am dan (ii) Trek i-GET Digital.

661 graduan

menyertai program ini pada tahun 2023

4,879 graduan

sejak permulaan program pada tahun 2011

Untuk latihan di tempat kerja, beberapa syarikat di bawah Kumpulan PNB mengambil bahagian dalam menampung pelatih, menawarkan sokongan yang teguh untuk memupuk perkembangan kemahiran dan pengetahuan mereka. Berikut adalah senarai syarikat-syarikat tersebut:

Permodalan Nasional Berhad

ASNB Wakalah Sdn Bhd

MNRB Holdings Berhad

Amanah Saham Nasional Berhad

Attana Hotels & Resorts Sdn Bhd

Takaful Ikhlas Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd

PNB Commercial Sdn Bhd

MMC Corporation Berhad

PNB Research Institute Sdn Bhd

PNB Development Sdn Bhd

CCM Berhad

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad

Raiz Malaysia Sdn Bhd

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman



Komitmen #6: 40% Wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025

Di PNB, kami telah mencapai 36% perwakilan wanita dalam Pengurusan Kanan berbanding sasaran kami sebanyak 40% menjelang 2025.

Kami percaya bahawa kepelbagaian mendorong inovasi dan memperkasakan kecemerlangan. Inilah sebabnya mengapa kami komited untuk memupuk tempat kerja yang mendorong wanita berkembang maju dan mencapai potensi mereka sepenuhnya. Selama bertahun-tahun, kami telah mencapai kemajuan yang ketara ke arah kesaksamaan jantina, mencapai tenaga kerja yang seimbang dan melebihi penanda aras global bagi wanita dalam pengurusan kanan.

Kami juga telah menetapkan sasaran 40% wanita dalam Kepimpinan Kanan PNB menjelang 2025 iaitu melebihi penanda aras global sebanyak 30%. Komitmen ini mencerminkan kepercayaan teguh kami bahawa perspektif yang pelbagai dan kehadiran wanita yang ketara pada peringkat tertinggi adalah penting untuk kejayaan jangka panjang.

Memperkasakan Wanita untuk Kejayaan Bersama

Pendekatan serampang tiga mata kami memperkasakan wanita untuk menjadi cemerlang dan menyumbang dengan signifikan kepada kejayaan organisasi.

1 Menyediakan Pembangunan untuk Pemimpin Wanita

Menyedari kepentingan menyediakan barisan kepimpinan yang kukuh, kami memulakan pembangunan sebuah program pada tahun 2023 untuk pemimpin wanita pengurusan kanan yang berpotensi tinggi. Program bersasar ini melengkapkan mereka dengan kemahiran kepimpinan yang penting untuk menangani cabaran yang kompleks dan cemerlang dalam peranan pengurusan kanan masa depan. Kami menyasarkan untuk melancarkan program ini pada Q2 2024.

2 Memperluas Rangkaian: Memupuk Hubungan Penting

Membina rangkaian profesional yang kuat adalah kunci kepada kemajuan kerjaya. Kami secara aktif menggalakkan peluang rangkaian untuk pemimpin wanita kami, secara dalaman dan luaran. Bekerjasama dengan organisasi berprestij seperti Kelab 30% membolehkan mereka berhubung dengan mentor berpengalaman, berkongsi amalan terbaik dan mendapatkan pandangan berharga daripada pemimpin industri. Kami juga telah menganjurkan sesi Perkongsian Amalan Terbaik dengan pemimpin industri melalui rakan kongsi Kelab 30% kami untuk berkongsi pandangan dan perspektif berharga mengenai "Wanita dan Kelestarian dalam Korporat" dan "Bias Tanpa Disedari".

3 Mencipta Persekitaran yang Mendayakan: Sistem Sokongan untuk Kejayaan

Kami memahami betapa pentingnya memupuk persekitaran yang memperkasakan wanita untuk mencapai kecemerlangan. Menyedari akan keperluan keseimbangan kehidupan bekerja yang sihat, kami menyediakan pilihan kerja yang fleksibel untuk kakitangan kami. Di samping itu, kami sentiasa mengkaji semula dan menyemak dasar dan amalan syarikat untuk memastikan ia inklusif dan sejajar dengan penanda aras industri.

Komitmen kami terhadap kepimpinan wanita melangkaui capaian kuota. Dengan melabur dalam pembangunan, memupuk hubungan, dan mewujudkan persekitaran yang menyokong, kami memperkasakan wanita untuk mencapai potensi penuh mereka. Ini, seterusnya, melahirkan sebuah syarikat yang lebih pelbagai dan inovatif, memberi manfaat kepada pekerja kami dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan masa depan yang lebih makmur untuk semua.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S




Komitmen #7: Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial

PNB telah mengalami pertumbuhan yang stabil sejak penubuhannya pada tahun 1978 dan masih memainkan peranan penting dalam membentuk landskap korporat dan memulihkan pembangunan sosioekonomi negara. Kami komited untuk menangani isu-isu ekuiti dan keterangkuman sambil mencapai keseimbangan antara keuntungan dan pelaburan sosial. Selaras dengan komitmen ini, kami berhasrat untuk meningkatkan pelaburan sosial dan mengukuhkan portfolio saham kami dalam syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan, memberikan pulangan jangka panjang dan lestari kepada pemegang unit kami.

Agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami membimbing inisiatif CSR yang berusaha untuk memenuhi keperluan komuniti dalam operasi kami sambil menangani isu-isu pembangunan negara yang paling relevan kepada kami.

Inisiatif dan program CSR berpusatkan empat teras.



Pendidikan

Objektif kami adalah untuk memberi inspirasi, menggalak dan memotivasikan bakat PNB pada masa hadapan di samping menyumbang kepada pembangunan negara. Di bawah inisiatif dan program teras ini, kami menyediakan peluang pendidikan dan memberi anak muda kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan PNB dan negara.

Literasi Kewangan

Matlamat kami adalah untuk menyediakan masyarakat dengan kemahiran literasi kewangan supaya mereka dapat menabung, melabur dan membuat keputusan kewangan yang bijak. Kami komited untuk meningkatkan kualiti hidup mereka dan membantu masyarakat merealisasikan matlamat jangka panjang mereka.

Peningkatan Komuniti

Melalui inisiatif dan sumbangan dermawan yang diberikan kepada organisasi yang berbeza, kami memberikan sokongan dan bantuan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat sekeliling.

Inisiatif Perkongsian Ilmu

Kami komited untuk menggalakkan kelestarian negara melalui penciptaan platform perkongsian pengetahuan yang memupuk inovasi, kerjasama dan pembangunan mampan, dan memastikan kami sentiasa mendapat maklumat trend semasa yang memberi impak terhadap amalan ekonomi, kepimpinan dan pelaburan.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Teras 1: Pendidikan


Membina Masa Depan Lebih Cerah Melalui Pendidikan:

Pendidikan merupakan salah satu elemen penting daripada empat teras CSR kami. Ini didorong oleh kepercayaan bahawa pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu meningkatkan kehidupan individu dan masyarakat di samping menyumbang kepada agenda pembangunan negara. Selain daripada pekerja kami sendiri, program kami menyasarkan pelbagai segmen masyarakat, dengan tumpuan khusus kepada mereka yang kurang bernasib baik. Dengan melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan peluang, kami berhasrat memperkasakan mereka untuk mencapai potensi sepenuhnya dan menjadi penyumbang aktif kepada Malaysia yang berkembang maju.



Selama 27 tahun yang lepas, kami telah memberikan biasiswa kepada golongan muda yang layak dalam kalangan rakyat Malaysia untuk maju dalam pendidikan mereka melalui pelaburan dalam program biasiswa kami. Program ini bertujuan membangunkan kumpulan bakat untuk PNB dan melengkapkan mereka dengan kebolehan yang diperlukan. Setelah tamat pengajian, penerima biasiswa ini akan menyertai tenaga kerja dan menyumbang kepada pertumbuhan PNB dan ekonomi negara. Pada TK2023, kami melabur RM40.7 juta dalam program biasiswa pendidikan, yang memberi manfaat kepada 1,195 anak muda Malaysia yang cemerlang. Selama bertahun-tahun, sesetengah penerima biasiswa PNB telah memegang jawatan kepimpinan di dalam dan luar organisasi. Melalui sokongan kami, mereka telah dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya dan menyumbang kepada pertumbuhan korporat di Malaysia.

Program Biasiswa PNB



Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Program Biasiswa Luar Negara

Anugerah Biasiswa Global PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana YTI

Anugerah Biasiswa Global PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail adalah biasiswa Malaysia berprestij bagi pelajar yang menunjukkan pencapaian luar biasa. Dengan biasiswa ini, individu yang patut menerimanya dapat melanjutkan pengajian tinggi dalam pelbagai bidang di beberapa universiti terkemuka di seluruh dunia. Semasa tahun laporan, kami menganugerahkan biasiswa bernilai RM29.0 juta yang membolehkan 152 pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Jumlah perbelanjaan biasiswa luar negara sejak penubuhan	Jumlah penerima biasiswa luar negara sejak penubuhan:	Jumlah perbelanjaan biasiswa luar negara pada TK2023:	Jumlah penerima biasiswa luar negara aktif setakat TK2023:
RM229.9 juta	510 pelajar	RM29.0 juta	152 pelajar

Jumlah pelajar aktif di Amerika Syarikat:	Jumlah pelajar aktif di United Kingdom:	Jumlah pelajar aktif di Australia:
18	75	3

Program Biasiswa Tempatan

Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA)

Sejak tahun 2016, PNB telah bekerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), INTEC Education College dan Ernst & Young Malaysia untuk meningkatkan bilangan Akauntan Bertauliah Bumiputera melalui Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA) dengan membiayai 1,025 pelajar.

Anugerah Biasiswa PNB, Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB dan Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu

PNB telah menubuhkan tiga tabung biasiswa untuk pelajar yang layak menerimanya dan menyokong anak-anak kakitangan kami melanjutkan pengajian di universiti awam dan swasta tempatan di Malaysia: Anugerah Biasiswa PNB, Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB dan Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu. Sejak ditubuh pada tahun 1998, Anugerah Biasiswa Anak Kakitangan PNB menawarkan penerimanya untuk mengikuti program pengajian asas, diploma atau sarjana muda di universiti awam dan swasta terpilih manakala Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu (2005) dan Anugerah Biasiswa PNB (2004) menyediakan peluang yang sama untuk pelajar kurang bernasib baik.

Pada TK2023, seramai 310 pelajar telah mendapat manfaat daripada ketiga-tiga kemudahan biasiswa tersebut yang bernilai RM4.2 juta.

Jumlah perbelanjaan biasiswa tempatan sejak penubuhan:	Jumlah penerima tempatan sejak penubuhan:	Jumlah perbelanjaan biasiswa pada TK2023:	Jumlah penerima tempatan aktif setakat TK2023:
RM174.9 juta	4,582 pelajar	RM4.2 juta	310 pelajar

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman


Bantuan Untuk Pendidikan PNB (BUDI PNB)

Bantuan Untuk Pendidikan PNB (BUDI PNB) dilancarkan pada tahun 2019 untuk menyokong kumpulan Asnaf/B40 dengan membantu pelajar kurang bernasib baik melanjutkan pendidikan menengah di Maktab Rendah Sains MARA (BUDI PNB-MRSM) atau Sekolah Berasrama Penuh (BUDI PNB-SBP) dan Pusat PERMATA@PintarNegara UKM (BUDI PNB-PERMATA@Pintar UKM) terpilih. Sementara itu, BUDI PNB-UNIRAZAK membolehkan pelajar untuk melanjutkan ijazah sarjana muda dalam perakaunan dengan Akauntan Amalan Bertauliah (CPA Australia) di UNIRAZAK.

Pada TK2023, 55% daripada pelajar mencapai kecemerlangan dan berjaya memenuhi syarat akademik minimum yang ditetapkan oleh PNB, iaitu CGPA 3.50 bagi pelajar MRSM, 6A bagi pelajar SBP, CGPA 3.00 bagi PERMATA@Pintar UKM dan CGPA 2.50 bagi pelajar UNIRAZAK.



PNB berdedikasi untuk melabur dalam pendidikan untuk memacu perubahan positif dalam komuniti sekeliling dan menjangkau ke luar kawasan kami. Setakat TK2023, kami telah membiayai 765 pelajar dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM25.3 juta.



Program Penglibatan Lebih Meluas BUDI PNB 2023

Tarikh: Ogos 25-27 2023 **Lokasi: SBPI Gombak**

Objektif: Menggalakkan kepimpinan yang lebih baik dalam kalangan belia, mengamalkan kemahiran hidup pemikiran kritis, komunikasi, penyelesaian masalah dan menyemai nilai kerja berpasukan. Majlis ini bertindak sebagai jambatan untuk memberi pelajar gambaran tentang masa depan dan jangkaan terhadap masa depan.

Bekerjasama dengan:

1. Bahagian Pendidikan Menengah (BPM), MARA
2. Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Pusat PERMATA@Pintar Negara UKM

Jumlah pelajar: 366

Jumlah guru: 22



Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Teras 2: Literasi Kewangan

Bekerjasama dengan syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami ASNB, kami terus mendidik masyarakat tentang kepentingan mengurus kewangan peribadi. Kami berharap agar dapat membantu anggota masyarakat mencapai matlamat kewangan mereka, membuat keputusan kewangan berasaskan maklumat dan mengumpulkan kekayaan peribadi dengan mendidik mereka mengenai belanjawan, penabungan, pelaburan dan pengurusan hutang.

Pada TK2023, sejumlah RM2.3 juta dilaburkan dalam program literasi kewangan berikut, memanfaatkan 150,000 penerima.

Sembang-sembang ASNB (Amanah Saham Nasional Berhad)



Objektif:

- Untuk memupuk rasa kepentingan merancang kewangan dengan segera kepada para peserta
- Untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan perancangan kewangan untuk persaraan, keperluan pendidikan kanak-kanak dan objektif pelaburan
- Untuk menyemai sikap yang betul tentang kepentingan menabung, melabur dan merancang kewangan
- Untuk membantu peserta mencapai ketenangan fikiran dan kebebasan kewangan
- Untuk memperkenalkan dan mempromosikan dana unit amanah dan perkhidmatan bagi mewujudkan kesedaran, menyemai keyakinan dan membina hubungan jangka panjang

Perjalanan pendidikan kewangan adalah penting bagi operasi ASNB, dan akan diteruskan pada TK2024 dan seterusnya. Sekali lagi, kami menganjurkan program ini pada tahun 2023 melalui kerjasama dengan kerajaan, agensi sektor swasta, universiti, kolej dan sekolah untuk mendidik kakitangan dan pelajar mengenai perancangan kewangan.

Tahun	Seminar Fizikal		Webinar Dalam Talian (Sembang-Sembang ASNB)			Jumlah
	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta	Jumlah Tontonan	Jumlah Peserta
2008-2019	7,520	712,257				
2020	75	7252	154	9,956		
2021	1	70	299	25,117	97,179	
2022	38	3348	267	12,912	37,254	746
2023	40	4348	128	15,098	48,312	976
Jumlah	7,674	727,275	848	63,083	182,745	1,722

Program ini telah dilaksanakan melalui webinar, seminar fizikal dan rancangan bual bicara.

Webinar

ASNB mengekalkan komitmen untuk menyampai dan menganjurkan webinar mingguan yang disesuaikan untuk masyarakat awam pada hari Jumaat dengan menjemput penceramah pakar dengan pelbagai latar belakang untuk berbicara tentang topik seperti penipuan (scams), pelaburan, mata wang kripto, insurans, harta pusaka dan pendanaan persaraan. Program ini bertujuan untuk mendidik segmen masyarakat yang berlainan mengenai perancangan kewangan, pelaburan, hubungan antara risiko dan pulangan, impak pengkompaunan dan topik perbualan menarik yang relevan.

Fizikal

Bersempena dengan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), Rancangan Temu Bual Sembang-sembang ASNB telah diadakan untuk membincangkan topik berkaitan dengan perancangan kewangan dan pelbagai isu dan cabaran berkaitan melibatkan moderator dan penceramah jemputan. Antara topik perbincangan adalah seperti berikut:

- Sembang Anak Muda: Kerja Sendiri berbanding dengan Makan Gaji
- Urus Wang, Bebas Hutang, Masa Depan Cemerlang
- Bayar Hutang atau Simpan: Mana Patut Didahulukan

Rancangan Bual Bicara

Sembang-sembang ASNB 2023 @ TV1 RTM ialah rancangan yang memfokus pada kandungan nasihat kewangan sebagai sebahagian daripada inisiatif ASNB untuk mendidik masyarakat awam mengenai perancangan kewangan dan pengurusan kewangan. Pada tahun 2023, 13 episod bersiaran langsung di TV1 RTM dari September hingga Disember 2023 dan menarik lebih daripada 6.89 juta penonton.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Perasmian Bulan Literasi Kewangan 2023 (FLM 2023)

Memasuki tahun ketiga, FLM 2023 dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Minggu Saham Amanah Malaysia 2023 (MSAM 2023). Pelancaran ini adalah untuk memulakan siri program dan aktiviti pendidikan kewangan selama sebulan oleh ahli Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang mengambil bahagian melalui FENPavilion @ MSAM 2023. Pelbagai aktiviti dan program pendidikan dan hiburan dianjurkan dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan bagi mempromosikan FLM 2023 yang berjaya menarik lebih daripada 200 peserta.

FLM merupakan acara utama tahunan untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai isu-isu kewangan utama dan meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Bermula dengan FLM yang julung kali diadakan pada tahun 2020, FLM menyediakan platform hibrid (maya dan fizikal) untuk ahli FEN dan rakan kongsi untuk melibatkan diri dengan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat mengenai pelbagai topik kewangan dan perlindungan pengguna. Antara aktiviti semasa FLM ialah pameran bergerak, webinar, sesi nasihat, simposium, pertandingan, *pocket talk*, pameran dan ruang penerangan secara maya.

Berikut adalah beberapa program literasi kewangan yang diadakan di MSAM 2023 yang dihadiri oleh 10,563 peserta.

Pertandingan Melukis Poster

Pertandingan ini berfungsi sebagai platform untuk pelajar sekolah rendah dan menengah mempamerkan bakat melukis, belajar daripada individu lain melalui aktiviti berkumpulan, dan meneroka potensi bakat seni bertema "Impian Saya Bila Ada Duit".

Ceria Bersama ASNB

Tujuan program ini adalah untuk mendidik golongan remaja tentang perancangan kewangan dan pelaburan melalui permainan, kuiz dan aktiviti interaktif.

Objektif:

- Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung pada usia muda untuk mencapai objektif kewangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.
- Memperkenalkan konsep faedah kompaun, risiko dan pulangan, keperluan dan keinginan, serta kepentingan simpanan dan pelaburan.

Pertandingan Mewarna

Bertujuan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap STEM dan memberi peluang kepada mereka untuk menonjolkan bakat dan potensi, pertandingan mewarna ini terbuka untuk semua pelajar prasekolah dan sekolah rendah yang berumur antara lima dan sembilan tahun.

Kelab Pelaburan Bijak PNB 2023

Pada tahun 2023, ASNB mengadakan pelbagai program dan aktiviti di bawah Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) untuk memberikan ahli pendedahan kepada celik kewangan dan menyemai tabiat menabung sejak muda lagi.

KPBPNB diperkenalkan pada tahun 2000 sebagai salah satu inisiatif pendidikan kewangan ASNB untuk mendekati generasi muda.

Pada masa ini, KPBPNB dilaksanakan di 155 sekolah menengah dengan 50 hingga 100 ahli dalam kalangan pelajar di setiap sekolah.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Program dan aktiviti yang disahkan oleh Kementerian Pendidikan telah dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti webinar, latihan fizikal, bengkel dan kuiz.

1 Webinar Remaja & Ringgit: Urus Wang Dengan Bijak

Kami menganjurkan webinar dua jam termasuk *trivia* untuk menilai pemahaman pelajar. Seramai 9,175 peserta mengambil bahagian dalam program ini.

2 Train the Trainer (di lapangan) untuk guru

Eksklusif untuk penyelaras KPBPNB, tujuannya adalah untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan nasihat kewangan.

3 Bengkel Kewangan & Kecemerlangan SPM

Membantu peserta membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan SPM dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan perancangan kewangan bagi membantu mereka supaya bersedia menghadapi cabaran kehidupan.

4 Kuiz Pelaburan PNB @Virtual Treasure Hunt

Aktiviti baharu dan menarik untuk pelajar melibatkan diri dengan ASNB.

5 KPBPNB @ MSAM - Cabaran KPBPNB - Lawatan KPBPNB

Mengintegrasikan perspektif baharu dengan persekitaran tidak formal untuk meningkatkan inisiatif pembelajaran dalam kalangan ahli KPBPNB.

Aktiviti

- Cabaran KPBPNB
- Lawatan KPBPNB

6 SMART dengan KPBPNB (Lapangan)

Program sehari bersama dengan guru, ibu bapa dan pelajar di sekolah KPBPNB terpilih.

Aktiviti

- *Ted Talk*
- Seminar
- Permainan dan trivia

7 Pembiayaan Tajaan Hari Sukan

Menaja Hari Sukan Sekolah bagi sekolah KPBPNB terpilih.

Membina kesedaran jenama ASNB dalam kalangan pelajar sekolah.

ASNB memperoleh sijil peringkat kebangsaan untuk "Kuiz Pelaburan PNB", sijil peringkat negeri untuk Cabaran KPBPNB dan mata latihan untuk guru KPBPNB yang menghadiri program *Train the Trainer*. Seramai 19,817 pelajar dan guru mengambil bahagian dalam program ini.

S

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

ASNB Academy

Pada tahun 2023, ASNB mewujudkan ASNB Academy, laman web yang berfungsi sebagai platform untuk berkongsi kandungan komunikasi dan nasihat.

Laman web ini dilancarkan pada 29 September 2023, sempena MSAM 2023.

Melalui ASNB Academy, ASNB merancang untuk menjadi penasihat bagi menjadikan kandungan nasihat kewangan tersedia sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk mempromosi dan menawarkan khidmat nasihat kewangan percuma kepada orang ramai.

ASNB Academy bertujuan untuk membantu orang awam dan pemegang unit ASNB membuat keputusan bermaklumat mengenai wang dan pelaburan mereka.

ASNB kekal komited untuk berkongsi kandungan berkaitan perancangan kewangan dan pelaburan secara berterusan agar dapat membantu mengukuhkan jenama ASNB dalam bidang pelaburan individu.

Setakat 31 Disember 2023, ASNB Academy telah menerbitkan lebih daripada 100 artikel dan video pendidikan kewangan yang mencecah 99,000 tontonan dengan 33,000 pengguna.

Kerjasama Strategik ASNB x UiTM 2023

ASNB bekerjasama dengan UiTM pada TK2023, bertujuan untuk meningkatkan akses pelaburan, pengalaman pelajar, kesedaran literasi kewangan dan kekayaan Bumiputera melalui sinergi.

Objektif:

- Untuk menyediakan pendidikan berterusan tentang kepentingan perancangan kewangan
- Untuk menyediakan kaedah komprehensif mengurus dan merangka pelan hala tuju kewangan
- Untuk memupuk sikap yang betul tentang kepentingan menabung dan melabur
- Untuk membantu peserta mencapai ketenangan fikiran dan kebebasan kewangan
- Untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan ASNB

Seramai 1,812 pemegang unit melabur dalam produk ASNB dengan jumlah pelaburan sebanyak RM434,497 sepanjang program Ekspo Selangkah ke UiTM, Konvokesyen ASNB @UiTM dan Minggu Destini Siswa (MDS) pada tahun 2023.



Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Teras 3: Peningkatan Komuniti


Inisiatif komuniti PNB ditumpukan kepada membangunkan komuniti yang holistik dan teguh untuk meningkat dan manggalakkan kesejahteraan sosial dan ekonomi mereka. Kami memperkasakan komuniti dengan menyediakan sokongan kewangan dan bukan kewangan, termasuk bekerjasama dengan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan atau bukan kerajaan (NGO) dalam inisiatif-inisiatif yang sejajar dengan matlamat kami untuk membantu komuniti yang kurang bernasib baik. Selain daripada meningkatkan kehidupan orang ramai, kami juga memastikan bahawa kami terus komited untuk menyumbang kepada amalan kelestarian yang memberi manfaat kepada alam sekitar. Inisiatif CSR kami adalah berorientasikan hasil dan berskala untuk memenuhi keperluan komuniti dan alam sekitar. Kami berdedikasi untuk memenuhi komitmen sosial kami melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dan menilai inisiatif kami dengan teliti, melaksanakannya, dan memantaunya secara berterusan untuk memberi manfaat kepada komuniti dan alam sekitar.

Peningkatan Komuniti

Objektif:

- Menyediakan sokongan kewangan kepada organisasi yang menyediakan perkhidmatan yang menyumbang kepada peningkatan komuniti
- Berpusat pada intervensi sosial yang memenuhi keperluan komuniti dalam mengatasi cabaran dan kesukaran dalam kehidupan mereka

Senarai aktiviti pada tahun 2023



Pembangunan Komuniti

- Monsun timur laut, yang bermula pada November 2022 dan berterusan sehingga Mac 2023, menyebabkan banjir kilat di beberapa negeri. Negeri yang paling teruk terjejas ialah Terengganu, Kelantan, Pahang, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak. Sekurang-kurangnya enam orang terkorban, dan lebih 70,000 mangsa telah dipindahkan ke pusat pemindahan.
- PNB menyumbang sejumlah RM5 juta untuk membantu lebih 18,500 orang penerima dan 60 buah sekolah yang dilanda banjir di enam negeri. Kami bekerjasama dengan lima agensi kerajaan dan empat NGO untuk memulakan misi bantuan banjir kami, dengan menyediakan keperluan kepada mangsa terjejas dalam dua fasa termasuk melibatkan misi bantuan dan menyelamatkan segera (fasa 1) dan pasca-pemulihan dan pembangunan semula (fasa 2).

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Fasa 1 — Misi bantuan segera dan menyelamatkan banjir (RM2.4 juta)

Malaysia Relief Agency (MRA)

- Dalam misi kerjasama dengan MRA, kami menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir melalui sumbangan keperluan asas, bantuan perubatan dan persediaan peralatan untuk stesen pangkalan radio amatir berjumlah RM1 juta. Sejumlah 10,000 orang penerima di Pasir Mas, Rantau Panjang dan Machang (Kelantan), Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Besut (Terengganu), Kuantan, Maran dan Temerloh (Pahang) dan Muar, Segamat dan Mersing (Johor) mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

- Melalui perkongsian dengan MERCY Malaysia, kami menyumbang dalam bentuk tindak balas kecemasan seperti penjagaan kesihatan, pertolongan cemas psikososial, kesediaan menghadapi bencana, kit kebersihan dan beg kecemasan untuk kanak-kanak, dengan jumlah keseluruhan RM900,000. Sumbangan ini memberi manfaat kepada 5,000 orang penerima di Rantau Panjang, Tumpat, Kuala Krai dan Kota Bharu (Kelantan), Kuala Terengganu, Dungun, Kuala Nerus dan Setiu (Terengganu), Temerloh, Bentong, Bera dan Pekan (Pahang), dan Hilir Perak, Manjong dan Perak Tengah (Perak).



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

- Kami bekerjasama dengan JBPM dengan menyumbang lima buah bot penyelamat polietilena berkepadatan tinggi (HDPE) termasuk aksesori bernilai RM50,000 setiap satu kepada JBPM Kelantan, Terengganu and Pahang, dengan jumlah keseluruhan RM250,000.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sarawak

- Menyumbang sebanyak RM250,000 melalui pembelian alat bantuan menyelamatkan dan peralatan "waterjet" berkuasa tinggi, peranti pengapungan peribadi (PFD), dan beg trauma responder pertama.

Fasa 2 — Pasca-pemulihan dan pembangunan semula (RM2.6 juta)



Yayasan Ikhlas

- Bekerjasama dengan Yayasan Ikhlas membantu membaiki dan membaik pulih 35 buah rumah yang rosak selepas banjir. Pihak kami turut menyumbang barangan keperluan kepada 60 buah keluarga di Tumpat dan Pasir Mas (Kelantan), dan Hulu Terengganu serta Hulu Besut (Terengganu).
- Menyumbang RM1 juta kepada usaha pasca pemulihan dan pembangunan semula ini.

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

- Dengan kerjasama YaPEIM, kami membantu membaiki dan memulihkan kediaman 25 buah keluarga di Batu Pahat, Segamat, Pontian, Mersing, Kluang, Kota Tinggi, Yong Peng, Pagoh dan Muar (Johor).
- Menyumbang RM1 juta kepada usaha kerjasama ini.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

- Kami bekerjasama dengan JPN Kelantan dan Terengganu untuk menghulurkan bantuan melalui pembelian barangan keperluan sekolah seperti pakaian seragam, kasut dan beg bernilai RM200 untuk setiap pelajar, memanfaatkan 2,500 pelajar terjejas.
- Bekerjasama dengan JPN Terengganu, Kelantan dan Sabah untuk membantu 60 sekolah yang terjejas akibat banjir dengan menggantikan atau membaik pulih peralatan sekolah yang rosak dengan sumbangan RM10,000 kepada setiap sekolah. Kami membelanjakan RM600,000 untuk misi ini.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S



Sumbangan Penting Lain

- Yayasan Hijau Malaysia (YHM): PNB menyumbang RM100,000 untuk menyediakan bekalan elektrik kepada 20 buah keluarga di Kampung Dagat, Kinabatangan, Sabah, menggunakan sistem solar panel.
- Lembaga Tabung Haji: Program Sahabat Korporat TH 1444H/2023M: PNB menyumbang 10,000 beg peralatan mandian bernilai RM75,500.
- Sekolah Agama Rakyat Permatang Buloh, Kepala Batas, Pulau Pinang: PNB menyumbang RM25,000 untuk Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) di sekolah berkenaan.
- Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur: PNB menyumbang sebanyak RM25,950 untuk Program Iftar di Masjid Jamek KL.
- PNB menyumbang RM10,000 untuk penyertaan Victoria Institution Kuala Lumpur dalam Kejohanan Seni Kawad Antarabangsa Malaysia (MIMAC) 2023.
- PNB menyediakan makanan percuma kepada calon SPM bernilai RM14,990.
- Universiti Putra Malaysia (RM100,000): PNB mengambil bahagian di dalam program penanaman pokok di Taman Arboretum Pokok Nadi (2 ekar) di Pusat Pendidikan Hutan Sultan Idris Shah (SISFEC), Puchong, Selangor.
- Yayasan Kebajikan Negara: PNB menyumbang RM100,000 sebagai sokongan kepada Program Pemerkasaan Pendapatan di Kiosk K.A.S.I.H. Wanita di stesen LRT Ampang Park, Sri Rampai dan Hang Tuah.
- Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang: PNB menyumbang 250 unit komputer peribadi terpakai kepada sekolah terpilih di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sabah: Bantuan cermin mata bernilai RM100,00 kepada 500 pelajar rabun terpilih di Sabah menerusi "Program Kami Bantu".
- Persatuan Alumni Felo Perdana: Sebanyak RM50,000 disumbangkan untuk Persidangan Puncak Kewangan Iklim 2023.
- Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia: PNB menaja sebanyak RM750,000 untuk Pavilion Malaysia pada Persidangan Pihak-Pihak ke-28 (COP28) bagi Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.
- PNB menaja peralatan perubatan dengan nilai keseluruhan RM3.5 juta, kepada 14 buah hospital di bawah Kementerian Kesihatan (ENT/Otorhinolaryngology).

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Mengimbangi Keuntungan dan Pelaburan Sosial

Program Pengagihan Zakat CSR PNB

PNB menyumbang sebanyak RM6 juta melalui Program Pengagihan CSR Zakat PNB yang diselia oleh Jabatan Pengurusan Syariah. Peruntukan zakat itu ditadbir mengikut Rangka Kerja CSR Zakat PNB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB.

Tabung Zakat CSR PNB — Agihan

RM3.63 juta (60.6%) 14,619 penerima manfaat

Peningkatan Komuniti

RM1.28 juta (21.4%) 752 penerima manfaat

Pendidikan

RM1.08 juta (18.0%) 4,950 penerima manfaat

Penjagaan Kesihatan

Projek Perintis

Pembiayaan Mikro-Zakat

- PNB bekerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menerusi Pembiayaan Mikro iTEKAD Bangkit, skim pembiayaan Qard al-Hassan, dengan menggunakan peruntukan dana zakat untuk disumbangkan kepada usahawan mikro berpendapatan isi rumah 40% terbawah (B40) yang layak.
- Mengagihkan peruntukan zakat sebanyak RM500,000 melalui skim pembiayaan Qard al-Hassan, yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 20 orang usahawan mikro seluruh negara.

Zakat Mikro-takaful

- PNB menjalin kerjasama dengan Takaful Ikhlas Family Berhad, PPZ-MAIWP, dan 11 pusat zakat negeri yang lain, dalam melaksanakan program takaful mikro zakat untuk menyokong usahawan asnaf.
- Kami menyumbang RM468,000 untuk 11 perlindungan takaful komprehensif, yang memanfaatkan kira-kira 1,300 orang peserta asnaf di 12 buah negeri.

Program Penajaan Sijil Seni Kulinari dan Hospitaliti

- Bekerjasama dengan Mutual Empire Sdn Bhd, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Attana Hotels and Resorts (Attana) dalam penajaan program berkenaan.
- Melalui program itu, kami menyumbang RM294,450 sebagai sokongan kepada 39 orang penerima untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran bersesuaian untuk industri hospitaliti.

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Sumbangan Pelbagai

Selain projek perintis, PNB juga komited kepada inisiatif-inisiatif lain seperti pusat pemeraksanaan asnaf, program keusahawanan, bantuan Ramadan dan Aidilfitri, penyediaan peralatan dan kemudahan perubatan, penajaan pendidikan, dan penyediaan alatan pendidikan pelajar. Antara pengagihan sumbangan adalah untuk tujuan berikut:

Menggalakkan Penjagaan Kesihatan yang Lebih Baik

- Kami melaksanakan inisiatif bersama ASNB Wakalah Sdn Bhd dengan memperoleh peralatan perubatan untuk penambahbaikan ujian imunologi bagi menilai keserasian sebelum pembedahan pemindahan buah pinggang, memberi manfaat kepada kira-kira 400 orang pesakit.
- Menyokong Yayasan Pelangi Malaysia menerusi program pemeriksaan pendengaran awal kanak-kanak untuk memastikan penjagaan tepat pada masanya bagi bayi baru lahir, bayi dan kanak-kanak kecil yang mengalami masalah pendengaran, khususnya dalam komuniti di Selangor, memberi manfaat kepada 250 orang kanak-kanak.
- Menyumbang kepada USIM Healthcare Sdn Bhd untuk penubuhan Pusat Pemulihan dan Terapi (URTC) USIM, yang menawarkan perkhidmatan pemulihan awal untuk kanak-kanak dan pada masa sama melengkapkan perkhidmatan itu di Klinik Pakar Kesihatan USIM (KPKU), termasuk perhidmatan telinga, hidung dan tekak (ENT), pediatrik dan kepakaran perubatan keluarga, memberi manfaat kepada 3,000 orang pesakit untuk jangka masa panjang.

Mempertingkatkan Pendidikan

- Menaja tujuh orang pelajar cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah dan asnaf di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sumbangan kepada Pertubuhan Kebajikan dan Amal Rumah Teduh Perlis untuk menyediakan keperluan sekolah seperti pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis untuk 38 orang pelajar bagi sesi 2023.
- Menyumbang kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) untuk inisiatif Projek Perintis Buku Teks Digital 2023, satu usahasama Pendidikan dengan Kementerian Pendidikan (KPM), dengan menyediakan tablet kepada 650 orang pelajar B40 asnaf terpilih untuk meningkatkan akses mereka kepada pembelajaran digital.
- Bekerjasama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk menaja 30 orang anak-anak asnaf menyertai kursus perintis pertanian dron di bawah Projek Pembangunan Usahawan Zon Pembangunan Ekonomi Ummah (ZPEU) LZNK sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memperkasa individu asnaf.

Menyediakan Sokongan Kewangan dan Sosial

Program Pemeraksanaan Asnaf:

- Kami bekerjasama dengan Pusat Menjahit Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) untuk menyediakan pakaian seragam sekolah agama kepada lebih kurang 10,000 orang anak asnaf, dan secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada usahawan asnaf di Johor.
- Menyokong program keusahawanan asnaf menerusi kerjasama dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), meningkatkan kapasiti dan daya saing 285 usahawan melalui modal benih, peralatan, latihan keusahawanan, bimbingan dan pemantauan inklusif untuk memupuk pendapatan mampan dan daya tahan usahawan mikro berkenaan.
- Kami bekerjasama dengan RHB Islamic, menyumbang RM600,000 dalam bentuk pendanaan benih untuk Projek Ternakan Ayam Kampung Kacuk (PTAKK) di Kelantan. Diuruskan oleh Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan, Universiti Malaysia Kelantan (InsPeK), program itu menyokong peserta dalam keusahawanan ternakan ayam dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Program ini memberi manfaat kepada 260 orang penerima dari segi pembangunan ladang, pemasaran produk, bimbingan dan pemantauan.

Sumbangan-Sumbangan Lain

Menyumbang kepada Masjid Jamek Sultan Abdul Samad KL melalui Program Prihatin Aidilfitri 1444H, dengan menyediakan persediaan bantuan Raya kepada 100 orang asnaf di Kuala Lumpur.

Menyumbang kepada Pertubuhan Generasi Keprihatinan Ummah Malaysia untuk projek penggantian paip di Kg Lata Rek Kuala Krai, Kelantan, memanfaatkan 150 orang penduduk setempat.

Menyumbang kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, untuk pembelian van bagi kerja-kerja dakwah dan kerja sosial.

Bekerjasama dengan Yayasan Ikhlas untuk projek infrastruktur di luar bandar Sarawak termasuk pemasangan sistem solar dan pembangunan sistem air bersih.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Teras 4: Inisiatif Perkongsian Ilmu

Dengan pengoperasian Pelan Strategik 2022-2024 dan selaras dengan inisiatif strategik LEAP 6 yang dilancarkan baru-baru ini, PNB Research Institute Sdn Bhd (PNBRI) pada tahun 2023 terus menerajui teras ilmu melalui penganjuran pelbagai inisiatif perkongsian ilmu, termasuk program perdananya, Forum Pengetahuan PNB (PKF), beberapa siri *PNB Tea Talk* dan penerbitan *PNBRI Views*.

PKF adalah sebahagian daripada inisiatif Kumpulan PNB yang membolehkan pemimpin pemikir dan pakar industri berkongsi pandangan dan perspektif yang tidak ternilai tentang isu-isu topikal dan tepat pada masanya kepada ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB dan kepimpinan kanan, serta pengurusan kanan awam dan organisasi swasta Korporat Malaysia. Pada ketika PKF bermatlamat untuk memupuk perbincangan positif dan menyumbang kepada persekitaran perniagaan dan ekonomi Malaysia, siri Tea Talk pula bertujuan menentengahkan idea-idea, perspektif dan pengetahuan baharu daripada pakar-pakar luar bidang khusus kepada kakitangan PNB. Penerbitan oleh penyelidikan PNB yang diterbitkan di LinkedIn PNB telah menarik minat orang ramai dan mewujudkan kepercayaan dalam komuniti penyelidikan.

Pada tahun 2023, PNBRI telah melaksana dan menganjurkan dua PKF, 21 *PNB Tea Talk* dan menerbitkan lapan *PNBRI Views*. Lebih RM560,000 telah dibelanjakan sepanjang tahun untuk inisiatif perkongsian pengetahuan ini, yang telah memanfaatkan lebih 3,500 peserta dan bilangannya lebih ramai lagi menerusi penerbitan yang disebar luas melalui media sosial.

PNB Knowledge Forum 1 (27 Julai 2023) — “Harnessing Innovation and Technology for Sustainable Business”

PNB Knowledge Forum 2023 (PKF I) yang julung kali diadakan dengan tema “*Harnessing Innovation and Technology for Sustainable Business*” telah dianjurkan oleh PNBRI. PKF I menampilkan empat Syarikat Pelaburan PNB: Sime Darby Plantation Berhad, Sime Darby Berhad, Malayan Banking Bhd (Maybank) dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA). Syarikat-syarikat berkenaan merupakan peneraju pasaran yang telah berjaya menerapkan pendekatan inovatif dan teknologi destruktif kepada sektor masing-masing. Forum dihadiri lebih 500 orang peserta, melibatkan penggubal dasar kanan, kepimpinan utama dan pengurusan kanan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat senaraian awam. Forum ini bermatlamat untuk memberikan pandangan yang berharga tentang penyelesaian inovatif, teknologi destruktif dan komitmen syarikat-syarikat PNB terhadap penambahbaikan produk dan proses yang berterusan.



PNB Knowledge Forum 2 (15 November 2023) — “Education Reimagined”

PNB Knowledge Forum 2023 kedua (PKF II) telah diadakan pada 15 November 2023, memfokuskan kepada kepentingan pendidikan dan pelaburan dalam memupuk minda dan bakat muda. Forum ini bertujuan memberikan pandangan untuk mewujudkan model pembelajaran sepanjang hayat dan ekosistem pendidikan yang baharu.

Forum bertemakan *Education Reimagined* ini tepat pada masanya kerana Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dijangka berakhir, dan pencapaian pelan tindakan itu, impak transformatif dan cabaran masa depan dalam ekosistem pendidikan akan menjadi rujukan baharu untuk pembangunan pendidikan negara dalam kitaran pelan tindakan seterusnya.

Ahli panel daripada Bank Negara Malaysia, Akademi Air Asia, Akademi Arus dan Teach for Malaysia berkongsi visi mereka tentang sistem pendidikan masa depan, selain membincangkan isu-isu utama dan keperluan mendesak bagi ekosistem berkenaan. Lebih 400 orang peserta menghadiri acara itu, termasuk penggubal dasar kanan, pengurusan kanan GLIC, GLC dan syarikat tersenarai awam, ahli ekonomi, pengurus dana dan pihak berkuasa kawal selia.



Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Siri Tea Talk PNB 2023

PNBRI telah menganjurkan 21 Siri Tea Talk PNB, yang buat pertama kalinya diadakan pada Januari 2023. Diadakan setiap dua minggu, seramai 21 orang pemimpin bersama kira-kira 251 orang kakitangan di semua peringkat menghadiri setiap sesi Siri Tea Talk PNB 2023, yang dimulakan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad selaku penceramah pertama. Siri Tea Talk menampilkan pemimpin dan penceramah daripada pelbagai industri dan bidang berkepentingan, dengan tajuk memfokuskan kepada kepimpinan, destruktif dan kepentingan khas, meningkatkan kemajuan pengetahuan dan pemeraksanaan untuk kakitangan PNB. Pemimpin dan penceramah yang ditampilkan termasuk Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, Pengerusi Kumpulan Axiata; Siti Hurrairah Sulaiman, Pengerusi Negara Shell Malaysia; Kamarul A. Mohamed, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Aerodyne dan Dato' Dr Hartini Zainuddin, Pengasas Bersama Yayasan Chow Kit.



Penerbitan PNBRI Views

Pada 2023, PNBRI telah menerbitkan lapan pandangan daripada PNBRI Views, mengenai tajuk berkaitan keselamatan makanan, perlindungan sosial, konsep mesra pejalan kaki dan transformasi digital dalam sektor pembinaan. PNBRI Views mencapai matlamatnya untuk meningkatkan kehadiran pengetahuan industri PNBRI dengan 130 interaksi awam di setiap bahagian di LinkedIn, 100 pembaca dalaman dan pendapat yang boleh diakses di K-hub.



Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI)

Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) diasaskan pada 26 Februari 1999, untuk memperingati sumbangan Tun Ismail Mohamed Ali kepada negara dan sebagai Pengerusi pertama PNB. Yayasan tersebut menjalankan pelbagai program, antaranya Anugerah Biasiswa Perdana YTI, kepada pelajar cemerlang yang layak mendapat tempat ke universiti berprestij di luar negara; menubuhkan Kerusi Profesor di universiti endowmen, seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM); geran penyelidikan, syarahan umum, penerbitan buku dan sokongan untuk pelbagai usaha pendidikan.

Jumlah perbelanjaan sejak penubuhan
(Tidak termasuk anugerah biasiswa):

**RM18
juta**

Jumlah penerima sejak penubuhan
(Tidak termasuk anugerah biasiswa):

15,020

Objektif seperti dalam Surat Ikatan Amanah YTI:

1

**Penganugerahan
Biasiswa**

2

**Penubuhan Kerusi
Profesional**

3

**Biografi Allahyarham Tun
Ismail Mohamed Ali**

4

**Bagi tujuan pendidikan
dan amal lain**

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Program Kerusi Profesor YTI

Program ini bertujuan untuk menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi oleh universiti tempatan dalam bidang berkaitan perniagaan PNB. Pada 2023, sebanyak lima kertas penyelidikan telah dilaksana/disiapkan di bawah program berkenaan.

	Universiti Malaya (UM)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bidang kerusi	Undang-Undang Korporat, Sekuriti & Kewangan	Kewangan & Pelaburan
Pemegang kerusi	Prof. Abu Bakar Munir (Bekas Profesor Undang-Undang, UM)	Prof. Dr. Hameed Allaudeen (Profesor Kewangan, National University of Singapore)
Tajuk penyelidikan	<i>Data Privacy and Protection: Changing Times, Challenging Laws</i>	<i>Decoding Investors' Behaviour in the Stock Market</i>
Hasil projek	Kertas penyelidikan, seminar/bengkel dan syarahan umum	2 buah buku, kertas penyelidikan, seminar/bengkel dan syarahan umum
Durasi projek	2 tahun (Julai 2022 sehingga Jun 2024)	2 tahun (Julai 2022 sehingga 30 Jun 2024)

	Universiti UCSI (UCSI)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Universiti Nottingham Malaysia (UNM)
Tajuk penyelidikan	<i>An Automated Intelligent Portfolio Management System for Strategic Planning and Investment Decision-making Using Artificial Intelligence, Machine Learning, Fuzzy Logic and Genetic Algorithms</i>	<i>Application of Maqasid al-Shariah and Siyasa Shar'iyah in Responsible Investment and Practices Towards Environment, Social and Governance Concern: Evidence of PNB Investment</i>	<i>Vehicle-in-the-Loop Safety Testing Platform for Autonomous Vehicle Using Malaysian Road and Traffic Environment</i>
Hasil projek	Sistem Automatik AI untuk pengurusan portfolio pintar	Maqasid al-Syariah, Indeks Pelaburan Bertanggungjawab Siyasa Shar'iyah (MSSRI) untuk analisis dan keputusan membuat pelaburan	Platform ujian keselamatan menggunakan persekitaran maya untuk kenderaan autonomi
Durasi projek	2 tahun (Ogos 2021 sehingga Julai 2023)	2.5 tahun (Ogos 2021 sehingga Dis 2023)	2.5 tahun (Dis 2021 sehingga Jun 2024)
Pemegang kerusi	Prof. Dr. Ajith Abraham Pengarah, Makmal Penyelidikan Perisikan Mesin, Rangkaian Sainifik, Inovasi dan Kecemerlangan Penyelidikan, Amerika Syarikat	Prof. Dr. Fauzias Mat Nor • Ketua Kluster — Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi & Muamalat, USIM • Pengarah Institut Kewangan Islam dan Pengurusan Kekayaan	Prof. Dr. Haider Abbas F. AIMurib Profesor, Jabatan Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik, UNM
Pakar bidang khusus (PKS)	En. Ahmad Shahir Mahfuz Ketua, Perumpukan Aset Strategik, PNB	Dr. Ahmad Basri Ibrahim Ketua, Pengurusan Syariah, PNB	Dato' Abdul Rashid Musa Ketua Pegawai Kumpulan Mobiliti & Inovasi, UMW Holdings Berhad

Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

S

Aktiviti dan Program YTI pada 2023

Penerbitan Buku YTI-UKM



Tajuk buku:


1. Isu-isu Kontemporari Kewangan Perbankan dan Pelaburan
2. Isu-Isu Kontemporari dalam Kewangan, Pelaburan dan Perbankan di Malaysia
 - Tarikh terbitan: 18 Oktober 2023
 - Ditulis oleh penyelidik UKM dan pemegang geran Pengerusi YTI-UKM. Merangkumi perbincangan mata wang kripto, fintech, dan tingkah laku perbankan milenial dan Gen Z

Indeks Pelaburan Bertanggungjawab Maqasid al-Syariah USIM (MSRI)



- The 10th International Islamic Economic System Conference (I-Icons 2023) — Sustainable Development Through Innovative Economic Transformation
- Tempat: Hotel Millennium Makkah Al Naseem, Mekah, Arab Saudi
- Tarikh: 14 Ogos 2023
- Ahli panel:
 - Dr Ahmad Basri Ibrahim, Ketua Pengurusan Syariah, PNB
 - Prof Dr Amir Shaharuddin, Pengerusi Jawatankuasa Syariah, SME Bank
 - Prof. Dr Fauzias Mat Nor, Pengerusi Yayasan Tun Ismail Ali (YTI)
- Persidangan utama terdiri daripada perbincangan forum mengenai topik penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan YTI USIM
- Dihadiri oleh 150 peserta mewakili 40 institusi pengajian tinggi dari 11 buah negara (Malaysia, Indonesia, Palestin, UAE, Brunei, Algeria, Australia, Filipina, Tunisia, Turkiye dan UK)

Syarahan Umum UM



- Tempat: Auditorium Tun Ahmad Sufian, Universiti Malaya
- Tarikh: 27 Oktober 2023
- Penyampai: Prof. Abu Bakar Munir
- Tajuk Syarahan: *Personal Data Protection Law: Opportunities on the Horizon*
- Penyampaian syarahan umum adalah antara pencapaian utama Pemegang Kerusi

Program Ilmu Siswazah YTI 2023



- Tajuk: Urus Wang, Bebas Hutang, Mahasiswa Cemerlang
- Tempat: Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM
- Tarikh: 18 Oktober 2023
- Penyampai Utama:
 1. En. Ahmad Faiz Azmi, Pengasas, Financial Faiz
 2. En. Muhammad Haziq bin Abd Rahim, Pengasas, AJAR
- Untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa mengenai kepentingan literasi kewangan sebagai kemahiran praktikal untuk berkembang maju dalam dunia yang semakin mencabar di mana pada akhirnya mereka perlu bertanggungjawab terhadap masa depan kewangan mereka sendiri

Program Ilmu Siswazah YTI 2023

Program Ilmu Siswazah YTI 2023, merupakan program setengah hari, diadakan dengan kerjasama Yayasan Canselor UKM dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM, dan dihadiri oleh 300 peserta.

Matlamat program adalah untuk mewujudkan kesedaran kepada siswazah tentang kepentingan perancangan kewangan yang teliti sebagai kemahiran yang berguna untuk berkembang maju dalam dunia yang mencabar di mana pada akhirnya mereka perlu menguruskan kewangan mereka sendiri. Perihal menguruskan kewangan, bebas hutang, dan membuat persediaan untuk kestabilan dan kejayaan kewangan antara yang dibincangkan dalam program bual bicara, bengkel serta kuiz dalam talian yang memabitkan moderator dan penceramah luar.

S Menangani Isu-isu Ekuiti dan Keterangkuman

Melangkah ke Hadapan

Melangkah ke hadapan, inisiatif CSR PNB akan dipandu oleh **Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF)**, satu rangka kerja strategik yang direka untuk menangani keperluan pembangunan negara dan masyarakat di mana PNB beroperasi. SIF dipandu oleh empat teras prinsipal: **Pendidikan, Kesihatan, Pemerkasaan Komuniti dan Alam Sekitar**. Projek-projek mampan dalam SIF merangkumi program biasiswa dan celik kewangan PNB, pendidikan kesihatan dan peningkatan infrastruktur, program keusahawanan, inisiatif penempatan pekerjaan dan usaha pemuliharaan alam sekitar.

Selaras dengan Matlamat kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi, kami komited untuk menyepadukan modul literasi kewangan ke dalam program di bawah teras SIF. Tambahan pula, untuk memupuk budaya kesukarelawanan dalam PNB, kami merancang untuk membangunkan rangka kerja kesukarelawanan berstruktur yang akan digabungkan ke dalam SIF, bagi memastikan pendekatan holistik terhadap pelaburan sosial oleh PNB.

Sebagai sebuah institusi nasional, strategi-strategi kami menumpukan perhatian kepada pembangunan nasional yang mempunyai nilai relevan yang tinggi dengan PNB sambil menangani keperluan pelbagai komuniti dalam operasi kami.

	A Pendidikan	B Kesihatan	C Pemerkasaan Komuniti	D Persekitaran
Program	Membina bakat untuk negara dan membangunkan bakat PNB untuk melaksanakan mandat kami	Memberi sokongan kepada kemudahan kesihatan, pendidikan dan penjagaan pencegahan kesihatan untuk negara Malaysia yang lebih sihat	Mewujudkan peluang untuk mobiliti sosial dan kebebasan ekonomi	Pemuliharaan dan perlindungan ekosistem yang mudah terjejas
	<ul style="list-style-type: none"> • Penajaan untuk Program Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) • Program Literasi Kewangan untuk sekolah-sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Peralatan dan Infrastruktur Hospital • Program Pendidikan Kesihatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Keusahawanan • Program Penempatan Pekerjaan • Program-program di sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Program Penghijauan • Program Penanaman Pokok

Disokong oleh

- Literasi Kewangan**
Memasukkan modul Literasi Kewangan dalam program SIF yang dilaksanakan dalam kalangan komuniti
- Kesukarelawanan Dalaman**
Memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan Warga PNB untuk menyokong program SIF

Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh



Di PNB, kami berdedikasi untuk mendukung amalan tadbir urus yang teguh, mengutamakan kestabilan dan kesejahteraan PNB dan Syarikat Pelaburan. Kami percaya bahawa dengan tanggungjawab dalam setiap tindakan dan penglibatan bersama dengan Syarikat Pelaburan, kami dapat memastikan ketelusan dalam proses dan operasi dengan berkesan, mendedahkan pendirian kami terhadap perkara-perkara berkaitan ESG dan sektor berisiko tinggi dengan berkesan. Selanjutnya, teras Pendedahan yang Seajar dengan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD) mengenal pasti dan melaporkan impak potensi risiko dan peluang berkaitan iklim terhadap perniagaan, strategi dan perancangan kewangan kami. Komitmen teguh terhadap kelestarian PNB jelas dalam penyepaduan faktor ESG di seluruh rantai nilai pelaburan, disokong oleh rangka kerja pelaburan lestari koheren yang memastikan ketekalan merentas semua kelas aset dan potensi penyingkiran sektor-sektor berkecuali.



Komitmen #8: Model Pengawasan Triple Bottom Line

Tadbir Urus Institusi sentiasa menjadi komponen penting dan menyediakan asas bagi PNB dan terus memainkan peranan penting dalam perjalanan kelestarian kami. Dengan lebih daripada 50% daripada aset di bawah pengurusan yang dilaburkan dalam Syarikat Strategik dan Kawalan, PNB bertanggungjawab secara langsung dalam memastikan bahawa syarikat-syarikat ini berupaya untuk menghasilkan nilai pemegang saham jangka panjang. Pengawasan aktif Syarikat Pelaburan kami dengan itu, diperluas kepada tadbir urus termasuk pemilihan bakat yang teliti dalam pasukan Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Kami percaya bahawa prestasi yang lebih baik dapat dirungkai dengan meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan Pasukan Pengurusan.

Rangka Kerja Pengawasan

Kami melaksanakan Rangka Kerja Pengawasan yang mengutamakan kepentingan manusia dan planet. Ini termasuk menilai tahap optimal penglibatan dengan pelaburan kami, menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan Kepimpinan Atasan Syarikat Pelaburan, memastikan ketelusan dalam proses pengundian dan mendedahkan pendirian kami secara terbuka mengenai perkara-perkara berkaitan ESG dan sektor berisiko tinggi. Rangka kerja kami menangani empat bidang fokus:

1 Ahli Lembaga Pengarah

- ▶ Menilai keberkesanan kepimpinan Pengerusi
- ▶ Menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dengan mengkaji semula komposisinya
- ▶ Mengekalkan jadual kerja ahli Lembaga Pengarah yang berpotensi dan menetapkan jangkaan
- ▶ Memilih ahli Lembaga Pengarah Penama yang memiliki kepakaran yang sesuai
- ▶ Menggilirkan ahli Lembaga Pengarah merentas Lembaga-lembaga Pengarah untuk "cross-pollination" (pertukaran idea)
- ▶ Menjalankan penilaian keberkesanan terhadap Pengarah Penama setiap tiga tahun
- ▶ Menilai dengan bebas prestasi ahli Lembaga Pengarah
- ▶ Menyelaraskan penglibatan Lembaga Pengarah antara PNB dengan Syarikat Strategik
- ▶ Perwakilan Lembaga Pengarah dalam Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

G Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

2 Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

- ▶ Memastikan insentif adil dan wajar, seperti mengaitkan ganjaran dengan prestasi
- ▶ Menetapkan Penunjuk Prestasi Utama dan memastikan penyepaduannya di seluruh organisasi
- ▶ Menilai prestasi Ketua-ketua Pegawai Eksekutif dan mengetengahkan isu-isu berkaitan untuk perhatian Lembaga Pengarah

3 Strategi Bakat Lestari

- ▶ Menilai keberkesanan kepimpinan dan menyemai bakat kepimpinan yang teguh
- ▶ Menyumbang idea kepada organisasi yang berdaya tahan masa depan

4 Menanda Aras Kedudukan Organisasi

- ▶ Membangunkan set data kedudukan organisasi yang setanding merentas Syarikat Pelaburan untuk membandingkan korelasi mengenai tema seperti inovasi
- ▶ Amalan terbaik pertukaran idea

Inisiatif Pengawasan

Inisiatif pengawasan kami termasuk memikirkan semula struktur lembaga yang optimum bagi kejayaan tadbir urus dan organisasi. Melalui usaha pengawasan berterusan, kami memberikan kuasa kepada Lembaga Pengarah kami untuk menguatkuasakan komitmen, membolehkan keputusan strategik dibuat dan memupuk keyakinan pihak berkepentingan.

Pengawasan Melalui Kepelbagaian

Kami mengekalkan dedikasi kepada perwakilan yang pelbagai dan pembuatan keputusan strategik melalui Pengarah Penama. Pengarah-pengarah ini terdiri daripada penama dalam kalangan kakitangan dalaman dan luaran yang membuktikan komitmen PNB terhadap keterangkuman dan kepelbagaian bakat. Pada peringkat dalaman, Pengarah Penama Kakitangan menyediakan pengetahuan institusi yang berharga manakala Pengarah Penama Luaran membawa pengalaman dan wawasan tentang industri. PNB juga mengutamakan kepentingan perspektif baharu.

Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh





Komitmen #9: Ketelusan dalam Pengundian

PNB menunjukkan komitmen yang menjadi teladan untuk menggalakkan ketelusan dalam pengundian, menetapkan piawaian yang membanggakan untuk tadbir urus korporat di Malaysia. Dengan menerima pendedahan terbuka mengenai keputusan pengundiannya, PNB bukan sahaja meningkatkan akauntabiliti tetapi juga memupuk kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan, termasuk pemegang saham dan orang ramai.

Ringkasan Penglibatan Aktif dan Pengundian pada tahun 2023

Pada tahun 2023, PNB menghadiri 149 Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), mengundi 1,164 resolusi bagi AGM dengan 87% daripada undian menyokong resolusi, 10% menentang dan 3% berkecuali.



PROXY VOTING																																																												
A Proxy of Change																																																												
<p>General Meetings serve as a platform for shareholders to voice their views and exercise their voting rights. In doing so, PNB and the Unit Trust Funds under its management are guided by its Voting Guidelines and the Malaysian Code of Corporate Governance. As a firm advocate of transparency, PNB is committed in disclosing historical and oncoming voting decisions in its investee companies' General Meetings. To view our historical voting decisions from January 2019 to December 2022, please click here.</p>																																																												
<input type="text" value="Search for a company..."/>																																																												
<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px;"> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> English ▼ </div> <div style="margin-top: 5px;"> <p>▼ Date Range</p> <p>Between: <input type="text" value="2023-01-01"/> <input type="text" value="2023-01-01"/></p> <p>And: <input type="text" value="2099-12-31"/> <input type="text" value="2099-12-31"/></p> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> Update Reset </div> </div> </div>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Company Name</th> <th>Meeting Date</th> <th>Meeting Type</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>Aeon Co. (M) Bhd.</td><td>2024-05-23</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Aeon Co. (M) Bhd.</td><td>2023-05-17</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Affin Holdings Bhd</td><td>2024-04-25</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Affin Holdings Bhd</td><td>2023-05-25</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.</td><td>2024-04-01</td><td>Special</td></tr> <tr><td>Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.</td><td>2024-05-21</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust</td><td>2023-04-18</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust</td><td>2024-04-25</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>AMMB Holdings Bhd</td><td>2023-08-23</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>AMWAY (Malaysia) Holdings Bhd</td><td>2024-05-23</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Anta Sports Products</td><td>2024-05-08</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Apollo Food Holdings Bhd</td><td>2023-10-17</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Asia File Corporation Bhd</td><td>2023-09-29</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Astro Malaysia Holdings Berhad</td><td>2023-06-21</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Axiata Group Berhad</td><td>2023-05-26</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Axiata Group Berhad</td><td>2023-09-19</td><td>Special</td></tr> <tr><td>Axis Real Estate Investment</td><td>2023-04-20</td><td>Annual</td></tr> <tr><td>Axis Real Estate Investment</td><td>2024-04-25</td><td>Annual</td></tr> </tbody> </table>	Company Name	Meeting Date	Meeting Type	Aeon Co. (M) Bhd.	2024-05-23	Annual	Aeon Co. (M) Bhd.	2023-05-17	Annual	Affin Holdings Bhd	2024-04-25	Annual	Affin Holdings Bhd	2023-05-25	Annual	Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.	2024-04-01	Special	Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.	2024-05-21	Annual	Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust	2023-04-18	Annual	Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust	2024-04-25	Annual	AMMB Holdings Bhd	2023-08-23	Annual	AMWAY (Malaysia) Holdings Bhd	2024-05-23	Annual	Anta Sports Products	2024-05-08	Annual	Apollo Food Holdings Bhd	2023-10-17	Annual	Asia File Corporation Bhd	2023-09-29	Annual	Astro Malaysia Holdings Berhad	2023-06-21	Annual	Axiata Group Berhad	2023-05-26	Annual	Axiata Group Berhad	2023-09-19	Special	Axis Real Estate Investment	2023-04-20	Annual	Axis Real Estate Investment	2024-04-25	Annual		
Company Name	Meeting Date	Meeting Type																																																										
Aeon Co. (M) Bhd.	2024-05-23	Annual																																																										
Aeon Co. (M) Bhd.	2023-05-17	Annual																																																										
Affin Holdings Bhd	2024-04-25	Annual																																																										
Affin Holdings Bhd	2023-05-25	Annual																																																										
Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.	2024-04-01	Special																																																										
Aier Eye Hospital Group Co.Ltd.	2024-05-21	Annual																																																										
Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust	2023-04-18	Annual																																																										
Al-Agar Healthcare Real Estate Investment Trust	2024-04-25	Annual																																																										
AMMB Holdings Bhd	2023-08-23	Annual																																																										
AMWAY (Malaysia) Holdings Bhd	2024-05-23	Annual																																																										
Anta Sports Products	2024-05-08	Annual																																																										
Apollo Food Holdings Bhd	2023-10-17	Annual																																																										
Asia File Corporation Bhd	2023-09-29	Annual																																																										
Astro Malaysia Holdings Berhad	2023-06-21	Annual																																																										
Axiata Group Berhad	2023-05-26	Annual																																																										
Axiata Group Berhad	2023-09-19	Special																																																										
Axis Real Estate Investment	2023-04-20	Annual																																																										
Axis Real Estate Investment	2024-04-25	Annual																																																										

G Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

Selain itu, kami terus mentakrifkan semula ketelusan pengundian, mengukuhkan dedikasi kami terhadap amalan pelaburan beretika, dan menjadikan diri kami sebagai pemimpin yang dipercayai dalam tadbir urus korporat yang bertanggungjawab melalui usaha berikut pada tahun 2023:

Pengundian Proksi Automatik: Memacu Kecemerlangan Tadbir Urus


Komitmen PNB terhadap kecekapan dan ketepatan ditunjukkan oleh automasi pengundian proksi automatik yang lancar bagi semua Syarikat Pelaburan domestik tersenarai melalui platform dalam talian pada Mac 2023. Kemajuan ini memperkemas proses pengundian dengan memastikan pelaksanaan yang jitu dan tepat pada masanya selain mencerminkan pendekatan untuk memanfaatkan teknologi bagi penambahbaikan tadbir urus. Dengan penerapan automasi, PNB juga menunjukkan dedikasi yang tidak berbelah bahagi untuk meningkatkan penglibatan para pemegang saham dan mendukung piawaian tadbir urus korporat yang paling tinggi.

Penyepaduan ESG: Memperluas Pengawasan Global

Pada Ogos 2023, PNB mengambil langkah penting ke arah meningkatkan komitmennya terhadap kelestarian dan menyelaraskan keputusan pelaburan dengan prinsip ESG yang lebih luas. Penyepaduan prinsip panduan baharu yang memberi tumpuan kepada "ESG, Kelestarian dan Perkara Berkaitan Iklim" ke dalam Garis Panduan Undian PNB menekankan pendirian progresif organisasi terhadap pelaburan yang bertanggungjawab. Langkah strategik ini mencerminkan pendekatan pemikiran ke hadapan Kumpulan PNB dalam mengemudi landskap pelaburan global yang berkembang.

Pengundian Proksi Global: Memajukan Tadbir Urus Korporat dan Kepimpinan Kelestarian

Dengan portfolio yang berkembang, PNB menekankan dedikasi terhadap kecemerlangan pengawasan dengan memperkukuh komitmen terhadap menjalankan hak mengundi untuk pegangan antarabangsanya. Momentum ini diteruskan pada Disember 2023 apabila PNB mula menjalankan hak di pasaran antarabangsa utama, termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China dan Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun dan China). Sehubungan dengan ini, PNB kini secara aktif terlibat dalam membentuk tadbir urus korporat dan amalan kelestarian merentas landskap geografi yang pelbagai. Ini menandakan pencapaian penting bersejarah bagi PNB semasa membuang undi proksi antarabangsa buat pertama kali untuk syarikat yang bertapak di luar Malaysia.



Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

G



Komitmen #10: Pendedahan yang Seajar dengan TCFD

Ketika dunia semakin panas, perubahan iklim terus menjejaskan ekonomi global, kehidupan seharian dan juga ekosistem biodiversiti. Kejadian cuaca melampau seperti banjir, hujan lebat dan gelombang haba berpanjangan telah memberi impak terhadap aktiviti pertanian dan memperlakan produktiviti, manakala PBB meramalkan kira-kira sejuta spesies haiwan dan tumbuhan kini diancam oleh kepupusan.¹

Dengan suhu global hampir mencecah had kritikal 1.5°C melebihi paras pra-industri, kesan perubahan iklim yang semakin meningkat telah menyebabkan kerugian ekonomi hampir USD1.5 trilion dalam dekad ini hingga tahun 2019.¹ Selain itu, kajian telah menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia boleh menjadi 20% lebih rendah daripada yang dijangkakan menjelang 2050 jika peningkatan suhu global mencapai 2°C.²

Bukti sedemikian jelas menunjukkan bahawa tindakan iklim segera diperlukan untuk mengurangkan risiko berkaitan iklim. Sebagai firma pelaburan terkemuka dengan pendedahan kepada industri yang luas, PNB menyedari keupayaan unik untuk membantu negara mencapai cita-cita iklim bagi mengurangkan intensiti karbon berbanding dengan KDNK sebanyak 45% menjelang 2030 berbanding tahap tahun 2005. Sejak 2022, kami telah meningkatkan tindakan iklim kami untuk memenuhi komitmen kami untuk mengurangkan pelepasan GHG dan membina daya tahan iklim dalam portfolio operasi dan pelaburan kami. Antara usaha kami ialah memulakan latihan garis asas pelepasan, memantau pelepasan GHG perusahaan dan portfolio kami serta menetapkan sasaran interim sifar bersih.

Pada tahun 2023, kami merpergiat usaha iklim kami dengan terus mengintegrasikan pertimbangan kelestarian ke dalam strategi, membuat keputusan dan operasi kami. Ini termasuk melancarkan Dasar Kelestarian, mewujudkan rangka kerja penilaian ESG dan menyaring peluang pelaburan terhadap kriteria ESG. Selanjutnya, kami mengintegrasikan perkara-perkara kelestarian dan berkaitan iklim ke dalam Garis Panduan Pengundian kami dan membangunkan Pasukan Petugas Kelestarian untuk meningkatkan kecekapan dalam mengendalikan inisiatif sifar bersih kami.

Tahun 2023 juga menandakan tahun kedua pendedahan kami terhadap cadangan TCFD yang kini merupakan sebahagian daripada keperluan piawaian pelaporan kewangan antarabangsa (IFRS) S2. Menerima pakai piawaian pelaporan global terkini meningkatkan piawaian pendedahan semasa kami terus meningkatkan kredibiliti laporan. Menyelaraskan pendedahan kami dengan empat teras TCFD membolehkan kami meningkatkan integrasi perkara berkaitan iklim ke dalam proses membuat keputusan kami dan mengenal pasti risiko dan peluang berkaitan iklim. Ia juga menyokong komitmen kami untuk meningkatkan ketelusan pendedahan kewangan berkaitan iklim, membolehkan pihak berkepentingan kami membuat keputusan termaklum mengenai dasar, peranan, tanggungjawab dan proses membuat keputusan kami yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan peluang berkaitan iklim. Kami berusaha untuk terus memperbaiki pendedahan TCFD kami dengan berusaha untuk menerima pakai sepenuhnya semua cadangan TCFD pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut mengenai usaha iklim kami, sila rujuk Mendayakan Peralihan kepada Ekonomi Hijau daripada muka surat 76 hingga 84.

¹Sumber: [UN Report: Nature's Dangerous Decline 'Unprecedented'; Species Extinction Rates 'Accelerating' - United Nations Sustainable Development](#)

²Sumber: [This is what climate change costs economies around the world | World Economic Forum \(weforum.org\)](#)

³Sumber: [Climate change could cut Malaysian economic growth 20% below expectations by 2050 — report \(thedgemalaysia.com\)](#)

Ringkasan

Tadbir Urus

Teras ini mendedahkan dasar, peranan, tanggungjawab dan proses membuat keputusan PNB yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan peluang berkaitan iklim.


Tadbir Urus Kelestarian

Di PNB, Lembaga Pengarah merupakan pihak berkuasa tadbir urus tertinggi dalam memacu kelestarian merentas Kumpulan, menekankan nada pendekatan pengurusan atasan. Dengan tanggungjawab utama terhadap komitmen dan sasaran kelestarian, Lembaga Pengarah telah mengawasi strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan Kumpulan PNB dalam penyepaduan pertimbangan ESG dalam strategi perniagaan PNB. Ini termasuk memastikan pertimbangan berkaitan iklim dimasukkan ke dalam analisis dan proses membuat keputusan pelaburan yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga.


Lembaga Pengarah disokong oleh Jawatankuasa Kelestarian Pengurusan (MSC) yang menyelia pelaksanaan Rangka Kerja Kelestarian kami dan mengesyorkan dasar kelestarian kepada Lembaga Pengarah. Dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, MSC juga memantau pelaksanaan 10 komitmen ESG dan memberikan panduan kepada unit dan fungsi perniagaan. Tanggungjawab MSC termasuk memacu kelestarian di seluruh PNB dan pengawasan pelaburan.

G Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

Struktur Tadbir Urus Kelestarian



Kelestarian & Pelaburan Sosial dan Pelaburan ESG Memacu Bersama Pelaksanaan Kelestarian Merentas PNB



Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh



Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap suku tahun dan membincangkan, antara lain, perkara yang berkaitan dengan kelestarian dan risiko dan peluang iklim. Sepanjang tahun 2023, isu-isu ini telah dibincangkan secara meluas oleh Lembaga Pengarah dan dalam MSC. Semua mesyuarat menekankan pelaksanaan projek dan inisiatif kelestarian yang akan menyumbang kepada kemajuan Kumpulan ke arah Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025 dan Portfolio Sifar Bersih menjelang 2050.

Salah satu perkara utama yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ialah Dasar Kemampunan, yang dilancarkan dan dilaksanakan pada September 2023. Perkara berkaitan kelestarian lain yang dibincangkan pada 2023 termasuk kemas kini kemajuan mengenai Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan dan projek serta inisiatif yang dirancang untuk memacu kemajuan merentas 10 komitmen ESG. Di samping itu, Lembaga Pengarah membincangkan:

- Penetapan Terma Rujukan dan Had Kuasa MSC
- Pengemaskinian pelepasan asas PNB
- Pengemaskinian R₂O untuk membimbing inisiatif pengurangan karbon perusahaan PNB
- Pendekatan Ofset Karbon PNB

KPI berkaitan kelestarian, yang dua daripadanya berkaitan dengan iklim melalui Komitmen 1 dan 2, membentuk sebahagian daripada KPI Kumpulan PNB pada tahun 2023.

Untuk memastikan akauntabiliti dan kredibiliti, Lembaga Pengarah dan jawatankuasa dinilai berdasarkan prestasi mereka dalam menangani risiko dan peluang berkaitan kelestarian matan. Langkah ini dilakukan melalui penilaian prestasi yang objektif dan berstruktur yang dijalankan setiap tahun oleh Lembaga Pengarah dengan bantuan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan. Penilaian ini mengkaji prestasi Pengarah Bukan Eksekutif individu dan prestasi kolektif Lembaga Pengarah.

Di samping itu, kami mengadakan bengkel pada bulan Oktober 2023 untuk melibatkan Lembaga Pengarah dan Pasukan Kepimpinan kami dan mengumpulkan maklum balas untuk menghalusi strategi sifar bersih dan rancangan pelaksanaan kami, memastikan pengambilan keputusan tepat dan strategik di seluruh operasi kami.

Selanjutnya, Lembaga Pengarah kami sentiasa mengikuti perkembangan kelestarian terkini dengan menghadiri latihan berkaitan dengan ESG. Pada tahun 2023, ahli-ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri pelbagai bengkel, forum dan persidangan berkaitan ESG untuk mengikuti perkembangan landskap kelestarian.

Untuk maklumat lanjut mengenai latihan ESG Lembaga Pengarah, sila rujuk Penyata Sorotan Tadbir Urus Korporat pada muka surat 134 hingga 141.



Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh

Ringkasan

Strategi

Teras ini mengenal pasti dan mendedahkan impak sebenar dan potensi risiko dan peluang berkaitan iklim terhadap perniagaan, strategi dan perancangan kewangan PNB. Ia juga menerangkan strategi dan selera risiko kami berhubung dengan risiko dan langkah berkaitan iklim.

Kami terus menunjukkan komitmen yang kukuh terhadap kelestarian, dengan memberi tumpuan kepada mengintegrasikan faktor ESG di seluruh rantai nilai pelaburannya. Pendekatan ini telah disokong oleh pembangunan **rangka kerja penilaian ESG**, yang koheren bagi memastikan pendekatan yang konsisten merentas semua kelas aset. Kami juga telah mentakrifkan senarai pengecualian ESG yang sejajar dengan prinsip kelestarian kami serta senarai pengecualian Syariah kami.

Kami juga mengutamakan peningkatan pelaburan kami dalam aset hijau dan peralihan, menyasarkan komitmen kewangan yang signifikan menjelang 2030. Strategi kami menggabungkan iklim dan pertimbangan ESG ke dalam model pengawasan triple bottom line kami, meningkatkan nilai jangka panjang dan memacu literasi iklim dalaman untuk memahami dan menguruskan jejak karbon dengan lebih baik. Sementara itu, strategi pengurusan risiko kami memberi tumpuan kepada mengurangkan risiko peralihan dan berkaitan iklim fizikal yang boleh mengakibatkan kerugian matan. Peluang dikenal pasti dalam meningkatkan kecekapan sumber, membangunkan pasaran baharu untuk produk rendah karbon dan meningkatkan daya tahan terhadap gangguan berkaitan iklim.

Menempa Kemajuan

Kini berada pada tahun kedua sejak pelancaran 10 Komitmen ESG, PNB telah memperdalam inisiatif iklim, dengan berkesan memajukan strategi yang ditetapkan sebelum ini selain melancarkan inisiatif yang dimaksudkan untuk perusahaan dan portfolio. Dari segi perusahaan, tumpuan strategik kami terhadap penyahkarbonan melalui penggunaan pendekatan R₂O telah diperluas dan keupayaan dalaman kami diperkukuh dengan ketara melalui penubuhan Pasukan Petugas Kelestarian PNB. Dari segi portfolio, kami telah menghalusi pengurusan risiko dan proses pengenalpastian peluang kami seperti yang dinyatakan dalam rangka kerja penilaian ESG kami yang merangkumi penilaian prestasi dan risiko ESG.

Untuk maklumat lanjut mengenai rangka kerja penilaian ESG, sila rujuk muka surat 12.

Pada keseluruhannya, pendekatan proaktif kami pada tahun kedua bukan sahaja telah membina usaha asas yang pertama tetapi juga menetapkan laluan yang mantap untuk penambahbaikan berterusan sejajar dengan amalan terbaik kelestarian global dan meningkatkan daya saing kami dalam masa depan rendah karbon.

Inisiatif Strategik

PNB telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara strategik untuk mengukuhkan daya tahan dan kelebihan daya saing kami melalui kelestarian:

Perusahaan

Penerimaan Strategi R₂O: Kami telah menerima pendekatan Kurangkan, Gantikan dan Ofset untuk mengurangkan pelepasan karbon dengan ketara, beralih daripada amalan konvensional kepada kelestarian, dan mengimbangi pelepasan yang sukar dikurangkan dengan kredit karbon.

- **Kurangkan:** Meningkatkan kecekapan tenaga dan insentif perubahan tingkah laku telah mengurangkan pelepasan kami dengan ketara.
- **Gantikan:** Beralih kepada alternatif kelestarian, termasuk peralihan secara berfasa kenderaan kami kepada kenderaan elektrik (EV) yang begitu penting untuk mengurangkan pelepasan Skop 1.
- **Ofset:** Kami sedang meneroka kredit karbon berkualiti tinggi sejajar dengan garis panduan kredit karbon dalaman PNB untuk menangani pelepasan yang sukar dikurangkan.

Pasukan Petugas Kelestarian PNB: Ditubuhkan pada November 2023, pasukan petugas ini meningkatkan kecekapan operasi kami dalam inisiatif sifar bersih, pelaporan berpusat dan tadbir urus kelestarian. Pasukan petugas memberi tumpuan kepada projek penyahkarbonan langsung, pendedahan kelestarian dan membina budaya berteraskan ESG dalam organisasi kami.

Untuk maklumat lanjut mengenai Komitmen 1: Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025, sila rujuk muka surat 76 hingga 77.

Pembangunan Kapasiti dan Kesedaran: Kami telah banyak mengembangkan usaha pendidikan dalaman kami, mengintegrasikan modul *Global Compact* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan melibatkan lebih daripada 20,000 jam latihan. Ini termasuk memperluas kekerapan Hari Kelestarian PNB yang diadakan dua kali pada tahun 2023 kepada sekali setiap suku tahun pada masa hadapan, dan menerbitkan buletin ESG bulanan dalaman untuk memastikan pekerja kami dimaklumkan dan terlibat dalam usaha kelestarian kami.

Mendukung Amalan Tadbir Urus yang Teguh



Portfolio

Pembelajaran E-Learning: <i>Anti-Bribery & Anti-Corruption & Defence for Corporate Liability</i>	Undang-undang atau Pematuhan atau Risiko	PNB	29 September	
Bengkel untuk Lembaga Pengarah mengenai Projek Viridis	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	McKinsey & Company, Inc. (Malaysia)	10 Oktober	
Forum Pemimpin Kanan mengenai Pelan Strategik 2023	Pengurusan Kepimpinan	PNB	16 Oktober	
Pembelajaran E-Learning: <i>ChatGPT Awareness Training</i>	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNB	23 Oktober	
Forum Bower	Pengurusan Kepimpinan	McKinsey & Company, Inc. (Malaysia)	26 – 28 Oktober	
<i>Board and Senior Management's Leadership Role in Enhancing AML/CFT Compliance Culture</i>	Undang-undang atau Pematuhan atau Risiko	SIDC	7 November	
PNB Knowledge Forum II: <i>Education Reimagined</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNBRI	15 November	
Sesi Tea Talk PNB 2023 #21: <i>PNB's Iron (Men and Women): When Anything is Possible</i>	Pengurusan Kepimpinan	PNBRI	7 Disember	
Program Luar Lapangan Lembaga Pengarah PNB 2023	Pengurusan Kepimpinan	PNB	12 – 13 Disember	

Pengarah		Tan Sri Datuk Zainun Ali		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)	
PNB Knowledge Forum II: <i>Education Reimagined</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNBRI	15 November	
Bengkel Pembangunan Keupayaan	Pengurusan Kepimpinan	Allianz Malaysia Berhad	14 Februari	
Webinar Cukai BOD mengenai Belanjawan 2023	Cukai	BDO Malaysia	15 Mac	
<i>Transfer Pricing and E-Invoicing AMB</i>	Pengurusan	Allianz Malaysia Berhad	14 September	
Latihan Kesedaran Awan dan Keselamatan Siber	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	Allianz Malaysia Berhad	25 Oktober	
Persidangan Tadbir Urus, Risiko, Integriti dan Kawalan - <i>Leading Governance with Integrity</i>	Tadbir Urus Korporat	Malaysia Airports Holdings Berhad ("MAHB") dan SPRM	20 Disember	

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pegarah		Datuk Dr. Mohd Yaakub Haji Johari		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)	
Minggu iRAC PNB – Seminar Integriti, Risiko, Asurans dan Kepatuhan mengenai Topik Tadbir Urus Korporat	Tadbir Urus Korporat	PNB	14 Mac	
Dialog Bursa Saham ICDM	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	ICDM	14 April	
Bengkel PNB	Pengurusan	PNB	10 – 11 Mei	
LIMA '23 – Pameran dan Persidangan Maritim & Aeroangkasa	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Kementerian Pertahanan	23 – 27 Mei	
PNB Knowledge Forum I: <i>Harnessing Innovation and Technology for Sustainable Business</i>	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNBRI	27 Julai	
Persidangan Pengurusan Kemudahan Kesihatan	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Kementerian Kesihatan	16 - 17 Ogos	
Khazanah Megatrends Forum 2023: <i>Orchestrating a Development Bargain for Sustainable Development</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Khazanah Nasional Berhad	2 – 3 Oktober	
Persidangan Integriti dan Tadbir Urus	Tadbir Urus Korporat	Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia ("ADFIM")	4 – 5 Oktober	
PNB Knowledge Forum II: <i>Education Reimagined</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNBRI	15 November	
PNB Planet Cyber	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNB	28 November	

Pegarah		Datu Haji Soedirman Haji Aini		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)	
Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2023: <i>Future Fit Profession: Charting a Better Tomorrow</i>	Pengurusan	MIA	13 – 14 Jun	
Persidangan Jawatankuasa Audit 2023	Audit	MIA & Institut Juruaudit Dalam Malaysia	14 September	
Khazanah Megatrends Forum 2023: <i>Orchestrating a Development Bargain for Sustainable Development</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Khazanah Nasional Berhad	2 – 3 Oktober	
PNB Knowledge Forum II: <i>Education Reimagined</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNBRI	15 November	
PNB Planet Cyber	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNB	28 November	

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pengarah Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood			
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)
Sesi Imersif Bursa Malaysia - <i>The Board Agender</i>	Pengurusan Kepimpinan	Bursa Malaysia dan Leadwomen	13 Mac
Minggu iRAC PNB - Seminar Integriti, Risiko, Asurans dan Kepatuhan mengenai Topik Tadbir Urus Korporat	Tadbir Urus Korporat	PNB	14 Mac
<i>Resolution Planning - Lessons from Recent Bank Failures</i>	Pengurusan Kepimpinan	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	18 Mac
<i>A Leadership Agenda: Driving Trust from the Top</i>	Pengurusan Kepimpinan	PricewaterhouseCoopers	31 Mei
<i>Reshaping markets and Finance: Thought Leadership, Talent and Technology as Levers of Change</i>	Pengurusan Kepimpinan	Institut Penyelidikan Pasaran Modal Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti	25 Julai
Persidangan Risiko Tahunan Axiata: <i>Navigating Risk Horizons, Building Resilience for a Thriving Future</i>	Pengurusan Risiko	AXIATA Group Berhad	31 Julai
Siri Wacana INCEIF - <i>Reviving the Malaysian Economy - Why, How and Who</i>	Ekonomi	INCEIF	16 Ogos
<i>14th Securities Commission Malaysia ("SC")-OCIS Roundtable - Investing Towards the Common Good: Impact, Stewardship and Ethical Considerations</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	SC	24 – 25 Ogos
<i>Khazanah Megatrends Forum 2023 - Orchestrating a Development Bargain for Sustainable Development</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Khazanah Nasional Berhad	2 – 3 Oktober
<i>OECD Asian Corporate Governance Roundtable</i>	Tadbir Urus Korporat	SC dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi	11 – 12 Oktober
Dialog NRC Lembaga	Tadbir Urus Korporat	ICDM	30 Oktober
<i>Board and Senior Leadership Role in Enhancing AML/CFT Compliance Culture</i>	Undang-undang atau Pematuhan atau Risiko	SIDC	7 November

Pengarah Dato' Johan Ariffin			
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)
<i>Etiqa Takaful Strategic Engagement Session 2023: "From Poverty to Prosperity: Malaysia's Fascinating Story"</i>	Ekonomi	Ahli Jawatankuasa Syariah, Etiqa Family Takaful Berhad & Etiqa General Takaful Berhad. Penceramah: • Y.Bhg Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (<i>Khazanah Research Institute</i>)	5 Januari
<i>Distinguished Board Leadership Series 2023: Can America Stop China's Rise? Will ASEAN Be Damaged?</i>	Pengurusan Kepimpinan	FIDE Forum. Penceramah: • Professor Kishore Mahbubani (<i>Felo Kehormat di Institut Penyelidikan Asia, National University of Singapore</i>)	12 Januari
Latihan Pengurusan Modal	Pelaburan	Maybank Ageas Holdings Berhad. Penceramah: • Mr. Ajay Garg – Pengarah Kumpulan Ageas Pengurusan apital, Perbendaharaan & FCC	13 Januari
Etiqa: Program Latihan Pengarah Modul 2 - <i>ESG Approaches in Reinsurance Market</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Swiss Re Asia Pte. Ltd. and Aon Reinsurance Malaysia Limited • Mr. Balasubramanian Nagarajan, Ketua Cawangan Malaysia, Swiss Re • Mr. Marcel Omar Papp, Ketua, Retakaful, Swiss Re Asia Pte. Ltd., Cawangan Malaysia • Mr. Himavant Mulugu, Pengarah, Aon Impact Forecasting, Aon Reinsurance	10 Februari

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pengarah	Dato' Johan Ariffin		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)
<i>Agile Thinking Training for Non-Executive Directors</i>	Pengurusan Kepimpinan	Pasukan Kumpulan Maybank: • Justin Tay (Boston Consulting Group) • Vincent van der Boogert (bekas CEO ING Netherlands) • Paul McNamara (Adapotave) • Dr. Siew Chan Cheong, Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, Maybank • Ahmad Nasri Mohamed, Ketua, CX & Ekosistem COE, Maybank	10 Mac
Landskap Risiko TK2023 Etiqa untuk Ahli Lembaga Pengarah MAHB	Pengurusan Risiko	Etiqa Insurance and Takaful Berhad	19 Mei
PNB Knowledge Forum I: <i>Harnessing Innovation and Technology for Sustainable Business</i>	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNBRI	27 Julai
Bengkel Risiko Lembaga Tahunan Maybank 2023	Pengurusan Risiko	Maybank Berhad: • Sanjay Sarm, Asia School of Business • Dr. Gary Theseira, Environment, Technology & Development Malaysia • Michael Sprake, PwC Consulting Associates (M) Sdn. Bhd • Suhaimi Ilias, Maybank Investment Bank • Lee Voon Jeng, MBB • Daniel Gelinias, MBB SG	6 Julai
Wacana Syariah ke-7: <i>Islam & Restoration of Justice In Society</i>	Syariah	Maybank Islamic Berhad • Shaykh Dr Hamza Yusuf	11 Ogos
Hari Kelestarian Pertama Etiqa: <i>Call to Action to Make the World a Better Place</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Etiqa Insurance And Takaful Berhad • Chris Eng, Ketua Pegawai Strategi, MAHB • Sheila Halim, Pengarah Kerjasama, MAHB • Abir Abdul Rahim, Ketua e-Channel (EFTB) & Kewangan, MAHB • Prof. Dr. Woo Yin Ling, Pengasas Yayasan ROSE • Ts. Ismi Azura Isteer Khan, Pengurus Projek, Alam Flora Sdn Bhd • Dr. Lee Jen Nie, Profesor Madya, Universiti Malaysia Terengganu	14 Ogos
<i>Cybersecurity Management: Cybersecurity in Generative AI</i>	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	Etiqa Insurance and Takaful Berhad • Ms. Chelsea Kiew Siao May, Chief Information Security Officer, MAHB	1 September
<i>Khazanah Megatrends Forum 2023: Orchestrating a Development Bargain for Sustainable Development</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Khazanah Nasional Berhad	2 – 3 Oktober
Bengkel Sehari mengenai Hasil Projek VIRIDIS	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNB	10 Oktober
<i>Board and Senior Management's Leadership Role in Enhancing AML/CFT Compliance Culture</i>	Undang-undang atau Pematuhan atau Risiko	SIDC	7 November
PNB Knowledge Forum II: <i>Education Reimagined</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	PNBRI	15 November

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pengaruh		Datin Norazah Mohamed Razali	
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)
<i>Sustainable Performance</i>	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	Copperleaf Technologies: Gina Pavlovic (Endeavour Energy), Damien Quentin (Copperleaf Technologies Inc.)	2 Mei
Dialog dan Jaringan Jawatankuasa Audit Lembaga: <i>A Serious Allegation is Reported – What Should Boards Do?</i>	Tadbir Urus Korporat	ICDM: Saket Bhartia (Penyiasatan dan Perisikan Forensik, Kroll)	6 Jun
Webinar Tinjauan Pasaran Tahunan MISC 2023: <i>Clean Energy Outlook and Trends</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Offshore Wind Industry Market Outlook</i> • <i>Clean Energy Outlook and Trends</i> • <i>Gas and LNG Market Outlook</i> • <i>Decarbonisation Pathways and Talent Management in Maritime Transformation</i> • <i>Global Energy Market Trends</i> • <i>Offshore Floating Production Market and Trends</i> • <i>Global Oil and Tanker Market Outlook</i> 	Ekonomi	Latihan MISC Berhad oleh: <ul style="list-style-type: none"> • S&P Global • Rystad Energy • Wood Mackenzie • DNV Maritime Advisory <ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan Strategik, Petronas Group • EMA • Kpler Oil and Tankers 	12 – 27 Jun
<i>What Amounts to a Conflict of Interest by Directors?</i>	Tadbir Urus Korporat	Latihan Sime Darby Property oleh: Khoo Guan Huat (Iclif / ASB)	8 September
<i>Navigating the Culture-Strategy GPS: Best Practices for Leaders</i>	Tadbir Urus Korporat	Patrick Dunne (ICDM)	
<i>Understanding the Importance of Human Rights for Business Sustainability and Resilience</i>	Tadbir Urus Korporat	Edmund Bon (ICDM)	
<ul style="list-style-type: none"> • <i>New Considerations for Risk Assessment in the Era of Decarbonisation</i> • <i>Roadmap to Successful Mergers & Acquisitions Transaction in the Current Market</i> • <i>Global Minimum Tax: What it Means to MNCs</i> • <i>Abatement Technologies: What's Available and What's Coming</i> 	Pengurusan Risiko	Latihan MISC Berhad oleh: <ul style="list-style-type: none"> • Mr. Joseph Christofanelli, Ms Arina Kok and Ms Kasia Klaczynska Lewis Ernst & Young ("EY") • Mr. Bruno Biagini and Mr Johannes Roth (JP Morgan, HK) • Mr. Anil Kumar Puri (EY Tax Consultants) • Dr. Shahrin Osman, Dr. Olav Rognebakke and Dr. Karsten Hochkirch (DNV Maritime Advisory) 	11 September
Tinjauan Makroekonomi ASEAN	Ekonomi	Penglibatan Pra-Lembaga Sime Darby Property oleh: HSBC Hong Kong Yun Liu (Ahli Ekonomi ASEAN)	9 Oktober
Tinjauan Makroekonomi UK	Ekonomi	HSBC UK Liz Martins (Ahli Ekonomi Utama (UK))	9 Oktober

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pegarah		Datin Norazah Mohamed Razali		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)	
Pengembangan Geografi – Australia	Ekonomi	Colliers Tim Storey (Pegarah Urusan, Victoria Residential)		
Industri & Logistik	Ekonomi	LOGOS Property Group (i) Natalie Allen (Ketua Pegawai Korporat Kumpulan & Penasihat Undang- undang Utama LOGOS) (ii) David Aboud (Head of Malaysia, LOGOS)		
<i>Protecting Your Business with Adaptation & Resilience Against Climate Impacts</i>	Ekonomi	Boston Consulting Group (i) Nurlin Salleh (Pegarah Urusan & Rakan Kongsi (KL)) (ii) Dave Sivaprasad (Pegarah Urusan & Rakan Kongsi (SG))		
Kelas Pakar Kajian Kes: <i>Spotlight on a Corporate Governance Scandal</i>	Tadbir Urus Korporat	Latihan Sime Darby Property oleh: Cheryl Khor (ICDM)	10 Oktober	
Kemaskini oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) mengenai: (i) <i>Sustainability</i> (ii) <i>Malaysian Financial Reporting Standard</i> (iii) <i>Tax</i>	Tadbir Urus Korporat	(i) Manohar Johnson & Farhana Jabir (ii) Mahesh Ramesh, Yanti Abdul Rahman & Yeow Fei Wong (iii) Jagdev Singh		
<i>Board and Senior Management's Leadership Role in Enhancing AML/CFT Compliance Culture</i>	Undang-undang atau Pematuhan atau Risiko	SIDC	7 November	
<i>Performance Edge: Investors Hone Their Strategies for New Era</i>	Ekonomi	Latihan PNB oleh: McKinsey & Co.	21 November	
Planet Siber PNB	Teknologi Maklumat dan Keselamatan Siber	PNB	28 November	
Pegarah		Datuk Johan Mahmood @ Johan Mahmood Merican		
Program Latihan yang Dihadiri	Kategori	Penganjur/Penceramah	Tarikh (2023)	
Program Pegarah Pasaran Modal untuk Pengurusan Dana (Modul 1, 2B, 3 & 4)	Pelaburan	SIDC	4 November	
Sesi Penglibatan Lembaga dengan Malayan Banking Berhad	Pengurusan Kepimpinan	PNB	8 Disember	

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Prinsip B

Keberkesanan Audit dan Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Lembaga mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang boleh dipercayai untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unitnya. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dinyatakan pada halaman 163 hingga 174 dalam Laporan Tahunan ini.

Dasar Pemberi Maklumat dan Dasar Halangan Maklumat

Selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dan amalan tadbir urus korporat yang baik, PNB menggalakkan semua pihak yang berkenaan untuk mengetengahkan sebarang perlakuan tidak wajar tanpa rasa takut terhadap tindakan yang akan dikenakan, menjadi mangsa atau layanan diskriminasi untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi. Dasar Pemberi Maklumat PNB memudahkan pendedahan perlakuan tidak wajar yang berkaitan dengan salah laku, penyelewengan, urus niaga haram, kelakuan ofensif, tidak berdisiplin, pelanggaran amalan atau prosedur yang ditetapkan, atau sebarang tindakan yang memudaratkan reputasi dan kepentingan PNB.

Dasar Halangan Maklumat bertujuan, antara lain, untuk melindungi dan menghalang Kumpulan PNB daripada melakukan kesalahan perdagangan orang dalam. Justeru, adalah penting aturan kerahsiaan dilaksanakan menerusi Dasar Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Kumpulan PNB dikehendaki untuk menandatangani Pengisytiharan Kepentingan berkenaan dengan pengambilalihan/pembelian/penjualan sekuriti-sekuriti syarikat dalam borang Pengisytiharan Kepentingan.

Penyataan tentang Pematuhan dan Integriti Korporat

Tahun-tahun kebelakangan ini telah menyaksikan cabaran yang semakin meningkat kepada PNB sebagai entiti berlesen dengan SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("CMSA") dalam memenuhi tanggungjawab pengawalseliaan kami dan menjalankan perniagaan kami dalam pasaran yang kompetitif serta berubah dengan pantas.

Selaras dengan matlamat kami untuk mencapai piawaian tadbir urus dan pematuhan tertinggi dengan keperluan undang-undang dan pihak berkuasa pengawalseliaan, PNB terus mempunyai pendekatan yang sistematik dan jelas dengan mekanisme ujian dan pemantauan yang mantap untuk memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan, dasar dan prosedur dalaman, serta piawaian etika.

Struktur Tadbir Urus Pemantauan dan Integriti

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan terdapat pengurusan risiko pematuhan dan rasuah yang berkesan untuk Kumpulan PNB dalam mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan, dasar dan prosedur dalaman, serta piawaian etika.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Kumpulan PNB mematuhi semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah ("BCC") untuk menyelia pelaksanaan dan operasi Program Pematuhan dan Integriti oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti yang juga menyelia Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti ("CIGO"). Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab utama fungsi pematuhan Kumpulan PNB yang meliputi untuk menubuhkan, melaksana, mengendali dan memantau Program Pematuhan Kumpulan PNB. Empat (4) fungsi utama Jabatan Integriti termasuklah pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan tadbir urus dan integriti, serta pelaksanaan Program Integriti. Pelaporan kemajuan Program Pematuhan dan Integriti dibuat secara terus kepada Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah.

Bagi memenuhi objektif di atas, BCC bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju dan strategi untuk pematuhan dan integriti, termasuk mewujudkan rangka kerja dan dasar pematuhan dan integriti untuk pengurusan risiko pematuhan dan rasuah. BCC bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan integriti serta membuat saranan tentang perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB akan disemak mengikut keperluan. Butiran lanjut mengenai komposisi BCC dan Program Pematuhan dan Integriti Kumpulan PNB dinyatakan dalam Penyata ini.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

BCC hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli, dan sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahlinya ialah anggota Bebas dan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi BCC. Bagi tahun 2023, Jawatankuasa BCC terdiri daripada empat (4) ahli, tiga (3) daripadanya ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun semakan.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Komposisi BCC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Datuk Zainun Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Dr. Mohd. Yaakub Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Ahmad Zulqarnain Onn (Meletak jawatan berkuat kuasa mulai 19 Februari 2024)	Eksekutif Bukan Bebas	4/4

Skop Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

BCC mempunyai kuasa, dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah, untuk memantau perkara berikut:

- Pengawasan dan pengurusan risiko pematuhan dan rasuah yang sewajarnya;
- Membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya ke arah memenuhi keperluan undang-undang, peraturan, garis panduan, dan syarat pelesenan yang berkaitan;
- Membantu Lembaga Pengarah dalam menyelia semua isu berkaitan integriti untuk memastikan penggunaan amalan terbaik dan piawaian etika tertinggi; dan
- Memberi nasihat, bimbingan dan arahan berhubung pelaksanaan Rangka Kerja dan Piagam Pematuhan dan Rangka Kerja dan Piagam Integriti Kumpulan PNB, serta Pelan Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti.

Fungsi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Secara umumnya, fungsi dan tugas BCC adalah seperti berikut:

- Menyediakan pengawasan dalam pelaksanaan dasar dan rangka kerja Pematuhan dan Integriti termasuk tetapi tidak terhad kepada Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan, Piagam dan Rangka Kerja Integriti, semua inisiatif dan pelan kerja yang lain;

- Untuk memastikan pelaksanaan perkara di atas, BCC diberi mandat antaranya, untuk merumus, menyemak dan meluluskan semua perkara yang berkaitan operasi dan aktiviti Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai dan menyemak penemuan laporan pematuhan dan integriti yang dibentangkan oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai pelanggaran pematuhan dan integriti, mengesyorkan tindakan yang diambil untuk menangani pelanggaran tersebut, dan mewujudkan tindakan tatatertib yang perlu, jika ada;
- Menyemak dan meluluskan struktur fungsi keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti, dan untuk mewakili tanggungjawab dan kuasa pematuhan atau integriti kepada pihak yang berkaitan, sekiranya difikirkan perlu atau sesuai, dan membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan bahawa Ketua Pematuhan dan/atau CIGO yang berkebolehan dilantik dan diberikan kedudukan, kuasa dan kebebasan yang sesuai;
- Menangani dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara, saranan dan kebimbangan yang dizahirkan oleh Ketua Pematuhan dan CIGO, pengawal selia dan juruaudit berkaitan kelemahan kawalan dalaman, aduan pelanggaran dan isu ketidakpatuhan atau tadbir urus isu-isu integriti;
- Menyarankan dasar pematuhan dan integriti yang sesuai untuk memastikan pematuhan berterusan Kumpulan PNB terhadap keperluan undang-undang dan peraturan yang relevan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- Mengkaji semula terma rujukannya sendiri dan menyarankan sebarang perubahan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang konsisten dengan terma rujukan, undang-undang berkaitan, peraturan, garis panduan, syarat dan peraturan pelesenan, yang dianggap perlu atau sesuai oleh BCC atau Lembaga Pengarah; dan
- Bersama dengan Pengurusan Kanan Kumpulan PNB, menggalakkan budaya pematuhan dan integriti kukuh dalam Kumpulan PNB dengan menekankan piawaian tingkah laku etika tinggi yang mewujudkan dan menyokong pematuhan dan integriti.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Aktiviti Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah pada tahun 2023

Selaras dengan terma rujukan BCC, sepanjang tahun dalam tinjauan, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah telah meluluskan, menyemak dan memantau:

- Struktur keseluruhan fungsi pematuhan dan integriti Kumpulan PNB;
- Kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti untuk melaksanakan Rancangan Kerja mereka, dan hasil kerja mereka;
- Pelan Kerja dan Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Penemuan laporan pematuhan dan integriti yang dibentangkan oleh Pegawai Pematuhan dan CIGO serta membuat cadangan yang diperlukan apabila dikehendaki;
- Pelanggaran pematuhan, tindakan yang disyorkan untuk menangani pelanggaran tersebut, dan menetapkan tindakan yang perlu;
- Perkara berkaitan aduan pelanggan;
- Perkara berkaitan pengurusan serta kesan-kesan daripada pelanggaran peraturan oleh kakitangan Kumpulan PNB;
- Perkara berbangkit daripada aduan Pemberi Maklumat;
- Syor untuk kelulusan Lembaga Pengarah mengenai semakan dasar serta proses Pematuhan dan Integriti iaitu:
 - ▶ Dasar Dagangan Peribadi Kumpulan PNB
 - ▶ Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Wang Bersasar Kumpulan PNB
 - ▶ Dasar Halangan Maklumat Kumpulan PNB
 - ▶ Dasar Konflik Kepentingan Kumpulan PNB
 - ▶ Rangka Kerja Pengurusan Konsekuensi Kumpulan PNB
 - ▶ Dasar FATCA & CRS (*Foreign Account Tax Compliance Act and Common Reporting Standard*) Kumpulan PNB
 - ▶ Dasar Sekatan Ekonomi Kumpulan PNB
 - ▶ Rangka Kerja Kompetensi Pematuhan
 - ▶ Kod Etika Perniagaan Kumpulan PNB ("CoBE")
 - ▶ Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan PNB (Dasar "Whistleblowing")
 - ▶ Penyata Dasar Antirasuah dan Antisogokan Kumpulan PNB ("Kenyataan ABC")
 - ▶ Pakatan Integriti Perolehan Kumpulan PNB ("PIP")
 - ▶ Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Kumpulan PNB 2022 – 2024 ("OACP")

Gambaran Keseluruhan Program Pematuhan dan Integriti

Untuk memupuk pematuhan yang berkesan dan pengurusan risiko rasuah ke arah pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan keperluan kawal selia lain yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan PNB, Program Pematuhan dan Integriti telah ditubuhkan dan dilaksanakan berdasarkan elemen asas yang ditetapkan oleh SC, SPRM, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia ("FIMM"), Bank Negara Malaysia ("BNM") dan pengawal selia lain yang berkaitan. Pada asasnya, Program Pematuhan dan Integriti merangkumi dasar, prosedur dan piawaian kelakuan untuk mencegah dan mengesan pelanggaran peraturan, keperluan kawal selia, undang-undang yang terpakai dan piawaian etika. Memandangkan Program Pematuhan dan Integriti adalah dinamik, ia sentiasa disemak dan dipertingkatkan untuk menangani risiko pematuhan, integriti dan rasuah yang muncul serta diselaraskan dengan amalan terbaik industri yang berkaitan, dan piawaian antarabangsa.

Dengan penyeliaan dan bimbingan BCC, Bahagian Pematuhan dan Integriti berhasrat untuk berada di barisan hadapan dalam bidang pematuhan dan integriti utama ke arah memenuhi aspirasi berikut:

▶ **Bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua undang-undang yang berkaitan dan keperluan kawal selia SC, SPRM dan badan kawal selia lain yang berkaitan;**

▶ **Bagi memastikan persekitaran perniagaan bebas daripada sebarang bentuk jenayah kewangan, sogokan dan rasuah, dan komitmen untuk mengambil sikap tegas terhadap sebarang tindakan sedemikian;**

▶ **Bagi meningkatkan keupayaan dan keterlihatan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti dalam memberikan nasihat berhubung aktiviti operasi untuk berfungsi secara berkesan sebagai barisan pertahanan kedua; dan**

▶ **Bagi menyemai budaya pematuhan dan integriti yang kukuh dengan menggalakkan pematuhan dan integriti dalam budaya kerja PNB.**

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Program Pematuhan dan Integriti yang Sedang Berjalan

Dalam tempoh kajian, Bahagian Pematuhan dan Integriti telah menyelesaikan semua aktivitinya mengikut pelan kerja yang diluluskan, dengan penekanan kepada aktiviti berikut:

• Memperkukuh Peranan dan Tanggungjawab Bahagian Pematuhan dan Integriti melalui Piagam dan Rangka Kerja Masing-masing

Dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan Bahagian Pematuhan dan Integriti dalam melaksanakan fungsi, peranan, dan tanggungjawabnya, bahagian ini terus menerima pakai piawaian dan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa. Bahagian Pematuhan dan Integriti terus memastikan, bahawa ia mempunyai perkara berikut, seperti yang dikehendaki di bawah Piagam dan Rangka Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti masing-masing:

- Visi dan mandat untuk Bahagian Pematuhan dan Integriti yang sejajar dengan keseluruhan strategi perniagaan Kumpulan PNB dan yang menggariskan dengan jelas skop peranan dan tanggungjawabnya;
- Rangka kerja tadbir urus dan pelaporan yang kukuh dan teguh untuk membolehkan pematuhan dan pengawasan integriti dan pemantauan yang berkesan melalui proses yang wajar, termasuk proses pengemukaan dan infrastruktur sokongan bagi mengurus risiko pematuhan dan rasuah dengan berkesan;
- Reka bentuk dan struktur organisasi yang sesuai dengan tujuan berserta peranan dan tanggungjawab yang jelas, kapasiti dan keupayaan untuk menyampaikan mandat pematuhan dan integriti;
- Petunjuk Prestasi Utama yang jelas dan rangka kerja pengurusan akibat; dan
- Komitmen dan penglibatan daripada pihak berkepentingan utama untuk menyokong, memperjuangkan dan mengukuhkan objektif pematuhan.

• Menguruskan Risiko Pematuhan

Pengurusan Risiko AML/CFT dan Sekatan ("AML")

Dalam memperkukuh pengurusan risiko pematuhan AML, PNB telah melakukan tinjauan menyeluruh terhadap langkah-langkah kawalan AML yang sedia ada pada tahun 2023. Tinjauan ini termasuk, antara lain, tinjauan bebas terhadap program AML PNB, tinjauan terhadap amalan dan budaya tadbir urus kami, penilaian kecukupan dan kecekapan sumber, tinjauan terhadap metodologi risiko kami, dan penilaian kesiapan masa depan teknologi yang sedia ada.

Selanjutnya, PNB telah menyelaraskan semula program AML daripada peringkat atas ke bawah untuk mengukuhkan langkah-langkah pengurusan risiko AML. Antara langkah pengukuhan utama yang diambil termasuk:

- Merangka hala tuju masa depan dalam amalan penilaian dan pemarkahan risiko AML melalui Metodologi Pemprofilan Risiko AML yang dikemas kini;

- Meningkatkan pengawasan dan pelaporan risiko AML serta pengukuran pada peringkat perusahaan yang melangkaui pelaporan pematuhan tradisional, dan termasuk pelaporan isu dan pemulihan AML yang dipertingkatkan;
- Meningkatkan akauntabiliti perniagaan untuk menguruskan risiko AML melalui penugasan petunjuk prestasi daripada peringkat perusahaan ke peringkat individu;
- Pembangunan dan pelaksanaan Rangka Kerja Kompetensi Pematuhan untuk memastikan fungsi berkaitan pematuhan dilengkapi dengan sumber yang cekap dan memastikan bahawa program-program tersedia untuk meningkatkan kecekapan sepanjang laluan kerjaya pegawai pematuhan;
- Mengembangkan kapasiti tenaga kerja untuk fungsi berkaitan pematuhan AML;
- Latihan dan penglibatan pematuhan AML yang tertumpu pada peringkat operasi termasuk untuk Wakil Pematuhan yang ditempatkan dalam perniagaan dan semua petugas barisan hadapan dan fungsi berhadapan pelanggan;
- Mengubah ekosistem teknologi AML melalui peningkatan kepada sistem dan infrastruktur AML yang sedia ada;
- Membangunkan keupayaan analisis data dalaman yang kukuh untuk membantu dalam peralihan ke teknologi peringkat seterusnya; dan
- Kejuruteraan semula proses perniagaan secara menyeluruh untuk meningkatkan langkah kawalan risiko AML yang sedia ada.

• Penggunaan Teknologi Pengawalseliaan dalam Pematuhan

Mengubah Ekosistem Teknologi AML

Selaras dengan agenda Teknologi Pengawalseliaan, Jabatan Pematuhan telah menilai sistem yang digunakan untuk mengurus risiko AML dengan objektif:

- Mengetahui pasti jurang dalam teknologi yang digunakan berbanding dengan sistem baharu yang tersedia di pasaran; dan
- Mengetahui pasti kemajuan teknologi yang diperlukan untuk membolehkan penjajaran dengan penyemakan yang dirancang kepada Metodologi Pemprofilan Risiko dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Susulan daripada itu, PNB telah mengenalpasti dan sedang memulakan inisiatif teknologi berkaitan pematuhan utama untuk menyokong agenda digitalnya, termasuk penerapan Pembelajaran Mesin Dan Kecerdasan Buatan ("ML/AL"), peningkatan infrastruktur Analisis Data, dan penerapan perkhidmatan Awan untuk membolehkan proses dan transaksi masa nyata.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Dalam hal ini, PNB sedang menaik taraf Sistem AML dan Pelaporan sedia ada ("AMRS") yang menguruskan fungsi berkaitan AML untuk perniagaan unit amanah runcit dengan objektif untuk akhirnya memasukkan fungsi AI/ML dan analisis data ke dalam sistem tersebut.

PNB juga terus memperluas dan meningkatkan penggunaan sistem Pemangkin Pematuhan ("COMCAT") untuk mengukuhkan piawaian Proses Kenali Pelanggan Anda ("KYC") dan Ketekunan Wajar Pelanggan ("CDD") semasa suai tugas dan berurusan dengan pelanggan korporat dan rakan niaga. Selain itu, penggunaan sistem COMCAT telah diperkukuh untuk membolehkan pengurusan sekatan yang lebih baik dan pemeriksaan sekatan tepat pada masanya. Ini membolehkan Kumpulan PNB menilai risiko kami dengan berkesan dan menguruskan sebarang isu yang dikenal pasti dengan risiko tersebut.

• Peningkatan Sistem AML

Untuk memudahkan Kumpulan PNB dalam pemantauan AML dan sekatan, serta selaras dengan strategi penerapan Teknologi Kawal Selia, sistem AML juga telah ditingkatkan seperti berikut:

- Meningkatkan algoritma dalam enjin penyaringan AML untuk membolehkan hasil yang lebih tepat dan teliti dalam proses KYC;
- Mewujudkan modul khusus dalam Sistem AML untuk memproses dan memantau permintaan dan arahan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dengan cekap dan tepat pada masanya, juga memudahkan penilaian risiko yang lebih baik bagi pemegang unit yang terjejas oleh arahan tersebut;
- Memasukkan ciri dan kawalan eKYC dalam saluran dalam talian; dan
- Memasukkan kawalan mandatori berhubung dengan proses KYC dan CDD merentas saluran dan sistem yang berbeza.

• Pengurusan Risiko Pematuhan

Kumpulan PNB berusaha untuk terus menambah baik program pengurusan risiko pematuhan kami dalam semua bidang. Dalam hal ini, Bahagian Pematuhan dan Integriti telah menerima pakai Teknologi Kawal Selia untuk memastikan pengenalpastian, keutamaan dan pengurangan risiko pematuhan dan rasuah yang sistematik bagi Kumpulan PNB.

Sistem Penilaian Risiko Pematuhan telah dibangunkan dan dilancarkan pada Disember 2022 dan terus diperhalusi dengan objektif untuk merekod dan memberikan pandangan strategik berkaitan risiko pematuhan utama Kumpulan PNB. Sistem ini akan membenarkan semua risiko pematuhan dinilai, diberi taraf, dan diutamakan serta membolehkan pengawasan yang lebih baik terhadap langkah-langkah pengurangan risiko pematuhan.

• Tinjauan Teknologi

Pembangunan Kawal Selia dalam Pengurusan Risiko Teknologi

Pada tahun 2023, Unit Penilaian Teknologi terus melaksanakan fungsinya untuk melengkapkan Risiko, Audit dan Keselamatan Maklumat dan Siber ("ICS") dalam hal pengawasan risiko teknologi. Risiko, Audit, Pematuhan, dan ICS ("RACS") berfungsi sebagai fungsi semak dan imbang untuk menyemak cadangan berkaitan teknologi sebelum dibentangkan kepada jawatankuasa Pengurusan dan Lembaga Pengarah serta menjalankan peranan penasihat tentang keberkesanan langkah kawalan. Seiring dengan Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi yang dikeluarkan oleh SC ("GTRM"), Unit Tinjauan Teknologi telah melakukan analisis jurang perusahaan pada pemegang utama yang berkaitan. Selain itu, RACS mempunyai fungsi pengawasan bersama terhadap semua teknologi utama untuk mengenal pasti dan mengesahkan justifikasi daripada pihak berkepentingan yang relevan melalui proses tinjauan dan memberikan nasihat mengenai pindaan yang berkaitan kepada dasar-dasar teknologi dan keselamatan. Selain itu, untuk acara tahunan, Unit Tinjauan Teknologi memainkan peranan sebagai pemerhati dalam Latihan Meja Insiden Siber Pasaran Modal dan Simulasi Siber Pasaran Modal yang dianjurkan oleh SC.

• Pematuhan Cukai

Dalam mengakui kepentingan kritikal pematuhan cukai, dan mengiktiraf kodifikasi perjanjian antara kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat untuk pematuhan kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA"), Kumpulan PNB telah memulakan semakan komprehensif terhadap pematuhan FATCA dan Standard Pelaporan Umum ("CRS") dalam Kumpulan PNB yang telah selesai pada Mei 2023.

• Memperkukuh Tadbir Urus dan Keupayaan Pematuhan

Pemantauan Pematuhan yang Dipertingkatkan

Pada tahun 2023, dalam usaha untuk memantau kecukupan dan keberkesanan prosedur dan proses dalaman, Jabatan Pematuhan telah meningkatkan strategi semakan dan ujian kawalan pematuhan di seluruh PNB melalui:

- Pengumpulan, analisis dan interpretasi data mengenai kawalan pematuhan untuk penilaian holistik terhadap kesihatan pematuhan di seluruh perusahaan;
- Memperkukuh dasar, proses dan kawalan pematuhan di seluruh perusahaan selaras dengan pandangan pematuhan kawal selia yang akan datang dan sebagai tindak balas terhadap peraturan baharu, tindakan kawal selia, risiko yang muncul termasuk bidang kebimbangan tempatan dan asing;
- Kajian semula tematik pematuhan yang didorong oleh data dan dilengkapi data mengenai kawasan risiko yang berpotensi;

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

- Kajian kawalan kualiti terhadap proses CDD dalam unit perniagaan;
- Kajian susulan terhadap risiko dan langkah-langkah pemulihan isu yang dikenal pasti dalam laporan kawal selia dan pematuhan; dan
- Semakan laporan yang dikemukakan oleh wakil-wakil pematuhan.

a. Membangunkan Komuniti Wakil Pematuhan yang Kukuh

Dalam memastikan budaya pematuhan yang teguh dalam barisan pertahanan pertama, peranan dan tanggungjawab wakil pematuhan yang dilantik bagi unit perniagaan telah diperkukuh untuk menyokong dan meningkatkan penyelarasan antara Jabatan Pematuhan dan unit perniagaan bagi tujuan pemantauan pematuhan. Pada tahun 2023, wakil pematuhan terus menjalankan semakan berkala dan melaporkan kawalan operasi AML di unit perniagaan masing-masing kepada Jabatan Pematuhan.

Sebanyak 22 sesi penglibatan dengan wakil pematuhan juga dijalankan pada tahun 2023, bukan sahaja untuk memberi kesedaran tentang dasar dan kemas kini kawal selia, tetapi juga untuk mendidik dan menyemai kepentingan budaya pematuhan yang baik. Taklimat khusus dan disesuaikan, serta sesi keterlibatan satu dengan satu dengan wakil pematuhan unit perniagaan terus dianjurkan oleh Jabatan Pematuhan untuk berkongsi dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi melaksanakan fungsi mereka dengan berkesan dan memenuhi jangkaan kawal selia.

b. Latihan dan Kesedaran Pematuhan

Pada tahun 2023, Jabatan Pematuhan terus menilai inisiatif untuk menyemai budaya pematuhan yang kukuh dalam Kumpulan PNB dan memupuk tingkah laku pematuhan melalui program latihan dan kesedaran yang berterusan. Pelbagai inisiatif telah dijalankan di bawah program komunikasi dan kesedaran pematuhan yang berstruktur dan mantap dengan penekanan yang lebih tinggi dalam menanamkan budaya pematuhan melalui dasar dan rangka kerja pematuhan yang telah ditetapkan. Pendidikan mengenai risiko pematuhan dan pengurusannya disampaikan melalui alat dan platform komunikasi digital dan dalam talian yang boleh diakses oleh semua pekerja.

Repository dalam talian sedia ada mengenai undang-undang, peraturan, garis panduan dan dasar dalam talian sedia ada telah dipertingkatkan dan boleh diakses oleh semua kakitangan melalui alat dan platform komunikasi digital dan dalam talian seperti Knowledge Hub ("K-hub") dan Viva Engage. Platform-platform ini menyediakan akses mudah dan rujukan cepat mengenai maklumat dan pengetahuan kawal selia dan pematuhan yang boleh digunakan oleh pekerja dalam melaksanakan operasi harian mereka. Ini akan membolehkan mereka mengikuti perkembangan terkini perkara-perkara yang berkenaan.

Ringkasan kemas kini kawal selia terus diketengahkan menerusi edaran e-mel kepada semua kakitangan. Pada tahun 2023, sebanyak 27 kemas kini kawal selia, termasuk e-mel kesedaran tentang pelbagai topik kawal selia dan kesannya kepada unit perniagaan yang berkaitan telah disebarkan untuk memastikan pekerja dan unit perniagaan sedar dan mematuhi keperluan kawal selia terkini. Selain daripada pengeluaran dan penyebaran kemas kini kawal selia, untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan perubahan yang timbul daripada semakan terkini kepada keperluan kawal selia, Jabatan Pematuhan juga telah mengambil inisiatif untuk menjalankan analisis jurang terhadap keperluan tersebut berbanding dengan amalan semasa dalaman. Jabatan Pematuhan juga telah mengambil inisiatif untuk menjejaki tindakan dan langkah yang diambil oleh unit perniagaan melalui pelan komunikasi dan keterlibatan berstruktur dengan kakitangan, wakil pematuhan dan kakitangan utama unit perniagaan sebagai sebahagian daripada strategi pelaksanaan.

Jabatan Pematuhan telah melancarkan beberapa e-pembelajaran baharu pada tahun 2023 dalam sistem pengurusan pembelajaran sedia ada PNB. Ini termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2013 dan modul e-pembelajaran berkaitan AML yang ditingkatkan yang memberi tumpuan kepada bidang-bidang tertentu, sebagai sebahagian daripada program pembelajaran pematuhan yang telah disemak semula dan dibangunkan untuk terus menyediakan pembelajaran berkaitan pematuhan umum dan berdasarkan fungsi kepada semua kakitangan secara berterusan. Jabatan Pematuhan menyemak status lengkap dan kakitangan yang gagal melengkapkan modul latihan dalam talian akan dikenakan tindakan disiplin.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Dalam tempoh kajian, lima sesi kesedaran pematuhan telah dijalankan sebagai sebahagian daripada program latihan induksi untuk mendidik pekerja baharu mengenai undang-undang, peraturan dan garis panduan berkaitan yang terpakai kepada Kumpulan PNB dan entiti berlesennya. Selain itu, pekerja baharu juga diberikan taklimat mengenai dasar dan prosedur pematuhan serta kelakuan dan tingkah laku yang diharapkan oleh kakitangan bukan sahaja untuk memastikan pematuhan kepada dasar dan prosedur, tetapi juga untuk memupuk budaya dan nilai pematuhan dalam kalangan kakitangan. Antara topik yang diberi taklimat ialah Piagam dan Program Pematuhan, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang terpakai, struktur pelaporan pematuhan, peranan dan fungsi jawatankuasa pematuhan, dan dasar Kumpulan PNB seperti Dasar Sekatan Ekonomi Kumpulan, Dasar FATCA & CRS, Dasar Tidak Menerima Hadiah, Dasar Halangan Maklumat dan Dasar Konflik Kepentingan. Pekerja baharu dikehendaki menandatangani perisytiharan bahawa mereka telah membaca dan memahami dasar pematuhan.

c. Kecekapan dan Keupayaan Jabatan Pematuhan dan Fungsi Pematuhan

Jabatan Pematuhan melantik pekerja dengan pelbagai latar belakang, termasuk dalam perakaunan dan kewangan, perundangan, industri kewangan, maklumat dan teknologi, pengurusan risiko dan audit. Kakitangan mempunyai kualiti, kemahiran, kecekapan dan pengalaman yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi yang diperlukan dalam Jabatan Pematuhan.

Pada tahun 2023, Jabatan Pematuhan telah membangunkan Rangka Kerja Kecekapan Pematuhan yang bertujuan memastikan kecekapan pematuhan dalam Kumpulan PNB dibangunkan pada pawaian tertinggi.

Rangka kerja ini melengkapkan inisiatif pembangunan pekerja bertujuan untuk meningkatkan tahap dan kepelbagaian kemahiran serta kecekapan kakitangan melalui program latihan, secara dalaman atau luaran. Ini termasuk pensijilan profesional dan kursus dalam pelbagai bidang pematuhan dan integriti, seperti Sijil Profesional dalam Kewangan Islam (Audit dan Pematuhan) oleh INCEIF, Certified Capital Market Professional oleh SC, pengurusan dan analitik data serta sistem maklumat.

d. Penglibatan dengan Berkepentingan

Dalam memastikan bahawa strategi perniagaan selaras dengan keperluan kawal selia, Jabatan Pematuhan terus menjalankan penglibatan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran, bukan sahaja untuk membina hubungan untuk faedah dan sokongan bersama, tetapi juga untuk melibatkan pihak berkepentingan dalam proses pembentukan dan pelaksanaan dasar baharu yang memberi kesan ke atas strategi perniagaan PNB dan unit perniagaannya.

Penglibatan aktif dan perundingan dengan badan kawal selia dan agensi penguatkuasaan seperti SC, Polis Diraja Malaysia ("PDRM") dan SPRM terus dijalankan pada tahun 2023, yang telah memudahkan proses pematuhan kami dan membantu PNB mengutamakan inisiatifnya, selaras dengan keperluan kawal selia. Pada tahun 2023, Jabatan Pematuhan telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh SC, PDRM, SPRM dan pihak berkuasa serta agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan dengan rangka kerja kawal selia baharu menurut AML, pengurusan risiko teknologi, pematuhan dan tadbir urus. Antara aktiviti dan program yang dihadiri adalah seperti berikut:

Meja Bulat Ketiga SC mengenai Pematuhan 2023 - *Fortifying Compliance Resilience in Capital Markets*

Simulasi Siber Pasaran Modal 2023 yang dianjurkan oleh SC

Jawatankuasa Pemandu Pegawai Pematuhan

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memupuk budaya tadbir urus dalam kalangan pihak berkepentingan dalaman dalam Kumpulan PNB, Minggu Integriti, Risiko, Audit & Pematuhan (iRAC) Kumpulan PNB terus diadakan pada Mac 2023. Program dan aktiviti iRAC direka untuk semua peringkat dalam Kumpulan PNB, iaitu ahli Lembaga Pengarah, ahli pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pasukan Kepimpinan dan pekerja, di mana pelbagai webinar mengenai topik tadbir urus telah diadakan semasa Minggu iRAC, termasuk kuiz dan permainan yang dijalankan melalui platform dalam talian.

• Kenyataan Antisogokan dan Antirasuah

Penyata Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB ("Penyata Dasar ABC") yang diterbitkan pada Ogos 2020, mengesah dan mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam menegakkan undang-undang antirasuah dan sekuriti yang terpakai kepada Kumpulan PNB.

Kumpulan PNB komited untuk menjalankan semua urusan perniagaan kami dengan cara yang jujur dan beretika sambil mengekalkan piawaian integriti dan tadbir urus korporat yang tertinggi. Semua dasar dan prosedur PNB diwujudkan, dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan objektif yang tertumpu untuk melindungi PNB daripada sebarang amalan rasuah dan tingkah laku tidak beretika.

Kumpulan PNB bertindak secara terbuka dan telus dalam semua urusannya dengan pemegang unit, pekerja, pembekal dan semua hubungan pihak ketiga. Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 ("NACP"), Kumpulan PNB mempunyai pendekatan toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan tingkah laku tidak beretika dan akan mengambil tindakan tegas untuk membanteras sebarang aktiviti yang membawa kepada sogokan, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan wang.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Kami komited untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan dan menggalakkan pekerja kami dan orang ramai untuk membangkitkan sebarang kebimbangan mengenai tingkah laku kami. Sehubungan itu, Kumpulan PNB telah mewujudkan pelbagai saluran aduan yang tersedia untuk mana-mana pihak mengetengahkan kebimbangan tersebut terus kepada PNB, sama ada melalui e-mel, serahan dalam talian, serahan peribadi, telefon, atau melalui pos, terutamanya mengenai perkara yang berkaitan dengan sogokan, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan wang. Aduan yang tulen akan dilayan secara sulit dan disiasat dengan telus dan adil.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam memastikan semua urusan perniagaan kami dikendalikan secara jujur dan beretika sambil mengekalkan piawaian integriti dan tadbir urus korporat tertinggi, pelbagai usaha telah diambil oleh Kumpulan PNB berhubung dengan perkara-perkara anti rasuah.

Dalam memperkukuh tingkah laku perniagaan dan merealisasikan komitmen tertinggi untuk Ikrar Persekitaran Perniagaan Bebas Rasuah, inisiatif berikut telah dilaksanakan oleh PNB di sepanjang tempoh tinjauan:

- **Pindaan kepada Dasar Antirasuah dan Antisogokan Kumpulan PNB dan Pelaksanaannya**

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi tingkah laku perniagaan ahli Lembaga Pengarahnya, kakitangan, dan pihak berkepentingan, termasuk rakan perniagaannya, pindaan telah dibuat kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Sogokan di mana Prosedur Operasi Standard ("SOP") baharu diperkenalkan pada April 2023 untuk menghalusi lagi aliran proses yang terlibat dalam rangka kerja tersebut untuk kejelasan dan kecekapan.

Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan PNB juga telah disemak pada November 2023 untuk memasukkan peruntukan dasar rujukan yang memberikan panduan mengenai pengendalian aduan yang memerlukan pelaporan segera kepada agensi kawal selia kerana kemungkinan kesalahan jenayah atau rasuah.

- **Pengesanan dan Pengesanan Risiko Rasuah**

Dalam usaha seterusnya untuk mematuhi keperluan Garis Panduan mengenai Prosedur yang Memadai menurut Seksyen 17A Akta SPRM 2009, Kumpulan PNB meneruskan usaha kami untuk melaksanakan penilaian risiko rasuah selaras dengan Piagam Integriti dan Rangka Kerja Kumpulan PNB. Selain itu, sebagai sebahagian daripada keperluan pensijilan Sistem Pengurusan Antisogokan ISO 37001:2016, Jabatan Integriti dengan kerjasama pelbagai unit perniagaan lain dalam Kumpulan PNB telah menjalankan pengesanan dan pengesanan risiko rasuah yang melibatkan bahagian lain dalam fungsi sokongan PNB yang terdiri daripada 61 unit perniagaan.

- **Kemajuan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Kumpulan PNB ("OACP") 2022-2024**

Kemajuan OACP Kumpulan PNB 2022-2024 yang telah diluluskan oleh Lembaga pada 3 Mac 2022 terus dipantau dan dijejaki pada tahun 2023. Ia merupakan pelan antisogokan bersepadu yang akan diambil dan dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNB. Ia menggariskan potensi risiko yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan sogokan dan akan menjadi rujukan utama dan panduan mengenai isu berkaitan pencegahan sogokan dan rasuah dalam Kumpulan PNB.

Daripada 46 inisiatif keseluruhan yang dilaksanakan dari tahun 2022 hingga tahun 2024, 13 telah dikenal pasti dengan tarikh akhir khusus yang perlu diselesaikan pada tahun 2023, manakala 33 dikategorikan sebagai inisiatif berterusan, yang memerlukan pelaksanaan berkala sepanjang tahun 2022 hingga 2024.

Sepanjang tempoh kajian, semua 13 inisiatif yang dikenal pasti untuk diselesaikan pada tahun 2023 telah berjaya disempurnakan, dan selebihnya 33 inisiatif berterusan OACP sedang berjalan dan dipantau serta dilaporkan secara berkala. Pencapaian ini menunjukkan komitmen berterusan PNB dalam mendukung kepercayaan yang diamanahkan kepada kami dan dedikasi untuk menerima dan melaksanakan legasi yang telah ditetapkan oleh pemimpin pengasasnya, yang diiktiraf secara meluas kerana tahap integriti dan kelakuan beretika yang tinggi.

- **Audit Pengawasan untuk Pensijilan di bawah ISO 37001:2016**

Sistem Pengurusan Antirasuah ("ABMS")

PNB telah berjaya mencapai laporan audit bersih tanpa Laporan Ketidakpatuhan ("NCR") daripada pelaksanaan audit pengawasan untuk pensijilan di bawah ISO 37001:2016 ABMS yang dijalankan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd ("SIRIM QAS") pada Jun 2023. Pensijilan ini adalah untuk penyediaan operasi atau aktiviti pengurusan dana, mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam membasmi potensi aktiviti rasuah dan usaha gighnya untuk memupuk nilai integriti dan tingkah laku beretika di semua peringkat dalam organisasi.

Meneruskan momentum kejayaan PNB dalam audit pengawasan ABMS ISO37001:2016, ASNB juga berjaya dalam audit pengawasan keduanya oleh SIRIM QAS yang dijalankan pada Oktober 2023. ASNB mencapai laporan audit bersih yang mendapat pujian daripada SIRIM QAS tanpa NCR.

Pencapaian penting oleh PNB dan ASNB ini mengesah dan mengukuhkan komitmen Kumpulan PNB dalam menegakkan undang-undang anti rasuah dan undang-undang sekuriti yang terpakai kepada Kumpulan PNB, termasuk, tanpa had, Akta SPRM serta CMSA, dan dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap dasar dan prosedurnya yang berkaitan dengan perkara sogokan dan rasuah.

Penyata Soroton

Tadbir Urus Korporat

Acara Integriti Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan 2023 ("GIE")

Bersempena dengan Hari Integriti Kebangsaan yang disambut setiap tahun pada 5 November, PNB sekali lagi, dengan kerjasama Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (secara kolektif, "GLICs"), menganjurkan GIE kedua pada 7 November 2023 bertempat di Royale Chulan Kuala Lumpur. Acara ini dibentuk untuk pemimpin perniagaan dan pegawai integriti dan bertujuan bukan sahaja untuk menangani isu operasi yang dihadapi oleh pengamal, tetapi juga untuk memudahkan jaringan kerja sesama pegawai pemimpin dan pegawai integriti. Acara itu menampilkan dua sesi forum oleh penceramah terkenal dan dihadiri oleh CEO GLIC dan syarikat pelaburan mereka bersama dengan Ketua Pegawai Integriti mereka, dengan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM menyampaikan ucapan utama.

Acara Solidariti Integriti PNB 2023

Dalam usaha untuk mempromosikan dan memupuk kapasiti pembangunan antara unit integriti dalam Kumpulan PNB dan syarikat pelaburan mereka, Jabatan Integriti menganjurkan Acara Solidariti Integriti PNB 2023 pada 18 Julai 2023 di Menara PNB.

Acara ini bertujuan untuk merumuskan amalan terbaik dalam pendekatan strategik dan taktikal yang menyokong pelaksanaan pengurusan integriti dan juga menyediakan platform umum untuk perkongsian pengetahuan mengenai kawalan umum kes-kes pemberi maklumat dalam usaha untuk mengendalikan dan menerajui amalan antirasuah merentas industri. Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 60 peserta dalam kalangan pemain industri utama seperti Malayan Banking Berhad, Sime Darby Berhad, SP Setia Berhad dan Sapura Energy Berhad.

Mempergiat Program Kesedaran dan Literasi Integriti

Latihan dan kesedaran adalah komponen utama dalam memupuk budaya integriti dalam kalangan kakitangan. Jabatan Pematuhan sentiasa mengkaji semula inisiatif untuk menggalakkan budaya dan tingkah laku integriti melalui latihan berterusan dan program kesedaran yang diwujudkan mengikut Piagam dan Rangka Kerja Integriti. Ini adalah aspek kritikal untuk memastikan semua kakitangan baharu dan sedia ada dalam Kumpulan PNB diingatkan tentang tingkah laku, peranan dan tanggungjawab mereka dalam menegakkan pematuhan, integriti dan kod etika perlakuan yang terpakai kepada pekerja.

• Program Pemantapan Integriti

Sesi Laporan Diri Pekerja Baru

Lima (5) sesi kesedaran integriti telah dijalankan dalam tempoh tinjauan, untuk semua kakitangan baharu Kumpulan PNB sebagai sebahagian daripada program latihan induksi untuk memupuk nilai integriti dan tingkah laku beretika serta memperkenalkan dasar anti rasuah yang berkaitan kepada pekerja baharu. Antara topik yang diberi taklimat ialah Akta SPRM 2009 dan Dasar Antisogokan dan Antirasuah Kumpulan PNB susulan Seksyen 17A Akta SPRM serta inisiatif PNB yang termaktub di bawah ISO 37001:2016 ABMS.

Selain itu, terdapat lima (5) sesi pengenalan kepada integriti yang dijalankan dengan pelatih dan pelatih graduan Kumpulan PNB untuk mendedah dan membiasakan mereka dengan pelbagai dasar antirasuah dan antisogokan yang diamalkan oleh Kumpulan.

Keterlibatan melalui Ceramah Integriti PNB

Ceramah Integriti PNB ialah satu siri sesi keterlibatan yang dijalankan pada Jun 2023 dengan penglibatan cawangan ASNB di seluruh negara dan pengurus akaun pelanggan bernilai tinggi (high net-worth). Sesi ini meliputi topik-topik yang relevan, termasuk Pengurusan Risiko Rasuah dan Pakatan Integriti Perolehan untuk membolehkan kakitangan memahami intipati liabiliti korporat, implikasinya dan aplikasi praktikal untuk memastikan organisasi perniagaan terus beroperasi bersih dan amalan beretika.

Selain itu, sesi ini bertujuan untuk menambah baik cara PNB melindungi kakitangannya daripada rasuah, penipuan dan memastikan persekitaran kerja yang kondusif agar kakitangan memahami garis panduan, peraturan dalaman dan kod etika yang perlu dipatuhi. Ini mengurangkan risiko terlibat dalam tuduhan rasuah.

Taklimat Integriti

Inisiatif kesedaran integriti lain yang dijalankan sepanjang tahun dalam kajian termasuk Taklimat Integriti yang melibatkan lebih daripada 130 Wakil Integriti dan Wakil Pengurusan Risiko yang dijalankan pada Februari, April dan Mei 2023. Taklimat tersebut dijalankan dalam usaha untuk memberikan latihan, pendedahan dan kesedaran kepada khalayak sasaran mengenai penubuhan Petunjuk Risiko Utama baharu dalam Kumpulan PNB dan juga kursus ulang kaji mengenai Pengurusan Risiko Rasuah.

Komunikasi melalui Hantaran E-mel & Vlogs

Terdapat dua (2) penghantaran e-mel dan dua (2) video blog yang dikongsi dengan semua kakitangan dalam usaha untuk menyemai dan menggalakkan budaya integriti dalam kalangan kakitangan. Isu yang ditangani dalam hantaran e-mel ini termasuk kesedaran berkaitan semua Dasar-dasar ABC Dalaman PNB (termasuk Dasar Pemberi Maklumat) dan Pakatan Integriti Perolehan dan Ketekunan Wajar.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Laporan Jawatankuasa Audit

Komposisi

Jawatankuasa Audit (AC) hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang (3) dan maksimum enam (6) ahli Lembaga Pengarah yang Bukan Eksekutif, majoriti daripada mereka adalah Pengarah Bebas Lembaga Pengarah dan/atau syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan PNB.

Selain itu, bekas rakan kongsi firma audit luar Kumpulan PNB hendaklah mematuhi tempoh bertenang sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

AC hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa atas budi bicara Pengerusi AC.

Pada masa ini, AC terdiri daripada empat (4) ahli, kesemuanya merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusinya bukan Pengerusi Lembaga Pengarah PNB. Komposisi AC adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Datuk Mohd. Anwar Yahya (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif
Datin Norazah Mohamed Razali (Dilantik berkuat kuasa mulai 4 Jun 2024)	Bebas Bukan Eksekutif
Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood (Bersara berkuat kuasa mulai 4 Jun 2024)	Bebas Bukan Eksekutif

Ini adalah selaras dengan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG"), yang menetapkan bahawa AC mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli, dan semua ahlinya mestilah pengarah bukan eksekutif, dengan majoriti mereka adalah pengarah bebas. Selain itu, AC semasa terdiri sepenuhnya daripada pengarah bebas, yang selaras dengan MCCG.

Peranan dan tanggungjawab utama AC adalah untuk memantau dan menilai keberkesanan kawalan dalaman dan memastikan penyata kewangan mematuhi peraturan yang berkaitan.

Terma Rujukan

AC ditadbir oleh terma rujukannya, semakan terkini yang telah diterima pakai oleh Lembaga Pengarah pada November 2021. Lembaga Pengarah mesti meluluskan pelantikan ahli Jawatankuasa dan Pengerusi Jawatankuasa. Ahli AC tidak dibenarkan untuk melantik ahli ganti.

AC mempunyai kuasa untuk:

- Menyiasat sebarang perkara dalam ruang lingkup Terma Rujukannya;
- Mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada sebarang maklumat dan dokumen atau sumber mengenai Kumpulan PNB;
- Mempunyai saluran komunikasi terus dengan juruaudit dalaman dan luaran atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah eksekutif dan kakitangan Kumpulan PNB yang lain apabila difikirkan perlu;
- Mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana pekerja Kumpulan PNB dan semua pekerja diarahkan untuk bekerjasama dengan sebarang permintaan yang dibuat oleh AC;
- Membentuk dan mewakilkan kuasa kepada Jawatankuasa kecil, yang tertakluk kepada terma rujukannya sendiri seperti yang diluluskan oleh AC;
- Boleh mendapatkan, atas perbelanjaan PNB, nasihat undang-undang luar atau nasihat profesional bebas lain yang difikirkan perlu; dan
- Mendapatkan sumber (iaitu kakitangan dan bahan-bahan) untuk melaksanakan tugasnya seperti yang ditetapkan dalam Terma Rujukan ini.

Tugas dan tanggungjawab AC termasuk yang berikut:

a Pelaporan Kewangan

- Memastikan pelaporan yang adil dan telus serta penerbitan segera penyata kewangan;
- Memahami kaedah yang digunakan untuk mengambil kira sebarang urus niaga yang rumit dan luar biasa yang layanan mereka mungkin terbuka kepada pendekatan yang berbeza dan sebarang isu dasar perakaunan yang penting, atau pelarasan audit yang disyorkan oleh auditor luar (yang dipersetujui oleh Pengurusan Kanan Kumpulan PNB dan yang diketepikan);
- Menilai kedudukan atau keadaan kewangan Kumpulan PNB dan mempertimbangkan persoalan usaha berterusan;
- Menyemak penyata kewangan interim (keputusan setengah tahun) dan akhir tahun untuk PNB dan subsidiari yang diuruskan, sebelum kelulusan Lembaga Pengarah; dan
- Memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan maklumat kewangan yang digunakan oleh Lembaga Pengarah dan maklumat kewangan yang dikeluarkan secara terbuka oleh Kumpulan PNB.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

b Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- i. Mengkaji kecukupan dan keberkesanan penubuhan dan pelaksanaan pengurusan risiko, kawalan dalaman, pencegahan rasuah, pemberi maklumat, dan proses tadbir urus Kumpulan berdasarkan laporan audit yang disediakan oleh Jabatan Asurans Dalam ("IAD") syarikat ("IAD");
- ii. Mengkaji kecukupan pendedahan Tadbir Urus Korporat mengenai penyediaan IAR Kumpulan PNB, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
- iii. Mengkaji pendapat pihak ketiga mengenai reka bentuk dan keberkesanan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan PNB.

c Audit Dalam

- i. Mengkaji, meluluskan dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah apabila diperlukan berkaitan pelan audit, laporan audit, piagam audit, pelantikan, imbuhan, penilaian prestasi, penyingkiran dan penempatan semula Ketua IAD;
- ii. Menyemak dan meluluskan prestasi dan keberkesanan fungsi audit dalaman setiap tahun;
- iii. Mengambil maklum mengenai perbezaan pendapat ketara yang berlaku di antara Ketua IAD dan Pengurusan Kanan Kumpulan PNB, tanpa mengambil kira sama ada isu tersebut telah pun selesai, untuk mengenal pasti sebarang impak akibat situasi tersebut terhadap proses atau hasil audit; dan
- iv. Mengkaji Audit Kualiti Dalam ISO dan hasil audit pihak ketiga dan memastikan langkah-langkah pembetulan diambil untuk pelaksanaan berkesan sistem pengurusan kualiti Kumpulan.

d Audit Luaran

- i. Menyemak, melulus dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perancangan audit, laporan audit, sistem kawalan dalaman, fi audit, pelantikan atau pelantikan semula, peletakan jawatan dan pemecatan juruaudit luar; dan
- ii. Menilai dan memantau prestasi, kesesuaian, objektiviti dan kebebasan juruaudit luar.

e Transaksi Pihak Berkaitan

Menyemak dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang Transaksi Pihak Berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin berlaku dalam PNB dan/ atau Kumpulan PNB, termasuk sebarang transaksi, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan mengenai tadbir urus korporat dan integriti Pengurusan Kumpulan.

Fungsi Lain Jawatankuasa

- a Untuk berbincang dengan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan ("GCFO") PNB mengenai perkara berikut:
 - kualiti dan keberkesanan dasar perakaunan sedia ada;
 - pelaksanaan cadangan yang dibuat oleh juruaudit luar;
 - kawalan dalaman dan prosedur;
 - peruntukan yang perlu dibuat atau dihapus kira ke atas pelaburan dan aset tetap; dan
 - perkara lain yang dibangkitkan sama ada oleh AC atau GCFO PNB.
- b Memantau kawalan bagi memastikan pematuhan kepada dasar korporat dan untuk mencegah atau mengawal konflik kepentingan yang ketara di pihak Pengurusan Kanan atau kakitangan lain Kumpulan PNB;
- c Memantau pematuhan dengan kod korporat atau dasar yang mengawal tingkah laku etika pekerja dalam aktiviti perniagaan;
- d Mempertimbangkan sebarang semakan atau penyiasatan khas mengenai apa-apa perkara yang dianggap perlu dalam Terma Rujukan oleh Lembaga Pengarah;
- e Memastikan penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luaran; dan
- f Menyemak sebarang laporan lain yang dikeluarkan oleh Kumpulan, yang berkaitan dengan tanggungjawab AC.

Aktiviti

Sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun dalam kajian. Butiran kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Datuk Mohd. Anwar Yahya (<i>Pengerusi</i>)	Bebas Bukan Eksekutif	14/14
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	14/14
Datu Haji Soedirman Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	14/14
Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood (<i>Bersara berkuat kuasa mulai 4 Jun 2024</i>)	Bebas Bukan Eksekutif	14/14

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

PGCE, GCFO dan Ketua Asurans Dalam Kumpulan adalah jemputan tetap dan menghadiri mesyuarat AC untuk memberi taklimat dan penjelasan kepada Jawatankuasa mengenai bidang tanggungjawab mereka. Ahli Pengurusan lain juga dijemput ke agenda khusus untuk menyokong perbincangan terperinci semasa mesyuarat Jawatankuasa.

Juruaudit luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat AC bagi membincangkan dan menyemak penyata kewangan tahunan teraudit PNB, ASNB dan dana amanah sahamnya serta Kumpulan PNB yang telah diaudit.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Sepanjang tahun yang ditinjau, dalam melaksanakan tugas dan fungsinya, AC telah menjalankan aktiviti berikut:

Pelaporan Kewangan

- i. Menyemak laporan tahunan dan laporan interim dana unit amanah sebelum membentangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- i. Menyemak Pendedahan Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam, Penyata Pematuhan dan Integriti Korporat, Laporan Jawatankuasa Audit dan Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah berhubung penyediaan Laporan Tahunan PNB 2022, sebelum kelulusan oleh Lembaga Pengarah.

Audit Luaran

- i. Menyemak dan meluluskan Perancangan Audit bagi Kumpulan Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB);
- ii. Menyemak dan memantau kandungan surat pengurusan juruaudit luar, untuk menilai sama ada ia berdasarkan pemahaman yang baik tentang perniagaan syarikat dan menentukan sama ada syor-syor tindakan telah diambil dan memahami sebab-sebab sekiranya tindakan belum diambil;
- iii. Menyemak penyata kewangan teraudit juruaudit luar, isu-isu audit dan perkara berbangkit bagi Kumpulan PNB; dan
- iv. Mengkaji prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar.

Audit Dalam

- i. Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Tahunan IAD 2023 dan kecukupan sumber;
- ii. Menyemak laporan audit dalaman dan memastikan pelan tindakan yang dipersetujui telah dilaksanakan oleh Pengurusan dengan berkesan dan tepat pada masanya;
- iii. Menilai kualiti audit dalaman yang dilakukan pada tahun 2023;
- iv. Menyemak hasil kajiselidik maklum balas pasca audit; dan
- v. Menyemak dan meluluskan pencapaian Penunjuk Prestasi Utama IAD untuk tahun 2022 dan Cadangan Penunjuk Prestasi Utama untuk tahun 2023.

Jabatan Asurans Dalam

Dalam melaksanakan tanggungjawab, AC dibantu oleh IAD. IAD terdiri daripada 33 kakitangan, yang diasingkan kepada enam unit di bawah:

1. Asurans Operasi & Anak Syarikat

Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan tugas audit dalaman bagi operasi PNB, iaitu Kewangan Kumpulan, Perolehan, Modal Insan, Hartanah dan anak syarikat PNB, antaranya, Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd., Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. ("Prolintas"), Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), dan PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd.

2. Asurans Pelaburan, Strategik & Kelestarian

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan audit dalaman untuk strategi PNB, bahagian dan unit perniagaan berkaitan pelaburan (Strategi, Pasaran Awam, Pelaburan Persendirian & Strategik, Pemprosesan Pelaburan), Tadbir Urus (Pematuhan, Integriti, AML/CFT, Pengurusan Risiko, Pengurusan Syariah) dan Kelestarian & Pelaburan Sosial.

3. Asurans Unit Amanah & Kawal Selia

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan tugas audit dalaman untuk operasi atau fungsi ASNB dan operasi cawangan ASNB.

4. Asurans Teknologi & Keselamatan Siber

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan tugas audit dalaman untuk audit IT dan keselamatan siber ke atas PNB, ASNB dan anak syarikat PNB, pengesahan pengagihan pendapatan dan inisiatif pembangunan sistem yang dilaksanakan oleh PNB dan anak syarikat.

5. Audit Kualiti Dalam ("IQA")

Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan audit sistem pengurusan kualiti QMS ISO 9001:2015, QMS MS 1900:2014 berlandaskan Syariah dan ISO 37001:2016 ABMS untuk unit dan entiti perniagaan yang diperakui iaitu PNB, ASNB, Pasaran Awam & bidang berkaitan, Perdana Kuala Lumpur City Centre, Perdana Kota Bharu, Villea Rompin Resort & Golf, Espira Kinrara dan Attana Golf Sdn. Bhd.

6. Pengurusan Amalan & Projek Khas

Bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti laporan audit dalaman kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit dan pelaksanaan aktiviti audit bukan teras dan projek khas untuk Jabatan.

Penyata Soroton

Tadbir Urus Korporat

Ringkasan Aktiviti dan Inisiatif IAD

Sepanjang tahun dalam tinjauan, IAD telah menyelesaikan sejumlah 37 tugas audit penuh, melebihi 36 audit penuh yang dirancang untuk tahun tersebut. Selain itu, IAD menyelesaikan 94 audit skop terhad dan semakan nasihat sepanjang tahun. Ia diringkaskan seperti berikut:

I Audit Asurans Dalaman ke atas

- Fungsi seperti Hartanah Global dan Pelaburan Dana, Hartanah PNB UK, Pengurusan Pelaburan Hartanah, Pemprosesan Pelaburan, Penyelidikan Pelaburan, Setiausaha Syarikat, Dana ASN Sukuk, Rakan Niaga & Penyumberan Sumber Manusia (HR), Operasi & Pentadbiran HR, Prestasi & Ganjaran, Pengesahan Pelaburan PNB dan unit dana amanah ASNB;
- Perolehan dan Perundangan;
- Fungsi berkaitan ASNB seperti Akaun, Unit Khidmat Pelanggan, Pengurusan & Penyeliaan Cawangan, dan Komunikasi Pemegang Unit & Pendidikan Kewangan;
- Operasi anak syarikat seperti PNB (UK) Ltd, PNB Commercial Sdn. Bhd., Villea Rompin Resort & Golf dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. ("Prolintas"); dan
- Operasi cawangan ASNB.

II Audit IT dan Keselamatan Siber ke atas

- Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Pengurusan Risiko Teknologi ("GTRM") Penilaian Jurang Seluruh Perusahaan;
- Ujian Simulasi Pemulihan Bencana dan Sambungan 1/2023 dan 2/2023;
- Dasar-dasar Bahagian Teknologi;
- Pengurusan Pusat Data;
- Pengurusan Desktop oleh Penyedia Perkhidmatan Penyumberluaran IT PNB;
- Sistem Yardi untuk Hartanah Malaysia;
- Sistem Yardi untuk PHNB;
- Keselamatan Siber anak-anak syarikat terpilih PNB;
- Pengesahan Pengagihan Pendapatan untuk 16 dana unit amanah ASNB; dan
- Fungsi Penyumberluaran ASNB kepada Jewel Digital Ventures.

III Semakan Nasihat Perniagaan ke atas

- PNB Japan Ltd;
- Kajian Pematuhan Tahunan Federation of Investment Managers Malaysia ("FIMM") ke atas ASNB;
- Analisis ke atas Pendaftaran Fail Maklumat Pelanggan ("CIF") melalui Kios di cawangan ASNB; dan
- Kajian Projek Challenger dengan PricewaterhouseCoopers (PwC Consulting Services (M) Sdn Bhd).

IV Susulan

- Susulan terhadap laporan yang dikeluarkan pada dan sebelum tahun 2023.

V Pengiraan Mengejut Tunai dan Pengurusan Tunai

- Cawangan ASNB; dan
- Hotel di bawah Attana Hotels & Resorts Sdn. Bhd.

VI Kawalan Penilaian Kendiri

- Attana Hotels & Resorts Sdn. Bhd.

VII Sistem Pengurusan Kualiti ("QMS") ke atas

- Bahagian Hartanah dan Operasi Harta PNB;
- Pasaran Awam dan Bidang Berkaitan PNB (PMRA);
- ASNB;
- Perdana Kuala Lumpur City Centre;
- Perdana Kota Bharu;
- Villea Rompin Resort and Golf;
- Espira Kinrara; dan
- Attana Golf Sdn. Bhd.

VIII QMS Berasaskan Syariah ke atas

- Perdana Kuala Lumpur City Centre; dan
- Perdana Kota Bharu.

IX Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ("ABMS") ke atas

- PNB; dan
- ASNB.

X Tugas Bukan Audit

- Menghadiri aktiviti tender sebagai pemerhati;
- Mengesahkan pelupusan aset tetap oleh Jabatan Perolehan;
- Mengesahkan dokumentasi pemohon PNB Development Value Homes; dan
- Mengesahkan kuiz ASNB dan acara Kumpulan PNB.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pencapaian penting dan inisiatif utama lain yang dilaksanakan sepanjang tahun, termasuk pensijilan untuk staf IAD adalah seperti berikut:

✓ Tujuh (7) juruaudit memperoleh pensijilan *Certified Fraud Examiner* ("CFE"), meningkatkan kepakaran mereka dalam pengesanan dan pencegahan penipuan

✓ Seorang (1) auditor mencapai pensijilan *Certified Information System Auditor* ("CISA"), menunjukkan dedikasi kepada audit IT dan Keselamatan Siber

✓ Tiga (3) juruaudit menjadi Pegawai Integriti Bertauliah ("CeIO"), mengukuhkan komitmen kepada integriti organisasi

✓ Berjaya menganjurkan Minggu Integriti, Risiko, Asurans & Pematuhan ("iRAC") 2023, acara hibrid yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan tadbir urus yang baik di seluruh Kumpulan PNB. Usaha kolaboratif ini melibatkan Jabatan Pengurusan Risiko, Pematuhan, dan Integriti, dengan sesi interaktif dan *Fireside Chat* bersama dengan ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah Risiko, Audit, dan Pematuhan

✓ Berjaya memulakan digitalisasi proses audit melalui projek Sistem Pengurusan Audit, dengan tarikh pelancaran pada 26 Oktober 2023, mengoptimumkan kecekapan dan melaksanakan fungsi yang dipertingkatkan termasuk papan pemuka dan laporan impak

Pada tahun 2024, IAD merancang untuk menjalankan 39 tugas audit penuh dan 73 audit skop terhad serta semakan nasihat. Ini termasuk audit Asurans Dalaman, audit IT & Keselamatan Siber, Pengiraan Mengejut Tunai dan Pengurusan Tunai, pengesanan pengagihan pendapatan dana unit amanah ASNB, Kawalan Penilaian Kendiri, dan audit Sistem Pengurusan Kualiti.

Melangkah ke hadapan, IAD komited untuk memajukan pencapaian dan inisiatif sebelumnya, mengekalkan kecemerlangan operasi dan memupuk pembangunan kakitangan. Inisiatif utama yang sedang berjalan dan dirancang termasuk:

1 Penggunaan Sistem Pengurusan Audit

- Memberi tumpuan untuk memaksimumkan penggunaan sistem selepas fasa pelaksanaan projek untuk memperkemas proses audit dan meningkatkan kecekapan.

2 Pembangunan Kakitangan dan Peningkatan Pengetahuan Berterusan

- Menggalakkan kakitangan untuk merebut peluang peningkatan pengetahuan dan pensijilan profesional dalam bidang ESG, Syariah, IT & Keselamatan Siber, dan Pengurusan Projek. Ini termasuk pensijilan seperti Sijil Risiko Kelestarian dan Iklim ("SCR"), Pengurus Keselamatan Maklumat Bertauliah ("CISM"), Pengamal+Asas Keselamatan Siber ("CSF+P"), Sijil Profesional dalam Kewangan Islam (Syariah) dan Pensijilan Profesional Pengurusan Projek ("PMP"), memastikan tenaga kerja yang berketerampilan dan cekap.
- Melaksanakan program giliran antara unit dan pementoran, termasuk penubuhan kumpulan juruaudit untuk menggalakkan pertumbuhan profesional.
- Memudahkan perkongsian pengetahuan dan penanda aras dengan organisasi lain.

3 Inisiatif Berterusan Lain

- Melaksanakan Kawalan Penilaian Kendiri ("CSA"), Analitik Data, Program Juruaudit Jemputan dan Khidmat Nasihat secara berterusan dengan diperhalusi secara beransur-ansur untuk bertindak balas secara berkesan terhadap landskap perniagaan dan risiko yang berubah.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Komposisi

SAC ditubuhkan untuk memberi nasihat, pendapat dan panduan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan isu pematuhan Syariah bagi pelaburan yang dibuat oleh PNB, dan membantu PNB untuk sentiasa mematuhi prinsip Syariah. SAC bersidang setiap suku tahun untuk menyemak "Status Kepatuhan Syariah Pelaburan PNB dan Dana Unit Amanah ASNB" dan membincang serta meluluskan cadangan mengikut keperluan Syariah.

SAC terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar (Pengerusi) (Bersara pada 1 Januari 2024)	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
SS Dato' Haji Mohamad Shukri Mohamad (Dato' Kaya Perba)	Bebas Bukan Eksekutif	3/5
Dr. Aida Othman	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (Dilantik semula sebagai Pengerusi berkuat kuasa mulai 13 Mac 2024)	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pelantikan berkuat kuasa mulai 13 Mac 2024)	Bebas Bukan Eksekutif	-
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Ab. Majid* (*Meninggal dunia pada 17 Jun 2023)	Bebas Bukan Eksekutif	1/2

Komitmen SAC

PNB berusaha untuk mendukung prinsip Syariah dalam setiap aspek operasi dan aktiviti perniagaan melalui penambahbaikan berterusan keperluan pematuhan Syariah. Selepas memperoleh fatwa "Harus" daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan semua Majlis Fatwa Negeri untuk semua produk unit amanah pada tahun 2017, PNB terus memberi tumpuan kepada inisiatif Syariah yang lebih luas untuk memupuk landskap Pengurusan Syariah di PNB pada tahun 2023.

Pensijilan SAC

SAC dengan ini memperakui bahawa produk (seperti yang disenaraikan di bawah) yang diuruskan oleh ASNB, sebuah syarikat pengurusan dana unit amanah yang dimiliki sepenuhnya oleh PNB, adalah patuh Syariah dan semua keperluan patuh Syariah telah dilaksanakan mengikut kawalan pematuhan Syariah dalaman PNB yang diluluskan oleh SAC.

Dana Harga Tetap

Nama Dana
1 Amanah Saham Bumiputera ("ASB")
2 Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2")
3 Amanah Saham Bumiputera 3-Didik ("ASB 3 Didik")
4 Amanah Saham Malaysia ("ASM")
5 Amanah Saham Malaysia 2-Wawasan ("ASM 2 Wawasan")
6 Amanah Saham Malaysia 3 ("ASM 3")


Dana Harga Berubah

Nama Dana
1 Amanah Saham Nasional ("ASN")
2 ASN Equity 2
3 ASN Equity 3
4 ASN Equity 5
5 ASN Equity Global
6 ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1, ("ASN Imbang 1")
7 ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2, ("ASN Imbang 2")
8 ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global, ("ASN Imbang 3 Global")
9 ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1, ("ASN Sara 1")
10 ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2, ("ASN Sara 2")
11 ASN Sukuk*

* ASN Sukuk ialah Dana Islamik yang diselia oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bagi Tabung Patuh Syariah ASNB (ASNB SACF)

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Laporan suku tahunan dijana berdasarkan maklumat yang diberi dan didedahkan kepada ahli SAC pada setiap suku tahunan yang bertajuk "Status Kepatuhan Syariah Pelaburan PNB dan Dana Unit Amanah ASNB" semasa mesyuarat SAC yang diadakan pada tahun 2023 seperti berikut:




Inisiatif Syariah PNB 2023

Komitmen Berterusan terhadap Pelaburan Patuh Syariah Mengikut Metodologi Penyaringan Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Metodologi Penyaringan Maqasid Al-Syariah PNB

PNB berpegang teguh kepada pematuan prinsip Syariah dalam setiap aspek operasi kami dengan secara berterusan menghalusi usaha pematuan agar sejajar dengan piawaian kawal selia dan norma etika. Komitmen kami menjangkau hasil kewangan; kami berusaha untuk menjana pulangan yang mampan untuk pihak berkepentingan di samping mendukung piawaian integriti tertinggi, sekali gus memperkukuh keyakinan orang awam. Melalui proses yang teliti, PNB memastikan dana unit amanah PNB dan ASNB kekal patuh kepada Metodologi Penyaringan Sekuriti Patuh Syariah SC dan metodologi penyaringan Maqasid Al-Syariah yang telah diluluskan oleh SAC. Selanjutnya, semua dana telah diklasifikasikan sebagai "Harus" oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan semua Majlis Fatwa Negeri di Malaysia.

Dalam tahun yang ditinjau, portfolio pelaburan PNB telah berjaya mengekalkan status patuh Syariah:



Komitmen ini bukan sahaja meningkatkan reputasi kami sebagai entiti pelaburan yang dipercayai tetapi juga memupuk kestabilan dan pertumbuhan dalam pasaran modal Islam Malaysia, sejajar dengan misi kami untuk menyokong aspirasi beretika pelabur dan memupuk persekitaran yang kondusif untuk aktiviti kewangan patuh Syariah.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah PNB ("PNB SGF")

Pada tahun 2023, Pengurusan Syariah kekal komited terhadap memacu kejayaan pelaksanaan PNB SGF. Empat fungsi utama PNB SGF ialah:

Penyelidikan dan penasihat Syariah

Bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat Syariah.

Pematuan Syariah

Bertanggungjawab untuk pemantauan dan semakan pematuan Syariah bagi tujuan penilaian berterusan selaras dengan Manual Syariah PNB dan resolusi SAC PNB.

Pengurusan risiko Syariah

Bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang cekap dan berkesan.

Audit Syariah

Bertanggungjawab untuk pengauditan Syariah bagi tujuan penilaian berkala bebas dan asurans yang bersifat objektif terhadap tahap pematuan Syariah.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Pada tahun 2023, Jabatan Pengurusan Syariah menjalankan program SGF menyeluruh yang bertujuan untuk memberikan panduan dan kesedaran kepada kakitangan. Program ini memberi impak terhadap pelaksanaan SGF, termasuk:

1 Meningkatkan Pemahaman:

Kakitangan memperoleh pemahaman lebih mendalam mengenai PNB SGF merangkumi struktur, kawalan dan proses pelaporan dalam menguruskan risiko pematuhan Syariah.

2 Meningkatkan Amalan Beretika dan Syariah:

Program meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan mengenai kepentingan pematuhan Syariah dan komitmen organisasi terhadap amalan beretika dan patuh Syariah. Aktiviti perniagaan dijalankan selaras dengan resolusi SAC, Manual Syariah PNB/ASNB, dan prosedur operasi piawai (SOP) berkaitan.

3 Memperkukuh Pematuhan Syariah:

Pengenalan penilaian sendiri Syariah dalam aktiviti perniagaan Kumpulan PNB untuk mengenal pasti dan menangani potensi isu-isu pematuhan Syariah dalam operasi harian unit perniagaan, dengan itu meminimumkan risiko dan memastikan pematuhan kawal selia. Pemantauan ini dijalankan oleh wakil-wakil daripada jabatan berkaitan Pematuhan Syariah dan risiko Syariah. Laporan mengenai pemantauan ini dibentangkan kepada SAC bagi mendapatkan panduan dan nasihat.

4 Menubuhkan Pusat Rujukan Syariah:

Platform pengetahuan Syariah ditubuhkan di KHUB PNB sebagai pusat rujukan bagi kakitangan untuk mengakses maklumat terkini mengenai dokumen berkaitan Syariah.

Keterlibatan Korporat

Komitmen PNB terhadap keterlibatan pihak berkepentingan dibina berdasarkan pemahaman bahawa perkongsian pengetahuan, meluaskan pengalaman, dan mengamalkan minda untuk belajar akan membantu syarikat memahami keperluan komuniti pelabur Islam serta mengukur impak program kami dan seterusnya melakukan penambahbaikan yang diperlukan.

PNB terlibat secara aktif dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan kawal selia, institusi agama Negeri, agensi kerajaan, GLIC, dan institusi berkaitan lain, untuk mendalami pemahaman kami tentang keperluan pemegang kepentingan masing-masing bagi meningkatkan lagi produk patuh Syariah kami.

Antara sesi keterlibatan yang diadakan pada tahun 2023:

a Badan kawal selia dan institusi agama negeri:

1. Jabatan Mufti Selangor
2. Jabatan Mufti Perlis
3. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan
4. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ("JAKIM")
5. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP")
6. Majlis Agama Islam Negeri Johor ("MAIJ")
7. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu ("MAIDAM")
8. Majlis Agama Islam Melaka ("MAIM")
9. Majlis Ugama Islam Sabah ("MUIS")
10. Lembaga Zakat Negeri Kedah ("LZNK")
11. Lembaga Zakat Selangor ("LZS")
12. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ("JAWI")
13. Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("PPZ-MAIWP")
14. Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah
15. Wakaf Pulau Pinang

b Agensi kerajaan, GLIC, institusi kewangan dan persatuan lain:

1. Bank Negara Malaysia
2. Bank Islam Malaysia Berhad
3. Affin Islamic Bank Berhad
4. CIMB Islamic Bank Berhad
5. RHB Islamic Bank Berhad
6. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP")
7. Institut Kefahaman Islam Malaysia ("IKIM")
8. Lembaga Tabung Haji
9. Maybank Islamic Berhad
10. MBSB Bank Berhad
11. Kor Agama Angkatan Tentera ("KAGAT")
12. Waqaf An-Nur Corporation Berhad
13. Takaful Ikhlas Family Berhad

c Institusi pengajian tinggi:

1. Universiti Teknologi MARA ("UiTM")
2. Universiti Sains Islam Malaysia ("USIM")
3. Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM")
4. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM")
5. Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan, Universiti Malaysia Kelantan ("InsPeK UMK")
6. Waqaf, Endowment, Zakat, Khairat & Sadaqah Universiti Pendidikan Sultan Idris ("WEZAS UPSI")
7. Pendidikan Malaysia Mesir
8. Pendidikan Malaysia Jordan
9. Majlis Perundingan Mahasiswa Malaysia Mesir ("MP3M")
10. Majlis Perwakilan Mahasiswa Malaysia Jordan ("MPMMJ")
11. University of Jordan

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Menyantuni Masyarakat

1 Program Kesedaran Maqasid Al-Syariah

Program Kesedaran Maqasid Al-Syariah PNB ialah program celik pelaburan Syariah yang bertujuan untuk mendidik pihak berkepentingan antarabangsa mengenai pelaburan Syariah pintar dan Inisiatif Pelaburan Syariah PNB, serta memberi jaminan tentang status Syariah dana unit amanah ASNB.

Secara tradisinya tertumpu kepada khalayak domestik, PNB telah memperluaskan usahanya pada tahun 2023 untuk terlibat dengan pihak berkepentingan antarabangsa, bertujuan untuk meluaskan capaian inisiatif Syariah kami. Sepanjang tahun 2023, Jabatan Pengurusan Syariah berjaya menganjurkan lapan (8) Program Kesedaran Maqasid Al-Syariah, memberi manfaat kepada lebih kurang

**935 penerima
manfaat**

Bil.	Peserta	Bil. Peserta
1.	Kor Agama Angkatan Tentera ("KAGAT")	45
2.	Akademi Pengajian Islam Kontemporari ("ACIS"), UITM (Universiti Teknologi MARA) Shah Alam	300
3.	Persidangan Sistem Ekonomi Islam Antarabangsa ke-10 (IIECONS 2023)	150
Program Pelajar Antarabangsa Bicara Maqasid (Jordan & Mesir):		
4.	University of Jordan	80
5.	Mutah University, Jordan	80
6.	Yarmouk University, Jordan	80
7.	Al-Azhar University, Mesir	120
8.	Wisma Melaka Hayyu Sabiek, Mesir	80
Jumlah		935

2 Program Radio Bicara Maqasid

Pada tahun 2023, PNB melangkah ke hadapan untuk berhubung dengan orang ramai secara meluas bagi menyampaikan maklumat menerusi Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia ("IKIM"), Radio IKIM.

Sepanjang Ramadan, tiga episod bersiaran bertemakan "Ramadan dan Wakaf". Episod ini menampilkan dua orang hos dan seorang tetamu sama ada penceramah daripada PNB atau penceramah jemputan, membuktikan komitmen kami untuk terlibat dan memaklumkan para pendengar

mengenai kesedaran terhadap Wakaf serta mempromosikan produk Wakaf ASNB.

Setiap episod berdurasi 30 minit dan disiarkan secara langsung menerusi segmen "Warna Pagi" bermula jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi. Program ini menarik minat yang meluas dengan memperoleh seramai kira-kira 600,000 pendengar daripada kedua-dua sesi siaran langsung dan rakaman. Inisiatif ini menekankan dedikasi PNB untuk memupuk dialog, berkongsi kepakaran, dan memberikan pandangan berharga kepada pihak berkepentingan kami.

**Program ini menarik
minat yang meluas
dengan memperoleh
seramai kira-kira
600,000
pendengar
daripada kedua-dua
sesi siaran langsung
dan rakaman**

Perkongasian Strategik

PNB berdedikasi untuk memajukan pencapaian penting melalui pelaksanaan pelbagai langkah Syariah yang secara strategik bertujuan mengukuhkan pematuhan Syariah yang komprehensif, dan pada masa yang sama, menyokong industri pelaburan Islam dan kewangan sosial Islam di Malaysia. Selaras dengan objektif ini, syarikat tetap komited untuk melibatkan diri secara meluas dengan golongan pihak berkepentingan, memastikan keterangkuman pada pelbagai peringkat. Kerjasama kami menekankan dedikasi kami terhadap keterangkuman dan kesan sosial melalui:

1 Muzakarah Sekretariat Syariah GLIC 2023

Objektif Sekretariat Syariah GLIC adalah untuk mewujudkan platform kerjasama Syariah dalam kalangan GLIC untuk membincangkan dan menangani isu dan cabaran pelaburan patuh Syariah pada peringkat domestik dan antarabangsa, serta mewujudkan rangkaian yang berkesan antara GLIC di Malaysia. Sekretariat ini terdiri daripada PNB, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan Lembaga Tabung Haji ("LTH").

Pada tahun 2023, sekretariat ini berjaya menjadi tuan rumah Muzakarah Sekretariat Syariah GLIC 2023 yang sulung pada 2 November 2023 di Espira Kinrara, Puchong. Acara tertutup bertemakan "Mendepani Cabaran Pengurusan Zakat Korporat" ini menerima penyertaan yang menggalakkan daripada wakil-wakil GLIC.

Penganjuran acara ini sejajar dengan komitmen PNB untuk menyokong usaha mempertingkatkan kualiti hidup komuniti asnaf dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan zakat korporat.

Penyata Soroton

Tadbir Urus Korporat

2 Memorandum Persefahaman

i) RHB Islamic Bank Berhad

Kerjasama yang saling menguntungkan, yang akan sah untuk tempoh lima (5) tahun, bertujuan untuk memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti asnaf di Malaysia. Kerjasama ini akan melibatkan usaha bersama untuk menyumbang kepada modal sosial Islam melalui sumbangan zakat. Selain itu, skop MoU meliputi penganjuran inisiatif mendekati asnaf yang disesuaikan dengan keperluan mereka, memupuk penglibatan dan sokongan komuniti.

Melalui usaha bersepadu ini, PNB dan RHB Islamic berhasrat untuk memberi impak yang bermakna dan berkekalan kepada kehidupan golongan asnaf, meningkatkan prospek sosio-ekonomi mereka dan memupuk keterangkuman dalam kalangan masyarakat.

Projek pertama di bawah MoU itu merupakan pendanaan semai bagi Projek Ternakan Ayam Kampung Kacuk ("PTAKK"), program keusahawanan penternakan ayam untuk memupuk pertumbuhan ekonomi mampan dalam komuniti sasaran di Kelantan.

Diuruskan oleh Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan, program ini meliputi pembangunan ladang, pemasaran produk, pementoran dan pemantauan.

Program ini memberi impak kepada **260 penerima manfaat** merentas pelbagai kumpulan secara langsung dan tidak langsung.

ii) Institut Kefahaman Islam Malaysia

Memorandum Persefahaman ("MoU") antara Institut Kefahaman Islam Malaysia ("IKIM") dan PNB dimeterai pada 13 Oktober 2023 dan sah untuk tempoh tiga (3) tahun. Perjanjian itu bertujuan memupuk kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua entiti dalam pelbagai bidang untuk manfaat bersama.

MoU ini menekankan komitmen PNB dan IKIM dalam pengurusan pelbagai program, antaranya:

Latihan dan ceramah profesional;

Aktiviti penyelidikan bersama;

Penghasilan buku atau sebarang jenis penerbitan berasaskan aktiviti bersama;

Pertukaran penerbitan, laporan, bahan, maklumat akademik lain; dan

Berkongsi aktiviti dan program lain dalam bidang kepentingan bersama yang membawa manfaat kepada kedua-dua pihak.

iii) Universiti Teknologi MARA ("UiTM")

Susulan MoU yang telah ditandatangani dengan UiTM pada tahun 2020, PNB meneruskan komitmennya pada 2023 dengan menjalankan program-program berikut:

1 Program kesedaran Maqasid Al-Shariah kepada pelajar UiTM di seluruh negara

2 Karnival Pemantapan Syariah dan Ukhuwwah ACIS-PNB (KaPSU 2023)

Kerjasama ini mencerminkan komitmen PNB yang tidak berbelah bahagi untuk mempromosikan pendidikan kewangan Islam, memupuk penglibatan masyarakat, dan memartabatkan prinsip-prinsip Syariah dalam operasinya. Dengan kejayaan program-program ini, kami secara rasmi memuktamadkan MoU dengan UiTM pada tahun 2023.

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

3 Tajaan untuk Memperkukuh Pengajian Islam Kontemporari/Sezaman

Selaras dengan dedikasi PNB yang tidak berbelah bahagi kepada prinsip-prinsip Syariah dan komitmen kami untuk memupuk kemajuan industri kewangan Islam, bersama-sama dengan Kewangan Sosial Islam di Malaysia, penajaan syarikat digariskan seperti berikut:

Program	Deskripsi
<p>1 Persidangan Sistem Ekonomi Islam Antarabangsa ke-10 ("i-ECONS")</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia ("USIM") 	<p>Persidangan dwi-tahun itu berfungsi sebagai platform antarabangsa untuk perbincangan dan perkongsian ilmu, menangani isu dan cabaran ekonomi dan muamalat kontemporari dengan tema menyeluruh iaitu "Pembangunan Mampaan melalui Transformasi Ekonomi Inovatif."</p>
<p>2 Muzakarah Zakat Nusantara 2023</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor ("LZS") dan Universiti Sains Islam Malaysia ("USIM") 	<p>Persidangan kali ini memfokus pada penerokaan pelbagai kajian berkaitan dengan fatwa zakat dan pendekatan moden kepada dakwah, bersesuaian dengan konteks masa kini. Ia termasuk pembentangan mengenai pengurusan zakat, merangkumi pembangunan fatwa zakat, kaedah dakwah praktikal, dan perbincangan yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman zakat bagi memenuhi keperluan ummah pada masa hadapan. Ketua Pengurusan Syariah PNB adalah antara yang menyampaikan ceramah dengan bertajuk "Penggunaan Dana Zakat PNB bagi Pembangunan Skim Mikrotakaful".</p>
<p>3 "Projek Infak Back to School"</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ("JAKIM") 	<p>Inisiatif ini diterajui oleh JAKIM dan disusuli oleh entiti terkemuka termasuk YaPEIM, Etiqa Takaful, PETRONAS, Bank Islam, Bank Muamalat, dan PNB, bertujuan untuk memberikan sokongan kepada individu yang menghadapi cabaran hidup, dengan tumpuan khusus kepada pelajar. Selaras dengan visi "Membangun Malaysia Madani", usaha kolaboratif ini telah berjaya membantu seramai 1,476 pelajar B40 yang kurang berkemampuan untuk membeli kelengkapan sekolah yang penting.</p>
<p>4 "Sambutan Bulan Wakaf Wanita UKM"</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dianjurkan oleh Yayasan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM") 	<p>Program wakaf khas selama sebulan bertujuan mempromosikan produk Wakaf ASNB PNB dengan menonjolkan peranan penting wanita sebagai pemangkin utama kemajuan negara. Penglibatan PNB menjadi model bagi memperkukuh wakaf di Malaysia.</p>
<p>5 "Karnival Pemantapan Syariah dan Ukhuwah ACIS-PNB (KaPSU 2023)"</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari ("ACIS"), Universiti Teknologi MARA ("UiTM") 	<p>Kerjasama antara ACIS UiTM Shah Alam dan PNB, bertujuan memupuk penglibatan komuniti dan kepatuhan kepada kehidupan yang soleh.</p>

Penyata Soroton Tadbir Urus Korporat

Prinsip C

Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Baik dengan Pihak Berkepentingan

Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan untuk memastikan pihak berkepentingan kami dimaklumkan dan dikemas kini mengenai perkembangan Kumpulan. PNB mendedahkan pengemaskinian berkala mengenai aktiviti pelaburan, termasuk keseluruhan perumpukan aset, aset di bawah pengurusan, pendapatan proforma yang digabungkan serentak, dan perkembangan berkaitan pelaksanaan Pelan Strategiknya. Melalui laman web rasmi di www.pnb.com.my, orang ramai juga boleh mengakses maklumat terkini mengenai PNB. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, PNB telah mula berkongsi berita dan perkembangan terkini melalui saluran media sosial, iaitu, Instagram, YouTube, Facebook, dan LinkedIn, untuk menjangkau segmen masyarakat yang berbeza.

Mengekalkan dialog terbuka dan membina dengan pihak berkepentingan adalah penting untuk perniagaan. Ini adalah cara kami memahami jangkaan komuniti, mengenal pasti isu, dan mencari peluang untuk berkhidmat kepada pemegang unit dan membantu komuniti kami maju dan membangun. Pendekatan kami terhadap keterlibatan pihak berkepentingan dinyatakan di bawah. Dalam semua interaksi dengan pihak berkepentingan, kami komited untuk menghormati, responsif, bersifat terbuka dan benar dalam keterlibatan kami mengenai isu-isu kepentingan bersama. Pihak berkepentingan utama kami termasuk:



Berhubung dengan banyak dan pelbagai pihak berkepentingan adalah bahagian penting dalam strategi kami. Mengekalkan dialog terbuka dan membina dengan pihak berkepentingan membantu kami mengenal pasti isu-isu yang timbul, menyumbang kepada pengurusan risiko, dan membolehkan kami mencari peluang untuk meningkatkan prestasi kami. Ia juga membantu kami memahami jangkaan komuniti dan meneroka peluang untuk bekerjasama dengan rakan kongsi kami dalam isu-isu kepentingan bersama.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Gambaran Keseluruhan

Risiko global yang dikenal pasti pada tahun 2022 terus memberi impak yang ketara terhadap transformasi ekonomi dan teknologi sepanjang tahun 2023. Berlatarbelakangkan kelembapan pertumbuhan ekonomi global, ketegangan geopolitik yang berterusan, dan dasar monetari yang berhati-hati bertujuan untuk mengurangkan tekanan inflasi, cabaran ini membayangi ekonomi domestik, termasuk PNB. Namun begitu, ekonomi Malaysia dan pasaran saham menunjukkan ketahanan didorong oleh pelbagai rancangan yang dirumuskan oleh kerajaan, kadar pengangguran yang rendah dan stabil, dan potensi menarik pelaburan langsung asing yang merupakan penerima faedah "Plus One".

Walaupun terdapat pendedahan risiko, PNB kekal berwaspada melalui pelaksanaan amalan Pengurusan Risiko Perusahaan ("ERM") yang teguh di seluruh organisasi. Pendekatan ini mewujudkan persekitaran kawalan yang berdaya tahan yang dilengkapi dengan sistem dan proses penilaian risiko yang sesuai untuk menguruskan risiko dengan berkesan selaras dengan garis panduan utama dan relevan, keperluan pengawalseliaan, dan amalan terbaik industri.

Pengurusan Risiko di PNB

Kebebasan fungsi pengurusan risiko dan penjajaran yang rapat dengan perniagaan memastikan pengawasan risiko yang konsisten dan berkesan melalui elemen risiko asas berikut:




Elemen risiko asas

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Risiko

Rangka Kerja ERM menyediakan pendekatan berstruktur untuk mengenal pasti, menilai, memantau, dan mengurus risiko dalam Kumpulan PNB. Ini berfungsi sebagai langkah untuk PNB mengoptimimumkan pulangan ke atas aktiviti pengambilan risiko selaras dengan selera risiko PNB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.




Objektif utama penubuhan rangka kerja ERM yang berstruktur dan bersepadu digariskan seperti berikut:

- Mengenal pasti, menganalisis dan memahami setiap risiko matan di semua peringkat Kumpulan;
- Memastikan risiko diuruskan selaras dengan kesanggupan mengambil risiko PNB;
- Memasukkan pengurusan risiko dalam membuat keputusan harian;
- Memastikan strategi, dasar, kawalan operasi yang berkesan, dan mitigasi lain disediakan dan beroperasi dengan berkesan; dan
- Memudahkan budaya risiko proaktif.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tadbir Urus & Pengawasan Risiko

PNB menggunakan Model Tiga Barisan Pertahanan dengan struktur tadbir urus yang formal dan berkesan. Struktur ini menggalakkan pandangan risiko yang seragam di seluruh PNB dengan memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang konsisten dan berkesan di seluruh organisasi dengan keterlibatan Lembaga dan Pengurusan Kanan. Sempadan tanggungjawab dan akauntabiliti dilakar dengan jelas sebagai penanda bagi mengasingkan antara tiga baris mendorong perbincangan risiko yang konstruktif di pelbagai peringkat dan memastikan penjarangan dengan objektif strategik PNB.



Model Tiga Barisan Pertahanan Kumpulan PNB

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unit. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan objektif dan dasar pengurusan risiko serta menetapkan nada untuk budaya pengurusan risiko yang baik, menekankan kepentingan fungsi pengurusan risiko berdaya tahan yang berpengaruh dan dihormati. Lembaga Pengarah sentiasa memastikan sistem pengurusan risiko dalam Kumpulan adalah cukup teguh dan tangkas untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran perniagaan yang berubah dan menyokong PNB dalam mencapai objektifnya.

Untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan risiko dan kawalannya dengan berkesan, Lembaga Pengarah telah menubuh dan menyerahkan tanggungjawab kepada RMC, yang merangkumi pengawasan rangka kerja ERM PNB. RMC bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah dengan menyelia dan meluluskan pembangunan berterusan, penyelenggaraan dan pelaksanaan rangka kerja, dasar, dan aktiviti pengurusan risiko yang bersepadu. Di samping itu, RMC diberikan tanggungjawab untuk menilai, mengenal pasti, mengukur dan memantau pendedahan risiko keseluruhan Kumpulan, dan memastikan bahawa strategi yang mencukupi ditetapkan dan dilaksanakan untuk menguruskan risiko yang dikenal pasti dengan berkesan.

Komposisi dan Kehadiran RMC

RMC hendaklah terdiri daripada maksimum lima (5) dan minimum tiga (3) ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB, kesemuanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif, dengan nisbah minimum Pengarah Bebas ditetapkan pada satu pertiga daripada Jawatankuasa.

Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang dirasakan perlu dan/atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah, tetapi tidak kurang daripada empat (4) kali setahun, setiap satu daripadanya hendaklah diadakan sebelum mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa.

Pada masa ini, RMC terdiri daripada empat (4) ahli, kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun dalam kajian. Komposisi RMC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Datuk Mohd. Anwar Yahya	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Datin Norazah Mohamed Razali	Bebas Bukan Eksekutif	5/5

Tanggungjawab Pengurusan

Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko ("RMSC") ialah Jawatankuasa Pengurusan yang dipimpin oleh PGCE. RMSC bertanggungjawab untuk menyokong, menyelaras, dan memantau semua program pengurusan risiko Kumpulan, seperti yang dipertanggungjawabkan oleh RMC.

RMSC membantu RMC untuk melaksanakan tanggungjawab utamanya untuk mengenal pasti risiko utama dan melaksanakan sistem dan proses penilaian risiko yang sesuai untuk mengurus isu risiko yang boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif perniagaan Kumpulan.

RMSC juga akan memajukan sebarang cadangan kepada Lembaga Pengarah, melalui RMC, bagi semua perkara yang berkaitan aktiviti pengurusan risiko di bawah bidang kuasanya atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

RMSC turut dibantu oleh Jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko yang ditubuhkan dalam kalangan peringkat kumpulan kerja untuk memupuk kerjasama dalam mengenal pasti, membincangkan dan/atau menilai perkara berkaitan risiko dan untuk menyediakan penyelesaian merentas jabatan atau unit perniagaan. Ini adalah untuk meningkatkan penyepaduan dan menggalakkan pendekatan pengurusan risiko yang bersepadu bagi pemantauan dan komunikasi yang berkesan.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Selera Risiko & Petunjuk Risiko Utama

Selera risiko merupakan komponen asas Rangka Kerja ERM PNB yang komprehensif yang didorong oleh kepimpinan Lembaga Pengarah atas ke bawah dan penglibatan aktif Pengurusan di semua peringkat. Ia menetapkan toleransi risiko dan jenis risiko yang sedia ditanggung oleh PNB dan menterjemahkannya ke dalam had yang boleh diukur yang membolehkan PNB mengemudi landskap risiko dalam mencapai objektif strategik dan perniagaannya. Selera risiko adalah dinamik dan boleh disesuaikan dengan perubahan dalaman dan luaran seperti keadaan pasaran yang berubah, keperluan perniagaan yang berkembang dan jangkaan pihak berkepentingan yang pelbagai. Ia diterapkan ke dalam struktur pengurusan risiko PNB dan disepadukan ke dalam perancangan strategik perniagaan, objektif, operasi dan keputusan harian di seluruh PNB.

Melengkapkan usaha ini, Petunjuk Risiko Utama ("KRI") digunakan oleh Pengurusan sebagai alat untuk memantau dan menangani perubahan dalam pendedahan risiko utama dari semasa ke semasa. Ia memberikan pandangan mengenai pendedahan risiko operasi perniagaan, menyoroti kelemahan operasi dan kawalan dengan menjejaki pemacu utama yang berkaitan dengan risiko utama. KRI berfungsi sebagai isyarat awal, memberi amaran kepada Pengurusan tentang potensi risiko dan isu kawalan yang mungkin timbul dalam persekitaran perniagaan semasa.

Risiko utama di PNB dipantau melalui papan pemuka KRI Perusahaan dan Jabatan. Risiko utama yang mungkin menimbulkan kebimbangan atau isu serius secara berkala dibentangkan kepada RMSC dan RMC oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

Amalan & Proses Pengurusan Risiko

Amalan Risiko

Rangka kerja ini menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh melalui pelaksanaan sistem yang sesuai dan proses penilaian risiko untuk mengurus risiko selaras dengan garis panduan utama dan berkaitan seperti berikut:


- Organisasi Piawaian Antarabangsa (ISO) 31000:2018 Pengurusan Risiko;
- Organisasi Piawaian Antarabangsa (ISO) 22301:2012 untuk Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ; dan
- Garis Panduan mengenai Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Rangka kerja dan sub-komponennya sentiasa disemak, dipertingkatkan dan disampaikan kepada semua peringkat untuk membina daya tahan perniagaan dan operasi selaras dengan objektif perniagaan, amalan terbaik industri dan garis panduan kawal selia.

Proses Risiko

Amalan dan proses pengurusan risiko membolehkan pengenalpastian, penilaian, pemantauan, dan pelaporan pendedahan risiko secara sistematik merentas Kumpulan.


Elemen utama ERM yang berkesan adalah seperti berikut:



Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pelaporan Risiko & Laluan Pengemukaan

PNB mengguna pakai pendekatan berstruktur dan konsisten terhadap pemantauan dan pelaporan risiko Kumpulan PNB, untuk memastikan pengurusan yang berkesan dan memberi asurans kepada Lembaga Pengarah bahawa semua risiko diuruskan dengan berkesan. Pelaporan risiko membolehkan badan pengawasan risiko memahami, mencabar dan akhirnya membuat keputusan berdasarkan maklumat mengenai isu risiko matan Kumpulan.



Pengurusan risiko dan proses pelaporan

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



Pemarkahan Risiko

Kemungkinan Berlaku	Hampir Pasti	S	S	H	H	H
	Berkemungkinan	M	S	S	H	H
	Boleh Berlaku	L	M	S	H	H
	Tidak Berkemungkinan	L	L	M	S	H
	Jarang	L	L	M	S	S
		Tidak Signifikan	Sedikit	Sederhana	Besar	Sangat Bahaya

Penilaian Risiko Residual

- Tinggi (H)
- Signifikan (S)
- Sederhana (M)
- Rendah (L)

Akibat



Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Ketahanan & Kesediaan

Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan Risiko Operasi ("ORM") menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau, dan menguruskan risiko operasi dalam PNB. Bersandarkan latar belakang ini, rangka kerja ORM menyumbang kepada pengurusan hasil prestasi dan menyokong proses membuat keputusan perniagaan. ORM mengukur dan mengurangkan risiko kerugian daripada kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa luaran. Kerugian operasi ialah kerugian kewangan sebenar yang timbul daripada risiko operasi.

PNB menggunakan ORM dengan objektif berikut:

- Untuk menguruskan risiko operasi selari dengan selera risiko PNB;
- Untuk memacu penambahbaikan perniagaan melalui pengurusan risiko operasi yang berkesan; dan
- Untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan keupayaan PNB untuk mencapai objektif perniagaan.

ORM merangkumi bidang berikut:

Pengurusan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko yang disebabkan oleh kakitangan yang tidak mencukupi, proses pengambilan, ganjaran dan penilaian, latihan dan pembangunan, budaya motivasi dan dasar sosial yang tidak menyeluruh.
Pengurusan Risiko Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko yang timbul daripada kegagalan teknologi atau pencerobohan siber sistem IT, aplikasi, platform atau infrastruktur, yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan dalam perkhidmatan atau operasi, atau kemudatan reputasi.
Pengurusan Risiko Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Kesan ketidakpastian ke atas objektif projek, yang berkaitan dengan pelaksanaan, pengurusan, dan penyampaian. • Ini boleh merangkumi kedua-dua risiko, buruk (berpotensi kerugian atau kesan buruk) dan baik (berpotensi untuk keuntungan).
Pengurusan Risiko Penyumberan Luar & Vendor	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko penyumberan luar yang timbul daripada pembekal yang tidak berpengalaman atau vendor yang tidak mencapai prestasi.
Pengurusan Risiko Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan fizikal: kawalan akses fizikal – menghalang, mengesan, melengahkan dan bertindak balas terhadap pelanggaran. • Keselamatan manusia: keselamatan kakitangan, peribadi dan tingkah laku manusia. • Keselamatan maklumat: perlindungan, pengelasan & pengendalian maklumat.
Pengurusan & Pematuhan Integriti	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, kerugian kewangan atau kerosakan reputasi kepada PNB yang timbul daripada kegagalan untuk menggunakan piawaian kawal selia yang dijangkakan termasuk undang-undang & peraturan, kawal selia dan kod amalan.
Pengurusan Jenayah Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penipuan – sebarang tingkah laku tidak jujur untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil (kewangan atau sebaliknya). • Pencegahan Pengubahan Wang Haram – untuk mengenal pasti, mengurus dan mengurangkan risiko pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan yang mungkin dihadapi oleh organisasi melalui penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan.
Keselamatan & Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko kecederaan atau kemudatan di tempat kerja, termasuk bahan kimia disebabkan ketiadaan langkah keselamatan dan kesihatan atau yang tidak mencukupi.
Pengurusan Kesinambungan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa risiko berlaku akibat gangguan perniagaan, kegagalan sistem dan <i>force majeure</i>: <ul style="list-style-type: none"> - Risiko kehilangan peluang perniagaan akibat kegagalan memenuhi Objektif Masa Pemulihan ("RTO"). - Kehilangan atau kerosakan data/dokumen/premis. - Kegagalan sistem IT, penutupan perniagaan disebabkan oleh sumber luaran (pandemik, <i>force majeure</i>, dll).

Bidang Pengoperasian Pengurusan Risiko

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pengurusan Insiden

Risiko operasi atau peristiwa pematuhan akibat daripada kegagalan proses dalaman, individu, sistem atau peristiwa luaran yang berpotensi menyebabkan kesan kewangan, reputasi atau kawal selia ke atas PNB ditakrifkan sebagai "insiden". Ini termasuk peristiwa hampir berlaku yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan.

Pengurusan Insiden PNB menggariskan proses untuk mengenal pasti, melaporkan dan mengurus insiden dalam PNB dengan tujuan untuk:


- meminimumkan kesan, pendedahan kepada kerugian dan gangguan disebabkan oleh insiden-insiden; dan
- memastikan komunikasi dan penglibatan yang komprehensif dalam kalangan semua pihak kepentingan dalam menyelesaikan insiden seperti itu.

Proses Pengurusan Insiden disepadukan dengan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ("BCM") PNB. Berdasarkan tahap ketenatan, sebarang insiden akan segera dikemukakan kepada jawatankuasa pengurusan masing-masing, dan Pasukan Pengurusan Krisis akan digerakkan jika perlu, untuk menyelaraskan respons strategik bagi mengurangkan kerugian dan meminimumkan gangguan dalam operasi perniagaan.

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

PNB terus memperkukuh daya tahan operasinya untuk meningkatkan kebolehsesuaian, keselarasan dan keberkesanan sebagai sebahagian daripada langkah pencegahan untuk mengurangkan gangguan dalam perniagaan berpandukan Program BCM PNB.

Program ini bertujuan untuk melindungi kesejahteraan semua kakitangan, memastikan kelangsungan operasi perniagaan di samping melindungi reputasi dan imej PNB. Program ini menjalani kajian berkala, ujian, dan kemas kini untuk memperkukuh keupayaan PNB untuk bertindak balas, pulih, dan meneruskan fungsi perniagaan kritikal semasa insiden gangguan. Antara inisiatif utama termasuk menjalankan latihan simulasi siber, ujian pemulihan bencana maya, dan mengambil bahagian dalam latihan *Cyber Drill* yang dipermudah oleh SC. Aktiviti dan inisiatif ini meningkatkan kesedaran dan kesediaan kami, memupuk koordinasi yang lebih baik dalam usaha tindak balas dan pemulihan untuk mengurangkan gangguan dengan berkesan.



Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Pengurusan Risiko Reputasi

Persepsi negatif mengenai amalan perniagaan, perlakuan atau prestasi kewangan PNB yang timbul daripada satu atau lebih peristiwa mungkin mempengaruhi keyakinan pemegang unit dan pelbagai pihak berkepentingan yang lain dalam Kumpulan. Ini mungkin menimbulkan risiko reputasi yang menjejaskan atau mencemarkan reputasi PNB. Di bawah Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi, bidang utama risiko reputasi untuk Kumpulan diwakili oleh pemacu risiko reputasi masing-masing, yang diukur dan dipantau dalam pengurusan risiko reputasi.

Budaya Risiko

Budaya risiko memainkan peranan penting dalam pelaksanaan strategi pengurusan risiko memandangkan ia banyak mempengaruhi proses membuat keputusan dan membentuk pendekatan untuk mengenal pasti, memahami, membincang dan mengurangkan risiko.

PNB sentiasa berusaha untuk mengukuhkan budaya risikonya ke arah memupuk budaya pintar risiko yang antaranya memastikan pengemukaan pantas, pengesanan dan pengurusan risiko yang berkesan di peringkat perusahaan. Sejalan dengan komitmen ini, pelbagai usaha dilakukan untuk memupuk budaya peka risiko dengan nilai, prinsip, minda, tingkah laku, dan sikap terhadap pengurusan risiko diterapkan di seluruh organisasi.

Rangka Kerja Budaya Risiko ("RCF") menggariskan bidang tumpuan utama untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti fungsi risiko di seluruh organisasi. Dengan menyemai budaya bahawa setiap individu bertanggungjawab dalam memastikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam amalan pengurusan risiko, RCF menggalakkan kerjasama antara Barisan Pertahanan Pertama dan Kedua untuk memastikan penyelarasan yang lancar dan pemantauan risiko yang berkesan.

Dengan alat, struktur, platform dan program keterlibatan dan pendidikan yang sesuai, RCF bertujuan untuk meningkatkan tahap kematangan budaya risiko dalam organisasi.

PERINGKAT KEMATANGAN BUDAYA RISIKO	Kesedaran Kebudayaan	Perubahan Budaya	Pemurnian Budaya
	▶ Kesedaran & Pengalaman	▶ Menerapkan, Mengguna pakai & Bertindak	▶ Memantau & Menilai
Bengkel/Program Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Taksonomi kosa kata lazim Penekanan peranan & tanggungjawab 	<ul style="list-style-type: none"> Penerapan Pengurusan Risiko sebagai sebahagian Petunjuk Prestasi Utama 	<ul style="list-style-type: none"> Menjejaki kemajuan Program Budaya Risiko
Minggu Tadbir Urus PNB	<ul style="list-style-type: none"> Program latihan & sesi keterlibatan 	<ul style="list-style-type: none"> Pendigitalan sistem pengurusan risiko berpusat 	<ul style="list-style-type: none"> Menilai keberkesanan program budaya risiko/ aktiviti (kisah kejayaan/ pengajaran)
Tinjauan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> Lantikan Baharu Wakil Risiko & Pasukan Risiko Program lapor diri 	<ul style="list-style-type: none"> Penjajaran dan penerapan Nilai PNB ke dalam Budaya Risiko PNB 	<ul style="list-style-type: none"> Menilai semula dan mengenal pasti jurang dalam Rangka Kerja Budaya Risiko
Sesi Keterlibatan	<ul style="list-style-type: none"> Platform komunikasi 	<ul style="list-style-type: none"> Program Budaya Risiko yang konsisten dan berstruktur di seluruh organisasi 	
Hebahan Pengetahuan Bermaklumat			
Ujian Risiko dan Latihan			

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Fungsi Audit Dalaman

Ketua Asurans Dalaman Kumpulan merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA") dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia ("IIAM"). Beliau juga merupakan jemputan tetap kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah PNB, Jawatankuasa Pematuhan Pengurusan, Jawatankuasa Teknologi, Jawatankuasa Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("OSHA"), Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan Jawatankuasa Pemberi Maklumat di PNB.

Selain itu, Jabatan Asurans Dalaman ("IAD") adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan lain dalam Kumpulan PNB. Anggota audit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka. Komitmen ini ditunjukkan dengan pendedahan pernyataan kebebasan dalam kedua-dua memorandum perancangan audit dan laporan audit, mengesahkan bahawa juruaudit yang ditugaskan tidak mempunyai konflik profesional atau peribadi yang boleh mempengaruhi hasil penglibatan audit.

Ketua Kumpulan Asurans Dalaman melaporkan secara fungsional kepada Jawatankuasa Audit ("AC") Lembaga Pengarah PNB dan secara pentadbiran kepada PGCE.

IAD membantu Kumpulan mencapai objektif dengan menggunakan pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman, antirasuah, pemberi maklumat dan proses tadbir urus.

Tanggungjawab utama IAD adalah untuk menyediakan asurans bebas, munasabah, dan objektif, serta perkhidmatan perundingan yang direka untuk menambah nilai dan meningkatkan kecekapan operasi dan kawalan dalaman Kumpulan PNB. Di samping itu, IAD menjalankan penyiasatan, semakan khas atau *ad-hoc* atau penilaian ke atas kawalan dalaman apabila diminta oleh Pengurusan dan/atau AC.

Skop liputan IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan PNB, termasuk anak-anak syarikatnya.

IAD menyediakan Audit Kualiti Dalaman ("IQA") yang memberikan penilaian bebas dan asurans kepada entiti yang disahkan dalam Kumpulan PNB, dengan tujuan meningkatkan tahap kepatuhan terhadap dokumentasi dan keperluan Piawaian Organisasi Antarabangsa untuk Standardisasi ("ISO") yang berkaitan.

Sehingga 31 Disember 2023, IAD mempunyai jumlah kekuatan staf seramai 33 individu daripada pelbagai latar belakang dan kelayakan.

Piawaian Amalan

Proses dan aktiviti IAD adalah berpandukan garis panduan pengawalseliaan yang relevan, Piagam Audit Dalaman, Kod Etika Perniagaan Kumpulan PNB ("CoBE") dan panduan mandatori serta disarankan yang digariskan dalam Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa ("IPPF") oleh Institut Juruaudit Dalaman ("IIA"), yang termasuk Kod Etika dan Piawaian IIA. Selain itu, IAD adalah ahli korporat IIAM.

Untuk Audit Kualiti Dalaman, amalan ini mematuhi perkara berikut:

- (a) Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015;
- (b) MS 1900:2014 Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah; dan
- (c) Sistem Pengurusan Antisogokan ("ABMS") ISO 37001:2016.

Pelan Audit Tahunan

IAD menjalankan aktivitinya berdasarkan pelan audit tahunan berasaskan risiko yang diluluskan oleh AC. Pelan berasaskan risiko yang tangkas ini menjalani penilaian berterusan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan risiko dan indikator utama yang ketara serta mungkin memberi kesan terhadap operasi Kumpulan PNB. Dalam merumuskan pelan ini, IAD secara aktif berunding dengan Pengurusan Kanan dan juruaudit luar, mendapatkan input mereka untuk memastikan pemahaman menyeluruh tentang keperluan dan risiko organisasi, dengan itu menyelaraskan usaha dengan objektif strategik.

Memaklumkan Hasil

Penemuan IAD dan respons Pengurusan dibentangkan kepada AC untuk memastikan Pengurusan melaksanakan tindakan pembaikan yang dipersetujui. Sebelum dibentangkan kepada AC, penemuan tersebut dibincangkan di peringkat Pengurusan Kanan dan pelan tindakan disediakan untuk melengkapkan tindakan pencegahan dan pembetulan yang diperlukan. Seterusnya, IAD menjalankan tindakan susulan ke atas jabatan atau unit perniagaan yang berkenaan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan yang diperlukan dilaksanakan untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Program Peningkatan Asurans Kualiti

IAD telah menubuhkan Program Asurans Kualiti dan Penambahbaikan berstruktur ("QAIP") yang mempunyai penekanan terhadap keberkesanan dan kecekapan proses audit. QAIP ini secara konsisten digunakan untuk menilai proses audit IAD terhadap Piawaian Antarabangsa yang diumumkan oleh IIA. Secara dalaman, penilaian tahunan dijalankan, dan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun, penilaian luaran oleh penilai bebas yang berkecuali dijalankan, dengan penilaian terkini dijalankan pada tahun 2021. Hasil daripada penilaian dalaman dan luaran dibentangkan kepada AC untuk dikaji dan dipertimbangkan.

Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Prosedur Operasi Standard

Prosedur Operasi Standard ("SOP") dibangunkan untuk meraih kecekapan, output berkualiti, dan prestasi yang standard, pada masa yang sama mengurangkan ketidakpatuhan kepada keperluan kawal selia. SOP memberikan arahan dan garis panduan untuk kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan tepat dan konsisten untuk mencapai hasil akhir dengan kualiti yang diinginkan dan merupakan elemen terpenting dalam sistem kawalan dalaman PNB.

Dengan menggabungkan pendekatan berasaskan risiko seperti yang dikehendaki dalam ISO 9001:2015, SOP peringkat jabatan yang diwujudkan oleh PNB adalah selaras dengan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan telah memenuhi keperluan prasyarat ke arah tadbir urus korporat yang baik untuk semua jabatan. SOP berasaskan risiko ini membantu kakitangan untuk menjadi lebih peka dan prihatin terhadap risiko yang berkaitan dengan tugas mereka.

Penambahbaikan SOP sedia ada dan pembentukan SOP baharu juga adalah elemen penting dalam projek penambahbaikan proses, dengan SOP ini membentuk asas penyerahan yang berjaya kepada pemilik perniagaan pada pengakhiran setiap projek. PNB juga telah menubuhkan Repositori Dokumen elektronik untuk semua SOP melalui Knowledge Hub, pusat sehati untuk maklumat PNB. Ini adalah untuk memastikan agar sumber SOP terkini dan ia dilindungi dengan secukupnya, dan dapat diakses serta difahami dan dilaksanakan oleh anggota kakitangan PNB.

Asurans daripada PGCE dan GCFO Mengenai Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah telah diberikan asurans oleh PGCE dan GCFO bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat beroperasi dengan secukupnya dan berkesan dalam semua aspek matan bagi tahun kewangan dalam kajian.

Melestarikan Nilai Kewangan

Penyata Kewangan Proforma Lima Tahun Kumpulan PNB yang
Digabungkan Serentak 176

Laporan Juruaudit Bebas 177

Dana Unit Amanah 179



Penyata Kewangan Proforma Lima Tahun

Kumpulan PNB yang Digabungkan Serentak

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember

	2019 RM juta	2020 RM juta	2021 RM juta	2022 RM juta	2023 RM juta
Pendapatan Kasar ¹	15,121	14,451	18,309	14,530	16,423
Pendapatan Bersih ¹	10,732	11,018	11,785	10,382	13,036
Jumlah Aset ²	312,005	322,642	336,684	341,609	337,001
Pulangan ke atas Aset ³	3.5%	3.5%	3.6%	3.1%	3.9%

Nota:

1. Angka pendapatan berdasarkan proforma pendapatan kasar agregat dan pendapatan bersih masing-masing untuk PNB dan dana unit amanahnya, diselaraskan agar menjadi serentak mengikut tahun kewangan berakhir 31 Disember.
2. Jumlah Aset (Aset di bawah Pengurusan) berdasarkan agregat proforma aset pelaburan kasar PNB, Nilai Dana (sebelum pengagihan) dana harga tetap dan Nilai Aset Bersih (sebelum pengagihan) dana harga berubah.
3. Pulangan ke atas Aset = Pendapatan Bersih dibahagikan dengan purata jumlah aset.

Laporan Juruaudit Bebas (Diperbadankan di Malaysia)

Pendapat

Ringkasan maklumat kewangan yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada penghujung tahun kewangan masing-masing dan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan yang berakhir bagi dana unit amanah yang disenaraikan di bawah, diperoleh daripada penyata kewangan lengkap yang diaudit untuk dana unit amanah ini bagi tahun kewangan masing-masing yang berakhir:

1. Amanah Saham Bumiputera - 31 Disember 2021, 2022 dan 2023;
2. Amanah Saham Bumiputera 2 - 31 Mac 2021, 2022 dan 2023;
3. Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik - 30 Jun 2021, 2022 dan 2023;
4. Amanah Saham Malaysia - 31 Mac 2021, 2022 dan 2023;
5. Amanah Saham Malaysia - 2 Wawasan - 31 Ogos 2021, 2022 dan 2023;
6. Amanah Saham Malaysia 3 - 30 September 2021, 2022 dan 2023;
7. Amanah Saham Nasional - 31 Disember 2021, 2022 dan 2023;
8. ASN Equity 2 - 30 Jun 2021, 2022 dan 2023;
9. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1 - 30 November 2021, 2022 dan 2023;
10. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2 - 31 Mac 2021, 2022 dan 2023;
11. ASN Equity 3 - 31 Mac 2021, 2022 dan 2023;
12. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1 - 31 Mac 2021, 2022 dan 2023;
13. ASN Equity 5 - 30 September 2021, 2022 dan 2023;
14. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2 - 30 September 2021, 2022 dan 2023;
15. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global – 31 Disember 2021, 2022 dan 2023;
16. ASN Equity Global – tahun kewangan berakhir dari 1 September 2021 (tarikh pelancaran) hingga 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2023;
17. ASN Sukuk – tahun kewangan berakhir dari 25 November 2022 (tarikh pelancaran) hingga 30 Jun 2023.

Pada pendapat kami, ringkasan maklumat kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek matan dengan penyata kewangan masing-masing yang telah diaudit, mengikut asas yang diterangkan pada muka surat 179 hingga 212.

Ringkasan Maklumat Kewangan

Ringkasan maklumat kewangan bagi Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Bumiputera 2, Amanah Saham Bumiputera 3 – Didik, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Malaysia – 2 Wawasan dan Amanah Saham Malaysia 3 tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah suai mengikut spesifikasi dinyatakan oleh Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkaitan Dana Unit Amanah di Malaysia. Ringkasan maklumat kewangan bagi Amanah Saham Nasional, ASN Equity 2, ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2, ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global, ASN Equity Global dan ASN Sukuk tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Membaca ringkasan maklumat kewangan dan laporan juruaudit mengenainya, oleh itu, bukanlah menjadi pengganti kepada membaca penyata kewangan yang diaudit dan laporan juruaudit bagi dana unit amanah tersebut.

Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dan Laporan Kami Mengenainya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai terhadap penyata kewangan yang telah diaudit dalam laporan kami bagi tahun kewangan masing-masing yang berakhir pada masa itu. Penyata kewangan yang telah diaudit dan ringkasan maklumat kewangan ini tidak mencerminkan kesan peristiwa yang berlaku selepas tarikh laporan kami mengenai penyata kewangan yang telah diaudit.

Maklumat Selain daripada Ringkasan Maklumat Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para pengarah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat umum dana, sorotan dana, prestasi dana dan perumpukan aset dana unit amanah dan tidak termasuk ringkasan maklumat kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai ringkasan maklumat kewangan tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Laporan Juruaudit Bebas (Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Ringkasan Maklumat Kewangan

Para Pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan ringkasan maklumat kewangan berdasarkan asas yang diterangkan pada muka surat 179 hingga 212.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat sama ada ringkasan maklumat kewangan adalah konsisten, dalam semua aspek matan, dengan penyata kewangan yang telah diaudit bagi setiap dana unit amanah berdasarkan prosedur kami, yang dikendalikan mengikut Piawaian Pengauditan Malaysia yang Diluluskan (ISA) 810 (Disemak), "Tugasan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Halangan Penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan maklumat kewangan dana unit amanah bagi tahun kewangan masing-masing yang berakhir pada tarikhnya dikeluarkan semata-mata kepada Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.


The logo for Ernst & Young, featuring the company name in a stylized, handwritten-style font.

Ernst & Young PLT

13 Mac 2024

Kuala Lumpur

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	2 Januari 1990	Pendapatan	Aset Campuran
	Objektif Pelaburan	Untuk menjana pulangan jangka panjang, konsisten dan kompetitif kepada para pemegang unit di samping memastikan pengekal modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.	
	Perumpukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 	
	Penanda Aras Prestasi	Deposit Tetap 12 Bulan Maybank	

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Dis	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	181,909	186,365	174,975
Bilangan Akaun	10,367,645	10,639,551	10,857,928

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Dis (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	10,394,590	8,001,228	8,547,423
Jumlah perbelanjaan	3,458,504	1,808,101	965,703
Pendapatan bersih sebelum cukai	6,936,086	6,193,127	7,581,720
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	6,936,086	6,193,127	7,581,720
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	6,936,086	6,193,127	7,581,720

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	7,510.24	6,179.03	7,534.30
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.25	3.35	4.25
Bonus (sen seunit)	0.75	1.25	1.00
Bonus Khas (sen seunit)#	-	0.50	-
Pulangan Penanda Aras (%)	1.85	2.27	2.84

Perumpukan Aset

(% daripada Nilai Aset Bersih)


Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	2021	2022	2023
Ekuiti	80.61	79.26	83.13
Pendapatan Tetap	7.18	8.09	7.45
Lain-lain	12.21	12.65	9.42
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

- Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
- Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

#Untuk baki sehingga 30,000 unit sahaja

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	2 April 2014	Pendapatan	Aset Campuran
	Objektif Pelaburan	Untuk menyediakan aliran pendapatan berterusan sambil mengekalkan modal pelaburan pemegang unit melalui portfolio aset bercampur.	
	Perumpukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti • Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain • Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 	
	Penanda Aras Prestasi	Deposit Tetap 12 Bulan Maybank	

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	11,488	11,965	12,420
Bilangan Akaun	459,416	481,030	513,244

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Mac (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	601,597	645,528	635,058
Jumlah perbelanjaan	104,825	129,862	110,246
Pendapatan bersih sebelum cukai	496,772	515,666	524,812
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	496,772	515,666	524,812
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	496,772	515,666	524,812

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	482.01	506.06	610.48
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.25	4.30	5.00
Pulangan Penanda Aras (%)	1.95	1.85	2.52

Perumpukan Aset


(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Ekuiti	78.08	86.33	85.71
Pendapatan Tetap	8.85	6.74	8.16
Lain-lain	13.07	6.93	6.13
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

1. Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
2. Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	20 April 2001	Pertumbuhan	Aset Campuran
	Objektif Pelaburan	Untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan.	
	Perumpukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 	
	Penanda Aras Prestasi	Deposit Tetap 12 Bulan Maybank	

Fund Snapshot

Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	6,785	7,062	7,363
Bilangan Akaun	302,672	308,198	312,476

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	338,838	457,217	461,107
Jumlah perbelanjaan	40,669	183,569	99,731
Pendapatan bersih sebelum cukai	298,169	273,648	361,376
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	298,169	273,648	361,376
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	298,169	273,648	361,376

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	284.92	297.51	364.13
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.25	4.25	5.00
Pulangan Penanda Aras (%)	1.85	1.89	2.74

Perumpukan Aset


(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	2021	2022	2023
Ekuiti	84.61	71.48	77.06
Pendapatan Tetap	10.45	8.78	12.41
Lain-lain	4.94	19.74	10.53
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

1. Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
2. Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	20 April 2000	Pendapatan	Aset Campuran
	Objektif Pelaburan	Untuk menyediakan pemegang unit dengan peluang pelaburan jangka panjang yang menjana pulangan tetap dan kompetitif melalui portfolio pelaburan yang pelbagai.	
	Perumpukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 	
	Penanda Aras Prestasi	Deposit Tetap 12 Bulan Maybank	

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	21,279	22,087	22,737
Bilangan Akaun	559,222	567,904	575,351

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Mac (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	1,030,329	1,333,106	1,063,518
Jumlah perbelanjaan	191,775	546,511	187,775
Pendapatan bersih sebelum cukai	838,554	786,595	875,743
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	838,554	786,595	875,743
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	838,554	786,595	875,743

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	850.12	879.80	1,023.61
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.00	4.00	4.50
Pulangan Penanda Aras (%)	1.95	1.85	2.52

Perumpukan Aset


(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	2021	2022	2023
Ekuiti	79.09	82.42	83.80
Pendapatan Tetap	8.48	6.72	6.19
Lain-lain	12.43	10.86	10.01
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

1. Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
2. Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

 ASM 2 Wawasan	Tarikh Pelancaran 28 Ogos 1996	Jenis Dana Pendapatan	Kategori Dana Aset Campuran
	Objektif Pelaburan Untuk menyediakan tahap pengagihan pendapatan yang munasabah kepada pemegang unit daripada pelaburan dalam portfolio terpilih yang dibenarkan.		
	Perumpukan Aset <ul style="list-style-type: none"> Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 		
	Penanda Aras Prestasi Deposit Tetap 12 Bulan Maybank		

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	23,031	23,533	23,124
Bilangan Akaun	897,145	906,646	914,008

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Ogos (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	1,171,876	933,238	1,084,472
Jumlah perbelanjaan	245,027	159,172	45,280
Pendapatan bersih sebelum cukai	926,849	774,066	1,039,192
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	926,849	774,066	1,039,192
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	926,849	774,066	1,039,192

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	919.06	882.25	1,055.41
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.00	3.75	4.50
Pulangan Penanda Aras (%)	1.85	1.98	2.82

Perumpukan Aset


(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos	2021	2022	2023
Ekuiti	82.49	82.10	84.89
Pendapatan Tetap	9.95	9.23	8.02
Lain-lain	7.56	8.67	7.09
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

1. Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
2. Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	5 Ogos 2009	Pendapatan	Aset Campuran
	Objektif Pelaburan	Untuk menjana pulangan jangka panjang, konsisten dan kompetitif kepada para pemegang unit di samping memastikan pengekal modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.	
	Perumpukan Aset	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 90% daripada Nilai Dana (VOF) dalam bentuk ekuiti Sehingga 50% daripada VOF dalam bentuk kelas aset lain Minimum 5% daripada VOF dalam bentuk tunai atau aset cair 	
	Penanda Aras Prestasi	Deposit Tetap 12 Bulan Maybank	

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 30 Sep	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	14,826	15,298	15,155
Bilangan Akaun	525,038	551,685	563,460

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Sep (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan	830,587	711,633	870,939
Jumlah perbelanjaan	247,454	103,517	217,239
Pendapatan bersih sebelum cukai	583,133	608,116	653,700
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	583,133	608,116	653,700
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif	583,133	608,116	653,700

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 30 Sep	2021	2022	2023
Pengagihan Pendapatan (RM juta)	589.31	572.67	688.29
Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.00	3.75	4.50
Pulangan Penanda Aras (%)	1.85	2.04	2.83

Perumpukan Aset


(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 30 Sep	2021	2022	2023
Ekuiti	85.76	84.74	86.46
Pendapatan Tetap	6.89	5.99	6.29
Lain-lain	7.35	9.27	7.25
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

1. Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
2. Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	20 April 1981	Pertumbuhan	Ekuiti
<p>Objektif Pelaburan Untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang unit melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.</p> <p>Perumpukan Aset</p> <ul style="list-style-type: none"> 70% - 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dana dalam ekuiti Baki NAV dalam sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain yang dibenarkan di dalam surat ikatan amanah dana, termasuk aset cair. <p>Penanda Aras Prestasi 80% FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM100): 20% Deposit Tetap 12 Bulan Maybank</p>			

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	1,755	1,732	1,555
Bilangan Akaun	1,213,161	1,210,294	1,205,584

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 31 Dis (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan/(rugi)	29,574	(33,534)	89,389
Jumlah perbelanjaan	16,075	13,732	12,899
Pendapatan bersih/(rugi) sebelum cukai	13,499	(47,266)	76,490
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih/(rugi) selepas cukai	13,499	(47,266)	76,490
Pendapatan komprehensif/(rugi) lain	(4,458)	(9,950)	36,816
Jumlah pendapatan komprehensif/(rugi)	9,041	(57,216)	113,306
Jumlah pendapatan komprehensif/(rugi) bagi tahun kewangan ini adalah seperti berikut:			
Direalisasi	32,938	30,253	12,072
Tidak Direalisasi	(23,897)	(87,469)	101,234
	9,041	(57,216)	113,306

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan setakat 31 Dis (RM'000)	2021	2022	2023
Pelaburan	1,074,728	962,597	944,393
Aset-aset Lain	21,070	45,127	33,768
Jumlah Aset	1,095,798	1,007,724	978,161
Liabiliti	(29,312)	(42,920)	(35,788)
Modal Pemegang Unit/NAV	1,066,486	964,804	942,373

Prestasi Dana

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	2021	2022	2023
Hasil Pengagihan (%)	2.63	2.98	2.89
Jumlah Pulangan (%)	0.55	(5.66)	11.96
Pulangan Penanda Aras (%)	(2.96)	(3.76)	1.11

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	11.96	2.03	1.81
Pulangan Penanda Aras (%)	1.11	(1.91)	(0.79)

Perumpukan Aset

(% daripada Nilai Aset Bersih)

Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis	2021	2022	2023
Ekuiti	88.14	84.31	87.06
Pendapatan Tetap	2.93	5.22	5.48
Lain-lain	8.93	10.47	7.46
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota:

- Sumber: Laporan Tahunan Dana 2023.
- Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif dan Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan di atas diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit bagi dana unit amanah masing-masing.

Dana Unit Amanah (Diperbadankan di Malaysia)

	Tarikh Pelancaran	Jenis Dana	Kategori Dana
	9 Jun 1999	Pertumbuhan	Ekuiti
	<p>Objektif Pelaburan</p> <p>Untuk menyediakan hasil dividen yang berpatutan kepada pemegang unit dan peningkatan modal pada tahap risiko yang sewajarnya menerusi pelaburan yang dibuat berdasarkan Surat Ikatan Amanah dan undang-undang sekuriti dalam portfolio yang pelbagai, terutamanya dalam ekuiti Sekuriti Malaysia.</p>		
	<p>Perumpukan Aset</p> <ul style="list-style-type: none"> 70% - 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dana dalam ekuiti Baki NAV di dalam sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan instrumen pasaran modal lain yang dibenarkan di dalam surat ikatan amanah dana, termasuk aset cair. 		
	<p>Penanda Aras Prestasi</p> <p>80% FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM100): 20% Deposit Tetap 12 Bulan Maybank</p>		

Sorotan Dana

Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun	2021	2022	2023
Unit dalam Edaran (juta unit)	1,299	1,237	1,196
Bilangan Akaun	34,577	35,409	35,954

Kewangan Dana

Ringkasan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun (RM'000)	2021	2022	2023
Jumlah pendapatan pelaburan/(rugi)	61,024	(47,412)	23,924
Jumlah perbelanjaan	12,574	10,004	6,857
Pendapatan bersih/(rugi) sebelum cukai	48,450	(57,416)	17,067
Tolak: Cukai	-	-	-
Pendapatan bersih/(rugi) selepas cukai	48,450	(57,416)	17,067
